

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**FILEM DAN WANITA: PERSPEKTIF PENGARAH TENTANG
PEMAPARAN ISLAM.**

AFEEZ NAWFAL BIN MOHD ISA



**DOKTOR FALSFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2018**



Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

AFEEZ NAWFAL MOHD ISA

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

PhD

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

"FILEM DAN WANITA: PERSPEKTIF PENGARAH TENTANG PEMAPARAN ISLAM"

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **12 Julai 2017.**

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: July 12, 2017.

Pengerusi Viva:
(Chairman for VIVA)

Assoc. Prof. Dr. Rosli Mohammed

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar:
(External Examiner)

Assoc. Prof. Dr. Jamaluddin Aziz

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam:
(Internal Examiner)

Dr. Sabrina Mohd Rashid

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Assoc. Prof. Dr. Norhafezah Yusof

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Dr. Mohd Khairie Ahmad

Tandatangan
(Signature)

Tarikh:

(Date) **July 12, 2017**

Kebenaran Mengguna

Penyerahan tesis ini bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah Doktor Falsafah Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa saja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaannya, Dekan Pusat Pengajian Siswazah Awang Had Salleh, Kolej Sastera dan Sains diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan/komersial, kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences

UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

ABSTRAK

Pemaparan wanita dalam filem pada asasnya membentuk makna tertentu berdasarkan kepada beberapa perkara terutamanya peranan watak, pemilihan genre, arah aliran (trend) dan kehendak pasaran. Kajian ini memberi fokus terhadap pemaparan Islam dalam watak wanita di dalam sesebuah filem. Dalam memahami makna pemaparan Islam melalui pemaparan watak wanita, kajian ini berpendapat bahawa terdapat hubungan yang kuat diantara ideologi dominan yang dikawal oleh kerajaan dalam mana-mana aktiviti penerbitan filem dan pemaparan wanita dalam filem. Sebagai sebuah negara yang menerima sistem Islam sebagai sebahagian daripada sistem pemerintahan, andaian dapat dibuat bahawa setiap aktiviti penerbitan filem turut terkesan dengan ideologi yang sama terutamanya dalam hal pemaparan watak wanita. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pemahaman dan pemikiran falsafah dalam kalangan pengarah filem yang berkait dengan proses Islamisasi dan hubungan dengan penerbitan filem yang telah dihasilkan. Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu analisis teks dan wawancara mendalam. Analisis tekstual lima filem terpilih yang diarahkan oleh para informan telah dianalisis dengan menumpukan kepada pemaparan wanita. Manakala, wawancara mendalam telah dilakukan dikalangan para pengarah filem. Penemuan kajian ini adalah seperti berikut: pertama; pemaparan wanita dalam filem hanya dapat digambarkan dibawah ideologi Islam sederhana. Kedua, pemaparan wanita dipengaruhi oleh penentuan ekonomi. Kajian ini menyumbang dari segi meneroka idea-idea yang digambarkan dalam produk filem mengenai pemaparan pemaparan Islam berdasarkan pemaparan wanita. Tambahan lagi, ia juga memberikan pemahaman yang baik tentang falsafah di sebalik pemaparan Islam terhadap wanita berhubung dengan proses Islamisasi di Malaysia. Kajian ini memperluaskan teori artikulasi budaya dan teori doxa dalam kajian filem. Oleh itu, kajian masa depan ke atas wanita dan filem di Malaysia perlu mempertimbangkan pengaruh budaya terhadap ideologi dominan pengarah filem.

Kata Kunci: Ideologi Dominan, Pemaparan Wanita, Pemaparan Islam, Artikulasi Budaya, dan Doxa

ABSTRACT

The portrayal of women in films essentially derives its specific meaning on the basis of several aspects, mainly the role of the character, genre selection flow of direction and the needs of the market. This study focuses on the representation of Islam in the portrayal of women characters in film. In its approach to understanding the meaning of the representation of Islam through the portrayal of women characters, this study argues that there is a strong relation between the dominant government-controlled ideology in any film production activity and the portrayal of women in films. As Malaysia is a country that, in part, incorporates the Islamic system into its system of governance, it can be assumed that every film production activity it undertakes would be influenced by the same ideology, especially in the portrayal of women characters. Thus, this research aims to investigate the understanding and philosophical thinking among film directors with regard to the Islamization process, and their link to the films that have been successfully produced. This research utilized two methods, namely, textual analysis and the in-depth interview. Textual analysis was carried out on five selected films directed by the informants with a focus on the representation of women in them. Meanwhile, interviews were conducted with the directors of the films. The findings of these research as follows: the representation of women in film characterization can only be portrayed under the representation of the ideology of moderate Islam. Secondly, the representation of women is influenced by economic determination. This study contributes in terms of exploring ideas that are depicted in film with regard to the representation of Islam based on the characterization of women. In addition, it also provides a good understanding of the philosophy that underlies the representation of Islam pertaining to the characterization of women in relation to the process of Islamization in Malaysia. This study extends the circuit of culture and Doxa theories in film research. Thus, future research on women and films in Malaysia needs to consider the influence of culture on the dominant ideology of the directors.

Key Words: Dominant Ideology, Women Representation, Islamic Representation, Circuit of Culture and Doxa.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana diatas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua penyelia saya Prof. Madya Dr. Norhafezah Yusof dan Dr. Mohd. Khairie Ahmad yang sentiasa komited dan istiqamah dalam memimpin dan mendidik saya dalam menyiapkan tesis ini. Bantuan dan saranan yang bijaksana dari mereka tidak akan saya lupakan. Hanya Allah yang dapat membalas jasa ilmu, budi dan bakti mereka terhadap saya. InshaAllah. Tidak dilupakan juga sekalung budi dan penghargaan buat barisan pensyarah dan anak didik yang membantu saya dalam memudahkan urusan sepanjang penghasilan tesis ini.

Terima kasih kepada pihak Pusat Pengajian Teknologi Komunikasi dan Multimedia (SMMTC) serta Pusat Pengajian Siswazah Awang Had Salleh (AHGS) serta UUM secara amnya kerana memberi seluas ruang dan peluang bagi saya menimba ilmu di bumi bertuah Sintok ini dalam merealisasikan impian saya dalam menyiapkan tesis ini.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu dan ayah saya. Hasnah Hj. Hassan dan Mohd. Isa Hj. Bakar yang senantiasa mengirim doa dan harapan dari jauh sepanjang perjalanan saya mendepani cabaran menyiapkan tesis ini. Doa dan sokongan merekalah yang memberi semangat kepada saya untuk terus maju dan tabah dalam menghadapi rintangan sepanjang menyaipkan tesis ini. Terhakhir, sekalung terima kasih tak terhingga buat Isteri tercinta Norsahidah Ismail dan permata hati Sarah Safiyyah. Doa dan semangat dari kamu berdua menjadi sumber inspirasi untuk saya sentiasa bersemangat dalam menempuhi segala dugaan sepanjang perjalanan menyelesaikan amanah ini.

Akhir kalam, terima kasih tidak terhingga buat semua yang sudi membantu secara langsung atau tidak langsung dalam memberi buah saranan demi menyiapkan sebuah karya ilmiah yang akan menjadi kahzanah buat tatapan generasi akan datang.

Kandungan

Kebenaran Mengguna	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Kandungan	vi
Senarai Jadual.....	x
Senarai Rajah	xi

BAB SATU PENGENALAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	3
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Persoalan Kajian.....	13
1.4 Matlamat Kajian.....	13
1.4.1 Matlamat Utama.....	13
1.4.2 Matlamat Khusus	14
1.5 Kepentingan Kajian.....	14
1.6 Definisi Operasional.....	15
1.6.1 Pemaparan wanita.....	15
1.6.2 Proses Islamisasi.....	16
1.6.3 Ideologi dominan.....	17
1.6.4 Pemikiran Pengarah Filem.....	18
1.7 Skop Kajian.....	19

BAB DUA ULASAN KARYA

2.1 Pemaparan Wanita (Konsep Feminisme dan Islam)	20
2.2 Proses Islamisasi dan Pemaparan Filem	58
2.3 Pemikiran dan Pengarah Filem	103
2.4 Ideologi Dominan dan Pemaparan Islam	110
2.5 Perbincangan Teori Ideologi, Doxa dan Artikulasi Budaya.....	125
2.5.1 Konsep dan Teori Ideologi	126
2.5.2 Konsep Doxa.....	141
2.5.3 Teori Artikulasi Budaya	147

BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	155
3.2 Analisis Kandungan-Teks Filem.....	159
3.3 Tujuan	161
3.4 Reka Bentuk Sampel.....	163
3.5 Unit Analisis	164
3.6 Pengumpulan Data	165
3.7 Analisis Semiotik Roland Barthes (Signifikasi Dua Tahap).....	167
3.8 Analisis Data	169
3.9 Analisis Temu Bual Mendalam.....	178
3.10 Deskriptif Informan.....	180
3.10.1 Reka Bentuk Sampel	182
3.10.2 Unit Analisis	184
3.10.3 Pengumpulan Data	188
3.9.5 Analisis Data	190
3.9.6 Temu Bual Bersemuka.....	190
3.9.7 Temu Bual Telefon.....	190

3.10 Pertimbangan Etika.....	191
3.11 Kerahsiaan.....	191

BAB EMPAT ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	193
4.2 Pengumpulan Data Analisis Kandungan.....	193
4.3 Jadual Data dan Penerangan Sinopsis Teks Filem.....	195
4.3.1 Ulasan Filem Karya PNG 1.....	196
4.3.2 Ulasan Filem Karya PNG 2.....	202
4.3.3 Ulasan Filem Karya PNG 3.....	208
4.3.4 Ulasan Filem Karya PNG 4.....	214
4.3.5 Ulasan Filem Karya PNG 5.....	221
4.4 Analisis Teks: Penyesuaian Pemaparan Wanita.....	227
4.4.1 Peranan Perkembangan Cerita	228
4.4.2 Penampilan Badan Wanita.....	237
4.4.3 Tingkah Laku Moraliti.....	242
4.5 Temu Bual Mendalam.....	250
4.5.1 Analisis Tematik.....	250
4.6 Analisis Temu Bual: Pemahaman Ideologi dan Pemaparan Islam.....	254
4.6.1 Produksi.....	254
4.6.2 Konsumsi.....	261
4.6.3 Identiti.....	272
4.6.4 Kawalan.....	281
4.6.5 Pemaparan.....	288

BAB LIMA PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Perbincangan: Idea Pemaparan Wanita.....	306
5.1.1 Peranan Perkembangan Cerita.....	307
5.1.2 Penampilan Badan Wanita.....	316
5.1.3 Tingkah Laku Moraliti.....	326
5.2 Perbincangan: Pemahaman Tentang Penerbitan Filem dan Ideologi Islam.....	333
5.2.1 Produksi.....	333
5.2.2 Konsumsi.....	336
5.2.3 Identiti.....	341
5.2.4 Kawalan.....	345
5.2.5 Pemaparan.....	347
5.3 Sumbangan dan Rumusan Kajian.....	351
5.4 Cadangan Kajian.....	355
5.4.1 Fokus terhadap Persoalan Kajian Kapitalisme.....	355
5.4.2 Melihat Pemaparan Wanita dari Sudut Pengarah Wanita.....	356
5.4.3 Penekanan Terhadap Analisis Wacana Melalui Pendekatan Michel Foucault.....	357
5.4.4 Kajian Pendekatan Kuantitatif.....	358
5.7 Kesimpulan Kajian.....	359
Rujukan.....	361
Lampiran	377


Senarai Jadual

Jadual 1.1 Pembentukan Kod Setiap Tema.....	170
Jadual 1.2 Tema dan Sub Tema	175
Jadual 1.3 Klasifikasi Informan	181
Jadual 1.4 Penggunaan Semiotik	194
Jadual 1.5 Beberapa Contoh Pernyataan dari Tema-Tema Utama.....	253



Senarai Rajah

Rajah 1.1: Peralihan Struktur Naratif Pada Tahap Pertama Berkaitan Paparan Wanita.....	30
Rajah 1.2: Pembentukan Teks Budaya.....	130
Rajah 1.3: Kerangka Model Teori Artikulasi Budaya	153
Rajah 1.4: Signifikasi Dua Tahap	168
Rajah 1.5: Kerangka Pengkodan Awal Tema Penyesuaian Pemaparan Wanita ...	174
Rajah 1.6: Kerangka Awal Tema Pemahaman Ideologi Pemaparan.....	178
Rajah 1.7: Proses Analisis Mitologi	195
Rajah 1.8: Contoh Jadual Pengutipan Data Analisa Kandungan	196
Rajah 1.9: Penyesuaian Pemaparan Wanita.....	227
Rajah 1.10: Ideologi Pemahaman dan Pemaparan Islam.....	301



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB 1

PENGENALAN

Sebuah karya filem yang baik pada asasnya bergantung kepada kemahiran seseorang pengarah dalam menterjemahkan cerita daripada skrip ke skrin (Daly, Nursyamimi, & Rozlafri, 2014). Walaupun penghasilan sesebuah filem melibatkan proses yang kompleks, sentuhan seseorang pengarah amat penting bagi memastikan cerita yang diarahkan dapat diterjemahkan dengan berkesan daripada peringkat penulisan skrip ke bentuk visual, bunyi, dan kesan khas. Melihat kepada pembinaan cerita daripada skrip ke skrin, pengarah bukan sahaja harus memahami tentang penceritaan daripada penulisan skrip, malah turut bertanggung jawab untuk membentuk pemaparan watak dalam sesebuah cerita mengikut falsafah dan pengalaman mereka. Dalam proses pembinaan watak melalui cerita yang dihasilkan, seorang pengarah perlu memastikan bahawa watak yang ingin digarapkan bersesuaian dengan perwatakan mengikut kehendak penceritaan.

Justeru, menurut Adnan dan Normaliza (2014), setiap watak yang dipaparkan oleh seseorang pengarah harus mengikut kehendak cerita yang dihasilkan. Pada asasnya, cerita yang dihasilkan pula dilihat disesuaikan dengan cita rasa dan budaya setempat. Hal ini bagi memastikan filem yang dihasilkan dapat memenuhi kehendak penonton yang pada asasnya menonton cerita yang mempunyai nilai budaya yang hampir sama dengan mereka (Hizral, 2015). Dengan itu, seorang pengarah harus memastikan cerita dan watak yang dibina berkait rapat dengan dunia sosial masyarakat setempat yang akan menonton cerita tersebut.

Walaupun pada asasnya filem fiksyen membina cerita yang bersifat rekaan semata-mata, setiap penceritaan dan pemaparan dalam filem masih lagi tidak dapat dipisahkan daripada pengaruh suasana realiti masyarakat yang sebenar. Hal ini terutamanya dalam mengaitkan persoalan realiti sistem pembentukan dasar yang ditentukan oleh kerajaan dengan kesan yang membolehkan sesuatu pemaparan dalam filem wujud dan dipaparkan kepada masyarakat. Dengan ini, media seperti filem tidak harus dinilai dari sudut pemaparan yang berada di luar pengalaman pemain industri seperti pengarah filem. Sebaliknya, ia merupakan sebahagian daripada sistem pembentukan dalam masyarakat (Jamaluddin Aziz, Hasrul Hashim & Faridah Ibrahim, 2014). Tujuannya adalah untuk memastikan yang penonton dapat mengaitkan cerita dan watak yang dibentuk melalui cerita, sesuai dengan pengalaman mereka sepertimana yang berlaku dalam masyarakat sebenar (Fatimah & Nurafifah, 2016).

Oleh itu, setiap penghasilan filem termasuk pemaparan watak amat berkait rapat dengan ruang dan suasana persekitaran tempat filem itu diterbitkan. Mahyuddin (2011) melihat perkara ini dengan lebih kritikal dalam konteks yang mencakupi realiti persekitaran sistem dalam masyarakat yang memberikan kesan terhadap pemahaman pengarah dan mempengaruhi setiap aktiviti pengarah termasuk dalam soal membina watak dalam sesebuah filem. Hal ini terutamanya dalam memahami filem yang banyak dipengaruhi oleh sistem-sistem dominan dalam masyarakat ketika menerbitkan sesuatu pemaparan dalam penceritaan.

Kajian ini pada asasnya menumpukan terhadap dua aspek utama iaitu 1) pemikiran dan pemahaman pengarah terhadap pemaparan wanita dan 2) perkaitan dengan sistem

ideologi dominan agama iaitu Islam. Kedua-dua aspek ini merupakan perkara utama yang perlu difahami terutamanya dalam proses struktur pembentukan makna untuk pemaparan dalam sesebuah filem di Malaysia dalam konteks ideologi Islam dominan yang dibawa oleh kerajaan di Malaysia.

1.1 Latar Belakang Kajian

Sebagai seorang pengarah filem, pembinaan watak melalui cerita yang diperoleh atau dihasilkan tidak dapat lari daripada dikaitkan dengan pengalaman dan juga falsafah mereka ketika menterjemahkan sesuatu watak. Justeru, seseorang pengarah filem, menurut Adnan dan Normaliza (2014), banyak dipengaruhi oleh kepelbagaian pengetahuan dan suasana dari pelbagai aspek kehidupan iaitu sosial, ekonomi, dan juga politik ketika membina watak dalam filem.

Bagi memahami sesebuah pemaparan watak dalam filem, kajian yang hanya melihat kepada perkaitan antara teks filem dan penonton hanya mampu melihat makna pada tahap pentafsiran penonton. Oleh itu, Hizral (2015) menyatakan bahawa makna pemaparan harus dilihat pada perkaitan antara pengkarya filem melalui pemikiran dan pengalaman mereka terhadap sistem sosial bagi memahami persoalan penstrukturan makna dengan lebih mendalam terhadap sesuatu pemaparan dalam filem.

Hal ini penting dalam memahami cara pemaparan watak dalam cerita terkesan daripada sistem sosial dalam masyarakat terutamanya sistem dominan yang mendasari aktiviti sosial politik khususnya dari aspek pengaruh agama dalam aktiviti menerbitkan filem.

Menurut Hizral (2015), penghasilan makna ini dapat difahami dari segi pembinaan struktur asas dalam usaha untuk memahami sama ada ia begitu terkesan dengan sistem sosial yang terikat dengan sebarang dasar daripada sistem yang mengawal sebarang aktiviti penerbitan atau ia bebas daripada sebarang dasar yang dilihat tidak berkait rapat dengan dunia penerbitan filem.

Dengan itu, kajian ini menumpukan terhadap pemaparan watak wanita dalam ruang lingkup suasana sistem Islam di Malaysia. Sistem Islam merujuk kepada sistem dominan yang berada di bawah sistem politik kerajaan yang memerintah. Sistem ini dilihat menjadi dasar yang memberikan kesan secara tidak langsung terhadap setiap aktiviti dalam masyarakat yang akhirnya memberikan implikasi terhadap pemaparan watak dalam filem terutamanya watak wanita.

Secara umumnya, pemaparan watak wanita sering dikaitkan dengan persoalan seksualiti dan gender yang banyak dibincangkan dalam bentuk kajian teks dan juga wacana. Pemaparan filem dalam konteks gender menumpukan kepada perbezaan fungsi dan tanggung jawab antara lelaki dan wanita yang telah dibentuk dalam sistem sosial masyarakat.

Dari sudut persoalan seksualiti pula, pemaparan wanita dalam filem pada asasnya menumpukan kepada perkara yang berkait rapat dengan aspek seksualiti yang mencakupi hal yang berkaitan dengan persoalan heteroseksualiti yang meletakkan wanita sebagai objek kepada jantina berlawanan. Selain itu, Paramaditha (2014) dan Christiany (2015) menyatakan bahawa persoalan seksualiti bukan hanya melihat

kepada orientasi daya tarikan antara jantina yang berbeza semata-mata, malah ia turut berlaku dalam keadaan jantina yang sama dalam bentuk romantik dan emosi.

Dalam keadaan lain, Paramaditha dan Lee (2014) menyarankan bahawa persoalan seksualiti turut tidak terlepas daripada menerima kawalan dan tekanan perundangan serta kawalan mengikut pemahaman dan sistem dominan pentafsiran sesebuah negara. Namun demikian, kajian ini berminat untuk menumpukan terhadap persoalan gender dalam melihat hubungan antara sistem dominan Islam dan praktisnya terhadap pemaparan wanita dalam kalangan penggiat filem iaitu pengarah filem-filem Melayu di Malaysia.

Sebagai sebuah negara Islam, Malaysia dalam konteks sistem politiknya sentiasa meletakkan agama sebagai sebahagian daripada sistem dominan dalam setiap aktiviti sosial, politik, ekonomi dan juga budaya. Perkara ini dilihat mempengaruhi tema-tema yang wujud dalam pembinaan dan penerbitan filem di negara ini. Menurut Suria Hani (2010), penerbitan filem di Malaysia tidak terlepas daripada wujudnya perkaitan antara persoalan politik dan agama (Islam) dalam menghasilkan falsafah atau tema cerita agama oleh pengarah-pengarah filem di negara ini.

Premis kajian ini menerokai pembentukan filem yang tidak dapat lari daripada ruang lingkup sistem politik-agama yang dilihat mendasari falsafah seseorang pengarah filem terhadap proses pemaparan sesuatu watak wanita dalam karya mereka. Hal ini dilihat wujud sama ada secara langsung atau sebaliknya dalam sebarang aktiviti penerbitan pemaparan wanita tersebut. Dalam memahami sistem politik-agama ini juga, kajian menumpukan kepada sistem dominan yang dibawa oleh sistem yang memerintah

Malaysia sebelum ini iaitu UMNO-Barisan Nasional yang dilihat menerapkan sistem politik agama yang memperjuangkan konsep Islam sederhana yang mencakupi persoalan Islam bersifat progresif, sederhana, dan menyeimbangkan persoalan agama dan kemodenan.

Justeru, keseimbangan yang diterapkan ini menyebabkan Malaysia dilihat sebagai mengamalkan Islam-demokrasi dalam setiap proses dan sistem pemerintahan oleh pemerintah. Dengan itu, Izani dan Mohamed (2005) dan Hazizi (2014) menyifatkan bahawa Malaysia mengamalkan satu bentuk sistem yang bersifat toleransi yang meletakkan Islam dalam kerangka demokrasi yang akhirnya turut mempertimbangkan idea barat dalam menterjemahkan dasar dalam sistem pentadbirannya. Berdasarkan hal ini, kajian akan menerokai pemahaman melalui pandangan dan pengalaman pengarah filem berkenaan pemaparan wanita dan perkaitannya dalam sistem dominan Islam-demokrasi yang diterapkan oleh dasar kerajaan. Perkara ini memandangkan ruang lingkup penerbitan dan pembinaan cerita filem di Malaysia sedikit sebanyak dipaparkan dalam suasana sistem yang dilihat sudah begitu lama diterapkan oleh kerajaan yang memerintah di Malaysia.

1.2 Pernyataan Masalah

Sistem pemerintahan di Malaysia meletakkan kedudukan agama Islam sebagai sebahagian daripada perlembagaan persekutuan di bawah Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Justeru, Islam dilihat sebagai agama rasmi negara ini yang secara langsung meletakkannya sebagai agama dominan terutamanya bagi masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa ruang kebebasan beragama

masih lagi diamalkan di negara ini sejajar dengan penerapan sistem demokrasi berperlembagaan (Nazri & Ahmad, 2012).

Dengan meletakkan Islam dalam sistem demokrasi sebagai teras kepada sistem yang mendasari sistem pemerintahan, ia dilihat dapat memberikan ruang yang lebih sempurna dari segi mengetengahkan hak dan kedudukan masyarakat termasuk memartabatkan wanita di negara ini. Menurut Fatimi, Zulkarnain, Arbaiyyah, dan Roslan (2016), dengan meletakkan agama Islam dalam ruang sistem demokrasi di Malaysia, keadaan wanita dilihat mendapat tempat terutamanya dari sudut politik. Kajian mereka menunjukkan dengan meletakkan Islam dalam sistem demokrasi, wanita berjaya mendapatkan peranan dalam bidang politik. Keadaan ini mewujudkan keseimbangan gender terutamanya dari aspek pentadbiran negara seperti Malaysia. Malah, dengan bersandarkan sistem pentadbiran berasaskan Islam, ia membuka ruang kepada persoalan hak asasi manusia terutamanya wanita untuk mendapat tempat dalam kalangan masyarakat di Malaysia termasuk dalam sebarang aktiviti penerbitan filem.

Namun demikian, kajian yang dilakukan oleh Fatimi et al. (2016) tidak dapat menerangkan dengan lebih spesifik impak keberkesanan dari sudut peranan wanita terutamanya dalam menyentuh persoalan yang berkait rapat dengan dunia industri perfileman. Hal ini terutamanya dilihat dalam soal mengetengahkan isu berkaitan peranan filem dari segi pemaparan wanita yang tidak seiring dengan realiti yang wujud dalam ruang sistem politik di negara ini. Kajian oleh Elizatul (2016) menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang ketara dalam memahami sudut pandangan realiti pemaparan wanita berbanding realiti yang wujud dalam dunia sastera. Beliau

mendapati bahawa setiap pemaparan yang wujud dalam alam penulisan terutamanya novel kadang-kala hanya mampu untuk meletakkan pemaparan wanita pada keadaan stereotaip. Beliau juga mendapati bahawa karya seni masih lagi terikat dengan stereotaip yang wujud dalam sistem patriaki dalam masyarakat Malaysia. Kajian ini memberikan pandangan asas bahawa sesuatu karya seni tidak semestinya menerima realiti sebagaimana yang wujud dalam realiti sosial masyarakat setempat. Justeru, ia dilihat harus menerima pemaparan stereotaip yang akhirnya meletakkan sistem patriaki sebagai satu bentuk sistem yang dominan.

Kajian oleh Azlina Asaari, Jamaluddin Aziz, dan Sabariah Mohammed Salleh (2017) menegaskan tentang pemaparan stereotaip terutamanya dalam filem. Kajian mereka menunjukkan bahawa pemaparan patriaki merupakan satu bentuk diskriminasi yang memanipulasi wanita. Kajian ini juga turut menunjukkan bahawa pemaparan wanita merupakan satu bentuk komoditi dalam filem termasuk dalam masyarakat. Terdapat jurang yang harus ditangani oleh kajian ini memandangkan kajian yang dilakukan oleh Elizatul (2016) hanya melihat kepada aspek penulisan sastera seperti novel. Sebaliknya, kajian oleh Azlina et al. (2017) berkait rapat dengan industri filem, namun hanya menumpukan kepada pemaparan wanita dalam konteks filem genre seram dengan menumpukan kepada kajian tekstual. Kajian mereka dilihat meletakkan persoalan patriaki ini sebagai boleh dicabar melalui pengenalan teori *abjection*, namun kajian tersebut masih lagi menyifatkan yang sistem patriaki mengekalkan pemaparan stereotaip yang akhirnya menindas pemaparan wanita. Sebaliknya, kajian ini tidak sekadar menumpukan kepada persoalan pemaparan stereotaip dengan hanya memfokuskan persoalan tekstual, tetapi melihat kepada aktiviti penerbitan filem secara keseluruhannya.

Sebelum itu, NurNafishah (2015) menjalankan kajian kes terhadap perwatakan wirawati unggul dalam filem era 1980-an dan 1990-an. Kajian ini juga mendapati wujudnya pemaparan wanita yang menongkah arus dan menentang sistem ideologi patriaki. Namun demikian, kajian ini dilihat meletakkan Islam sebagai sebahagian daripada sistem patriaki yang akhirnya menerangkan bahawa sebarang emansipasi wanita yang berlaku dalam filem-filem kajian kes tersebut seperti filem *Tsu Feh Sofiah* (1989), *Fenomena* (1990), dan *Perempuan Melayu Terakhir* (1999) dilihat harus menggunakan kerangka feminisme untuk mencapai keseimbangan gender dalam perwatakan filem. Hal ini akhirnya dilihat sebagai menentang sistem yang diterapkan di bawah ideologi Islam dalam ketiga-tiga filem tersebut.

Dengan itu, kebanyakan filem terperangkap dengan pemaparan yang menjadi acuan kepada pemaparan wanita. Perkara ini dibincangkan oleh Suhadan dan Salmah (2016) yang menjelaskan bahawa karya-karya novel dan juga karya seni lain kebanyakannya terperangkap dalam ruang penceritaan stereotaip memandangkan ia diterima sebagai ideologi dominan dalam industri kapitalis. Justeru, kajian Lukman (2013) mendapati bahawa dalam mengubah pemaparan stereotaip yang salah satu faktor utamanya ialah ideologi patriaki, pendekatan feminisme Islam sebagai satu bentuk ruang pendekatan mampu mengubah pemaparan wanita yang sebelum ini terkongkong oleh ideologi dominan patriaki.

Walaupun kajian-kajian diatas telah membuka ruang persoalan yang jelas tentang perkaitan antara sistem Islam, peranan wanita serta stereotaip, masih terdapat beberapa perkara yang perlu ditekankan oleh kajian ini. Hal ini disebabkan oleh kajian ini ingin

melihat persoalan sistem Islam dan pemaparan wanita dalam ruang sistem politik. Pemaparan wanita dalam ruang sistem sosial politik ini ditumpukan terhadap pengalaman pengarah-pengarah filem dalam memahami perkaitannya dengan aktiviti penerbitan pemaparan wanita dalam filem. Disebabkan kajian-kajian yang dinyatakan di atas banyak menumpukan terhadap bentuk kajian teks, maka kajian ini menumpukan terhadap pemahaman pengarah filem berdasarkan karya yang telah dihasilkan.

Dalam menyesuaikan karya filem terhadap realiti sosial secara umumnya, kajian yang dilakukan oleh Badrul dan Faridah (2012) menjelaskan bahawa filem yang dihasilkan oleh penggiat industri berlaku dalam keadaan di bawah sedar. Sebarang pemaparan yang berlaku dilakukan tanpa disedari dan tidak mempunyai sebarang unsur yang dikaitkan dengan sistem politik. Penyesuaian idea daripada realiti sosial dalam kajian Badrul dan Faridah (2012) dilihat lebih menumpukan kepada persoalan pertembungan antara identiti Melayu dan etnik Tionghua. Kajian ini juga memberikan tumpuan kepada pemaparan etnik yang tidak begitu menekankan aspek sosiopolitik Islam yang jelas. Sebaliknya, kajian mereka lebih menumpukan terhadap teks filem dan memberikan fokus terhadap kompleksiti yang wujud dalam persoalan etnik serta memberikan ruang kepada wacana yang membincangkan sistem pendidikan vernakular di Malaysia.

Beberapa kajian meletakkan idea penyesuaian Islam dalam pemaparan filem yang dikaitkan dengan persoalan keagamaan di Malaysia dengan menumpukan kepada persoalan sejarah dan isu keagamaan (Islam) dalam konteks politik di Malaysia. Kajian yang dilakukan oleh Ngoh dan Harith (2015) menumpukan kepada kajian kepelbagaian

budaya terhadap karya yang dihasilkan oleh Yasmin Ahmad (2009). Kajian yang dilakukan sedikit sebanyak telah menggunakan kerangka politik dan Islam dalam memahami pemaparan filem. Namun demikian, kajian yang dilakukan oleh Ngoh dan Harith (2015) dilihat lebih menumpukan kepada persoalan Islam terhadap kepelbagaian budaya yang muncul melalui filem Muallaf karya Yasmin Ahmad. Kajian ini masih tidak mengupas dengan jelas persoalan pemaparan dalam konteks Islam serta sosiopolitik berkenaan pembinaan watak wanita.

Dalam membincangkan persoalan pemaparan Islam dan wanita, kajian turut menumpukan kepada persoalan komodifikasi terhadap pemaparan wanita. Sepertimana kajian yang dilakukan oleh Azalina et al. (2017) yang menyatakan bahawa wujud eksploitasi terhadap wanita melalui ideologi dominan patriaki, kajian oleh Nurzihan (2017) mendapati bahawa setiap pemaparan Islam dalam konteks wanita memperlihatkan penampilan Islamik seperti pemakaian tudung sebagai salah satu unsur komodifikasi yang akhirnya terarah kepada penerimaan ideologi kapitalisme. Namun begitu, kajian oleh Nurzihan (2017) ini dilihat hanya menumpukan secara umum terhadap perkaitan antara persoalan komodifikasi pemaparan Islam tanpa merujuk kepada persoalan pemaparan Islam dalam konteks dunia perfileman. Dalam memahami persoalan ini juga, kajian ini perlu memahami tahap penyesuaian pemaparan Islam berkait rapat dengan persoalan komodifikasi dan populariti yang ditentukan oleh sesuatu bentuk sistem pasaran.

Dari sudut teoretikal, kajian yang dilakukan oleh Azlina dan Jamaludin (2013) melihat filem dan gender daripada teori feminisme psikoanalisis terutamanya dalam konsep

abjection yang diajukan oleh Julia Kristeva (1983). Dengan menggunakan teori berkaitan *abjection* dalam kajian mereka, kajian tersebut hanya melihat konsep penolakan pada kebiasaan terhadap pemaparan wanita. Ia memberikan penekanan terhadap persoalan yang mencabar ideologi maskulin apabila konsep *abjection* cuba untuk menstabilkan kuasa dominan maskulin dalam filem. Kajian ini dilihat masih lagi hanya menumpukan kepada persoalan pemaparan wanita dari sudut genre seram dalam filem dan tidak melihat dari sudut kajian yang memerlukan kepada pemahaman ideologi sistem politik serta sirkulasi makna pemaparan wanita dalam industri perfileman.

Terdapat kajian pemaparan yang dikaitkan dengan persoalan penindasan terhadap watak wanita yang akhirnya meletakkan kuasa patriarki dalam keadaan dominan. Hal ini seperti yang telah dikaji oleh Ngoh (2015) terhadap filem Perempuan Isteri dan... karya U-Wei Shaari. Namun, kajian yang dijalankan oleh Noor Aida dan Nasihah (2015) yang cuba untuk meletakkan persoalan emansipasi wanita dalam filem animasi menunjukkan wujudnya ruang pemaparan yang meletakkan wanita sebagai watak yang mempunyai peranan yang aktif dalam filem. Namun begitu, kajian-kajian yang berkaitan dengan wanita dilihat banyak menumpukan kepada teori dan pandangan feminisme. Kajian-kajian tersebut dilihat tidak meletakkan kajian lapangan sebagai salah satu kajian yang dapat memahami perspektif pengarah terhadap persoalan pemaparan wanita terutamanya dalam konteks pemahaman Islam di bawah sistem sosial yang mengawal setiap aktiviti dalam masyarakat.

Kesimpulannya, kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif bagi memahami pembinaan watak wanita dari aspek sosiopolitik. Dengan penggunaan kaedah ini, kajian lapangan telah dijalankan untuk memberikan peluang kepada pengkaji memperoleh maklumat daripada pengarah-pengarah filem berkenaan perkaitan antara pemaparan wanita dan persoalan sosiopolitik Islam dalam karya mereka. Dengan itu, kajian ini bukan sekadar menganalisis data daripada teks filem. Hal ini berdasarkan pandangan Pickering (2008) yang menegaskan bahawa kajian-kajian berbentuk budaya harus mula difokuskan dalam bentuk pendekatan kerja lapangan bagi memahami makna sesuatu pemaparan secara mendalam. Justeru, kajian ini memberikan tumpuan kepada beberapa persoalan kajian dan objektif kajian seperti berikut:

1.3 Persoalan Kajian

- i. Bagaimanakah idea pemaparan wanita disesuaikan oleh pengarah-pengarah filem Melayu dalam proses Islamisasi terutamanya dari sudut pembinaan naratif cerita?
- ii. Bagaimanakah proses Islamisasi di Malaysia difahami dan dikaitkan dalam pemaparan wanita yang masih lagi meletakkan stereotaip dalam penerbitan filem-filem Melayu?

1.4 Matlamat Kajian

1.4.1 Matlamat Utama

Matlamat utama kajian adalah untuk memahami pemikiran dan falsafah pengarah-pengarah filem di Malaysia terhadap perkaitan antara proses Islamisasi yang dijalankan oleh sistem politikal di Malaysia dalam menerbitkan sebarang karya filem. Kajian ini juga bertujuan untuk meneliti unsur seksualiti (ideologi dominan) hegemoni dalam

pembentukan filem-filem remaja Melayu era 2000-an dalam kalangan pembikin filem di Malaysia.

1.4.2 Matlamat Khusus

- i. Meneroka idea pengarah-pengarah filem Melayu di sebalik pembinaan cerita dalam filem sama ada ia disesuaikan dengan proses Islamisasi atau sebaliknya dalam hal pemaparan wanita.
- ii. Meneroka pemahaman penerbitan filem Melayu terhadap proses Islamisasi yang dijalankan oleh sistem politik iaitu sama ada ia memberikan impak atau sebaliknya terhadap pemaparan wanita dalam filem.

1.5 Kepentingan Kajian

Disebabkan orang Melayu begitu sinonim dengan agama iaitu Islam, maka kajian ini dilihat dapat memberikan pemahaman baharu dalam bidang perfileman terutamanya bagi melihat perkaitan antara dasar Islam dan aktiviti penerbitan filem di Malaysia. Walaupun perfileman dilihat sebagai sebuah industri yang hanya mementingkan persoalan komersial dan hiburan, filem juga dilihat membawa mesej-mesej yang mempunyai nilai tanggung jawab sosial. Mesej-mesej ini harus dilihat dalam kerangka pemahaman penerbitannya bagi tujuan memahami sama ada tujuan cerita dihasilkan adalah untuk mengikut ideologi dominan sistem masyarakat atau hanya mengikut trendd pasaran cerita. Dengan menemu bual pengarah-pengarah filem yang menghasilkan karya mereka juga, kajian ini dapat memperoleh perspektif yang lebih mendalam terhadap tujuan penghasilan sesuatu pemaparan filem. Kajian ini dijangkakan dapat memberikan dimensi baharu dalam usaha untuk memahami pemahaman serta pemikiran pengarah-pengarah filem secara jelas berkenaan dasar

Islam yang dibawa oleh kerajaan terhadap penghasilan karya mereka terutamanya dalam soal pembinaan karakter seperti wanita. Selain itu, dalam sistem patriarki yang menjadi amalan di negara ini, adalah penting untuk memahami pengaruh Islam dalam menyeimbangkan sistem yang memberikan kekuasaan terhadap lelaki. Perkara ini selalu dibawa dalam penceritaan filem dan dengan wujudnya Islam sebagai salah satu ideologi yang cuba untuk memberikan keadilan terhadap wanita, adalah penting untuk difahami sama ada konsep ini diterima atau tidak oleh pengarah-pengarah filem dalam membina karakter wanita sesuai dengan pemahaman Islam yang dominan di Malaysia.

1.6 Definisi Operasional

1.6.1 Pemaparan Wanita

Pemaparan wanita menurut Sotirios (2015) merujuk kepada pemaparan yang diterbitkan dalam filem dengan meletakkan wanita sebagai satu bentuk objek kepada pemerhatian lelaki sama ada dalam cerita atau di luar cerita merujuk kepada penontonan penonton lelaki terhadap objek wanita dalam filem. Disini, peranan wanita dilihat sebagai pasif dan lelaki dilihat sebagai aktif dari sudut peranan watak dalam filem. Akhirnya, ia membentuk keadaan stereotaip terhadap wanita yang dinilai sebagai satu bentuk pemaparan dominan terhadap perempuan. Menurut Dyer (2009), persoalan stereotaip membentuk makna pemaparan yang tidak bersifat semulajadi yang memberikan pandangan sempit berkenaan imej atau keadaan tertentu. Hal ini akhirnya meletakkan sesuatu pemaparan mengikut bentuk fahaman umum dan mudah tentang sesuatu perkara supaya menjadi realiti dan diterima oleh masyarakat. Justeru, pemaparan wanita dalam konteks imej stereotaip menurut Hani, Wan Amizah dan Mohd Shahizan (2016) merupakan keadaan realiti yang diubah dalam proses

komunikasi mengikut pemikiran dan kuasa sistem yang mengawal masyarakat dan individu dalam masyarakat. Wanita diberikan peranan dan penampilan badan yang dikawal oleh lelaki dan bergantung kepada dominasi sistem kekuasaan lelaki.

Justeru, dalam keadaan ini, kajian ini menumpukan kepada pemaparan yang dikaitkan dengan sistem dominan pada tiga pemaparan wanita menurut pandangan Hayward (2012) iaitu persoalan pemaparan wanita perlu dilihat kepada 1) pemaparan wanita dari sudut peranan dalam perkembangan cerita, 2) penampilan badan wanita, dan 3) tingkah laku moraliti wanita.

1.6.2 Proses Islamisasi

Menurut Rahman, Kamaruddin, Sunawari, & Faudzinain (2009), Islamisasi merujuk kepada proses pengislaman dengan memasukkan nilai-nilai suci yang terdapat dalam ajaran Islam. Dalam konteks Malaysia, Islamisasi diertikan sebagai proses menerapkan nilai-nilai Islam dalam segenap aspek yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia. Hal ini merujuk kepada satu bentuk Islam yang dikawal dan dibina berdasarkan ideologi kerajaan yang memerintah di Malaysia. Menurut Izhar, Zulfadzlee, Aldib, dan Salmy (2012), ciri-ciri negara Islam ialah sebuah negara yang dipimpin oleh pemimpin Islam. Selain itu, ia meletakkan amalan Islam yang memenuhi syariat Islam serta memberikan ruang untuk kebebasan beragama terhadap kaum-kaum lain di Malaysia. Islam di Malaysia juga dilihat turut menjunjung tinggi adat dan nilai kebudayaan masyarakat Melayu. Selain itu, Hamidi, Kalthum, dan Nizar (2016) menerangkan pendekatan Islam dan kesederhanaan merupakan kesinambungan daripada proses Islamisasi yang merujuk kepada gerakan Islam sederhana dalam sistem kerajaan dalam usaha untuk mengembangkan amalan kesederhanaan dalam sistem masyarakat terhadap Islam.

Proses Islamisasi turut dilihat cuba menyeimbangkan persoalan dunia dan juga akhirat. Menurut Khatab dan Bouma (2015), proses Islamisasi membawa kepada pembentukan Islam yang bersifat demokrasi. Islam demokrasi turut meletakkan persoalan kesederhanaan dan keseimbangan dalam setiap sistem pentadbiran. Hal ini dilihat apabila Islam bukan hanya mementingkan persoalan ibadah tetapi turut memberikan fokus terhadap persoalan sosiopolitik dan juga ekonomi.

1.6.3 Ideologi Dominan

Ideologi dominan merujuk kepada satu sistem idea dan kepercayaan yang mempunyai hubungan dengan kuasa sosial yang mengawal sistem dalam masyarakat. Menurut Yilmaz (2014), ideologi merupakan praktis yang harus difahami melalui aliran-aliran daripada sekolah Frankfurt dan juga kajian budaya di bawah idea yang dikembangkan oleh Adorno dan juga Stuart Hall yang melihat pertalian rapat antara ideologi dominan dan media. Ideologi dominan tidak berlaku secara langsung ke atas masyarakat tetapi diletakkan dalam medium dan institusi tertentu seperti media. John B. Thompson (2002) menyatakan bahawa ideologi dominan merupakan keadaan yang melibatkan suatu simbol kuasa ditonjolkan oleh kuasa sosial ke atas masyarakat melalui media dan merupakan bentuk pandangan serta sistem yang mempunyai pengaruh dalam masyarakat. Ideologi juga turut digunakan dalam bentuk kuasa politik, keagamaan dan budaya, serta kuasa ekonomi dalam masyarakat. Dalam konteks kajian ini juga, ideologi dominan merujuk kepada ideologi berkenaan Islam yang dibawa oleh sistem pemerintah. Ia bersandarkan kepada ideologi nasionalisme yang wujud dalam sistem parti pemerintah. Konsep ini meletakkan agama dan bangsa sebagai satu elemen yang disatukan terutamanya dari sudut budaya dan politik.

1.6.4 Pemikiran Pengarah Filem

Menurut Ghazali (2008), pemikiran merujuk kepada penggunaan akal sebagai wadah tertinggi dalam diri individu yang dicetuskan melalui pelbagai elemen hati, rasa, emosi, ilusi, dan fantasi. Ia dapat diertikan sebagai satu agenda, ideologi, rancangan, atau program yang bertujuan untuk mendapatkan pelbagai pemerhatian dan pertimbangan (*consideration*) di samping harapan (*expectation*), dan pemikiran yang bersifat falsafah dan saintifik. Ciri-ciri utama dalam konsep pemikiran ialah agenda, ideologi, falsafah, dan pegangan yang direalisasikan dalam hidup dan kehidupan. Adunan pelbagai elemen ini bertunjangkan sejarah dan budaya yang diwarisi secara didikan dan pengalaman bersama daripada generasi yang terdahulu. Selain itu, pemikiran ini dikawal oleh satu bentuk sistem yang menjadi dominan dan diterima dalam pemikiran Melayu dalam filem. Menurut Ezah dan Che Ibrahim (2015), pemikiran juga melibatkan perolehan, manipulasi, dan pertukaran simbol dan juga idea yang berkait rapat dengan pengalaman. Pemikiran daripada pengalaman ini dapat dilihat melalui suasana terhadap keadaan yang menentukan sebarang persepsi dan juga tindakan. Pemikiran juga dilihat pada keadaan terarah yang digunakan untuk tujuan-tujuan penghasilan perkara yang berkait rapat dengan kreativiti dan juga kritikal. Menurut Ghazali (2008), pemikiran pengarah Melayu terarah kepada persoalan nasionalisme. Selain itu, pengarah Melayu juga melihat bahawa nilai budaya turut melibatkan persoalan agama dalam setiap penghasilan penceritaan.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini memberikan tumpuan terhadap pemikiran pengarah filem Melayu melalui pengalaman mereka dalam proses Islamisasi. Fokus proses Islamisasi ini adalah merujuk kepada perkembangan dasar yang mereka pernah lalui bermula daripada zaman penerapan nilai murni yang diketengahkan pada era Tun Mahathir sehinggalah ke era pemerintahan Tun Abdullah Ahmad Badawi melalui gagasan Islam Hadhari.

Kajian ini menumpukan terhadap perkaitan antara proses Islamisasi dalam aktiviti penerbitan filem terutamanya pemaparan wanita dalam filem. Filem-filem yang dipilih sebagai sampel kajian pula terdiri daripada filem-filem Melayu daripada pelbagai genre seperti genre komedi, seram/ngeri, romantik, drama, dan patriotik. Sebanyak lima orang pengarah telah dipilih sebagai informan dan mereka mempunyai pelbagai latar pendidikan serta pengalaman yang luas dalam aktiviti penerbitan filem.

Secara keseluruhan, bab ini telah membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, dan matlamat kajian. Pada masa yang sama, pengkaji turut membincangkan kepentingan kajian, definisi operasional, dan skop kajian. Bab seterusnya pula membincangkan kajian-kajian lepas mengenai pemaparan wanita (konsep feminisme dan Islam), proses Islamisasi dan pemaparan filem, pemikiran dan pengarah filem, ideologi dominan dan pemaparan filem serta perbincangan tentang beberapa teori yang dikaitkan dalam kajian ini.

BAB 2

ULASAN KARYA

2.1 Pemaparan Wanita (Konsep Feminisme dan Islam)

Konsep berkaitan pemaparan atau representasi yang berasal daripada perkataan *representation* merupakan konsep yang penting dalam kajian ini. Menurut Meldina (2015), beliau mendapati konsep pemaparan berkait rapat dengan persoalan perwakilan, gambaran, dan penggambaran. Hal ini dilihat dalam keadaan pemaparan yang merujuk kepada cara dunia dikonstruksi dan dipaparkan secara sosial kepada masyarakat. Menurut Barker (2012), bagi memahami sebarang pemaparan dalam konteks konstruksi daripada realiti sosial, kita harus memahami pembentukan makna tersebut daripada makna tekstual. Hal ini memerlukan kajian makna yang melihat dalam ruang budaya dan material bagi memahami cara ia mempengaruhi sesuatu pemaparan terutamanya dalam media.

Dengan ini, pemaparan dilihat begitu penting dalam konteks budaya yakni ia mencakupi persoalan pembentukan sesuatu makna yang dikonstruksi ke dalam sesuatu media melalui teks termasuk watak dalam sesebuah cerita. Hal ini turut wujud dalam pembentukan teks iaitu watak yang dibangunkan dalam filem. Menurut Hall (1997), pemaparan dilihat mempunyai peranan yang begitu penting dalam kajian-kajian budaya yang menghubungkan bahasa iaitu teks termasuk persoalan watak dalam sesuatu kebudayaan.

Kebudayaan pula dapat dilihat sebagai suatu sistem dalam masyarakat. Dengan ini, pemaparan dilihat membentuk kembali penterjemahan dunia dengan lebih bermakna ke dalam filem. Justeru, setiap bahasa yang merupakan teks dibentuk kembali dalam pembentukan makna serta memberikan mesej-mesej tertentu pada setiap proses pembentukan makna dalam sesebuah cerita. Hal ini dilihat pada pembentukan makna yang dihasilkan melalui pembinaan watak yang mempunyai tujuan dan peranan tertentu. Dalam memahami pemaparan wanita dari aspek perfileman, beberapa konsep yang berkait rapat dengan pembinaan cerita harus difahami sebelum membincangkan konsep pemaparan dalam konteks teoretikal.

Filem tidak dapat lari daripada menghubungkan hal-hal yang berkait rapat dengan kemanusiaan. Dengan kata lain, filem merupakan satu medium yang menggambarkan tentang kehidupan manusia melalui imej-imej yang diambil dan disusun menjadi satu bentuk naratif cerita yang menarik. Biarpun watak-watak yang dipersembahkan terdiri daripada objek-objek bukan manusia, ia masih lagi mencakupi hal-hal yang berkaitan dengan sosiomasyarakat tertentu (Bordwell, 2016).

Dengan itu, filem berada di bawah cabang seni dan bukan hanya berkait rapat dengan perkara-perkara seni yang tidak melibatkan persoalan sosial. Oleh itu, kritikan sosial sangat penting dalam membina sesuatu seni yang dipersembahkan sama ada dalam bentuk novel mahupun filem, walaupun hanya bersifat cereka semata-mata. Sehubungan itu, menurut Kennedy, Gioia dan Bauerlin (2013) dan Normazla dan Harison (2011), kritikan tradisional dalam kajian kritikan sosial tidak lagi boleh menilai pada kesenian semata-mata, tetapi harus melihat pada nilai kemanusiaan yang wujud

dalam sesebuah entiti seni. Menurut Kolker (2015), beberapa persembahan atau pemaparan visual seperti lukisan, fotografi, dan filem kebanyakannya berkait rapat dengan dunia realiti. Justeru, filem dalam konteks kajian ini amat berpengaruh terhadap masyarakat dalam memberikan gambaran melalui pembinaan cerita (naratif) tentang perkara yang mempunyai kaitan dengan masyarakat. Dalam membincangkan kepentingan memahami naratif ini, beberapa perkara yang berkait rapat dengan naratif turut dibincangkan dan ditekankan dalam kajian ini. Antara perkara yang berkait rapat dengan naratif ialah plot, *mise-en-scene*, watak atau karakter, dan genre. Kesemua perkara ini amat membantu dan berkait rapat dalam memahami tentang pemaparan wanita dalam sesebuah filem. Konsep asas berkenaan naratif dapat dinyatakan dari sudut pandangan Hayward (2012). Pandangan beliau merupakan asas kepada pemahaman tentang naratif yang diguna pakai dalam filem. Beliau menyatakan bahawa naratif boleh dikaitkan dengan strategi tentang kod dan konvensi termasuk pencahayaan dan *mise-en-scene* bagi tujuan penyusunan penceritaan. Dalam hal ini, Hayward (2012) turut menyatakan bahawa setiap penceritaan dalam struktur naratif adalah bertujuan untuk memaparkan semula alam sebenar dan dicerap oleh penonton sebagai satu bentuk kebenaran dalam cerita. Selain itu, dalam menerangkan tentang hubungan antara naratif dan watak, beliau menyatakan bahawa watak dipandu oleh realiti yang dibina melalui struktur naratif untuk bergerak daripada satu babak ke babak yang lain. Dengan ini, wujud hubungan yang begitu kuat antara watak dari sudut pemaparan dan struktur naratif sesebuah filem.

Berdasarkan perkara yang dinyatakan di atas, Hayward (2012) secara tidak langsung telah menjelaskan bahawa watak merupakan suatu persoalan yang penting. Watak juga menjadi penentu kepada berlakunya pergerakan naratif. Hal ini merupakan perkara yang

ditekankan apabila melihat kepada pemaparan wanita. Walaupun pada hakikatnya aliran atau ideologi dominan penceritaan banyak mengetengahkan watak lelaki sebagai subjek yang membawa perjalanan cerita, terdapat juga keadaan yang aliran dominan ini tidak diguna pakai dan akhirnya wanita dilihat menjadi watak yang lebih ditonjolkan. Kebiasaannya, wanita digambarkan sebagai objek dalam cerita tersebut. Oleh itu, walaupun watak wanita diketengahkan, beliau menyatakan bahawa wanita tetap dilihat sebagai objek kepada perjalanan naratif tersebut. Hal ini menjadi perkara utama bagi pernyataan masalah untuk dikaji. Pemaparan wanita harus dikaji di sebalik ideologi dominan yang telah menjadi sesuatu kebiasaan dalam filem apabila memaparkan wanita dalam keadaan yang diandaikan sebagai semula jadi.

Setiap pemaparan yang dihasilkan oleh pengarah filem harus difahami sebagai berlaku dalam keadaan yang dipaparkan semula ataupun memaparkan realiti'. Maka, pemaparan semula ini menurut Hayward (2012) merupakan perkara yang diwujudkan dalam keadaan 'semula jadi'. Istilah ini dikonsepskan oleh Hayward (2012) sebagai *naturalizing*. Melalui pembinaan naratif yang meletakkan watak sama ada lelaki mahupun perempuan, setiap pemaparan ini dilihat diterbitkan seolah-olah ia merupakan sesuatu yang bersifat semula jadi dan diterima oleh masyarakat terutamanya penonton. Beliau juga menyatakan bahawa ideologi yang menjadikan setiap naratif ini disifatkan sebagai 'semula jadi' turut berlaku pada wacana yang berkaitan kelas, kaum, dan gender. Malah, telah lama dilihat bahawa wanita di'ideologi'kan sebagai objek kepada pandangan lelaki (*male gaze*). Hal ini telah menjadi perkara yang cukup dominan dalam pemaparan wanita melalui filem.

Hayward (2012) mencadangkan bahawa dalam penerbitan filem, terdapat tiga bahagian yang dominan dalam memahami pembentukan pemaparan terhadap wanita. Beliau menyatakan yang persoalan pemaparan wanita perlu dilihat kepada 1) pemaparan wanita dari sudut peranan dalam perkembangan cerita, 2) penampilan badan wanita, dan 3) tingkah laku moraliti wanita. Beliau menekankan kepada tiga perkara ini memandangkan ia merupakan asas bagi pembentukan pemaparan wanita terutamanya dalam penerbitan filem yang meletakkan imej stereotaip terhadap wanita.

Bagi beliau, persoalan pemaparan wanita dari sudut peranan dalam perkembangan cerita harus dilihat bagi memastikan perkaitan rapat antara perjalanan cerita dan watak wanita yang diketengahkan dalam filem adalah bersesuaian dengan genre yang diterbitkan oleh industri filem. Hal ini disebabkan oleh filem akan mengeksploitasikan watak terutamanya watak wanita kepada genre-genre tertentu bagi memastikan peletakan watak wanita dapat disesuaikan dan dijadikan imej stereotaip (Hayward, 2012). Dengan itu, beliau menyatakan peranan penampilan badan wanita dapat difahami dengan lebih jelas. Dengan kata lain, terdapat hubungan yang signifikan dalam memahami peranan wanita dan juga penampilan badan wanita apabila merujuk kepada genre yang ditentukan oleh industri perfileman. Perkaitan juga wujud dalam konteks tingkah laku moraliti wanita disebabkan setiap cerita melalui sistem genre adalah dipaparkan mengikut kelaziman. Bentuk kelaziman ini merupakan ideologi yang telah diletakkan dalam sesebuah cerita bagi memastikan watak wanita bertindak bersesuaian dengan genre tersebut (Hayward, 2012).

Namun demikian, dalam konteks memahami pemikiran pengarah filem terutamanya dalam ruang pemaparan wanita yang berlatarkan proses Islamisasi, ia dilihat mempunyai pemahaman makna yang tersendiri. Hal ini memandangkan sepanjang proses Islamisasi, pemaparan wanita secara umumnya adalah berbeza, terutamanya dari segi usaha mengangkat martabat wanita dari pelbagai segi dalam urusan sosial masyarakat di Malaysia. Pemaparan juga harus dilihat dalam konteks estetika filem memandangkan elemen ini merupakan sebahagian daripada alasan yang dinilai oleh seseorang pengarah terhadap sesuatu pemaparan termasuk wanita. Bagi memahami konsep naratif yang dilihat lebih kepada artistik dan teknikal, pandangan yang dinyatakan oleh Bordwell (2016) dapat diambil yakni ia merupakan rantai kejadian yang mempunyai hubungan yang rapat dengan konsep sebab-akibat dalam ruang dan masa tertentu.

Bagi memahami dengan jelas konsep struktur naratif tentang pemaparan wanita dalam filem, plot merupakan perkara yang menggerakkan watak yang dilihat sebagai sesuatu yang nampak dan dilihat pada skrin. Kekuatan naratif dalam menjelaskan tentang watak (pemaparan wanita) juga berlaku melalui plot yang dipaparkan sama ada dalam bentuk objek atau subjek (Bordwell, 2016). Dalam memahami naratif filem dari segi pandangan teoretis pula, pada kebiasaannya pendekatan strukturalis ialah pendekatan yang dapat membincangkan tentang kajian terhadap naratif. Perkara ini harus ditekankan kerana walaupun teori daripada strukturalis ini tidak diguna pakai sepenuhnya dalam kajian ini, naratif, menurut Patrick (2000) dan Turner (2005), mempunyai perkaitan yang rapat dengan hal-hal lain seperti kod dan konvensi serta genre. Bagi memahami struktur naratif, kedua-dua pandangan mereka melihat bahawa pendekatan strukturalis

merupakan salah satu cara terbaik untuk memahami nilai di sebalik sesebuah pemaparan dalam cerita (Turner, 2005).

Naratif juga dilihat bergerak atau membawa cerita dalam satu keadaan yang akan mewujudkan konflik atau pertentangan yang akhirnya akan mengembalikan cerita tersebut kepada keseimbangan atau peleraian yang lebih baik atau berbeza daripada permulaan sesebuah cerita. Hal ini biasanya dilakukan dengan meletakkan konflik pertentangan atau *oppositional conflict* dalam sesebuah naratif cereka. Seperti yang dijelaskan oleh Turner (2005), struktur naratif menjadi kunci kepada idea yang menerangkan tentang keseluruhan makna dalam penceritaan. Dengan itu, naratif yang wujud pada keadaan konflik pertentangan tadi adalah antara penyebab kepada berlakunya atau bergeraknya keseluruhan cerita termasuk watak yang menjadi elemen terpenting dalam filem berbentuk cereka. Watak ialah agen yang menggerakkan naratif daripada suatu keseimbangan pada awalnya kepada keadaan ketidakseimbangan dan berakhir dengan keseimbangan, tetapi telah merubah kepada satu keadaan yang lebih baik mahupun sebaliknya.

Oleh itu, watak pada pandangan Turner (2005) ialah perkara yang ditekankan sepertimana pandangan Hayward (2012) dalam pembinaan naratif sesebuah filem terutamanya filem berbentuk cereka. Bukan itu sahaja, pandangan tentang kepentingan watak sebagai agen yang menggerakkan struktur naratif dalam filem turut tidak dinafikan oleh Bordwell (2016). Menurut beliau, naratif amat bergantung kepada prinsip sebab-akibat dan prinsip ini juga yang mengetengahkan watak sebagai penggerak kepada sistem naratif (Bordwell, 2016). Satu perkara yang jelas harus

difahami ialah naratif muncul dengan satu ideologi melalui perkembangan plotnya. Perkara ini dinyatakan oleh Todorov (1977) sebagai salah satu sistem atau ideologi perkembangan naratif. Sistem naratif yang melibatkan berlakunya perkara yang dinyatakan oleh beliau sebagai *restoration of equilibrium or plenitude* ini pada kebiasaannya difahami sebagai pengakhiran cerita yang baik.

Pengakhiran berbentuk *happy ending* amat jelas dipaparkan dalam naratif klasikal Hollywood. Ia turut diterima pakai oleh kebanyakan penceritaan filem di seluruh dunia, termasuk gaya pembinaan naratif bagi filem-filem di Malaysia. Gaya klasikal ini diguna pakai oleh hampir keseluruhan filem terutamanya filem-filem komersial di Malaysia. Boleh dikatakan bahawa sistem yang digunakan oleh Hollywood diterima pakai oleh kebanyakan filem di Malaysia dan merupakan suatu perkara yang tidak dapat dielakkan apabila melihat kepada perkembangan plot melalui pembinaan naratif. Di samping itu, naratif tidak dapat berdiri sendiri tanpa melihat pada elemen-elemen lain yang juga dianggap penting ketika membincangkan tentang pemaparan wanita dari sudut pemahaman pengarah-pengarah filem Melayu. Hal ini antaranya berkaitan dengan elemen yang membantu perjalanan naratif iaitu *mise-en-scene*.

Mise-en-scene merupakan perkataan yang dipinjam daripada bidang seni teater yang membawa maksud *staging* yang berkaitan dengan *shots*. Menurut Hayward (2012), *mise-en-scene* berkait rapat dengan hal yang melibatkan set, kostum, dan pencahayaan. Istilah ini telah mula diguna pakai dalam dunia perfileman sejak tahun 1951 oleh penerbitan filem Amerika. Namun demikian, dalam kajian ini, tidak semua elemen *mise-en-scene* dibincangkan dengan pengarah-pengarah filem Melayu kerana elemen

mise-en-scene, seperti yang dinyatakan oleh Bordwell (2016), adalah seperti set atau ruang lokasi, kostum, solekan, pencahayaan, dan *staging* (lakonan). Elemen-elemen tersebutlah yang sebenarnya membentuk keseluruhan imej dalam setiap *shot* atau gambar dalam filem. Namun, disebabkan kajian ini menumpukan kepada pemaparan peranan wanita, maka aspek elemen keempat merupakan perkara yang diberikan perhatian. Hal ini disebabkan oleh fungsi lakonan diletakkan ke atas seseorang pelakon termasuk pelakon wanita yang membawa badan sebagai objek atau subjek dalam sesuatu naratif filem.

Disebabkan pelakon wanita membawa badan sebagai imej yang diletakkan pada skrin, maka pengarah filem memanipulasi badan tersebut menurut genre atau jenis filem yang akan dibina dalam penerbitan filem. Oleh yang demikian, menurut Turner (2005), terdapat empat perkara yang berkait rapat bagi memahami fungsi ini iaitu struktur naratif, kod, konvensi, dan genre. Berdasarkan elemen yang dinyatakan oleh Turner (2005), pengkaji memanipulasi beberapa elemen tersebut bagi memudahkan proses penyusunan beberapa tahap yang akan dilalui dalam kajian pemaparan wanita ini. Pada tahap pertama, dapat diterangkan bahawa kajian ini harus membincangkan tentang perkara berikut merujuk gambarajah di bawah:

Struktur Naratif → *Mise-en-scene* → Kod & Konvensi → Karakter/Watak

Rajah1. 1. Pertalian struktur naratif pada tahap pertama berkaitan paparan wanita.

Struktur naratif seperti yang telah dinyatakan oleh Bordwell (2016) berkait rapat dengan *mise-en-scene*. Ia mengandungi banyak kod dan konvensi tertentu melihat kepada elemen-elemen yang terdapat pada *mise-en-scene* itu sendiri. Perkara ini akan memberikan pemaparan makna tertentu terhadap pemaparan wanita sebagai watak dalam filem. Konvensi ini menurut Turner (2005) telah membina watak wanita dalam kebanyakan filem Hollywood dari sudut pemaparan yang meletakkan warna dan kostum tertentu ke atas badan wanita. Turner (2005) turut menyokong bahawa kod dan konvensi ini dibantu oleh kekuatan elemen yang ada pada *mise-en-scene*. Hal ini membantu menyerlahkan lagi representasi watak terutamanya wanita. Justeru, menurut beliau *mise-en-scene* turut membantu dalam membentuk sesebuah pemaparan. Dalam konteks kajian ini, ia amat membantu dalam proses pembentukan makna daripada pemaparan wanita dalam filem.

Dalam konteks kod dan konvensi pula, jelas karakter yang dibina melalui kod dan konvensi membentuk pemaparan yang menentang realiti dan diterima seadanya dalam memaparkan watak wanita. Akhirnya, kod dan konvensi yang dibantu oleh *mise-en-scene* menyerlahkan imej wanita sebagai objek dan dilihat seperti yang dinyatakan oleh Hayward (2012) sebagai sesuatu yang semula jadi. Turner (2005) juga bersetuju dengan pandangan Hayward (2012) apabila beliau menyatakan perkara yang sama merujuk kepada pemaparan wanita dalam konteks kecantikan wanita. Dalam hal ini, beliau melihat bahawa kecantikan dibina daripada konvensi tertentu dengan meletakkan warna (*make up*) dan kostum yang akhirnya membawa makna objek tarikan terhadap lelaki. Akhirnya, perkara ini dinilai sebagai sesuatu yang semula jadi dalam pemaparan wanita.

Dengan pengaruh daripada filem, penonton melihat segala yang dipaparkan kepada mereka melalui layar perak sebagai satu keseronokan yang seakan-akan benar walaupun pada hakikatnya filem digerakkan melalui alatan yang tertentu. Biarpun imej yang digarapkan melalui filem bukan bersifat semula jadi, (hasil daripada gabungan atau komposisi lensa kamera dan keterbukaan cahaya yang menangkap intensiti cahaya tertentu dan menterjemahkan objek yang dipilih ke jalur filem), hakikatnya filem masih lagi dilihat sebagai pengantara yang menterjemahkan persoalan berkenaan kehidupan manusia. Dalam masa proses penontonan inilah masyarakat (penonton) yang menonton filem akan merasakan keghairahan dan keinginan untuk meneliti perjalanan filem daripada babak ke babak sehinggalah pada peleraian cerita. Keseronokan ini kadangkala dilihat sebagai *scopophilia* terutamanya bagi filem-filem yang mengandungi unsur-unsur tertentu (Kolker, 2015). Dengan itu, pada tahap ini pemaparan wanita dilihat sebagai satu bentuk objek tarikan. Dalam konteks memahami tahap penilaiannya sama ada sebagai objek tarikan dalam filem, pemaparan wanita harus dilihat daripada pandangan teoretis yang berkait rapat dengan teori-teori feminisme. Ia merupakan pandangan yang berkait rapat dengan kajian-kajian yang berkisar tentang pemaparan wanita termasuk dalam filem.

Bagi memahami kajian berkenaan pemaparan wanita, pandangan-pandangan umum yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana barat membincangkan pandangan asas tentang wanita. Justeru, pandangan daripada kajian budaya dalam aspek feminisme harus dibincangkan daripada pandangan Balsamo (1991). Beliau memberikan pandangan bahawa kajian-kajian awal berkenaan pemaparan wanita dalam media melihat kepada perkaitan antara budaya dan politik serta persoalan yang melibatkan sains dan teknologi. Pada peringkat ini, kajian-kajian yang berkait rapat dengan pendekatan feminisme banyak terpengaruh dengan perkara yang melibatkan soal kedudukan wanita serta

identiti dalam ruang budaya dalam masyarakat (Balsamo, 1991). Pada awal era 1970-an, menurut Balsamo melalui buku *Women Take Issue*, feminisme di bawah kajian budaya banyak menerima pengaruh daripada teori atau pendekatan Marxist. Beliau menyimpulkan bahawa:

“To summarize, the impact of these essays is to focus on both women and how the interconnections between them determine: 1) “women’s structural position within the production and reproduction of material life 2) “how this is understood and represented politically, and ideologically 3) “how women live their lives within and through these terms.” (Balsamo, 1991, hlm. 51)

Dalam konteks filem pula, Stam (2000) berpandangan bahawa analisis mengenai pemaparan wanita pada era 1960-an, 1970-an, dan 1980-an banyak menumpukan kepada persoalan ideologi kelas. Selepas itu, kajian-kajian tentang pemaparan dalam filem mula menumpukan kepada persoalan dari sudut bangsa, gender, dan seksualiti (Stam, 2000). Keadaan ini telah mencetuskan penghasilan teori-teori feminisme yang mula diguna dalam kajian-kajian filem. Stam (2000) juga menjelaskan bahawa pendekatan feminisme merangkumi perkara yang begitu luas dan bukan diterapkan pada pemaparan wanita dalam filem semata-mata. Beliau menjelaskan bahawa kehadiran gerakan daripada aliran feminisme telah membuka ruang untuk memahami pemaparan wanita dalam filem terutamanya dari sudut hubungan sosial khususnya dalam konteks peranan gender. Beliau menyatakan:

“The feminist goal was to explore the power arranged with the ultimate aim of transforming not only film theory and criticism but also hierarchically gendered social relations in general. Film feminism was in

the sense linked to the activism of consciousness raising groups, to theme conferences and political campaigns which raised diverse issues of special importance to women: rape, spousal abuse, child care, the right to abortion, and so forth, in an atmosphere where the “personal is political.” (Stam, 2000, hlm. 170).

Pada asasnya, pemaparan wanita dalam filem dilihat pada perkara-perkara yang melibatkan persoalan stereotaip. Hal ini menurut beliau merupakan pemaparan yang selalu dipersoalkan oleh pandangan feminisme yang tertumpu kepada pemaparan negatif tentang wanita. Stam (2000) menekankan bahawa filem telah dibiasakan dengan memaparkan wanita dalam keadaan negatif dan menekankan bahawa aliran feminisme tidak lagi terasing dalam bidang atau dunia perfileman. Keadaan ini menjadikan persoalan wanita dan pemaparan elemen suatu perdebatan. Bukan itu sahaja, malahan dalam sebarang aktiviti pengarah filem, aliran feminisme ini turut membuka ruang kepada perbincangan tentang hal yang berkaitan seksualiti dan juga gender. Hal ini dilihat memberikan implikasi terhadap kajian filem dari aspek metodologi dan teoretikal (Stam, 2000).

Namun begitu, terdapat satu perkara yang amat penting dalam kajian ini yang tidak dapat dirungkai dengan hanya bersandarkan persoalan pemahaman aliran feminisme semata-mata. Hal ini kerana persoalan budaya yang lebih mendalam perlu dikaji bagi memahami sesuatu teks seperti pemaparan wanita dan juga budaya termasuk sistem sosial masyarakat dan sistem kenegaraan. Justeru, Belsamo (1991) menyatakan bahawa:

“.....feminism needs a theory of the relation between language and culture that would refuse the pull of a Universalist, individualism and provide a model for understanding how the subject and subjectivity are historically and culturally constructed.” (Belsamo, 1991)

Namun begitu, Stam (2000) dalam konteks teks filem telah mengetengahkan tokoh seperti Laura Mulvey sebagai tokoh yang berpengaruh dalam membincangkan tentang teori tersebut dalam karya berjudul “Visual Pleasure and Narrative Cinema” (1975). Dalam karya tersebut, Stam (2000) menyatakan bahawa ruang penontonan dan juga penceritaan dalam filem mengandungi persoalan berkenaan pandangan atau *gaze* yang dilihat membentuk pemaparan wanita sebagai objek. Hal ini terutamanya apabila pandangan terhadap wanita terjadi dalam beberapa keadaan iaitu pandangan terhadap wanita sebagai objek dilihat wujud pada sudut peletakan kamera serta penontonan penonton yang akhirnya memberikan kawalan terhadap pemaparan yang berada di bawah kuasa patriarki. Hal ini menyebabkan lelaki dilihat mempunyai peranan sebagai subjek yang mengawal objek iaitu wanita dalam naratif filem (Stam, 2000).

Pada asasnya, persoalan pemaparan wanita selalu dikaitkan dengan seksualiti. Hal ini menumpukan kepada persoalan yang berkait rapat dengan perasaan dan tarikan wanita dalam konteks penontonan. Ia dilihat daripada proses penontonan apabila wujud persoalan dalam kalangan penonton berkenaan hubungan antara watak lelaki dan watak wanita. Akhirnya, persoalan seksualiti ini hanya membincangkan berkenaan wanita yang dilihat sebagai objek tarikan dalam filem. Sememangnya, apabila menyentuh tentang seksualiti, biasanya teori yang diutarakan oleh feminisme cukup sinonim dan sesuai untuk dibincangkan. Andaian-andaian daripada teori feminisme hanya dilihat dari perspektif tertentu dalam kajian ini. Alasannya, feminisme hanya menumpukan gerak kerja atau kerangka teoretikal yang melihat pemaparan wanita pada isu-isu penindasan wanita yang tidak mencakupi persoalan agama. Sebaliknya, kajian ini ingin

melihat persoalan wanita yang menjurus kepada hal yang berkaitan dengan proses Islamisasi yang menjadi sistem yang mendasari pengarahannya filem yang memaparkan wanita.

Apabila aliran feminisme menumpukan kepada gender dan seksualiti, maka ruang lingkup yang biasanya ditekankan ialah ketidakseimbangan dan penindasan antara dua kelas jantina iaitu lelaki dan perempuan. Akhirnya, teori feminisme menerangkan wujudnya pertentangan antara dua kelas ini dalam institusi sosial. Keadaan ini sukar untuk diadaptasikan dalam kajian ini memandangkan konsep Islam terhadap jantina atau gender tidak seperti yang diketengahkan oleh aliran feminisme. Hal ini disebabkan oleh agama meletakkan persoalan gender sebagai satu konsep yang melengkapinya antara satu sama lain. Perkara ini terutamanya merujuk kepada agama seperti Islam.

Dalam meneliti persoalan ini, pengkaji tidak begitu mengguna pakai andaian daripada feminisme namun turut mengambil sedikit konsep yang diguna pakai oleh Puri (2005) yang melihat persoalan seksualiti dalam konteks negara. Bagi beliau, pergelutan budaya dalam konteks nasionalisme dan desakan sistem antarabangsa adalah perkara yang masih belum dianalisis sepenuhnya terutamanya dalam soal seksualiti. Ia memperlihatkan kepentingan memahami perubahan budaya dan politikal pada keadaan negara dan bangsa dan ia harus dilihat dari perspektif seksualiti dan gender (Puri, 2005).

Dalam hal ini, pengkaji melihat bahawa perubahan budaya dan politikal dalam konteks negara dan bangsa masih lagi isu yang baru dikaji terutamanya dalam hal yang melibatkan seksualiti dan gender dari perspektif agama Islam. Memandangkan usaha

ini telah diterbitkan oleh Puri (2005), maka hal yang melibatkan seksualiti dan Islam perlu ditekankan lebih lagi kerana konsepnya tidak seperti seksualiti barat yang lebih menumpukan persoalan pertentangan gender. Apabila mengetengahkan persoalan gender, ia membawa erti melihat perhubungan kuasa antara dua jantina iaitu lelaki dan perempuan. Sekiranya Puri (2005) mengutarakan persoalan berkaitan perubahan negara dan bangsa dalam konteks politik dan budaya, ia turut dilihat oleh pengkaji apabila merujuk kepada proses Islamisasi serta perkembangannya dan cara perkembangan ini amat relevan untuk dikaji berkenaan pemaparan wanita dalam konteks ideologi Islam parti pemerintah.

Menurut Puri (2005), terdapat perkaitan yang luas dalam sains sosial feminisme iaitu aliran feminis ini turut mengaitkan persoalan pemaparan wanita dalam ruang lingkup yang lebih luas seperti dalam soal nasionalisme, kolonialisme, serta wacana berkaitan seksual dan bangsa. Selain itu, beliau juga menekankan hubung kait antara kajian-kajian feminisme dan persoalan agama serta sekularisme. Menurut beliau:

“The rich feminist social science scholarship explores the links between nationalism, colonialism, racial and sexual discourses, gendered militarism, secular and religious fundamentalism and social movements.”

(Puri, 2005, hlm. 136)

Sebelum itu, Balsamo turut berpandangan bahawa dalam kajian budaya, feminisme harus melihat pada konteks yang lebih luas. Dengan itu, Balsamo (1991) berpendapat bahawa feminisme telah mula membuka ruang kepada kajian-kajian yang meletakkan persoalan kesusasteraan dalam ruang yang lebih luas mencakupi persoalan struktur, institusi, serta hubungannya dalam kerangka teori feminisme. Walaupun telah ada usaha

teori-teori feminisme yang cuba mengaitkan persoalan struktur dalam kajian-kajian kesusasteraan, ia masih lagi memberikan kesan yang terbatas dari perspektif keagamaan terutamanya dalam ruang kajian yang melihat persoalan pemaparan filem dan juga sistem Islam di Malaysia.

Perkara yang akan ditekankan disini melibatkan bukan sahaja persoalan yang sering dimainkan oleh teori feminis iaitu ketidaksamaan jantina, tetapi dari perspektif Islam dari aspek pemaparan yang membentuk identiti Islam sebagai kuasa yang mempengaruhi watak wanita dalam filem. Hal ini perlu difahami dalam konteks dasar tertentu yang mempengaruhi setiap pemaparan wanita sama ada dalam ruang sosial mahupun ruang penerbitan filem. Menurut Julian (2011), persoalan berkaitan gender dalam konteks hubungan antara wanita dan lelaki dari beberapa aspek merupakan perkara yang berkait rapat antara satu sama lain iaitu negara dan juga agama. Hal ini kerana bagi memahami setiap dasar berkaitan wanita dan lelaki, persoalan yang dinyatakan tersebut perlu didasari. Ia perlu difahami terlebih dahulu kerana negara yang bernaung di bawah satu sistem politik dalam konteks Malaysia tidak dapat lari daripada membawa bersama persoalan agama. Malah, agama mempunyai penjelasannya yang tersendiri dalam membentuk makna terhadap pemaparan wanita dan lelaki.

Dari sudut yang lain pula, iaitu persoalan kuasa, kelas, dan struktur, kuasa dilihat sebagai perkara yang begitu penting untuk dikaji terutamanya dari sudut kajian-kajian yang melibatkan feminisme. Hal ini dinyatakan melalui pandangan awal Anderson (2005) iaitu dalam memahami pemaparan wanita, kajian daripada teori feminisme juga

harus mengambil kira persoalan keterbatasan dan kuasa dalam struktur sosial yang membentuk makna dan juga ideologi.

Hal ini berlaku dalam ruang pergelutan kelas dan juga bangsa. Namun begitu, Anderson (2005) kurang menekankan persoalan ini dengan melibatkan hal yang berkaitan dengan keagamaan. Dengan itu, kajian berkaitan pemaparan wanita dilihat tidak hanya dapat ditumpukan kepada persoalan yang diutarakan oleh golonganfeminis berkenaan seksualiti dan gender. Penekanan terhadap pemahaman makna yang dikonstruksi amat diperlukan untuk memahami persoalan pemaparan wanita yang berkaitan dengan keagamaan seperti yang terdapat dalam kajian-kajian lain.

Perkara ini diketengahkan dalam kajian kerana ia bersesuaian dengan landskap Malaysia yang mendukung prinsip demokrasi berperlembagaan dan berlandaskan rukun negara yang terdiri daripada lima prinsip yang salah satunya berkait dengan agama. Justeru, perkara yang melibatkan seksualiti dari sudut sosiobudaya dan politik ini tidak mampu dijawab dengan teoretis feminis semata-mata tanpa menekankan persoalan agama.

Menurut Eng Lye (2010), agama Islam mengaturkan tugas dan kewajipan lelaki dan perempuan dalam masyarakat, manakala mengikut adat, hubungan kuasa dalam keluarga adalah tertakluk kepada usia dan bukan berdasarkan gender. Selain itu, hakikat perhubungan gender bukan sahaja dipengaruhi daripada adat Melayu dan agama Islam tetapi turut dipengaruhi oleh norma-norma masyarakat (Eng Lye, 2010). Dengan ini, wujud pelbagai makna daripada pemaparan yang berlatarkan konsep Islam sepanjang

proses Islamisasi terhadap wanita di Malaysia. Pertembungan antara norma-norma masyarakat dengan proses perkembangan Islamisasi dilihat sekali lagi begitu penting untuk difahami terutamanya dari kaca mata pembikin filem dalam konteks pemaparan wanita.

Kajian yang diketengahkan oleh Hefner (2012) cuba menjelaskan tentang kewujudan impak dan perubahan pemaparan wanita dalam masyarakat. Hal ini dikaitkan dengan pemaparan wanita dan sistem pemerintahan kerajaan Indonesia. Menurut kajian Hefner (2007), pemakaian tudung dalam kalangan wanita di Jawa adalah disebabkan oleh faktor keadaan sekeliling yang mempengaruhi pemakaian tudung yang merupakan persoalan dalam agama Islam. Hal ini berlaku apabila kelompok masyarakat atau komuniti tersebut mengalami proses Islamisasi seperti yang dilihat di kawasan kajian di Universiti Gajah Mada. Oleh itu, ia membawa pengertian kepada kita bahawa pemahaman seksualiti dari segi kod etika pemakaian dapat berubah mengikut latar budaya dan agama.

Menurut beliau lagi, penemuan menerusi kajian ini membuktikan bahawa institusi atau aktiviti keagamaan memainkan peranan penting dalam mengubah persepsi pemakaian tudung dalam kalangan wanita (pelajar kampus). Hal ini terjadi apabila pelajar wanita mendapat pendedahan melalui kelas-kelas agama yang dinamakan *halaqah*. Disebabkan hal itu, wanita di kampus memilih untuk memakai tudung. Dalam kajian Hefner (2007) ini juga, perkara ini didapati berkait rapat dengan perubahan politik yang berlaku di Indonesia pasca-Suharto. Melalui kajian tersebut, tidak hairanlah jika didapati berlaku peningkatan pemakaian tudung dalam kalangan wanita Indonesia

setelah rejim Suharto tidak lagi memerintah. Sebelum itu, wanita Indonesia agak takut untuk memakai tudung kerana pada era Suharto, pemakaian tudung melambangkan antikerajaan (Hefner, 2007, hlm. 398). Beliau menyatakan bahawa:

“A surprising number admitted that they, too, had agreed with the government’s earlier suspicion of “radical” Islam and as a result, were initially opposed the veiling.” (hlm. 398)

Dengan ini, Hefner (2007) telah sedikit sebanyak mengutarakan kajian yang melihat bahawa pemaparan wanita dalam konteks pemakaian tudung mempunyai kesan daripada suatu sistem pemerintahan yang berlangsung dalam tempoh waktu tertentu. Hal ini menunjukkan bahawa kekuasaan sistem pemerintah telah meletakkan kuasa ideologi pemahaman dalam sistem masyarakat yang akhirnya diterjemahkan dalam pemaparan budaya. Perkara ini dapat dilihat dari perspektif pemaparan wanita dari sudut pemakaian tudung.

Bagi memahami persoalan pemaparan wanita yang selalu dikaitkan dengan persoalan seksualiti mahupun gender, kajian ini turut meneliti beberapa pandangan asas pemaparan wanita dalam konteks falsafah Islam. Menurut Yusuf al-Qardawi yang diterjemahkan oleh Alzahabi (2006), Islam telah mengangkat darjat kemuliaan wanita ketika sebahagian manusia lain masih ragu-ragu dalam mengiktiraf keinsanan wanita. Terutamanya pada zaman jahiliyah, wanita dianggap sebagai satu makhluk yang dijadikan semata-mata untuk berkhidmat kepada lelaki.

Hal ini membuktikan bahawa Islam mengangkat darjat wanita ke tahap yang mulia setanding dengan kaum lelaki seperti yang dinyatakan oleh Yusuf al-Qardawi yang menjelaskan kelebihan Islam iaitu menghormati wanita serta mengiktiraf keinsanan dan keupayaan wanita untuk memikul tuntutan (agama), tanggung jawab, kesaksamaan hukuman, dan peluang untuk memasuki syurga. Islam menganggap wanita sebagai insan yang mulia. Wanita mempunyai hak-hak keinsanan yang setaraf dengan lelaki kerana wanita dan lelaki ialah cabang kepada pohonan yang satu dan saudara yang dilahirkan oleh bapa yang satu iaitu Adam (a.s.) dan daripada ibu yang juga satu iaitu Hawa (Al Zahabi, 2006).

Beliau turut mengaitkan beberapa persoalan apabila menjelaskan tentang wanita yang diangkat mulia oleh Islam dari pelbagai aspek iaitu sedari awal kejadian manusia, hal yang berkaitan dengan amal ibadat, menuntut ilmu, hak-hak mal atau pemilikan harta, dan hal berkaitan pembalasan amal kebaikan dan keburukan. Bukan itu sahaja, malah dari aspek yang lain juga, Yusuf al-Qardawi mengatakan bahawa Islam tidak menghalang wanita untuk maju dari segenap sudut, terutamanya dalam hal berkaitan menuntut ilmu sama ada ilmu dunia atau akhirat. Hal ini dibuktikan apabila beliau mengemukakan satu hadis Rasulullah S.A.W. yang tidak membezakan antara jantina dari sudut menuntut ilmu. Menurut beliau:

“menuntut ilmu adalah fardhu ke atas setiap muslim.” Maksud setiap muslim dalam Hadith ini ialah; sama ada lelaki atau perempuan sepertimana yang telah diijma’.” (Al Zahabi, 2006, hlm. 15)

Islam juga mengangkat darjat wanita dengan meletakkan mereka saling melengkapi dengan kaum lelaki. Dengan kata lain, sekiranya barat selalu melihat persoalan wanita dari segi jantina lebih kepada persoalan tentang pertentangan jantina, tetapi Islam

melihat perbezaan yang wujud antara dua jantina ini sebagai unsur yang saling melengkapi antara satu sama lain berkenaan hal yang berkait dengan kemanusiaan dan kemasyarakatan hidup manusia dalam sesebuah sistem negara mahupun dunia. Dalam hal ini, beliau mengemukakan pandangan bahawa Allah S.W.T. mewujudkan dua jantina iaitu wanita dan lelaki sebagai sumber yang saling melengkapi (Al Zahabi, 2006).

Perkara ini dikukuhkan lagi dengan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Dan tiap-tiap jenis Kami ciptakan berpasangan, supaya kamu mengingat (kekuasaan Kami dan mentauhidkan Kami).” (Al-Zariyat:49)

Oleh itu, Yusuf al-Qardhawi melihat bahawa terdapat beberapa pendirian Islam terhadap wanita yang perlu dikenal pasti untuk melihat pemahaman pemaparan wanita dalam karya filem dalam kalangan pengarah filem di Malaysia. Garis panduan yang dinyatakan oleh beliau menjelaskan bahawa:

“Dengan hukum-hukum ini, dari satu aspek Islam dapat melindungi wanita dari taring-taring ganas, dari satu aspek lagi, Islam dapat memelihara sifat malunya serta daya tahannya dengan menjauhi diri dari faktor keruntuhan dan kesesatan. Dari aspek yang lain ia dapat memelihara kehormatannya dari mulut-mulut pemfitnah dan orang yang celupar. Dengan ini, Islam dapat memelihara diri wanita dan emosinya dari ketegangan dan kebimbangan, dari gangguan serta kegelisahan, hasil dari imaginasi yang terlalu kuat, hati yang keluh kesah dan kecelaruan emosinya akibat pelbagai rangsangan.” (Al Zahabi, 2006)

Dalam konteks pemahaman Islam, persoalan berkaitan wanita turut dikupas dengan mendalam dari segi persoalan nafsu kerana wanita pada kebiasaannya dipersembahkan

sebagai objek. Maka, penjelasan tentang ini (objek nafsu) turut ditekankan dalam Islam. Persoalan jantina lelaki dan perempuan ini sudah semestinya dikaitkan dengan hal yang berkaitan dengan seks. Hal ini kerana imej yang dipaparkan terutamanya apabila meletakkan pemaparan wanita dalam filem amat cenderung ke arah pemaparan wanita sebagai objek seks. Justeru, dengan adanya pemahaman asas agama Islam terhadap wanita, ia telah membuka ruang pandangan yang jelas berkenaan keseimbangan dan juga hak kekuasaan terhadap wanita dalam kehidupan. Hal ini dapat dilihat dalam dua keadaan iaitu dari perspektif seksualiti dan juga gender.

Dari sudut pemahaman seksualiti, kita dapat melihat bahawa Islam mengawal dan meletakkan batas terhadap pemikiran tersebut dari aspek pergaulan antara kedua-dua jantina yang berbeza. Dengan itu, ia mengembalikan persoalan tentang penghormatan terhadap wanita dan akhirnya tidak timbul persoalan wanita dinilai sebagai objek seperti yang ditekankan oleh fahaman feminisme. Dalam konteks gender pula, Islam dilihat meletakkan wanita dalam peranan-peranan tertentu dan seimbang dari sudut fungsinya terhadap masyarakat tanpa meletakkan perbandingan antara peranan kaum wanita dan lelaki. Oleh itu, pengkaji melihat bahawa dari aspek media juga, perkara ini perlu ditekankan kerana media dan pemaparan wanita terutamanya di Malaysia turut menerbitkan kandungan yang berkisar tentang gender dan seksualiti terutamanya pemaparan dominan dalam dunia penerbitan filem.

Penulisan oleh Amir (2013) menyatakan bahawa persoalan berkenaan seks dilihat berubah mengikut peredaran zaman. Hal ini berlaku kepada negara-negara yang menerima serta mengalami proses modenisasi. Pada hakikatnya, modenisasi harus

dilihat dari segi proses perubahan terhadap beberapa struktur dalam masyarakat. Dalam erti kata lain, dalam konteks makna, modenisasi juga turut mempengaruhi pemaparan wanita. Persoalan kemodenan ini juga dilihat penting dan diketengahkan dalam ruang persoalan seksualiti oleh Amir (2013). Namun demikian, dalam perbincangan mengenai pemaparan wanita dengan lebih spesifik, terdapat satu kritikan supaya kajian ini tidak melihat kepada persoalan kemodenan semata-mata.

Kritikan pertama dalam melihat pengaruh kemodenan terhadap seksualiti dilihat dalam konteks sosial masyarakat di Malaysia iaitu aspek kemodenan ini harus difokuskan kepada persoalan budaya masyarakat Melayu yang turut membawa persoalan agama dalam kehidupan mereka. Dalam hal ini, pandangan oleh Amir (2013) dilihat hanya menegaskan persoalan kemodenan tanpa menumpukan kepada kesan kemodenan terhadap sistem keagamaan yang berlaku dalam masyarakat Melayu secara mendalam.

Selain itu, kerangka kemodenan yang diutarakan oleh Amir (2013) meletakkan persoalan seksualiti yang memfokuskan terhadap isu yang berkait rapat dengan hubungan atau tarikan antara kedua-dua jantina dengan menumpukan kepada persoalan seksualiti dan pendidikan seks semata-mata. Ia tidak melihat kerangka pemaparan wanita dari sudut peranan wanita dan lelaki dalam aspek kajian gender. Persoalan seksualiti ini tidak melihat kepada wujudnya hubung kait yang rapat antara persoalan kemodenan dalam proses Islamisasi, namun beliau melihat ia berlaku dalam tingkat-tingkat tertentu. Hal ini merujuk kepada struktur-struktur masyarakat yang mewakili keseluruhan proses kemodenan.

Pada dasarnya, terdapat tiga struktur asas masyarakat yang akan mengalami proses modernisasi. Antara struktur-struktur yang mengalami perubahan dalam masyarakat lantaran proses modernisasi ialah:

- i. Struktur keluarga
- ii. Struktur agama
- iii. Struktur politik

Dengan ini, jelas dilihat bahawa ketiga-tiga struktur ini mengalami perubahan dalam proses modernisasi dan ia memberikan pengaruh yang kuat terhadap persoalan pendidikan seks serta makna dan pemikiran berkaitan seks. Apabila berbincang tentang modernisasi, maka perkara yang tidak dapat dielakkan ialah memahami ciri-ciri modernisasi yang selalu dikaitkan dengan perubahan dan perkembangan sosial yang berasaskan industrialisasi, perkembangan bidang sains dan teknologi, sistem pentadbiran, sistem pasaran kapitalis, urbanisasi dan lain-lain perubahan infrastruktur.

Syed (2004) dalam artikelnya melihat bahawa masalah ekonomi dan pembangunan banyak menerapkan dasar-dasar pembangunan dari dunia maju. Dasar-dasar yang diterima pakai ini turut membawa implikasi kepada masalah sosial. Menurut beliau, dasar utama yang diterima ialah dasar kapitalisma (Syed, 2004). Dengan ini, maka persoalan berkaitan wacana seks juga dapat dikatakan beralih berikutan perubahan yang dibawa oleh ciri-ciri modernisasi yang turut berlaku di Malaysia. Hal ini kerana Malaysia juga dilihat mempunyai ciri-ciri sebuah negara membangun yang bermatlamat ke arah menjadi sebuah negara maju. Selain itu, Malaysia dilihat

mendukung konsep serta sistem kapitalis dalam memacu ekonomi dan pembangunan negara termasuk masyarakatnya.

Bagi Syed (2004), proses modenisasi harus mengambil kira pertumbuhan bandar dan industri yang membawa konsep dunia tanpa sempadan. Proses inilah yang membawa berbagai-bagai pengaruh sosial dan budaya. Sebahagiannya tidak diinginkan namun diterima oleh masyarakat. Proses modenisasi ini juga telah mengundang masalah sosial termasuk isu-isu yang melibatkan wacana seksual. Amalan ini pada hakikatnya diterima dari negara maju rententan daripada pergantungan budaya dan sistem negara maju (barat). Hal ini jelas boleh dilihat dalam konteks amalan seks bebas yang amat berkait rapat dengan modenisasi. Dengan ini, untuk memahami persoalan seks termasuklah dalam konteks pemaparan wanita, kita perlu melihat bahawa isu nilai timur dan agama merupakan isu yang mempunyai pengaruh langsung terhadap hal-hal yang berkaitan dengan seks.

Syed (2004) menyatakan bahawa nilai-nilai murni moral dan agama kini semakin merosot. Seni budaya unggul yang kita warisi sejak turun-temurun daripada pelbagai peradaban tinggi semakin terancam oleh unsur-unsur hiburan yang diperdagangkan dan dipopularkan dengan begitu berkesan melalui media elektronik yang menguasai langit terbuka (Syed, 2004). Dengan itu, beliau telah meletakkan persoalan kemodenan kepada dua keadaan yang memberikan makna terhadap pemaparan wanita yang berubah mengikut keadaan tersebut. Kemodenan menurut beliau telah membawa isu kapitalisme ke dalam kehidupan masyarakat. Kapitalisme ini bukan hanya merujuk kepada persoalan ekonomi semata-mata, tetapi perkara yang cuba dikupas oleh beliau

ialah bentuk-bentuk produk budaya yang dibawa melalui proses kapitalisme dalam masyarakat.

Meninjau persoalan kemodenan yang dikaitkan dengan ideologi kapitalisme ini, perkara yang turut dilihat ialah pemahaman bahawa sebarang aktiviti dalam proses menghasilkan produk budaya seperti filem hanya menghasilkan produk untuk tujuan mengaut keuntungan. Persoalan ini harus dilihat dalam konteks yang lebih luas melalui kajian dan tidak hanya menerima pandangan makna pemaparan terhadap faktor kemodenan dan kapitalisme semata-mata. Walau bagaimanapun, penting untuk dinilai tentang adanya proses Islamisasi yang dapat menyeimbangkan persoalan kemodenan dan kapitalisme.

Contohnya, dalam kes di Malaysia, apabila proses Islamisasi mula diperkenalkan terutamanya dalam suasana pemerintahan pascakolonial era Dr. Mahathir sehinggalah di bawah kepimpinan Abdullah Haji Ahmad Badawi, pemaparan wanita dalam filem seharusnya mengalami satu pembentukan makna yang tersendiri. Hal ini berdasarkan prinsip-prinsip Islam moden yang ditekankan. Perubahan ini secara teorinya berlaku terutamanya di bawah pengaruh struktur politik yang menguasai sistem kenegaraan pada masa itu. Oleh yang demikian, sudah semestinya kuasa dalam sistem politik pada ketika itu amat penting dalam mengawal dan membentuk sesuatu makna dalam ruang kehidupan di Malaysia. Sama ada perubahan pemaparan wanita berubah atau tidak melalui proses modenisasi atau globalisasi dalam budaya politik di Malaysia, ia bergantung kepada kuasa pemerintah teratas dalam menentukan segala bentuk kawalan yang digubal.

Oleh yang demikian, proses Islamisasi amat berpengaruh dalam menentukan landskap corak budaya masyarakat. Sebagai contoh, dasar Islam Hadhari yang jelas berasaskan sepuluh prinsipnya sebenarnya mampu untuk merubah kuasa pemaparan wanita dalam filem bukan hanya dari aspek realiti sosial sahaja, malah ia juga harus merubah kuasa pemaparan wanita yang dilihat senantiasa distereotaipkan sebagai objek yang lemah dan berunsurkan seks.

Dalam usaha untuk memahami hubungan kuasa dan persoalan moraliti seksualiti di Malaysia, satu kajian menjelaskan sedikit sebanyak tentang pembentukan makna seksualiti berdasarkan kuasa seperti yang diketengahkan dalam kajian ini. Shamsul dan Fauzi (2006) dalam kajian mereka, *Making sense of Malay Sexuality: An Exploration* membahagikan persoalan seksualiti Melayu kepada tiga bahagian utama dalam karya mereka. Bahagian-bahagian ini ialah 1) pendedahan tentang pemahaman seksualiti dan gender dari sudut epistemologi dan ontologi, 2) mengaitkan contoh kes Anwar Ibrahim dalam memperlihatkan bagaimana masyarakat Melayu menangani isu seks dan moraliti, dan 3) mentafsir kes Anwar Ibrahim dengan menggunakan teori kerangka yang digarap dalam bahagian pertama. Mereka juga mengatakan bahawa makna berkaitan seks dan seksualiti yang terbentuk ini adalah berdasarkan persekitaran persoalan yang wujud. Oleh itu, seksualiti adalah mirip hal yang subjektif. Dengan ini, perkara yang dianggap betul atau salah dalam hal seksualiti adalah berbeza dalam masyarakat yang berbeza. Menurut mereka:

“Human sexuality is not simple biological matter which can be explained purely in terms of reproductive biology. It is a socio-cultural, historical construct. Its forms meaningful contents are comprehensible only within its subsumed socio-normative elements, such as gender stratification,

stereotypes of masculinity and femininity, the language of emotions, religious consideration, and representation of the body and rules of verbal decency.”
(2006, hlm 60)

Oleh itu, pertimbangan keagamaan dilihat masih lagi menjadi fokus penting dalam menilai persoalan seksualiti dan gender di negara-negara timur termasuk Malaysia. Dalam hal lain pula, persoalan seksualiti tidak dapat lari daripada dikaitkan dengan hubungan kuasa, contohnya dari aspek sosial seperti kuasa patriaki, kuasa nasab bapa dalam institusi kekeluargaan, serta kuasa negara ke atas setiap individu (Shamsul & Fauzi, 2006).

Shamsul dan Fauzi (2006) turut melihat bahawa globalisasi adalah antara perkara yang perlu dikaitkan dalam memahami persoalan seksualiti. Globalisasi dilihat membawa kepada permasalahan seksualiti yang pada masa kini menjadikan remaja mengenali dan memahami kehidupan seksualiti mereka pada kadar yang lebih cepat daripada sepatutnya. Mereka juga tidak menolak bahawa proses industrialisasi adalah antara mekanisma yang membentuk makna seksualiti dalam masyarakat dan individu.

Oleh itu, persoalan tentang pemaparan wanita dalam kajian oleh Shamsul dan Fauzi (2006) terhadap persoalan seksualiti telah menjadi isu yang begitu sensitif dan hangat untuk diperdebatkan. Hal ini kerana makna yang dibentuk melalui seksualiti ini dimanipulasi bagi tujuan tertentu termasuklah dari aspek komoditi yang turut melibatkan media. Perkara ini dilihat lahir daripada kesedaran yang berkaitan dengan

seksualiti melalui konsumerisme dan akhirnya banyak hal berkaitan seksualiti dilihat menjadi produk untuk diterbitkan. Menurut mereka:

“We could say that “sexuality consciousness” has also increased globally through aggressive consumerism, especially within the context of marketing and branding efforts of all sorts of products, from toothpicks to dildos. The highly gendered advertisements on billboards and MMS messengers are just some such examples” (Shamsul & Fauzi, 2006, hlm 61).

Shamsul dan Fauzi (2006) juga melihat bahawa komodifikasi pornografi adalah antara perkara yang wujud dalam dunia tanpa sempadan pada ketika ini. Namun demikian, mereka juga tidak menolak fungsi yang dimainkan oleh media massa sebagai penggerak isu yang berkaitan dengan skandal, heteroseksual hinggalah kepada homoseksual dan juga kes pengakuan rogol.

Dengan itu, ia dilihat mengubah makna seksualiti yang seterusnya membuka ruang perbincangan tentang seks dan budaya berkaitannya dengan jelas dan meluas. Kadangkala ia menjadi isu yang dominan dalam pemaparan media massa. Dalam hal lain pula, ia dilihat telah dibentuk menjadi suatu perkara yang disemulajadikan dalam media. Dengan itu, pemaparan wanita dari sudut seksualiti merupakan perkara yang telah disemulajadikan. Namun, perkara ini harus difahami dari aspek pemahaman pengarah filem ketika kajian ini dilakukan.

Jelas di sini bahawa pemaparan wanita yang digerakkan oleh pemaparan jantina atau gender ialah perkara yang sering menjadi isu dalam sesuatu aspek termasuk pemaparan imej dalam industri kreatif seperti filem. Wanita bukan hanya dilabelkan dalam watak

dan perwatakan, namun ia mencakupi keseluruhan pembinaan atau penerbitan filem itu sendiri. Hal ini muncul terutamanya dalam dunia mitos atau cereka yang dibina dalam filem-filem tempatan termasuk dalam ruang proses Islamisasi yang wujud di Malaysia.

Maka, ini dilihat wujud dalam bentuk mitos iaitu membentuk norma dalam kehidupan masyarakat. Melihat kepada pandangan yang diutarakan oleh Holmberg (1998) dalam *Sexualities and Popular Cultures*, kita akan memahami bahawa setiap pemaparan dari sudut gender dan persoalan seksualiti membentuk pemahaman seseorang terhadap siapakah 'mereka' dalam konteks gender. Hal ini berlaku dengan mengetengahkan mitos-mitos tertentu melalui filem. Holmberg menyatakan bahawa:

"Myth is neither true nor false because it is treated, lived in everyday life, as if it were true.... Myths and their narrative structure help people make sense of their lives regardless of truth." (Holmberg, 1998 hlm. 37).

Oleh yang demikian, mitos berkaitan seksualiti melalui pemaparan gender ini turut dipaparkan dalam media hiburan seperti filem. Wanita dalam konteks pemaparan dibentuk dalam keadaan berhubung dengan jantina yang berlawanan iaitu dengan kehadiran lelaki. Sebagai contoh, dalam kes filem cereka yang melibatkan hubungan heteroseksual (watak lelaki dan perempuan), pada kebiasaannya dua watak protagonis yang akan digandingkan yang kemudiannya mengundang hubungan romantik (Holmberg, 1998).

Selain itu, media turut menjadi ejen dominan dalam persoalan ini apabila ia mempunyai kuasa untuk mempengaruhi masyarakat dan dianggap penting. Justeru, walaupun ia

memaparkan perkara yang bersifat mitos sekalipun, ia masih membawa kesan kepada penonton tersebut. Menurut Gountlett (2008), media bukan hanya membawa pemaparan berdasarkan pemahaman melalui dunia kita, tetapi turut memaparkan pengalaman dan situasi tertentu yang kita fahami berdasarkan pengalaman orang lain.

Oleh itu, masyarakat tidak dapat mengelak daripada menerima idea atau ideologi tentang sesuatu perkara termasuk menerima persoalan makna heteroseks dalam paparan wanita berdasarkan pengalaman yang tersedia dalam media (Gountlett, 2008). Beliau mengemukakan contoh drama-drama romantik yang selalunya menjadi panduan asas kepada seseorang tentang cara mereka harus berkelakuan. Hal ini merujuk kepada interaksi dan peranan antara dua gender. Gountlet berpandangan bahawa:

“Domestic or romantic dramas including soap operas show us how neighbours, friends and lovers interact. When a person has a lover for the first time in their lives, how they know how to behave? And where do we learn the typical shape and content of friendships? Our main reference points are surely film and TV.” (Gountlet, 2008, hlm. 3).

Perkara yang dipaparkan dalam media juga tidak terlepas daripada melihat pengalaman yang wujud dalam ruang sosial masyarakat yang menjalani kehidupan harian. Maka, media seperti drama dan filem memaparkan semula melalui proses produksi tertentu. Namun, pada peringkat realiti sosial lagi dilihat terdapat kesukaran dalam memahami makna pemaparan wanita dari sudut seksualiti yang timbul daripada beberapa keadaan. Hal ini tidak dapat dinafikan lagi terutamanya dalam situasi yang berlaku di Malaysia. Shamsul dan Fauzi (2006) menyatakan bahawa situasi memahami pemaparan wanita menjadi semakin kompleks apabila muncul pengaruh-pengaruh daripada persoalan

etnik yang pelbagai pascakolonial serta perbezaan budaya yang turut dinilai dalam konteks keagamaan terhadap pemahaman pemaparan wanita.

“The situation gets more complicated in a multi-ethnic postcolonial society in which the conception of sexuality and gender becomes heterogenized and atomized into ethnic enclaves which, in turn, invite contestation articulated, for instance, in religious terms.” (Shamsul & Fauzi, 2006, hlm. 26).

Terdapat juga kajian yang dilihat menjelaskan tentang wujudnya masalah keruntuhan moral yang berkait dengan isu seksualiti dalam agama lain seperti agama Kristian. Hal ini dilihat wujud apabila nilai keagamaan—ditenggelami oleh sistem lain terutamanya kapitalisme. Dalam keadaan ini, terdapat kajian yang berkait rapat dengan keadaan yang akan ditumpukan. Hal ini berlaku dalam konteks agama Kristian yang turut menghadapi persoalan yang sama apabila membincangkan tentang hal yang berkaitan dengan seks.

Satu kajian yang menggunakan pendekatan gender sedikit sebanyak dapat menyokong kajian ini dalam mengambil kira persoalan agama bagi membincangkan persoalan seksualiti dan gender. Eng Lye (2010) dalam kajiannya terhadap novel-novel terpilih karya Shahnnon Ahmad menjelaskan bahawa dalam mengkaji persoalan gender di Malaysia, terdapat pandangan yang agak berlainan daripada pandangan masyarakat di Malaysia yang berpegang kepada agama Islam. Dalam hal ini, beliau mengambil kira perspektif sosiobudaya tempatan.

Bukan itu sahaja, persoalan lain juga harus diambil kira dalam melihat persoalan seksualiti ini kerana latar sesuatu karya yang dihasilkan harus dikenal pasti walaupun dalam karya penulisan novel serta pembikinan filem, pengkarya bebas untuk mengadunnya mengikut cita rasa mereka. Eng Lye (2010) menyatakan bahawa:

“Sungguhpun ideologi kebangkitan Islam bertentangan dengan proses kemodenan dan sekularisme, namun institusi sosial-politik atau agama di Malaysia dikehendaki menurut satu alternatif kepada cara hidup yang moden dan seiring dengan perkembangan semasa, namun ideologi keagamaan tersebut telah menyeleweng ke arah memantapkan kedudukan kekuasaan lelaki....” (Eng Lye, 2010, hlm. 16)

Dengan itu, beliau turut mencadangkan supaya karya seni dinilai dari perspektif nilai budaya, ekonomi, dan politik sesebuah masyarakat pada konteks zamannya. Begitu juga dalam kajian yang dijalankan, ia berdasarkan latar era atau zaman tertentu dalam menerokai pemahaman gender dan seksualiti dalam konteks agama dan ideologi yang didukung oleh pemerintah di Malaysia pada masa tersebut (Eng Lye, 2010).

“Setiap peristiwa seni harus dilihat dari aspek latar ruang dan masa sosio-politikal setiap artifak kesenian itu dihasilkan. Dengan itu maka kita akan dapat memahami setiap kandungan yang dihasilkan dengan lebih tepat dan mendalam. Dengan itu, seni tidak pernah lari dari membicarakan tentang latar suasana politik, budaya, kepercayaan serta ekonomi masyarakat setempat.”(Eng Lye, 2010, hlm. 23).

Apabila menyentuh tentang pemaparan wanita, maka ia perlu dilihat dalam konteks budaya masyarakat yang wujud pada sesuatu tempat atau keadaan. Hal ini kerana persoalan tentang pemaparan wanita dalam konteks pemaparan seksualiti adalah

bersifat subjektif dan abstrak. Dengan itu, kajian ini tidak dapat lari daripada membincangkan filem dalam konteks budaya. Sebagai satu bentuk pemahaman umum tentang budaya, menurut Goonasekara (2003) dalam buku *‘Cultural Rights in the Global World’*:

“Culture is used in its anthropological sense to include values, beliefs, traditions, custom, moral and laws. As far as we are concerned that it is also include activities achievements, such as music, dance, painting and others creative arts. Dealing to the notion of culture by many scholars, one of the most points that can be focus is on a culture as a communication continuum.” (Goonasekaran, 2003, hlm. 170)

Melalui pernyataan tersebut, maka filem tidak terkecuali daripada mempunyai hubungan yang begitu signifikan dengan budaya. Malahan, menurut Kolker (2015), budaya merupakan sebahagian daripada teks. Hal ini kerana bagi beliau, filem berkait rapat dengan budaya yang dibawa dan dibentuk melaluinya. Dengan kata lain, budaya boleh diertikan atau difahamkan sebagai teks dalam kehidupan kita melalui kepercayaan yang sama, tindakan, respons serta segala jenis artifak yang kita hasilkan dan fahami.

Idea budaya sebagai teks bermakna pertamanya: budaya bukan bersifat semula jadi, sebaliknya ia dibentuk oleh manusia secara sedar atau tidak sedar dan merupakan segala produk yang mereka (manusia) lakukan atau fikirkan (Kolker, 2015). Menurut beliau:

“There is a curious cliché that says picture don’t lie. It’s part of that greater cliché that says seeing is believing. Somehow a thing seen directly-

or film brings us closer to some actual reality. Language and film is clearly cultural and not natural.” (Kolker, 2015, hlm. 176)

Justeru, segala benda yang melibatkan aksi atau tingkah laku, kepercayaan dan amalan serta artifak yang dihasilkan seperti mendengar muzik, fesyen berpakaian, filem dan televisyen yang ditonton mempunyai makna. Dengan ini, ia boleh ‘dibaca’ dan difahami. Oleh itu, Kolker (2015) berpandangan bahawa ketika melihat sebarang pemaparan dalam media, hakikatnya ia merupakan suatu bentuk pemaparan yang dikonstruksi semula oleh pemiliknya. Justeru, setiap perkara yang dikonstruksi sudah semestinya bukan berlaku dalam keadaan yang semula jadi.

Dari perspektif lain pula, komunikasi budaya dilihat berkait rapat dengan agenda politik bagi mempertahankan status quo pemerintah atau kerajaan. Hal ini dapat dilihat pada era feudalisme malahan dalam suasana politik masa kini di Malaysia. Dalam kes ini, budaya berkait dengan identiti yang diadaptasikan oleh suasana politik (Annura, 2003). Rentetan daripada itulah maka persoalan berkenaan pemaparan wanita ini bersangkutan dengan budaya dalam erti kata cara budaya membentuk makna pemaparan wanita termasuk dalam soal pemaparan seksualiti. Dari sudut lain pula, bagaimanakah sosiopolitik di Malaysia mengubah landskap budaya dalam memberikan pemahaman terhadap pemaparan wanita yang berkait rapat dengan seksualiti dan apakah yang dinyatakan sebagai sesuatu yang bersifat stereotaip di Malaysia?

Sekali lagi, Shamsul (2007) dalam karya yang lain melalui artikel bertajuk ‘*Antara Hubungan Platonik Dengan Romantis*’ menyatakan bahawa selepas isu penangkapan

Dato' Seri Anwar Ibrahim iaitu mantan Timbalan Perdana Menteri (TPM) Malaysia, banyak perkataan yang dahulunya jarang didengari dan digunakan secara umum telah menjadi perkara biasa dan diulangi oleh media-media massa. Perkataan berunsur seksual seperti 'liwat' dan 'sodomi' menjadi perkataan yang sudah kurang ditapis penggunaannya. Menurut beliau, pemaparan wanita dilihat menjadi satu bentuk pemaparan yang lebih bersifat seksis dan berlaku secara eksplisit dalam media. Hal ini berlaku dalam ruang keadaan yang wujudnya pertembungan antara persoalan kemodenan dan kecelikan agama. Shamsul (2007) menyatakan:

“Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa dari satu kes ini semacam suatu ledakan linguistik yang telah berlaku di luar dugaan, khususnya dari segi penambahan kosa kata tentang seks dalam budaya Melayu dan tulisan berbahasa Melayu. Penggunaan secara terbuka dengan lebih meluas perkataan serta ungkapan berkenaan telah menjadikan wacana tentang seks dalam budaya Melayu tidak sejanggal dahulu.” (Shamsul, 2007, hlm. 119)

Dua perspektif boleh dikemukakan melalui isu ini. Perspektif pertama ialah perkara ini dilihat baik dari segi pendidikan seks di Malaysia, namun demikian dari perspektif kedua pula iaitu berkaitan dengan pola umum tentang seks dalam kalangan masyarakat Melayu, ia dilihat sebagai *taboo* dalam *psyche* orang Melayu. Beliau bersetuju bahawa faktor linguistik bukan menjadi punca utama kepada persepsi negatif ini, tetapi ia wujud daripada acuan sosiologikal umum pandangan masyarakat Melayu. Dalam meneliti persoalan pemaparan wanita dalam konteks hubungan seksualiti misalnya, terdapat perbezaan yang nyata antara kedua-dua hubungan tersebut. Menurut Shamsul (2007), hubungan cinta platonik adalah berdasarkan kemesraan mendalam yang dimotivasikan oleh cinta terhadap ilmu pengetahuan dan tidak didorong oleh keinginan nafsu,

manakala hubungan romantis merupakan hubungan mesra lagi intim yang bertunjangkan motivasi mendalam yang bersifat seksual.

Namun demikian, perkara yang wujud dalam filem-filem Melayu ketika ini rata-ratanya adalah berkenaan pemaparan wanita yang banyak menunjukkan hubungan cinta romantis dan tidak terlepas daripada memaparkan unsur seksual. Hal ini diakui oleh Shamsul (2007) iaitu dalam sastera moden Melayu pun kita mendapati banyak karya yang dihidupkan oleh cerita cinta romantik, apatah lagi dalam filem dan drama televisyen (TV) Melayu semasa yang memang sarat dengan tema ini.

“Dalam sastera moden Melayu pun kita dapati banyak karya yang dihidupkan oleh cerita cinta romantik. Apatah lagi dalam filem dan drama TV Melayu semasa memang sarat dengan tema ini” (Shamsul, 2007, hlm. 120).

Justeru, bagi memahami pemaparan seksualiti dari sudut pemaparan wanita dalam filem, ia bukan dapat diselesaikan dengan mudah tetapi perlu melibatkan kajian terhadap sosiobudaya serta politik masyarakat Melayu pada zaman filem itu diterbitkan. Menurut Mahyuddin (2009), filem bukan hanya dikaji dan difahami sebagai satu produk industri kapitalis tetapi ia juga mempunyai perkaitan yang lebih luas terutama antara subjek dengan teks, teks dengan sistem sosial masyarakat, dan teks dengan wacana-wacana ideologi dominan dalam masyarakat (Mahyuddin, 2009).

2.2 Proses Islamisasi Dan Pemaparan Filem

Dalam membincangkan persoalan ideologi yang dipaparkan dalam sesebuah filem terutamanya dalam konteks filem yang mengetengahkan persoalan pemaparan Islam, Hariyadi (2013) melihat fungsi agama secara umumnya dan juga peranan filem yang mempunyai hubung kait yang sama iaitu agama mempunyai elemen yang cuba menjelaskan pandangan tentang sesuatu perkara serta menetapkan satu sistem dalam realiti masyarakat.

Filem pula memberikan penjelasan tentang sesuatu cerita berdasarkan ruang pandangan seperti konsep agama serta dalam masa yang sama meletakkan satu penekanan bahawa perihal yang dipaparkan ialah pandangan konkrit tentang sesuatu perkara dalam penceritaan filem. Justeru, dapat dijelaskan bahawa wujud kekuatan dalam konteks ini sekiranya persoalan berkenaan agama digabungkan dalam sesebuah penerbitan filem dan menjadi sebahagian daripada ideologi dalam filem dengan meletakkan nilai Islam (agama) dalam sesebuah penceritaan.

Namun demikian, Hariyadi (2013) mengakui bahawa penggabungan nilai agama dalam filem dilihat sebagai satu perkara yang begitu janggal dan kompleks, memandangkan filem bergerak di bawah ruang ideologinya yang tersendiri iaitu banyak membawa ruang imaginatif dan fantasi ke dalam sesebuah penceritaan. Hariyadi (2013) turut menyatakan bahawa ruang filem yang meletakkan Islam sebagai ideologi penceritaan juga agak sukar untuk diklasifikasikan memandangkan elemen-elemen yang dapat

menentukan sama ada sesebuah filem itu benar-benar boleh dikelaskan sebagai filem Islam atau Islamik masih lagi diperdebatkan.

Justeru, terdapat pelbagai pandangan berkenaan filem yang meletakkan ideologi keagamaan seperti yang dinyatakan oleh beliau bahawa sesetengah filem mempunyai tema atau unsur agama yang pada asasnya meletakkan pemaparan yang membentuk makna dalam tema-tema seperti pengorbanan, kemaafan, serta balasan baik dan jahat yang dibawa oleh watak-watak dalam filem. Pemaparan keagamaan ini juga dipaparkan dalam filem-filem yang tidak mempunyai tema keagamaan dalam bentuk pemaparan terhadap persoalan keagamaan yang sedikit longgar (Hariyadi, 2013).

Pada asasnya, filem-filem yang wujud dalam industri di Malaysia dapat dilihat menggunakan beberapa elemen seperti yang diutarakan oleh Hariyadi (2013) sebagai sebahagian daripada penceritaan mereka. Namun demikian, dalam konteks ruang pemaparan wanita, ia masih lagi dapat diperdebatkan memandangkan ideologi Islam yang wujud dalam realiti di Malaysia banyak mengikut asas ideologi dominan pemerintah yang membawa pemahaman Islam di Malaysia. Hal ini disebabkan oleh kajian dan pandangan daripada Hariyadi (2013) memberikan fokus kepada perkembangan penerbitan filem berbentuk Islamik berikutan perubahan sistem politik yang di Indonesia selepas berlakunya reformasi terhadap sistem pemerintahan di Indonesia sekitar tahun 1997/98.

Justeru, dalam memahami pemaparan filem berlandaskan ideologi Islam atau keagamaan ini, pada hakikatnya ia tidak berlaku secara seragam memandangkan ia tidak dapat lari daripada melihat persoalan budaya dan sosiopolitik tempat penerbitan filem tersebut. Hal ini dijelaskan dalam kajian yang dijalankan oleh Saodah, Nor Faridah, dan Rizalawati (2014) iaitu hubungan kuat antara filem dan agama adalah amat penting. Namun, dalam konteks agama membentuk landskap budaya, ia perlu dikaji dan dilihat memandangkan budaya dan amalan agama sebagai ideologi dalam budaya adalah berbeza mengikut situasi dan ruang dalam sesebuah negara (Saodah et al., 2014).

Walau bagaimanapun, kajian mereka mendapati bahawa masih wujud lagi kekeliruan pemahaman tentang konsep agama Islam terutamanya dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum (Saodah et al., 2014). Malah, Islam dan pemahamannya dalam kalangan masyarakat Melayu juga turut terbatas dalam menilai persoalan berkaitan agama Islam. Kajian mereka dilihat hanya terbatas terhadap pemahaman dalam kalangan penonton. Sebaliknya, kajian untuk memahami pemaparan Islam dalam kalangan pengarah-pengarah filem juga penting bagi memahami makna pemaparan dari sudut pandangan mereka.

Dari segi memberikan penekanan terhadap pengarah dan aktiviti pengarah filem tentang pemaparan Islam secara umumnya, terdapat pandangan daripada Nurrul Ezzati, Che Su, dan Doddy (2014) yang menekankan bahawa pemaparan berkenaan agama terutamanya Islam telah banyak dilakukan dalam filem dan mengikut ruang budaya yang pelbagai dalam masyarakat. Namun demikian, diakui bahawa pemaparan Islam ini dilihat jarang diketengahkan sebagai salah satu pemaparan yang bersifat eksplisit dalam industri di Malaysia. Justeru, melihat kepada pendekatan autoriti pengarah

bagi pemaparan Islam dalam filem, ia dilihat tidak dapat menjelaskan dengan kukuh tahap pemahaman pengarah terhadap pemaparan wanita dalam Islam. Hal ini merujuk kepada kajian semiotika yang dijalankan oleh Ezzati et al. (2014).

Perkara ini menjelaskan bahawa teori autoriti atau *atuer theory* adalah terbatas dalam membincangkan ruang budaya dan sosiopolitik terhadap sesebuah pemaparan yang membentuk makna yang lahir daripada keadaan realiti sosial dalam masyarakat. Keterbatasan teori ini juga ialah ia hanya dapat menyelesaikan persoalan teknikal dan estetika pemaparan filem tanpa melihat kepada idea asas di sebalik perasaan dan pandangan seorang pengarah dalam menentukan sesebuah pemaparan.

Perkara utama yang juga tidak dapat dilihat daripada kajian menggunakan kerangka teori autoriti adalah dari sudut realiti pengarah dalam industri yang mempunyai kekangan dari segi kuasa dalam menentukan sebarang bentuk penceritaan dan pemaparan dalam filem. Justeru, muncul persoalan berkaitan sejauh manakah filem bebas dalam sebarang ekspresi pemaparan (wanita)? Adakah ruang ideologi filem dari sudut penceritaan bebas dan mampu dikawal oleh seseorang pengarah? Sejauh manakah tahap autoriti seseorang pengarah dalam menentukan cerita bebas diterbitkan tanpa ada sebarang campur tangan daripada sistem kerajaan dan ekonomi politik?

Mahyuddin (2011) cuba mengaitkan hegemoni kuasa sistem yang mengawal sebarang penerbitan filem sebagai perkaitan yang bersifat implisit dan harus dikaji secara kritikal. Perkara yang dijelaskan dalam konteks agenda dasar seperti Dasar Budaya Kebangsaan menggariskan tiga asas gagasan iaitu 1) kebudayaan kebangsaan mesti berasaskan kebudayaan peribumi di rantau ini, 2) unsur-unsur yang sesuai daripada

budaya lain boleh diterima sebagai sebahagian daripada budaya negara, dan 3) Islam ialah satu komponen penting dalam membentuk budaya kebangsaan.

Berpandukan dasar yang dinyatakan di atas, kita dapati bahawa pemaparan ideologi Islam menjadi satu pemaparan yang begitu sukar dan samar. Hal ini adalah berdasarkan tiga asas gagasan yang dinyatakan di atas masih tidak menjamin sesebuah penerbitan filem itu dapat dipaparkan dalam bentuk ideologi Islam yang jelas.

Ia disebabkan oleh munculnya satu bentuk kekuatan nasional yang dilihat mempunyai pengaruh yang besar terhadap ketiga-tiga Dasar Budaya Kebangsaan. Akhirnya, satu bentuk ideologi dominan terhasil daripada sistem yang mengawal dasar tersebut (Mahyuddin, 2011). Dengan persoalan-persoalan nasional bangsa yang masih lagi dilihat rapuh dan samar dalam konteks sosio-politik di Malaysia, Mahyuddin (2011) melihat bahawa agak sukar untuk menerapkan pemaparan filem nasional yang sebenar dalam industri perfileman, lebih-lebih lagi dalam konteks melahirkan sebuah filem yang benar-benar dapat memaparkan identiti Islam di Malaysia.

Selain itu juga, Mahyuddin (2011) mengemukakan pandangan bahawa dengan wujudnya gagasan daripada Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang meletakkan agama Islam sebagai komponen penting dalam melahirkan segala bentuk kebudayaan pada peringkat nasional, maka sudah tentu artifak budaya seperti filem juga harus mementingkan nilai agama dan meletakkannya sebagai satu perkara yang penting.

Namun, Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini masih lagi perlu difahami dan diteliti memandangkan dasar ini dilihat telah meletakkan pengukuhan hegemoni sistem

dominan dalam masyarakat untuk diterima atau sebaliknya terutamanya dalam hal yang berkait rapat dengan komponen keagamaan tadi. Persoalan ini mengakibatkan sesuatu pemaparan filem dilihat disesuaikan mengikut budaya tertentu yang bukan hanya meletakkan agama sebagai satu-satunya pemaparan dalam filem. Oleh itu, pemaparan filem dari sudut watak dilihat dipaparkan dengan meletakkan persoalan budaya Melayu dan Islam sebagai satu bentuk pemaparan yang dominan.

Kajian oleh Badrul dan Faridah (2012) menjelaskan yang untuk memahami pemaparan watak dalam filem, ia harus dilihat melalui satu bentuk kajian kritikal dan merujuk kepada analisis kritikal wacana. Pada asasnya, kajian yang dilakukan oleh mereka melihat kepada persoalan sinema sikap dalam kalangan penggiat industri filem di Malaysia. Kajian mereka juga menumpukan terhadap pemaparan Melayu dalam latar sistem pendidikan vernakular. Dengan meletakkan andaian bahawa setiap pemaparan watak dalam filem dipengaruhi oleh ideologi dominan yang akhirnya membentuk hegemoni ke atas penontonan penonton, ia mengakibatkan setiap pemaparan walaupun dalam ruang suasana vernakular (merujuk kepada pemaparan multietnik) akan diterima sebagai satu bentuk ideologi dominan tanpa disedari. Oleh itu, Badrul dan Faridah (2012) menyatakan bahawa makna pemaparan yang wujud dalam filem amat bergantung kepada perkembangan wacana yang berlaku pada ruang masa tertentu.

Perkembangan ini juga dilihat berlaku apabila persoalan tentang pemaparan Melayu-Islam dalam filem di Malaysia dilihat sering berubah. Hal ini disedari apabila kualiti filem-filem Melayu dalam kajian oleh Badrul dan Faridah (2012) didapati banyak dipengaruhi oleh persoalan *box office* yang hanya mementingkan soal keuntungan dan dilihat berkait rapat dengan penjualan genre-genre tertentu ke layar perak. Bukan itu

sahaja, pemaparan Melayu-Islam dalam filem juga dipengaruhi oleh unsur songsang dan pornografi yang akhirnya menyebabkan pemaparan dalam filem Melayu mencerminkan yang sikap penggiat industri perfileman Malaysia hanya dipengaruhi oleh persoalan keuntungan semata-mata.

Badrul dan Faridah (2012) turut menekankan bahawa pengaruh ideologi daripada perkembangan sosiopolitik begitu mempengaruhi sesuatu pemaparan dalam filem. Hal ini berlaku terutamanya dalam filem-filem era 1980-an sehingga awal 1990-an. Justeru, pemaparan watak dan cerita Melayu-Islam dilihat amat berkait rapat dengan sistem ideologi yang menguasai masyarakat pada era tersebut (Badrul & Faridah, 2012).

Oleh itu, wujud pemaparan baru terhadap watak dalam filem Melayu-Islam seiring dengan perkembangan era 2000-an di bawah sistem pemerintahan Tun Mahathir yang dilihat menggerakkan pemaparan dalam konteks zaman Melayu Baru. Konsep Melayu Baru ini merujuk kepada identiti Melayu kelas menengah melalui Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pensyarikatan yang diperkenalkan pada era pemerintahan Tun Mahathir. Justeru, sebagai sebuah negara maju berteraskan pemikiran Wawasan 2020, pemaparan Melayu-Islam dilihat lebih dipengaruhi oleh persoalan kemodenan. Kajian oleh Badrul dan Faridah (2012) menunjukkan bahawa pemaparan Melayu-Islam dalam filem arahan Yasmin Ahmad iaitu Mukhsin (2009) merupakan gambaran ideologi sistem yang dipengaruhi oleh era tersebut. Dengan itu, Melayu-Islam dilihat dipaparkan dalam kerangka multietnik. Namun, ia membentuk pemaparan dominan Melayu-Islam dalam ruang filem tersebut.

Kajian yang dilakukan oleh Badrul dan Faridah (2012) ini dilihat hanya menumpukan kepada persoalan pemaparan watak secara umum iaitu dengan hanya melihat pemaparan Melayu-Islam tanpa menekankan secara jelas terhadap persoalan pemaparan wanita. Hal ini disebabkan oleh kajian mereka menumpukan terhadap pemaparan multietnik. Kajian ini juga menumpukan kepada persoalan ideologi dan konstruk dari segi sosiopolitik, dan dilihat hanya menumpukan kepada persoalan sikap yang dianalisis daripada kritikan wacana. Ia tidak melihat daripada pandangan pengarah-pengarah filem. Namun begitu, kajian ini sedikit sebanyak menjelaskan bahawa pemaparan watak dalam filem begitu jelas dipengaruhi oleh konstruk kekuasaan sosial-politik. Selain itu, ia mendedahkan bahawa pemaparan Melayu-Islam wujud dalam bentuk pergelutan dan pertembungan antara persoalan Melayu-Islam sebagai identiti dan pengaruh kemodenan.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Al-Fatihah dan Normaliza (2014), pemaparan filem dari aspek watak Melayu-Islam pula dilihat mencakupi persoalan tema-tema tertentu. Kajian mereka yang menumpukan terhadap kritikan sosial turut mempunyai pandangan yang hampir sama seperti kajian sebelum ini dengan meletakkan filem dan makna pemaparan terhadap kerangka realiti sosial yang berlaku dalam masyarakat Melayu.

Kajian mereka merujuk kepada pemaparan realiti sosial dalam filem *Zombie Kampung Pisang* karya Mamat Khalid yang memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu-Islam berada dalam pergelutan makna yang berkait rapat dengan isu gejala sosial. Justeru, berdasarkan analisis kandungan melalui kerangka kritikan sosial yang mengetengahkan teori sosiologi, didapati pemaparan Melayu-Islam sarat dengan

persoalan gejala sosial seperti vandalisme, aktiviti mat rempit, dan hilangnya semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam.

Al Fatihah dan Normaliza (2014) juga memberikan pandangan yang jelas bahawa persoalan kritikan sosial yang merujuk kepada realiti sosial yang berlaku dalam masyarakat mempunyai pengaruh yang kuat terutamanya terhadap seseorang pengarah dalam memaparkan watak dalam cerita. Hal ini diakui dalam kajian mereka berdasarkan pengamatan yang dijalankan terhadap sikap serta gaya pengarah pengarah seperti Mamat Khalid.

Justeru, wujud hubungan yang begitu kuat antara makna yang lahir daripada pemaparan watak dalam filem dengan konstruk sosial yang berlaku pada ruang dan masa tertentu. Walaupun kajian ini tidak memberikan fokus yang jelas berkenaan makna daripada pemaparan watak secara mendalam, ia menjelaskan bahawa filem merupakan bentuk cerminan realiti yang jelas menggambarkan tentang pemaparan Melayu-Islam terhadap gejala sosial tertentu. Dalam keadaan ini juga, ia turut menunjukkan keadaan pemaparan terhadap Melayu-Islam yang berada dalam pergelutan disebabkan wujudnya pertembungan pemahaman dalam pemaparan antara jati diri Melayu Islam serta pengaruh budaya luar dalam masyarakat Melayu. Hal ini jelas dinyatakan dalam kajian mereka apabila melihat filem *Zombie Kampung Pisang* masih lagi meletakkan pemaparan yang berkait rapat dengan isu penjajahan budaya asing. Melalui analisis watak *Zombie* yang digambarkan sebagai wabak yang merebak di dalam *Kampung Pisang* (Al-Fatihah & Normaliza, 2014), wabak zombie ini menggambarkan makna wujudnya penyebaran budaya asing. Oleh itu, kajian ini turut

menjelaskan bahawa pemaparan Melayu-Islam menghadapi cabaran pergelutan makna antara persoalan Islam dan juga moden yang merujuk kepada budaya barat.

Terdapat cabaran dalam memahami sama ada filem dan Islam dapat diguna pakai memandangkan wujudnya pertembungan dengan perkara lain yang berkembang dalam sistem sosial masyarakat di Malaysia. Gray (2015) menyifatkan bahawa bagi meletakkan Islam dalam filem-filem di Malaysia, latar sosial dan perkembangan perlulah dilihat iaitu dari segi pergelutan antara Islam dengan persoalan modeniti dalam masyarakat Melayu.

Asas kepada pertembungan ini berlaku dalam ruang pergelutan politik dari segi pertembungan parti-parti politik yang masing-masing meletakkan agenda Islam sebagai sebahagian daripada sistem urus tadbir negara ini yang mengikut ideologi politik masing-masing. Perkara ini memperlihatkan bahawa pada satu pihak, parti seperti UMNO yang lahir di pinggir bandar membawa ideologi politik moden dengan menekankan agenda nasional sebagai asas politik berbanding parti PAS yang meletakkan dasar agama Islam sebagai tunjang utama dalam pemikiran dan pengurusan politik (Gray, 2015).

Dalam keadaan ini juga, Gray (2015) melihat bahawa dasar-dasar UMNO yang menjadi parti yang dominan mengawal selia sistem di Malaysia banyak memberikan keutamaan terhadap persoalan kemodenan dengan mewujudkan pelbagai dasar yang cuba menyeimbangkan pembangunan ekonomi dalam kalangan pelbagai kaum di negara ini. Justeru, dasar-dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) diwujudkan secara langsung oleh parti dominan bagi mewujudkan satu bentuk ekonomi politik untuk rakyat Malaysia terutamanya bangsa Melayu-Islam.

Agenda tersebut dilihat seiring dengan beberapa agenda lain seperti mengawal pengaruh dakwah Islam oleh badan-badan atau parti politik lain daripada mengganggu agenda dominan dengan menubuhkan pelbagai institusi yang dibina di bawah agama Islam. Hal ini memperlihatkan bahawa parti dominan bukan hanya melihat persoalan Islam dalam sistem sosiopolitik, malah meletakkan juga ideologi kapitalis dalam ruang ekonomi politik yang menyebabkan aktiviti-aktiviti seni turut mengalami impak tersebut. Gray (2015) menegaskan bahawa dengan wujudnya kekuatan dalam menentukan persoalan kemodenan dalam agenda pembangunan negara, maka wujud satu keadaan iaitu persoalan Islam bertembung melalui tiga pola utama merangkumi bangsa-agama, kemodenan, dan politik. Pola-pola ini juga menjadi asas kepada pengelasan masyarakat kelas-kelas tertentu yang diwujudkan oleh pihak dominan dalam membentuk polisi Islam nasionalis (Gray, 2015).

Justeru dalam keadaan ini, bahasa atau teks filem Melayu dilihat terkongkong dalam keadaan pola yang dinyatakan oleh Gray (2015) yang melihat bahawa setiap produk budaya termasuk filem terkongkong dalam ruang dan keadaan yang telah dicetuskan oleh ideologi dominan berdasarkan pergelutan pola-pola tadi.

Secara keseluruhannya, Gray (2015) mendapati bahawa persoalan urbanisasi yang menjadi asas kepada pergelutan antara Islam nasionalis dan Islam di bawah dasar kerajaan serta pertembungan Islam dengan pihak lain selain kerajaan telah meletakkan produk seperti filem dalam ruang yang boleh diperdebatkan terutamanya dalam memahami pemaparan sebenar Islam dalam filem di Malaysia. Beliau menyatakan bahawa:

The films are a product of a particular type of cultural producer, one who is very much spatially and ideologically situated and invested in a particular constellation of expectations and assumptions of what it means to be a modern urban Malay. Further, as cultural producers, these filmmakers are able to promote their vision to other groups of people. However, the vision itself is questioned and contested. (Gray, 2015, hlm.52)

Pertembungan antara persoalan kemodenan dan peletakan agenda nasionalisme agama kepada sistem sosial dan politik ini memberikan kesan langsung terhadap pemaparan identiti masyarakat termasuk dalam soal pemaparan wanita itu sendiri. Hal ini mengakibatkan wujud satu keadaan yang dianggap sebagai *internationalisme* dalam budaya masyarakat Melayu (Gray, 2015).

Berdasarkan konsep itu, maka kita mendapati bahawa pemaparan wanita dari sudut imej pemaparan sudah semestinya mengalami pergelutan antara persoalan moden dan tradisional yang turut mencakupi persoalan nilai agama Islam dalam produk-produk filem yang dihasilkan. Premis ini mengukuhkan lagi kajian dalam meneliti perkembangan Islam dan dilihat berlaku dalam ruang politik sosial yang membawa bentuk pentafsiran Islam dalam masyarakat termasuklah dalam ruang pemaparan filem.

Keadaan ini disokong berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ngoh dan Harith (2015) yang mengkaji filem Muallaf (2009) karya Yasmin Ahmad. Kajian wacana berkenaan kepelbagaian budaya ini menjelaskan bahawa perdebatan berkenaan pemaparan agama tidak dapat lari daripada persoalan ruang politik masyarakat Melayu. Mereka mendapati

pemaparan Melayu sering digandingkan dengan agama iaitu Melayu-Islam yang merupakan bentuk pemaparan yang sentiasa menjadi simbol bagi kekuasaan sistem yang memerintah masyarakat terutamanya golongan Melayu di Malaysia.

Justeru, pemaparan Islam menjadi perdebatan berdasarkan pergelutan yang dihadapi dalam proses perkembangan dalam memperjuangkan konsep Islam berdasarkan dua kuasa gerakan politik dalam masyarakat Melayu. Hal ini dilihat apabila terdapat kelompok pergerakan politik yang menekankan persoalan sekularisme, namun pada masa yang sama masih menekankan persoalan agama Islam. Pihak yang lain pula meletakkan perjuangan Islam pada konteks yang lebih fundamental terutamanya dalam gerakan politik parti Islam di Malaysia (Ngoh & Harith, 2015). Landskap wacana politik Islam ini merupakan kerangka yang dikaitkan dengan filem Muallaf karya Yasmin Ahmad (2009).

Dalam keadaan ini, melalui analisis tekstual yang dilakukan oleh mereka, didapati bahawa pemikiran pengarah-pengarah gelombang baharu seperti Yasmin Ahmad telah dipengaruhi oleh pemikiran bersifat kosmopolitanisme berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh Gaik Cheng (2006). Pemikiran ini meletakkan persoalan adat Melayu dalam konteks yang lebih moden. Dengan itu, Islam juga dikaitkan dengan persoalan moden di samping meraikan kepelbagaian budaya yang cuba disesuaikan dengan pemaparan Islam-modern dalam sesebuah filem (Ngoh & Harith, 2015).

Dalam menganalisis kajian ini, Ngoh dan Harith (2015) menumpukan kajian terhadap pemaparan yang wujud dalam *mis-en-scene* filem tersebut yang terdiri daripada elemen kostum, watak, warna, dan pencahayaan. Elemen-elemen tersebut dihubungkan dengan

wacana kepelbagaian budaya yang memberikan fokus terhadap persoalan agama Islam yang disesuaikan dengan budaya serta agama yang pelbagai. Hal ini meletakkan sekali lagi persoalan agama iaitu Islam bergelut dengan persoalan identiti nasional yang melibatkan pelbagai ras dan etnik.

Hal ini wujud berdasarkan pandangan daripada pengkritik filem ini yang menjustifikasikan filem Muallaf sebagai membawa unsur kekeliruan terhadap agama Islam. Perkara ini merujuk kepada wujudnya pengaruh kepelbagaian agama dalam penceritaan yang cuba meletakkan agama Islam sebagai agama yang bebas berbanding dengan agama lain. Namun, Ngoh dan Harith (2015) menjelaskan bahawa dalam konflik pemahaman Islam, filem ini secara implisit masih mengangkat agama Islam sebagai bentuk pemaparan yang dominan.

Dalam konteks ini, kajian Ngoh dan Harith (2015) mendapati bahawa pemaparan Islam dominan merujuk kepada persoalan Islam yang bersifat universal. Sifat universal ini dipaparkan dengan meletakkan konsep kepelbagaian budaya sebagai salah satu elemen yang wujud dalam pemaparan Islam. Dalam hal ini, imej Melayu-Islam dilihat telah tercabar dan ia menunjukkan bahawa pemaparan Islam daripada pandangan budaya dominan pada asasnya tidak dapat dipisahkan dengan Melayu.

Dari sudut pemaparan wanita, kajian oleh Ngoh dan Harith (2015) ini dilihat mengetengahkan peranan wanita Melayu yang mempunyai latar belakang agama Islam yang sempurna. Dalam hal ini, peranan pemaparan wanita diangkat sebagai satu bentuk pemaparan yang menentang pemikiran dominan dalam masyarakat Melayu-Islam yang selalunya dikaitkan dengan sistem patriarki. Pendekatan ini juga memberikan ruang

kepada kepelbagaian budaya dan bukan hanya membawa persefahaman pelbagai etnik terhadap persoalan agama Islam, tetapi cuba mencabar pemikiran asas masyarakat Melayu-Islam yang selalu mengaitkan persoalan kepimpinan dengan kaum lelaki.

Kajian oleh Ngoh dan Harith (2015) ini sedikit sebanyak membantu memahami pemahaman pengarah dengan membuka ruang pemahaman baharu terhadap pemaparan Islam dan wanita. Namun, kajian ini dilihat tertumpu kepada analisis tekstual yang banyak membincangkan tentang persoalan teks filem dan wacana tertentu terutamanya dari sudut politik. Sekali lagi, kajian ini tidak memberikan gambaran daripada pandangan sebenar pengarah disebabkan limitasi dalam proses temu bual yang tidak mungkin dapat dilakukan memandangkan pengarah filem ini iaitu Yasmin Ahmad telah meninggal dunia. Namun, jelas di sini bahawa terdapat usaha pengarah-pengarah filem aliran baharu di Malaysia untuk mengangkat filem ke arah pemaparan Islam dan wanita.

Dalam keadaan lain pula, persoalan tentang pemaparan filem harus dikaitkan dengan persoalan jenis filem yang dihasilkan oleh penggiat industri perfileman di negara ini. Dalam konteks yang lebih spesifik, pemaparan wanita dapat difahami berdasarkan jenis filem atau genre yang dipilih. Hal ini sedikit sebanyak mengakibatkan wujudnya reaksi tertentu daripada institusi agama. Secara tidak langsung, persoalan genre ini dilihat memberikan impak terhadap institusi keagamaan. Hal ini dapat dilihat dari sudut hukum dan pemahaman terhadap sesuatu pemaparan dalam filem.

Pemaparan wanita dalam situasi yang lain diletakkan dalam pemaparan tertentu yang akhirnya memberikan kesan terhadap persoalan keagamaan. Hal ini merujuk kepada beberapa kajian yang mendapati pemaparan filem-filem seram sebagai mencabar

institusi keagamaan di negara ini berikutan terdapat unsur-unsur yang bertentangan dengan sistem pemahaman Islam di negara ini. Kajian oleh Monika, Siti Khadijah, dan Nik Mohd Zaim (2017) menjelaskan bahawa terdapat kesan-kesan pelanggaran akidah dalam babak-babak tertentu terutamanya bagi filem bergenre seram.

Kajian mereka juga mendapati bahawa setiap penerbitan filem turut dipengaruhi oleh faktor-faktor yang berkait rapat dengan persoalan kemodenan, ekonomi, dan politik terutamanya dalam menentukan jenis filem yang diterbitkan kepada penonton (Monika et al., 2017). Justeru, pada tahun-tahun tertentu seperti sekitar tahun 2011 dan 2012, terdapat lambakan filem-filem bergenre seram yang diterbitkan dan dikaitkan dengan faktor-faktor seperti tarikan penonton.

Dengan ini, genre seram telah menjadi salah satu produk yang memberikan pulangan yang lumayan kepada industri. Di samping itu, kajian Monika et al. (2017) mendapati bahawa pemaparan filem-filem seram mengandungi perkara-perkara yang bertentangan dengan ilmu agama. Hal ini secara tidak langsung telah mencabar institusi keagamaan terutamanya agama Islam di negara ini. Mereka mendapati bahawa:

“Terdapat pengaruh yang sangat signifikan dalam filem-filem itu yang memaparkan unsur-unsur syirik yang boleh menggoyah akidah umat Islam. Lantaran itu, peranan semua pihak amat diperlukan bagi menangani isu syirik tidak lagi dipaparkan di dalam filem kerana ia merosakkan akidah dan melemahkan iman seseorang yang bakal menyumbang untuk pembangunan negara pada masa akan datang.” (Monika, Siti Khadijah, & Nik Mohd Zaim, 2017 hlm. 474)

Kajian Monika et al. (2017) juga mendapati bahawa terdapat beberapa babak dalam filem-filem seperti Khurafat, Sumpahan Kum Kum, dan Nonkrong yang meletakkan imej-imej dan penceritaan watak wanita yang mengandungi perkara-perkara negatif serta melanggar persoalan akidah.

Walaupun kajian Monika et al. (2017) mengetengahkan persoalan filem seram dalam konteks pertentangan akidah, ia masih lagi tidak membawa landskap institusi agama ke dalam ruang yang lebih mendalam dari sudut impak atau kesannya terhadap sesuatu pemaparan. Persoalan tentang kuasa kawalan oleh institusi keagamaan juga tidak dibincangkan dengan jelas memandangkan kajian ini lebih memfokuskan pemaparan berunsur syirik dalam filem.

Namun, secara tidak langsung kajian Monika et al. (2017) telah mengetengahkan beberapa persoalan yang perlu diberikan perhatian berkaitan pemaparan makna dalam filem terutamanya dalam konteks memahami peranan genre yang digerakkan oleh faktor ekonomi dan politik. Perkara ini akhirnya membentuk penceritaan tertentu yang mengandungi unsur syirik dalam filem. Selain itu, penemuan kajian mereka menunjukkan peranan watak wanita yang dilihat menyumbang kepada pemaparan yang negatif yang mencabar sistem keagamaan melalui persoalan unsur syirik.

Kajian oleh Azlina dan Jamaluddin (2013) turut mengemukakan persoalan tentang pemaparan wanita dalam filem genre seram sebagai bentuk pemaparan yang cuba mencabar ideologi maskulin dalam masyarakat Melayu. Kajian mereka menumpukan kepada persoalan pemaparan wanita dalam genre seram terutamanya terhadap dua buah karya yang mengetengahkan tentang saka. Filem yang dikaji ialah Waris Jari Hantu

(2007) dan Damping Malam (2010). Dengan meletakkan saka dalam ideologi pemaparan wanita, kajian ini mendapati isu saka berjaya mencabar unsur normal yang wujud dalam ideologi masyarakat patriaki. Dengan itu, kajian pemaparan wanita yang dijalankan oleh mereka mengemukakan satu bentuk pandangan yang cuba melihat bahawa pemaparan wanita pada asasnya sentiasa berada di bawah sistem dominan. Namun, pada keadaan tertentu terutamanya dalam penerbitan filem genre seram, ia telah berjaya mencabar kestabilan ideologi patriaki.

Namun demikian, dalam kajian lain pula, penggunaan genre seram terhadap pemaparan wanita dilihat bukan hanya mencabar ideologi masyarakat patriaki semata-mata, tetapi ia turut mewujudkan unsur diskriminasi terhadap pemaparan wanita. Kajian oleh Azlina, Jamaluddin, dan Sabariah (2017) mendapati terdapat diskriminasi dalam pemaparan wanita apabila ia sering dikaitkan dengan budaya pemakaian susuk. Perbezaan dalam amalan pemakaian susuk ini dilihat sebagai satu bentuk penindasan terhadap pemaparan wanita. Justeru, kajian mereka mendapati bahawa usaha untuk mengukuhkan lagi ideologi patriaki ke atas wanita dalam filem seram dilakukan dengan menonjolkan ideologi tersebut dalam genre seram itu sendiri. Hal ini dilakukan dengan meletakkan simbol pemaparan seperti watak hantu, ritual, dan amalan budaya tertentu. Kajian mereka juga mendapati wanita sering dipaparkan sebagai watak yang pasif.

Namun, kehadiran kuasa luar biasa watak wanita dilihat sedikit sebanyak telah menggugat kestabilan ideologi patriaki. Kedua-dua kajian ini telah berjaya menjelaskan cara kuasa ideologi dominan dilihat dapat dicabar apabila watak pemaparan wanita wujud dalam genre seram. Namun demikian, dalam ruang persoalan pemaparan Islam, kajian tersebut dilihat tidak menjelaskan tentang persoalan penindasan yang wujud dari

segi pelanggaran akidah yang berkait rapat dengan persoalan keagamaan. Justeru, terdapat cabaran-cabaran tertentu dalam usaha menerbitkan sebuah pemaparan Islam dalam filem terutamanya apabila membincangkan tentang pembinaan watak seperti wanita.

Kajian yang melihat kepada cabaran terhadap pemaparan filem dan persoalan agama telah dijalankan oleh Rosmawati dan Rozalfari (2009) yang menumpukan kepada filem klasik karya P. Ramlee iaitu filem Semerah Padi, yang dijadikan sampel kajian. Mereka menumpukan kepada persoalan cabaran untuk memaparkan watak yang dilihat benar-benar Islamik terutamanya watak utama dalam cerita tersebut iaitu watak Aduka dan Dara.

Kajian mereka mengaitkan filem-filem moden era 2000 dan merujuk kepada persoalan genre berunsur dakwah yang dilihat kurang mendapat sambutan dalam kalangan penonton. Hal ini adalah berdasarkan cabaran yang dikaitkan dengan persoalan kemodenan dan kapitalisme yang membawa masuk unsur hiburan yang membataskan elemen dakwah dalam filem-filem tempatan. Kajian ini juga mendapati bahawa wujud nilai-nilai liberal dalam filem-filem dekad 2000 yang mengakibatkan wujud pertembungan dalam persoalan imej Melayu-Islam yang telah dicampuri unsur-unsur moden yang merujuk kepada persoalan kemodenan.

Akhirnya, pemaparan filem hanya mampu menyelitkan unsur Islam sebagai sebahagian daripada keseluruhan cerita sahaja. Hal ini mengakibatkan filem hanya dinilai sebagai satu bentuk hiburan kosong tanpa menitikberatkan elemen Islam yang jelas. Akhirnya, kajian ini juga mendapati bahawa pemaparan Islam dalam konteks dakwah telah dicampuri pelbagai unsur seperti liberal serta sekular yang mengakibatkan pemaparan

filem yang mempunyai unsur Islam dalam konteks dakwah menjadi tidak begitu jelas dan kukuh.

Walaupun terdapat jurang perbandingan dalam kajian ini antara filem tahun 2000-an dan filem klasik seperti karya P. Ramlee, ia dilihat cuba untuk mengetengahkan persoalan pemaparan dakwah dalam filem-filem di Malaysia dari era P. Ramlee hingga ke tahun 2000-an. Dengan melihat kepada cabaran pemaparan dakwah tersebut dan juga kajian Rosmawati dan Rozalfari (2009), persoalan pemaparan dalam konteks Islam dan wanita merupakan sesuatu yang sukar untuk dipaparkan dan mempunyai pemahaman yang pelbagai.

Pemahaman yang pelbagai ini harus difahami bukan hanya dalam konteks faktor-faktor seperti modenisasi, penentuan ekonomi, dan juga budaya global. Malah, faktor pemahaman dari perspektif penggiat industri perfileman juga perlu ditekankan. Hal ini merupakan perkara yang tidak diterapkan dalam kajian ini.

Kajian berikutnya pula mendapati bahawa terdapat filem-filem Melayu yang mempunyai unsur pemaparan Islam yang dikaitkan dengan konsep dakwah. Kajian yang dilakukan oleh Rosmawati, Salleh, Nizam, dan Sham (2011) mendapati bahawa filem-filem yang berkait rapat dengan pemaparan Islam pada asasnya dikaitkan dengan persoalan dakwah. Dalam kajian ini, penumpuan terhadap watak dan perwatakan diberikan tumpuan lebih khusus dan merujuk kepada beberapa filem tertentu.

Melalui kajian ini juga, pengkaji mendapati bahawa persoalan genre merupakan persoalan yang begitu penting untuk diberikan penekanan dalam memahami perwatakan. Hal ini menjelaskan bahawa persoalan tersebut dan genre filem mempunyai perkaitan yang begitu kuat dalam menentukan sesuatu pemaparan termasuk pemaparan

Islam. Namun begitu, kajian ini mendapati bahawa dari tahun 2009 hingga ke 2010, filem-filem yang mengandungi genre dakwah iaitu genre yang memaparkan persoalan Islam tidak begitu menarik minat pengarah dan penggiat filem (Rosmawati et al., 2011). Penentuan bagi persoalan pemaparan Islam juga dilihat dari sudut yang sempit dalam semua bentuk penerapan elemen Islam, terutamanya dari segi pemaparan yang terarah kepada pemaparan babak seperti solat semata-mata. Justeru, kajian ini hanya melihat aktiviti-aktiviti seperti solat sebagai salah satu unsur dakwah yang wujud dalam filem. Dengan itu, kajian ini secara tidak langsung menginterpretasi pemaparan solat dan pentafsirannya dari sudut hasil kerja pengarah filem Melayu kerana filem-filem era 2009 pada asasnya tidak begitu menumpukan terhadap babak-babak yang berkait rapat dengan ibadat seperti solat. Kebanyakan filem pada ketika itu menumpukan kepada babak-babak yang dilihat menyimpang daripada persoalan agama. Hal ini merujuk kepada babak-babak yang memaparkan pergaulan bebas, pemerkosaan, dan aktiviti-aktiviti yang menyimpang daripada mesej yang mempunyai nilai dakwah (Rosmawati et al, 2011).

Dalam usaha untuk memahami kepentingan persoalan genre dalam membentuk kualiti sesebuah filem di Malaysia, kajian yang dilakukan oleh Jamaluddin, Hasrul, dan Faridah (2014) mendapati bahawa genre merupakan perkara yang paling penting dalam memastikan filem-filem tempatan dapat bersaing pada peringkat global. Kajian ini juga mendapati berdasarkan pandangan pemain industri filem tempatan, setiap pengarah harus melihat kekuatan dan kesesuaian genre dalam memastikan kualiti sesebuah filem dapat diterbitkan. Selain itu, kajian mereka juga turut membuktikan bahawa bagi memastikan filem tempatan dapat bersaing pada peringkat global, pengarah-pengarah filem tempatan harus berani mengetengahkan filem-filem yang melahirkan pemaparan

budaya tempatan seperti filem-filem dari Thailand. Dalam konteks kajian ini, pengkaji melihat bahawa persoalan genre merupakan perkara yang begitu kuat dalam membentuk identiti sesuatu pemaparan. Justeru dalam konteks pemaparan Islam juga, sistem genre ini dilihat begitu penting untuk difahami terutamanya dalam mengaitkannya dengan pemaparan filem dan Islam.

Dengan mengemukakan pandangan daripada Naim (2011) berkenaan filem dan Islam, kajian ini turut mengaitkan dengan konsep filem Islam. Menurut Naim (2011), beliau meletakkan filem daripada proses pra hingga ke tayangan sesuatu produksi dalam bentuk yang halal mengikut hukum Islam. Beliau juga mengemukakan pandangan bahawa filem harus menerapkan nilai dan mesej yang mempunyai unsur dakwah iaitu unsur kebaikan terhadap penonton. Justeru, kajian ini melihat unsur tersebut pada beberapa buah filem iaitu Mualaf (2009) dan Syurga Cinta (2009).

Berdasarkan pandangan asas daripada Naim (2011) yang meletakkan filem sebagai mempunyai fungsi dakwah dalam konteks *amar ma'aruf nahi mungkar* iaitu mengajak kepada kebaikan dan melarang daripada perkara yang salah dari sudut Islam, kajian beliau memberikan fokus kepada dua bahagian iaitu dari sudut plot dan perwatakan.

Hasil daripada penemuan kajian, didapati bahawa kedua-dua filem tersebut masih lagi mempunyai halangan dan cabaran dalam meletakkan pemaparan Islam. Hal ini juga dilihat turut dikaitkan dengan peranan wanita dalam setiap pemaparan Islam (Rosmawati et al., 2011).

Asas kepada konsep dakwah seperti elemen syariah dilihat tidak diterapkan dengan jelas dalam filem tersebut. Kedua-dua filem juga didapati meletakkan tema cinta sebagai perkara utama dalam filem. Selain itu, persoalan agama dinilai dalam konteks liberal. Hal ini merujuk kepada filem Muallaf (2009) yang dilihat meletakkan agama Islam sebagai agama yang sama seperti agama-agama lain.

Kajian Rosmawati et al. (2011) ini juga meletakkan kedua-dua filem tersebut pada kedudukan yang masih lagi jauh untuk dikategorikan sebagai sebuah filem yang berunsurkan dakwah dan mempunyai elemen Islam yang jelas. Dalam keadaan ini juga, kajian melihat bahawa filem Malaysia terlalu mementingkan persoalan realiti masyarakat dari sudut pemaparan tentang persoalan masalah sosial berbanding menggunakan filem bagi memaparkan kebaikan dalam konteks dakwah (Rosmawati et al., 2011; Al-Fatihah & Normaliza, 2014).

Bagi memahami pemaparan Islam dan wanita dalam ruang pemikiran Melayu, kajian oleh Hani, Wan Amizah dan Mohd Shahizam (2016) melihat beberapa aspek yang mempengaruhi pemaparan dalam filem. Dengan meletakkan model konseptual hubungan antara persoalan tradisi-agama-logik, kajian ini menggunakan teori representasi sosial yang diketengahkan oleh Sergei Moscovici (1969) dalam kajian Kolker (2015). Melalui teori ini, kajian menumpukan kepada cara pemikiran sosial dan budaya sesebuah masyarakat serta kognitif representasi mengenai realiti kini dan sedia ada diubah melalui komunikasi.

Kajian ini meletakkan tiga kerangka asas utama bagi memahami pemaparan filem bergenre seram yang dilihat sebagai sebahagian daripada budaya pemaparan masyarakat Melayu. Tiga kerangka tersebut mewakili sistem kepercayaan masyarakat Melayu iaitu

kepercayaan tradisional, logic, dan juga agama. Kajian ini pada asasnya cuba memahami cara sesuatu pemaparan dilihat sebagai penanda atau makna yang konkrit dalam masyarakat. Makna ini juga melalui proses pemilihan tertentu bagi memastikan setiap pemaparan tersebut menjadi semula jadi kepada penonton (Hani, Wan Amizah dan Mohd Shahizam, 2016).

Dalam kajian ini, data yang dihasilkan telah dikelaskan kepada beberapa kepercayaan yang terdiri daripada kepercayaan agama, tradisional, dan popular. Kajian ini melihat kepada tiga fasa filem-filem genre seram iaitu filem yang diterbitkan dari tahun 1957 hingga ke 1967, filem dari dekad 1980-an hingga ke 1990-an, serta yang terakhir iaitu dari tahun 2001 hingga ke 2011. Kajian ini juga menumpukan kepada kepercayaan popular atau logic. Hal ini merupakan kepercayaan yang dilihat sebagai satu bentuk pemaparan semula yang wujud dalam filem bagi ketiga-tiga fasa (Hani, Wan Amizah dan Mohd Shahizam, 2016).

Berdasarkan dapatan kajian oleh Hani et al. (2016), terdapat beberapa pandangan logic yang menjadi asas kepada pemaparan filem seram. Hal ini diambil daripada kepercayaan tradisional dan kepercayaan agama yang disatukan menjadi satu bentuk pemaparan sinematik (kepercayaan logic) yang bertujuan untuk menarik penonton supaya menonton filem-filem seram. Dengan ini, secara langsung kajian ini menjelaskan bahawa seseorang pengarah yang telah menghasilkan filem genre seram akan terikat dengan dua bentuk kepercayaan yang digunakan bagi tujuan pemaparan semula. Hal ini bagi tujuan untuk menghasilkan satu bentuk pemaparan yang logic dan popular.

Perkara yang jelas di sini dapat dilihat dalam dua bentuk pemaparan yang logik iaitu penggunaan watak sebagai imej seram dan juga eksploitasi aktiviti keagamaan. Kedua-dua pemaparan ini terhasil daripada kepercayaan tradisional dan keagamaan. Dalam pemaparan filem seram, imej-imej watak seperti penghulu dan alim agama selalu dikaitkan sebagai watak dominan yang membantu untuk menyembuhkan daripada sebarang rasukan. Selain itu, dalam konteks imej hantu, watak wanita selalu dijadikan alasan untuk dipaparkan. Walaupun kepercayaan tradisional tidak begitu menekankan wanita dalam kepercayaan tentang hantu, ia dilihat telah dimanipulasi dalam kepercayaan logik dan akhirnya watak wanita dijadikan imej pemaparan yang konkrit dalam filem-filem seram Melayu (Hani, Wan Amizah dan Mohd Shahizam 2016).

Berdasarkan kajian Hani et al. (2016) ini, makna pemaparan filem seram dilihat dalam dua keadaan yang jelas iaitu pertamanya, ia biasanya dipengaruhi oleh kepercayaan logik dan kedua, melalui kepercayaan logik ini, peranan wanita dilihat wujud dalam filem seram. Dengan itu, filem seram sering dikaitkan dengan pemaparan wanita. Pemaparan wanita ini sering diletakkan dalam ruang pemaparan imej hantu seperti puntianak dan langsuir. Wanita juga dilihat sebagai satu imej yang dipaparkan semula menjadi bentuk imej yang popular dalam filem. Pemaparan filem seram juga dilihat begitu berkait dengan pemaparan Islam. Walaupun terdapat pemaparan yang dilihat tidak begitu mengikut hukum dan kaedah yang jelas, pemaparan Islam tetap diketengahkan sebagai logik dalam pemaparan filem seram Melayu.

Justeru, kajian Hani et al. (2016) ini telah membawa kepada pemahaman terhadap ruang pemaparan dalam konteks imej filem yang begitu berkait rapat dengan persoalan kepercayaan Melayu terhadap tiga perkara utama iaitu kepercayaan tradisional,

kepercayaan agama, dan kepercayaan logik. Namun demikian, kajian ini masih lagi tidak menyentuh sudut pemahaman pengarah filem yang menghasilkan filem-filem tersebut. Kajian ini masih lagi terbatas dengan analisis tekstual tanpa memahami tiga perkara utama tadi (kepercayaan tradisional, agama, dan logik) dari sudut pandangan pengarah. Kajian ini juga mengemukakan persoalan kepercayaan agama dan tradisional yang mempengaruhi kepercayaan logik. Perkara ini dilihat masih lagi perlu difahami dengan jelas terutamanya dalam konteks perkembangan Islam dari sudut sosiopolitik.

Islam di Malaysia dilihat mempunyai perjalanan yang cukup panjang. Kajian ini memberikan satu pemahaman asas tentang pergerakan Islam dari perspektif sistem politik yang dilihat mengawal agama. Perjalanan Islam di Malaysia dapat difahami dengan meneliti beberapa tahap dan perkembangannya mengikut era atau zaman. Pemahaman ini adalah penting memandangkan Islam merupakan salah satu dasar yang telah diwujudkan oleh kerajaan pemerintah dalam sistem pemerintahan di Malaysia. Dengan terbentuknya dasar yang berkait rapat dengan Islam, perlu difahami asal tempat dasar ini berkembang dan impaknya ke atas sistem politik yang akan memberikan kesan kepada masyarakat di Malaysia.

Proses pergerakan Islam ini dapat dilihat dari aspek sosiopolitik. Hal ini kerana Islam dilihat sebagai salah satu elemen dalam sistem demokrasi berperlembagaan. Justeru, dalam memahami proses Islamisasi di negara ini terutamanya perkembangan sejarah moden di Malaysia, kajian ini harus mengambil kira dasar-dasar berkenaan agama Islam yang dikembangkan oleh kerajaan yang memerintah. Dasar-dasar yang wujud ini menunjukkan bahawa terdapat proses Islamisasi di Malaysia.

Dalam membincangkan permulaan proses Islamisasi ini, beberapa kajian dan penerbitan boleh dibincangkan bagi memahami peringkat permulaan proses Islamisasi di Malaysia.

Menurut Shamsul (2007),

“Before European domination, when ‘the church and the state’ were fused into one, Islam played a pivotal role in all aspects of social life in a Malay kerajaan (polity) and society. The British arrival separated Islam and the state. Hence the control of Islam and local customs fell into the hands of the raja while the secular governance was controlled by the British administration. Since then (c. 1850s) Islam began to be perceived to having three different ‘faces’: ‘cultural symbolic’, ‘political’ and ‘economic’.

(Shamsul, 2007, hlm. 8)

Islam dilihat sebagai agama yang begitu berpengaruh dan menjadi sebahagian daripada sumber rujukan oleh masyarakat Melayu pada awal pemerintahan sistem beraja di Malaysia yang sebelum ini dikenali sebagai Tanah Melayu. Hal ini dijelaskan oleh Shamsul (2007). Dalam keadaan ini, Islam pada peringkat awalnya dikaitkan dengan begitu rapat dengan Melayu terutama dari sudut Islam sebagai agama yang menyeluruh dan adat sebagai nilai moral tempatan. Keadaan ini disokong dengan hujah oleh Wan Mohd Nor (2006) yang melihat kepada pentingnya agama Islam dikaitkan dengan Melayu. Bagi beliau, walaupun Melayu masih dikaitkan dengan persoalan moral dari sudut adat resam, tetapi ia dilihat diresapi dan dipancari oleh agama Islam.

Wan Mohd Nor (2006) juga melihat bahawa agama (Islam) bukan sahaja menjadi identiti kepada Melayu, tetapi turut meletakkan agama sebagai perkara utama selain daripada bahasa dan adat resam. Hal ini dinyatakan melalui tiga faktor sebagai kayu ukur, yakni agama, bahasa, dan adat resam yang tidak berdiri di anak tangga yang sama bagi orang Melayu. Agama lazimnya paling utama bagi orang Melayu kerana telah, masih, dan akan terus memberikan jati diri dan makna hidup kepada umat Islam yang berbahasa Melayu (Mohd Nor, 2006).

Namun, kehadiran British mewujudkan era kolonial di Malaysia yang memperkenalkan sistem pemerintahan yang membezakan agama. Sistem pemerintahan ini dilihat menjadi permulaan kepada dasar sekularisasi di Malaysia. Justeru, dasar pecah dan perintah yang diketengahkan oleh British di Tanah Melayu bukan hanya dapat dilihat dari segi perpecahan kelompok etnik mengikut pola latar belakang pekerjaan dan demografi, tetapi ia turut dilihat mengarah kepada pemisahan institusi agama daripada institusi pentadbiran kerajaan pada ketika itu.

Islam mula menerima perubahan di Tanah Melayu pada kurun ke-19 apabila ia hanya diletakkan di bawah institusi beraja dan amat terhad dalam memainkan peranannya sebagai sebahagian daripada sistem mengurus tadbir negara pada ketika itu. Malahan, Islam juga dilihat berada di bawah cengkaman kolonial apabila diletakkan di bawah golongan atasan atau aristokrat Melayu dan masih lagi terikat dengan sistem pentadbiran British.

Namun, Islam kemudiannya telah berkembang melalui Kaum Muda atau dikenali sebagai Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang banyak memberikan kesedaran kepada masyarakat Tanah Melayu pada ketika itu melalui penerbitan akhbar Al-Imam pada sekitar tahun 1906. Kaum Muda ini cuba meraih sokongan secara meluas daripada masyarakat bagi tujuan menuntut perubahan yang dilihat tidak dapat dilaksanakan oleh Kaum Tua yang terdiri daripada golongan kelas elit tempatan. Golongan Kaum Tua ini merupakan golongan yang diwujudkan oleh kolonial British bagi memastikan status quo kolonial British terus bertapak di Tanah Melayu.

Kebangkitan Kesatuan Melayu Muda (KMM) mendapat tentangan daripada pemerintahan kolonial pada ketika itu memandangkan ia memberikan satu pemahaman baharu tentang fungsi agama kepada masyarakat. Pemahaman baharu ini tersebar luas hasil daripada tercetusnya suasana kebangkitan semangat nasionalisme di Mesir yang pada ketika itu di bawah perjuangan nasionalis Mesir iaitu Muhamad Abduh. Dengan tercetusnya kebangkitan ini di Mesir, ia dilihat turut merebak ke arah Malaya pada ketika itu. Stark (2008) menyatakan bahawa:

“These interactions were important as they began to shape and develop reformist ideas amongst Malay Muslims in Southeast Asia. Hence, it proves that there was already an audience that would be receptive to the ideas of Islamic reform in Malaya at the time, aside from the Malay students that had graduated from Egyptian universities.” (Stark, 2008, hlm. 11)

Menurut Sani (2011), yang diterjemahkan oleh Amin Ahmad dalam karya yang berjudul Asal Usul Sosial Golongan Kiri Melayu, pemikiran politik Melayu pada era sebelum Perang Dunia Kedua tidak begitu menyerlah namun ia tidak menyekat daripada

kesedaran politik pada ketika itu terutamanya yang meletakkan agama sebagai unsur terpenting. Perkara ini dapat dijelaskan melalui perkembangan reformis seperti Kaum Muda di bawah KMM yang telah lahir daripada media seperti akhbar.

Justeru, perkara yang boleh dilihat disini ialah proses Islamisasi telah wujud malah telah menggunakan media sebagai pencetus kepada kebangkitan idea berkaitan dengan Islam (Sani, 2011). Pemikiran KMM yang membawa pembaharuan Islam ini juga dilihat menyubur bersama-sama semangat nasionalisme. Namun, menurut Stark (2008), Kaum Muda telah mengembangkan idea Islam terutamanya dalam konteks keperluan kepada perubahan bagi moraliti masyarakat Islam.

Kesedaran Islam tidak dapat lari daripada semangat nasionalisme terutamanya ketika era pendudukan Jepun (1941–1945). Semangat ini tercetus pada peringkat awal melalui slogan Jepun iaitu “Asia untuk Asia”. Keadaan semangat nasionalisme ini semakin meningkat apabila KMM pada peringkat awalnya berkerjasama dengan pentadbiran Jepun atas semangat ‘Melayu Raya’ (Muhaimin, 2012). Namun, KMM kemudiannya diharamkan oleh pentadbiran Jepun berikutan kesatuan ini dilihat oleh Jepun ingin mencapai kemerdekaan dengan lebih awal (Muhaimin, 2012).

Proses Islamisasi golongan Kaum Muda ini terhenti apabila Jepun menyerah kalah. Sekembalinya pemerintahan kolonial ke Tanah Melayu menandakan kembalinya Tanah Melayu kepada sistem politik tradisional iaitu meletakkan golongan elit Melayu sebagai pentadbir Tanah Melayu yang pada ketika itu di bawah pengawasan kolonial British.


British kembali ke Tanah Melayu pada tahun 1945 dan mencampuri urusan pentadbiran Tanah Melayu sehinggalah berlaku tuntutan kemerdekaan rentetan daripada penentangan terhadap gagasan Malayan Union yang menandakan bahawa nasionalisme telah mula diletakkan sebagai perkara utama yang mendominasi proses Islamisasi di Malaysia.

Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan, wacana Islam dari sudut sosiopolitik tidak begitu diterima oleh pemimpin pascakolonial. Pemimpin-pemimpin seperti Tunku Abdul Rahman sehinggalah kepada Tun Hussein Onn tidak melihat persoalan agama sebagai satu strategi bagi mengukuhkan kedudukan parti dominan yang memerintah Malaysia pada ketika itu iaitu UMNO. Islam dilihat hanya berkisar tentang hal-hal yang menyentuh aktiviti ibadat dan tidak lebih daripada itu.

Seperti yang dijelaskan oleh Rumaizuddin (2011), pemimpin UMNO sebelum ini seperti Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak mengambil pendekatan menyendiri dan tidak lebih daripada menghormati agama Islam sebagai agama adat orang Melayu. Hal ini tidak bermakna Islam tidak menjadi suatu perkara yang dominan, tetapi dasar-dasar Islamisasi dilihat jelas berlaku ketika pentadbiran perdana menteri keempat iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad. Hal ini dikembangkan melalui pemikirannya yang jelas menjadi dasar kepada permulaan kerajaan yang meletakkan agenda Islamisasi dalam sistem pentadbiran di Malaysia. Namun, pada peringkat awal, gagasan pemikiran 'Mahathirisme' ini yang terpahat dalam penulisan seperti *The Malay Dilemma* dan *Menghadapi Cabaran sekitar era 40an dan 50an* banyak memberikan tumpuan kepada

strategi masa depan Melayu dari segi nasib orang Melayu, pembangunan sosial dan martabat serta agama orang Melayu.

Wacana Islam dari perspektif sosiopolitik dilihat masih tidak jelas dilaksanakan pada awal pentadbirannya. Namun, kita harus memahami bahawa dasar Tun Dr Mahathir mempunyai elemen semangat kebangsaan sebagai asasnya. Justeru, jelas bahawa Islamisasi yang digagaskan di Malaysia pada awal pemerintahan Mahathir menghubungkan nasionalisme iaitu semangat bangsa Melayu dengan agama orang Melayu iaitu Islam (Rumaizuddin, 2011). Dengan meletakkan pemikiran ‘Mahathirisme’ dalam pentadbirannya, maka kita dapat melihat bahawa Islamisasi di Malaysia pada ketika itu berteraskan kepada beberapa ideologi seperti yang dinyatakan oleh Khoo Boo Teik dalam kajian Rumaizuddin (2011) iaitu:

- 
- i. Nasionalisme
 - ii. Kapitalisme
 - iii. Populisme
 - iv. Autoritarianisme

Nasionalisme dilihat masih lagi menjadi ideologi yang digagaskan dan diadun dengan pembangunan Islamisasi. Keadaan ini berlaku walaupun terdapat pengaruh global pada era 1970-an yang menuntut kepada kebangkitan Islam di semua negara Islam di seluruh dunia. Menurut Stark (2008), Iran pada tahun 1979 iaitu dua tahun sebelum pentadbiran Mahathir merupakan salah satu ancaman yang berjaya dikawal oleh Mahathir bagi memastikan yang kebangkitan Islam tidak dipengaruhi oleh revolusi Iran yang meletakkan sistem ulama fahaman syiah sebagai pimpinan utama negara.

Dalam membincangkan sikap Dr. Mahathir terhadap Islam, Rumaizuddin (2011) menyatakan bahawa fahaman tentang pembinaan tamadun Melayu dan pembangunan Islam dikaitkan dengan pemikiran Mahathir yang pada hakikatnya memperbaharui atau memberikan nafas baharu terhadap idea-idea yang digerakkan oleh parti yang memerintah pada ketika itu. Dalam usaha untuk memahami gaya pembangunan Islamisasi di Malaysia melalui dasar Mahathir, kita dapat memahami bahawa ia secara tidak langsung dipengaruhi oleh pemikiran pembangunan Islam gaya pemimpin reformis Islam di Mesir iaitu Muhamad Abduh. Dalam kajian yang dilakukan oleh Fadlullah (2007), beliau menyifatkan tokoh pemikir dan kemajuan intelek Mesir tersebut sebagai seorang yang cuba meletakkan Islam dalam konteks yang dinamis apabila beliau menyesuaikan dengan kemodenan yang dicapai oleh Eropah.

Menurut Mauzy dan Milne (1999), walaupun Mahathir tidak menjadikan Eropah sebagai acuan kemodenan Malaysia pada awal pentadbirannya, beliau memperlihatkan keperluan mengikut negara-negara maju yang lain dalam erti kata memenuhi keperluan kemodenan sebagai salah satu agenda negara. Oleh itu, sikap Mahathir terhadap Islam adalah berbeza daripada pemimpin-pemimpin yang lain. Sebelum Mahathir, pemerintahan negara jelas mengikut konsep sekular, namun perubahan suasana pada era pemerintahan beliau memerlukan kepada anjakan untuk memahami persoalan politik Melayu yang tidak dapat dipisahkan dengan agama Islam. Hal ini kerana pada era pemerintahannya, telah mula berlaku satu ledakan reformasi terhadap penghayatan Islam yang rata-ratanya dipelopori oleh golongan pelajar.

Ledakan ini juga berlaku apabila muncul organisasi Islam yang bergerak di bawah badan bukan politik seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Menurut Mauzy dan Milne (1999), proses Islamisasi yang harus dicorakkan oleh Mahathir perlu menangani kebangkitan ABIM yang mungkin berkait dengan parti seteru kerajaan yang memerintah iaitu Parti Islam Se-Malaysia atau PAS.

Justeru, walaupun berpaksikan kepada beberapa fahaman ideologi yang dinyatakan oleh Khoo Boo Teik, perubahan struktur pemerintahan era Mahathir hanya mampu dilaksanakan melalui kuasa politik yang ada padanya. Seperti yang dinyatakan oleh Mauzy dan Milne (1999):

“Although ostensibly non-political, ABIM, with its holistic view of Islam, has taken the position that Muslims and Malays in particular have sacrificed political power through “secularistic democratization.” The organizations’ ultimate goal is an Islamic society, achievable only by political changes in the structure and content of government.” (Mauzy & Milne, 1999, hlm. 80)

Dengan ini, Mahathir telah mula menerapkan agenda Islamisasi bagi memastikan bahawa Islam diletakkan sebagai teras dalam segala bentuk pentadbirannya (Mauzy & Milne, 1984). Kerancangan proses Islamisasi di Malaysia menemui kemuncaknya apabila Mahathir dengan kuasa politiknya telah memilih gandingan yang begitu berpengaruh dengan pemikiran Islam kontemporari iaitu Anwar Ibrahim (Rumaizuddin, 2012). Umum mengetahui bahawa kekuatan Anwar Ibrahim dalam pergerakan Islam adalah berkait rapat dengan ABIM. Dengan berlakunya perubahan

dalam landskap politik yang dicorakkan Mahathir, maka diharapkan dasar Islamisasi di Malaysia dapat dijalankan dengan lancar.

Rumaizuddin (2011) menyatakan bahawa penyertaan Anwar dalam UMNO dilihat membawa beberapa perubahan yang agak ketara dalam senario politik negara, antaranya ialah mengangkat martabat UMNO dalam urusan Islam, menumpulkan kritikan aktivis muda Islam terhadap kerajaan, dan merampas martabat jurubicara Islam daripada kumpulan aktivis lain terutamanya ABIM dan PAS. Kehadiran Anwar mengukuhkan perubahan sistem pentadbiran Mahathir seperti yang dinyatakan oleh Mauzy dan Milne (1999):

“The nature of the concessions to Islam under the Mahathir administration has also changed, so that many can no longer be considered just symbolic. Furthermore, these projects are no longer widely perceived as concession, but rather as part of government-sponsored Islamization process.” (Mauzy & Milne, 1999, hlm. 88)

Seperti yang dijelaskan oleh Shamsul (2007) berkenaan wajah Islam yang dapat dilihat dari segi simbolik budaya, politik, dan ekonomi, jelas sekali bahawa perkara tersebut dapat dikesan dalam dasar yang diterapkan oleh Mahathir. Rumaizuddin (2011) melihat bahawa kemuncak kepada dasar Islamisasi era pemerintahan Mahathir adalah dengan merangka tiga projek utama yang berkaitan dengan Islamisasi dari sudut ekonomi politik dan juga pendidikan.

Antara projek utama yang diberikan penekanan di bawah proses Islamisasi era Mahathir ialah:

- i. Penubuhan institusi pengajian tinggi awam iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- ii. Pengenalan kepada subjek Tamadun Islam di semua pusat pengajian tinggi awam
- iii. Penubuhan Bank Islam dan sistem perbankan Islam.

Namun, bagi pengkaji, perkara di atas dilihat menjurus kepada proses Islamisasi yang hanya tertumpu kepada bidang-bidang seperti ekonomi dan pendidikan. Hal ini dilihat hanya memberikan kesan kepada segelintir masyarakat yang berkaitan dengan bidang tersebut. Pengkaji melihat bahawa kemuncak sebenar kepada proses Islamisasi ini adalah apabila nilai-nilai Islam diterapkan yang kemudiannya memberikan impak atau kesan yang mendalam terhadap agenda Islamisasi iaitu pada era pemerintahan Abdullah Ahmad Badawi, yang dikenali juga sebagai Islam Hadhari.

Islamisasi melalui Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam inilah yang dilihat cuba dibangunkan oleh Mahathir secara holistik memandangkan beliau cuba menerapkan nilai-nilai moral dalam pentadbirannya. Menurut Rumaizuddin (2012), Mahathir melihat persamaan yang ada antara nilai-nilai Islam dengan nilai-nilai tinggi yang lain dalam masyarakat. Hal ini dilakukan memandangkan beliau mahu membentuk corak pemikiran masyarakat Melayu khususnya dan Malaysia amnya yang perlu memahami nilai-nilai Islam sepertimana nilai-nilai murni yang lain. Justeru, selepas perkembangan

Islamisasi, Mahathir memperkenalkan beberapa nilai-nilai murni bagi mencapai Wawasan 2020 yang merupakan visi dan misi yang diguna pakai sehingga kini.

Mahathir dilihat berjaya menaikkan imej pemerintahannya dengan dasar ini secara global mahupun global. Hal ini terbukti apabila beliau dilihat menjuarai isu-isu yang berkaitan dengan keislaman. Malah menurut beliau, pemikiran melalui penerapan nilai-nilai Islam ini harus difahami dan dihayati bukan secara fizikal semata-mata tetapi masyarakat perlu menjiwai hakikat Islam yang sebenar. Justeru, pengenalan undang-undang syariah yang turut menjadi salah satu pembaharuan melalui proses Islamisasi harus dilihat bukan hanya dari segi penubuhan atau penggubalan undang-undang semata-mata. Malah lebih daripada itu, nilai-nilai murni seperti kebersihan, kejujuran, amanah, dan kebahagiaan harus

diterapkan dalam jiwa masyarakat di Malaysia.

Kajian Ahmad Fauzi (2008) mendapati bahawa pergerakan Islam di Malaysia digerakkan oleh keadaan politik yang menjadi salah satu pegangan yang berbeza antara satu parti politik dengan parti politik yang lain.

Namun, beliau melihat perjalanan pergerakan ini secara menyeluruh dengan membahagikannya kepada lima fasa mengikut perkembangan sejarah pergerakan Islam di Malaysia.

Lima fasa (mengikut sosiopolitik) ini adalah seperti berikut:

- i. Fasa Formatif
- ii. Fasa Matang
- iii. Fasa Pragmatik

- iv. Fasa Reformasi
- v. Fasa Pengaturan semula.

Antara kelima-lima fasa ini, fasa keempat sahaja dilihat tidak begitu memainkan peranan yang mendalam bagi pergerakan Islam kerana ia berlaku ketika era penangkapan mantan Timbalan Perdana Menteri iaitu Anwar Ibrahim. Selain itu, fasa-fasa pergerakan Islam di Malaysia banyak dimonopoli oleh parti pemerintah mengikut sistem ideologi mereka yang tersendiri.

Justeru, berdasarkan perkara yang dinyatakan oleh Ahmad Fauzi (2008), Islam Hadhari yang merupakan pergerakan ideologi dominan pemerintahan Abdullah Badawi dilihat sebagai fasa pengaturan semula yang memberikan impak yang besar apabila manifesto UMNO dan BN berjaya meraih undi majoriti mudah pada tahun 2004. Perkara ini juga dilihat sebagai fasa pengaturan semula apabila Abdullah Badawi menekankan Islam Hadhari pada segenap ruang lingkup pentadbirannya malah telah meletakkannya sebagai salah satu agenda negara. Hal ini memperlihatkan bahawa parti memerintah telah meletakkan agama sebagai agenda nasional yang menggerunkan parti-parti dan juga badan-badan Islamik yang lain.

Menurut Ahmad Fauzi (2008):

“Abdullah Badawi’s confident projection of Islam Hadhari as ‘Malaysia’s development strategy for the future-for instance by pronouncing it to be a major plank of the 9th Malaysian Plan’s (RMK-9 Rancangan Malaysia Ke-9) to build a national civilization based on universal principles-briefly put Islamists on the initial enthusiasm showed by Malay-Muslim to Islam

Hadhari, Islamists were in real danger of losing moral ground to UMNO.”

(Ahmad Fauzi, 2008, hlm. 222)

Dalam usaha untuk memahami peranan yang dimainkan oleh Islam di Malaysia sebagai salah satu elemen kuasa dalam membentuk hegemoni rakyat terhadap pemerintah, Stark (2008) berpendapat bahawa Islam di Malaysia dari satu segi dilihat sebagai instrumen bagi memantapkan lagi status quo sistem pemerintahan negara.

Era Abdullah Badawi menunjukkan kesinambungan hal yang berkait dengan Islam yang dikawal ketat perkembangannya dalam konteks mengawal perkara yang diistilahkan oleh kerajaan pemerintah sebagai pergerakan Islam yang menyimpang. Menurut Stark (2008):

“Since the new administration under Abdullah Ahmad Badawi took over in 2003 there has been no change in policy towards deviationist movements. Badawi adopted the official interpretation of Islam by proclaiming a “civilization Islam” Islam Hadhari during the UMNO general assembly in 2004. (hlm. 2)

Justeru, melihat pada fenomena ini, tidak dapat dinafikan bahawa Islam di Malaysia merupakan *state apparatus* yang begitu sensitif dan sentiasa menjadi isu yang diketengahkan dalam situasi politik di Malaysia. Islam juga dilihat sentiasa menjadi perkara yang diberikan perhatian dari segi pergelutan politik walaupun ia tidak begitu diberikan penekanan secara menyeluruh. Justeru, agama secara umumnya merupakan

perkara yang menjadi elemen yang diterima pakai sebagai satu simbolik kepada sesebuah negara bangsa dalam membentuk identiti nasional (Roger, 2001).

Oleh itu, agama dilihat sebagai perkara yang penting dan tidak harus dipandang sepi dalam sebarang kajian yang berkaitan dengan bidang lain. Dalam konteks kajian ini, dalam memahami sinema nasional, pada hakikatnya terdapat satu 'kekurangan' apabila agama tidak dikaitkan sebagai isu terpenting bagi melihat persoalan berkaitan budaya mahupun teks budaya (filem). Weiss (1999) dan Roger (2001) melihat terdapat kelemahan dalam pemikiran Habermass yang tidak meletakkan agama sebagai salah satu elemen dalam memahami persoalan masyarakat dan identiti mereka. Justeru, agama merupakan sebahagian daripada identiti dalam memahami pemikiran dan pegangan budaya sesuatu masyarakat (Roger, 2001).

Dalam konteks Malaysia, apabila Islam dilihat sebagai ideologi yang dipegang oleh pelbagai parti yang wujud dalam sistem demokrasi berperlembagaan, maka akan timbul persoalan bukan hanya dari aspek pergelutan untuk mengekalkan kuasa, tetapi juga untuk mengawal agama mengikut ideologi parti masing-masing. Dengan itu, akhirnya bagi parti yang dominan dalam pentadbiran masyarakat, sudah tentulah makna terhadap agama dikonstruksi mengikut ideologi sistem parti pemerintah tersebut.

Sebagai contoh, dalam konteks era Islam Hadhari, jelas dilihat bahawa setiap agensi yang bernaung di bawah kerajaan telah berusaha untuk memastikan konsep Islam Hadhari dijalankan secara menyeluruh memandangkan terdapat penentangan yang

hebat daripada parti-parti pembangkang yang tidak begitu jelas dan setuju dengan pembawakan konsep tersebut. Menurut Ahmad Fauzi (2008), Parti Islam SeMalaysia (PAS) menerbitkan beberapa buah buku dan kajian bagi mengekang konsep tersebut.

Dalam pada itu, Ahmad Fauzi (2008) menerangkan bahawa pihak pemerintah juga turut mengerahkan agensi kerajaan untuk membentuk semula Ruffaq Corporation yang dipelopori oleh bekas pemimpin Al-Arqam, Ustaz Ashaari Muhammad yang turut menyokong konsep tersebut. Melalui keadaan ini, didapati bahawa proses Islamisasi di Malaysia tidak dapat lari daripada terlibat dalam pergelutan politik. Hal ini berlaku apabila ia dijadikan salah satu agenda nasional di bawah sebuah parti yang berlatarkan perjuangan nasionalisme iaitu United Malay National Organization atau UMNO.

Berbalik kepada Roger (2001) yang menekankan tentang *nasionalist religion*, dapat disimpulkan bahawa kumpulan yang bergerak di bawah nasionalisme agama sudah semestinya akan mengawal negara dan membentuk pemahaman agama dengan berpandukan ideologi nasionalis. Dengan itu, segala pemaparan tentang agama turut memaparkan bangsa sesuatu kaum (Roger, 2001). Oleh itu, adalah sesuatu yang menarik untuk dikaji tahap Islam mengawal setiap aktiviti masyarakat di bawahnya dari perspektif ideologi nasionalis, iaitu sama ada yang berada di bawah agensi keagamaan mahupun di luar agensi tersebut seperti industri perfileman negara. Justeru, pemaparan wanita dalam filem pada era perkembangan proses Islamisasi dapat dilihat dari segi pemahaman dan penerimaan ideologi nasional agama di Malaysia yang lebih mendalam terhadap aktiviti pengarah filem Melayu di Malaysia.

Pelbagai pandangan telah dibincangkan berkaitan Islamisasi termasuk dalam konteks Islam Hadhari terutamanya ketika ia diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang kelima, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Islam Hadhari dilihat menjadi kunci utama di bawah kepimpinan beliau selama satu penggal pemerintahan beliau. Menurut Nakhaie (2004), pemikiran Islam Hadhari bukanlah pemikiran buatan tanpa asas atau sekadar istilah tanpa makna dan pengertian. Ia bukan slogan dan retorik untuk kegunaan bermusim bagi meraih sokongan politik parti tertentu (Nakhaie, 2004).

Kenyataan ini menggambarkan bahawa konsep Islam Hadhari merupakan agenda yang cuba diterapkan dalam kehidupan masyarakat. Namun demikian, walaupun Nakhaie (2004) menyatakan bahawa ia bukan suatu konsep bagi meraih sokongan masyarakat terhadap parti tertentu, dari segi politiknya konsep ini telah memberikan kekuatan kepada parti pemerintah di bawah pimpinan Abdullah Ahmad Badawi pada pilihan raya ke-11 pada tahun 2004. Kemenangan ini harus dilihat pada aspek konsep Islam Hadhari yang diketengahkan oleh Perdana Menteri Malaysia kelima tersebut. Beliau juga diberikan gelaran *Mr. Nice Guy* kerana personaliti beliau sebagai tokoh dalam kalangan ahli UMNO-BN. Menurut Ahmad Fauzi (2008):

“There were also those who recognised Abdullah’s with the image of ‘Mr. Clean’ and ‘Mr. Nice guy’, thus leading to Abdullah receiving comments as a Prime Minister who was merely keeping the seat warm, or as a Prime Minister in transition awaiting his leadership duties to be taken over by his Deputy.” (Ahmad Fauzi, 2008, hlm. 228)

Kemenangan dalam pilihan raya ke-11 mempunyai signifikasi terhadap konsep Islam yang diperjuangkan oleh parti yang berideologikan nasionalis yang dilihat sesuai dengan penerimaan rakyat kerana majoriti penduduk bumiputera di Malaysia ialah

penganut agama Islam. Ditambah pula ia membuka mata masyarakat bahawa sebuah parti nasionalis mampu untuk meletakkan Islam (Islam Hadhari) sebagai teras perjuangan nasionalnya setanding dengan parti pembangkang iaitu Parti Islam Semalaysia atau PAS.

Antara penekanan yang diberikan dalam Islam Hadhari ini adalah seperti yang dinyatakan oleh Mohd Azzizuddin (2010) iaitu:

- i. Keimanan dan ketaqwaan kepada Allah
- ii. Kerajaan adil dan beramanah
- iii. Rakyat berjiwa merdeka
- iv. Penguasaan ilmu pengetahuan
- v. Pembangunan ilmu seimbang dan komprehensif
- vi. Kehidupan berkualiti
- vii. Pembelaan hak minority dan wanita
- viii. Keutuhan budaya dan moral
- ix. Pemeliharaan alam sekitar dan,
- x. Kekuatan pertahanan.

Berdasarkan prinsip itu tadi maka prinsip kelapan menjadi perdebatan dalam kajian yang melihat kepada persoalan seksualiti representasi wanita dan dari segi moraliti. Pada hakikatnya konsep Islam Hadhari merupakan konsep yang tidak lagi menjadi agenda nasional pada era kini, namun disebabkan persoalan tentang Islam dilihat

menjadi pergelutan politik di Malaysia, maka ia diberikan penekanan untuk dikaitkan dalam kajian.

Merujuk Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negara (2007), prinsip ketujuh dan kelapan dihuraikan seperti berikut:

- i. *Prinsip ke 7: Islam Melindungi hak dan kebajikan semua peringkat masyarakat khususnya kaum wanita. Kedudukan kaum wanita adalah sangat mulia. Peranan mereka amat penting dalam pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. Kedudukan mereka akan terus dimartabatkan berdasarkan hak dan peranan yang bersesuaian. Pendekatan Islam Hadhari juga ingin memastikan supaya tidak wujud pengabaian dari segi kebajikan serta hak kumpulan minoriti dalam masyarakat, tanpa mengira bangsa ataupun suku kaum untuk menjadi anggota masyarakat yang bahagia dan berjaya.*
- ii. *Prinsip ke 8: Dalam usaha meningkatkan kemajuan Negara Malaysia, kepelbagaian budaya dan moral perlu dipertahankan berasaskan sistem nilai dan akhlak yang kukuh, murni dan luhur. Penghayatan nilai-nilai akhlak yang mutlak dan tinggi akan menjamin kesejahteraan dan keharmonian dalam masyarakat. Dengan demikian, kemajuan ekonomi dan teknologi akan berkembang seiring dengan keluhuran budaya dan ketinggian akhlak masyarakat berbilang kaum. Cabaran-cabaran semasa*

berkaitan dengan kepincangan moral hendaklah diatasi secara bersepadu dan bijaksana oleh setiap anggota masyarakat.

Prinsip yang dinyatakan tadi juga turut merujuk kepada prinsip rukun negara yang merupakan enakmen tertinggi dan luhur bagi negara Malaysia. Justeru, sangat jelas di sini bahawa usaha untuk memartabatkan Islam sentiasa menjadi satu perkara atau isu polemik yang wajar dikaji memandangkan pemahaman tentang Islam itu sendiri dilihat mempunyai kepelbagaian dan masih lagi samar-samar dalam konteks pemahamannya dalam kalangan pengamal media iaitu pengarah-pengarah filem.

Tidak dinafikan bahawa ideologi nasionalis UMNO sebelum era ini juga telah turut meletakkan Islam sebagai salah satu agenda nasional. Islam Hadhari pada dasarnya membawa agenda sebelum ini iaitu Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam yang digagaskan oleh perdana menteri keempat iaitu Mahathir Mohamad pada tahun 1985. Adlina (2011) berpandangan bahawa pengiktirafan Islam sebagai agama persekutuan membolehkan kerajaan melaksanakan pengisian Islam dalam pelbagai aspek pentadbiran dan pemerintahan. Selaras dengan ini, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam pentadbiran negara yang telah bermula pada tahun 1985. Setelah hampir dua dekad iaitu pada tahun 2003, kerajaan memperkenalkan pula pendekatan Islam Hadhari yang merupakan kesinambungan kepada Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam (DPNI).

Adlina (2011) menyatakan bahawa premis kajian juga mengambil kira konsep tersebut apabila mengaitkannya dengan persoalan pemaparan wanita dari sudut peranan. Hal ini kerana prinsip ketujuh dan kelapan Islam Hadhari menjadi fokus kajian dalam pemahaman terhadap pemaparan wanita dari sudut pengarah-pengarah filem Melayu yang dipilih sebagai responden dalam sesi temu bual.

2.3 Pemikiran dan Pengarah Filem

Menurut Suzainah dan Zuraidah (2014) dalam kajian mereka terhadap konsep pemikiran dan kepimpinan Melayu, pemikiran ialah mencari makna serta berusaha untuk mencapai keputusan yang wajar. Konsep pemikiran berkait dengan proses membina ilmu dan kefahaman yang melibatkan aktiviti mental. Terdapat pelbagai bentuk pemikiran antaranya pemikiran kritis. Menurut Suzainah dan Zuraidah (2014), pemikiran kritis didefinisikan sebagai kebolehan individu untuk mengenal pasti isu-isu dan membuat andaian untuk dibahaskan serta mengenal pasti hubungan penting untuk membuat rumusan yang tepat daripada maklumat yang sedia ada.

Justeru, dalam memahami makna pemikiran, Zaitul dan Fuad (2011) menjelaskan bahawa pemikiran ialah satu produk yang telah diproses melalui proses pemikiran dan pemikiran ini amat dipengaruhi oleh minda seseorang. Setiap saranan, idea, atau konsep yang dilahirkan oleh pemikiran membentuk kepercayaan dan ideologi yang juga merupakan falsafah hidup seseorang termasuk bangsa Melayu.

Rafedah dan Nor Khadijah (2014) pula meletakkan pemikiran Melayu dalam bentuk metafora. Pemikiran Melayu harus dinilai dari sudut sifat dan sikap Melayu itu sendiri. Bentuk pemikiran Melayu biasanya harus dilihat kepada jati diri Melayu terutamanya dalam ruang keistimewaan Melayu itu sendiri. Melayu selalu menterjemahkan pemikiran mereka dalam bentuk metafora. Melalui penggunaan metafora ini, setiap pemikiran akan diterjemahkan dalam bentuk sastera tertentu dalam menyampaikan mesej berkenaan perasaan dan emosi orang Melayu.

Pemikiran Melayu yang disampaikan melalui metafora ini biasanya dimuatkan dalam karya-karya seni tertentu. Menurut Zaitul dan Fuad (2011), untuk memahami pemikiran yang disampaikan oleh orang Melayu, bahasa merupakan perkara asas bagi menggambarkan nilai budaya mereka. Kajian mereka yang memberikan fokus kepada bahasa dari sudut peribahasa mendapati pemikiran Melayu ini dapat dikembangkan melalui dua perspektif yang mewakili pemikiran berbentuk tersurat dan tersirat (Zaitul & Fuad, 2011). Pemikiran Melayu yang diterjemah melalui bahasa, khususnya peribahasa, dilihat dapat menterjemahkan struktur sosial bangsa Melayu, sikap, aktiviti kehidupan, serta falsafah hidup yang mereka anuti. Menurut Shamsudin, Azhar, dan Ghazali (2015), dengan meletakkan pemikiran tersurat dan tersirat ini, ia mewakili persoalan bangsa dan agama Islam dalam pemikiran Melayu. Perkara ini menurut mereka merupakan intipati kepada falsafah yang selalu diterjemahkan oleh orang Melayu dalam kehidupan mereka. Ia turut mempengaruhi setiap tindakan dan kelakuan mereka dalam proses komunikasi.

Zaitul dan Fuad (2011) mendapati bahawa pemikiran Melayu tidak terlepas daripada mengangkat nilai budaya termasuk nilai keagamaan. Hal ini berdasarkan penelitian mereka terhadap penggunaan bahasa dalam peribahasa Melayu. Peribahasa seperti “Adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah” serta “Neraca palingan Allah, hati palingan setan” antara peribahasa yang dilihat begitu sinonim dengan pemikiran Melayu terhadap agama Islam. Justeru, dalam konteks ini, pemikiran Melayu sudah semestinya begitu terikat dengan persoalan bangsa-agama. Hal ini akhirnya menjadikan pemikiran Melayu begitu terikat dengan persoalan Melayu yang mewakili semua adat dan falsafah hidup serta agama iaitu Islam dan nilai budaya yang tinggi.

Pemikiran Melayu begitu terikat dengan nilai budaya dan agama iaitu Islam. Hal ini menjadi satu bentuk ideologi dalam pemikiran Melayu ketika menterjemahkan sebarang pemikiran dalam karya-karya seni. Melalui pemikiran ini, ideologi pemikiran Melayu dilihat terus berkembang dan sentiasa sensitif dengan persoalan budaya serta agama dalam setiap aspek kerja yang melibatkan kesenian dan kesusasteraan. Kajian yang dilakukan oleh Shamsudin, Azhar, dan Ghazali (2015) mengaitkan kekuatan antara pemikiran Melayu yang terikat dengan persoalan tersurat dari sudut makna bangsa Melayu dan juga persoalan tersirat iaitu makna Islam dalam karya-karya tertentu terutamanya dalam sastera penulisan.

Shamsudin et al. (2015) mendapati bahawa ruang pemikiran dalam konteks seni dan kesusasteraan tidak dapat lari daripada mengungkapkan perihal masyarakat pada zaman tertentu. Perkara ini dilihat lahir daripada sejarah dan pengalaman seseorang pengkarya yang akan membentuk satu pemaparan dan pemahaman terhadap situasi sosial,

kepercayaan, dan ideologi yang akan mewakili kebudayaan bangsanya (Shamsudin et al., 2015). Kajian mereka juga mendapati bahawa dalam memahami bentuk sesuatu kesenian termasuk dalam bidang sastera, persoalan budaya-bangsa merupakan pelengkap yang tidak boleh diabaikan. Hal ini kerana pembentukan sesuatu makna dalam penulisan dan pemaparan dapat dilihat melalui persoalan budaya-bangsa.

Justeru, penilaian karya dalam konteks kajian penulis sastera dilihat tidak dapat lari daripada menumpukan kepada pengaruh bangsa serta watak. Hal ini harus dinilai pula pada lingkaran zaman ketika masyarakat itu diterjemahkan dalam penulisan. Hal ini turut dapat dilihat dalam aspek pemaparan dalam filem terutamanya merujuk kepada pemaparan watak seperti watak wanita dalam persoalan agama iaitu Islam. Bagi Ghazali (2008), dalam memahami pemikiran pengarah filem Melayu abad ke-21, tumpuan harus diberikan kepada aspek pemikiran pengarah dalam menggarap setiap cerita melalui tema persoalan yang dikemukakan dalam karya mereka. Dalam keadaan ini, persoalan yang berkait rapat dengan jati diri Melayu dilihat begitu penting untuk dinilai dalam keseluruhan proses penghasilan sesebuah filem. Filem sebagai karya seni sudah tentu berhubungan secara langsung dan akrab dengan bentuk akal fikir dan akal rasa mengenai keindahan, kecantikan, keseronokan, dan kesempurnaan atau estetika seperti yang dihasilkan sebagai seni bina, arca, lukisan, puisi, muzik, dan teater (Ghazali, 2008).

Berdasarkan pandangan ini, maka pemikiran pengarah itu tadi menghubungkan perkara yang berkaitan dengan kesenian dan kejadian yang wujud dalam realiti sosial dalam menentukan sesuatu seni itu wujud dan disampaikan dalam bentuk ekspresi tertentu.

Hal ini merupakan hasil dan gagasan pemikiran seseorang pengarah yang diterjemahkan pada skrin untuk penonton. Namun, pemikiran Melayu dari aspek budaya dan nilai moral yang tinggi masih tidak diterapkan secara jelas dalam filem. Menurut Ghazali (2008), filem menggunakan gaya artistik dalam menggambarkan sesebuah pemikiran terutamanya dalam konteks pemikiran terhadap budaya dan nilai etika Melayu.

Usaha memahami erti sebenar falsafah pemikiran pengarah filem juga diakui sukar oleh Ghazali (2008) memandangkan tidak banyak kajian filem mengarah kepada perkara tersebut. Sebaliknya kajian-kajian terhadap filem dan pengarah tertumpu kepada persoalan permasalahan-permasalahan yang dihadapi dalam dunia profesionalisme pengarah di Malaysia. Kajian yang dijalankan oleh Hamsan Mohammed (2004) dilihat cuba untuk mendalami pemikiran dan gaya pengarah karya P. Ramlee dan Husein Hanif. Melalui kajian tersebut, maka terdapat pandangan terhadap pemikiran Melayu yang menumpukan kepada persoalan mengenai kemampuan dalam menyampaikan isu-isu sosial, etika, dan falsafah tertentu. Keupayaan P. Ramlee dalam Antara Dua Darjat ialah menterjemahkan mesej yang universal ke dalam acuan individu dan sekali gus mesej individu bertolak daripada yang universal. Falsafah dan etika universal dikemukakan dalam sebuah keluarga feodal dan bertindak balas dengan pengalaman benar.

Kajian Hamsan Mohammed (2004) juga turut mendapati bahawa sentuhan gaya pengarah P. Ramlee dilihat begitu berkesan terutamanya apabila menterjemahkan watak wanita seperti Dara dalam filem Semerah Padi dalam ruang babak zina. Watak wanita digandingkan dengan bentuk kehalusan perwatakan yang meletakkan rasa derita

pada watak Dara sebagai wanita terhadap perlakuan sumbang dengan Aduka iaitu watak lelaki dalam filem tersebut. Justeru, dalam usaha untuk memahami pemikiran abad ke-21 dalam kalangan pengarah filem, Ghazalli (2008) mendapati wujudnya beberapa elemen yang membentuk pemikiran pengarah filem di Malaysia dan ia dilihat pada karya-karya yang dipilih untuk dikaji seperti filem Embun arahan Erma Fatimah, Pontianak Harum Sundal Malam arahan Shuhaimi Baba, Paloh arahan Adman Salleh, dan Puteri Gunung Ledang arahan Saw Teong Hin.

Secara umumnya, berdasarkan analisis pemikiran pengarah filem terhadap pemaparan karya filem yang dihasilkan, terdapat beberapa pola utama pemikiran yang cuba ditonjolkan dari karya masing-masing. Antara pola pemikiran yang jelas kelihatan ialah pemikiran kebangsaan, cinta, keagamaan, dan mistik. Melalui filem Embun, jelas didapati bahawa pengarah filem Melayu cenderung untuk menonjolkan pemikiran yang meletakkan persoalan bangsa-Melayu terutamanya dalam filem bergenre sejarah dan patriotik. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengarah filem Melayu tidak dapat memisahkan persoalan jati diri mereka dalam karya berunsurkan patriotisme. Dari sudut pemaparan wanita pula, pengarah Melayu dilihat cuba mengangkat watak tersebut selari dengan pemikiran abad ke-21. Hal ini dikaitkan dengan pemaparan wanita yang dilihat agresif serta berani mencabar sistem patriarki. Pemikiran ini digambarkan dengan jelas ketika filem tersebut mengetengahkan watak Embun. Walau bagaimanapun, peranan dan stereotaip wanita dilihat masih lagi menebal apabila watak wanita masih lagi terikat dengan objek seksualiti. Pemikiran pengarah filem juga dilihat begitu menebal dengan persoalan Melayu dan tidak begitu meletakkan Islam dalam watak Embun. Pemikiran pengarah lain dalam kajian ini juga turut menampilkan elemen stereotaip yang akhirnya meletakkan wanita dalam ruang objek seksualiti. Hal ini dilihat diterjemahkan oleh pengarah-pengarah filem Melayu wanita berbanding pengarah filem Melayu lelaki.

Berbanding Embun, filem Paloh karya Adman Salleh turut meletakkan genre patriotisme sebagai konsep penceritaan. Pemikiran dalam pemaparan filem ini juga jelas meletakkan persoalan bangsa-Melayu sebagai asas kepada patriotisme. Walaupun wujud percampuran budaya dalam kisah Paloh terutamanya dalam hubungan cinta antara watak berlainan bangsa, Paloh masih lagi meletakkan pemaparan Melayu sebagai perkara utama. Selain itu, Paloh juga cuba menyeimbangkan persoalan bangsa dan agama apabila banyak babak cuba memaparkan persoalan adab dan adat secara halus. Selain itu, pemikiran Melayu tidak hanya tertumpu kepada adab dan sikap yang baik semata-mata. Malah, dalam kajian Ghazali (2008), pemikiran bersifat dendam turut wujud dalam bentuk pemaparan filem. Hal ini dapat dilihat dalam filem Paloh dan Puntianak Harum Sundal Malam arahan Shuhaimi Baba.

Perkara ini menunjukkan bahawa penelitian terhadap pelbagai aliran pemikiran adalah perlu bagi memahami secara halus makna pemaparan melalui pemikiran pengarah filem Melayu. Namun, melalui pemikiran yang kritis, pengarah-pengarah filem Melayu telah meletakkan beberapa pemikiran dengan teliti yang kemudiannya diterjemahkan dalam sesebuah cerita. Walaupun kajian Ghazali (2008) ini membantu dalam menjelaskan pemikiran pengarah Melayu dari sudut bangsa-agama yang sememangnya wujud dalam penerbitan filem, kajian ini tetap tidak melihat konteks makna dengan lebih mendalam dalam bentuk proses pemahaman pengarah filem. Hal ini terutamanya dalam konteks mengaitkan dasar dan ideologi Islam dominan oleh pemerintah serta pengalaman pengarah dalam memahami makna pemaparan Islam dan wanita dalam filem.

2.4 Ideologi Dominan dan Pemaparan Filem

Media merupakan institusi yang sering dikaitkan dengan pemerintahan sesebuah negara. Dalam hal ini, media turut tidak terlepas daripada sebarang bentuk kawalan serta secara langsung mengikut sistem serta ideologi pemerintahan sesebuah negara. Menurut Chamil (2008), media sering kali dilihat sebagai kuasa ke empat bagi sesebuah kerajaan yang menjadi suara terhadap sebarang keputusan dan kuasa ke atas masyarakat yang diperintah. Hal ini biasanya dilihat pada media-media seperti akhbar.

Selain akhbar, media-media lain seperti penerbitan atau pembikinan filem turut dikaitkan dengan ideologi serta menerima sistem pemerintahan sesebuah kerajaan. Sama ada ia berlaku secara langsung atau tidak langsung, media masih lagi dilihat mendukung ideologi dominan serta pemikiran pemerintah. Oleh itu, penerbitan teks budaya seperti filem dilihat memaparkan realiti sosial berdasarkan hasil atau sebab-akibat daripada sistem pemerintahan yang berlaku atau yang diterima di negara ia diterbitkan.

Justeru, media harus dilihat sebagai sebuah institusi yang tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat yang membentuk konsensus tertentu apabila media dihubungkan dengan masyarakat yang terdedah kepada teks media tersebut. Hal ini dapat dilihat terutamanya apabila kita mengambil kira pandangan fungsionalis struktural seperti yang dinyatakan dalam kajian oleh Karthigesu dan Tan Kim Bee (2008) bahawa institusi media, di samping institusi-institusi lain dalam masyarakat dilihat sebagai ejen-ejen penting untuk membentuk konsensus. Konsensus pula adalah

penting dalam usaha untuk menjustifikasikan serta menyalurkan idea-idea berkenaan status, peranan, norma-norma, dan nilai-nilai dalam masyarakat.

Media merupakan institusi sosial yang tidak wujud dalam keadaan vakum (Mustafa Kamal, 2005). Dengan ini, filem sebagai salah satu media hiburan juga tidak dapat lari daripada menerima tekanan mahupun ideologi kuasa sosial atau *social power* daripada pihak yang dominan dalam sesebuah negara. Hal ini dapat dilihat dalam konteks Malaysia yakni ideologi yang mendasari sistem pemerintahan dilihat berpaksikan suatu nilai tertumpu iaitu Rukun Negara. Melalui Rukun Negara, ia telah diterima sebagai satu garis panduan dalam soal perundangan, pemikiran, dan tingkah laku dalam masyarakat (Karthigesu & Tan Kim Bee, 2008).

Keadaan ini memberikan justifikasi kepada kita bahawa institusi-institusi di bawah sistem pemerintahan di Malaysia termasuk media perlu mendokong prinsip Rukun Negara yang disifatkan oleh Karthigesu and Tan Kim Bee (2008) sebagai ideologi kebangsaan. Rukun Negara sebagai ideologi kebangsaan, di samping undang-undang media dan pemilikan serta halangan-halangan professional dan agama sudah pasti menentukan kandungan nilai pada mesej yang disalurkan melalui media sama ada televisyen, filem, ataupun iklan (Karthigesu & Tan Kim Bee, 2008).

Dalam pemahaman tentang filem itu sendiri, ia dilihat turut membincangkan tentang ideologi yang terbina melalui penceritaan atau pembentukan sesebuah naratif. Bordwell (2016) menyentuh berkenaan makna yang digarapkan dalam filem yang mewujudkan

makna dalam bentuk-bentuk tertentu yang bersifat ideologikal. Hal ini membawa pengertian kepada kita bahawa dalam proses pembentukan sesebuah cerita bagi menghasilkan sebuah karya yang dianggap seni, persoalan-persoalan tentang nilai sosial tetap akan wujud dalam sesebuah bentuk filem (Bordwell, 2016). Oleh itu, filem tidak berdiri sendiri dan akan sentiasa dikaitkan dengan konteks sosial walaupun ia dibentuk menjadi sesuatu yang bersifat fantasi. Hal ini mewujudkan konsistensi antara perkara yang berlaku di luar dunia filem yang diterjemahkan sebagai realiti dan diserapkan ke alam filem dalam bentuk fantasi (Gaik Cheng, 2011).

Konsistensi ini yang dilihat sebagai konsensus diterjemahkan dalam bentuk produksi semula di alam filem itu sendiri yang pada hakikatnya filem terpanggil untuk mencedok fantasi tersebut daripada realiti yang berlaku di alam sekelilingnya. Oleh itu, dari era ke era atau zaman ke zaman proses pembikinan filem itu berlaku, ia akan membawa wacana-wacana tertentu sesuai dengan keadaan ruang dan masa realiti sosial yang berlaku. Hal ini yang biasanya menjadikan filem sebagai refleksi kepada suasana yang berlaku di sekelilingnya.

Secara umumnya, dalam kajian tentang filem, para pengkaji menumpukan kepada filem dan identity nasional. Dalam hal ini, filem dikaji dalam konteks Sinema Malaysia. Pengkaji sebelum ini seperti Gaik Cheng (2011) lebih menumpukan kepada persoalan tentang sejarah sinema Melayu serta implikasinya berikutan ideologi nasional selepas tahun 1969 iaitu setelah berlakunya peristiwa 13 Mei yang banyak memberikan kesan terhadap sistem pentadbiran dan pemerintahan di Malaysia. Dalam hal ini, teori yang diketengahkan oleh beliau menumpukan kepada memahami konsep *Psychoanalytical Lacanian* yang mengetengahkan teori subjektiviti. Melalui teori ini, kita dapat

memahami bahawa sesebuah masyarakat atau individu itu akan membentuk fantasi terhadap perkara realiti yang mungkin atau tidak boleh dipersoalkan atau tidak boleh disimbolkan ke atas skrin.

Gaik Cheng (2011) juga turut mengaitkan isu berkaitan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilihat menimbulkan semula persoalan Islam pada sekitar lewat dekad 1970-an. Pada masa tersebut, isu berkaitan Islam pada hakikatnya telah menjadi perkara yang ditekankan terutamanya apabila orang Melayu telah mula mengidentifikasikan diri mereka sebagai penganut agama Islam. Dalam hal ini, persoalan Islam diketengahkan sebagai satu ideologi bagi memberikan ruang kepada orang Melayu dari segi ekonomi.

Persoalan tentang kesedaran Islam turut disokong oleh Wan Nik dan Asma' Husna (2006) yang menyatakan bahawa kebangkitan Islam telah berlaku secara meluas sekitar dekad 1970-an yang kemudiannya telah membawa kesedaran untuk kembali menghayati Islam sebagai *ad-din*. Kesedaran itu telah berkembang dalam masyarakat Melayu terutamanya dalam kalangan individu yang berpendidikan Islam dan berpendidikan sekular (Wan Nik & Husna, 2006)

Kesedaran ini juga menurut Wan Nik dan Husna (2006) telah menarik perhatian parti yang memerintah terutamanya dalam hal yang melibatkan ekonomi politik yang pada masa itu terpinggir dan meminggirkan orang Melayu. Dalam konteks lain pula, wujud satu bentuk pemahaman bahawa Islam yang berada di bawah sistem parti pemerintah telah diletakkan di bawah satu badan yang telah diinstitusikan. Institusi ini dilihat beroperasi dalam ruang ideologi yang telah ditentukan. Hal ini menjelaskan bahawa

agama merupakan alat yang berada di bawah kuasa negara sesuai dengan pandangan Althusser (1971).

Justeru, Gaik Cheng (2011) telah membuka ruang lingkup kajian berkaitan Islam dalam memahami identiti filem Malaysia pada sekitar dekad 1970-an dan 1990-an. Hal ini dilakukan dengan melihat latar belakang sistem pemerintahan dan dasar pemerintah Malaysia pada dekad-dekad tersebut. Dalam hal ini juga, beliau turut mengetengahkan teori ideologi yang dikemukakan oleh sarjana aliran Marxisme Perancis iaitu Louis Althusser yang mengutarakan tentang *Ideologi State Apparatus* yang dilihat oleh beliau wujud dalam masyarakat Melayu pascakolonial (Gaik Cheng, 2011).

Dalam soal ini, alat politik menyumbang ke arah pewujudan individu di Malaysia sebagai subjek kepada politik negara. Dalam kes ini, demokrasi berparlimen merupakan ideologi yang diterima secara tidak langsung oleh individu-individu di Malaysia. Dalam konteks *apparatus* komunikasi pula, ia berfungsi untuk mendidik rakyat tentang perkara berkaitan nasionalisme, chauvinisme, liberalisme, dan moralisme melalui akhbar, radio, dan televisyen.

Begitu juga dengan alat budaya seperti filem. Setiap filem Malaysia menurut Gaik Cheng (2011) adalah sebahagian daripada “demokratik” kapitalis yang didukung oleh sinema nasional. Istilah demokratik ini harus difahami menurut konsep yang dinyatakan oleh Mohd Izani (2014) iaitu demokrasi hanyalah membenarkan sekumpulan pihak, dan bukannya rakyat, untuk memerintah. Rakyat hanya dibenarkan

untuk memilih pemimpin antara mereka dan mengawal pemerintahan daripada menyeleweng dan menindas. Dalam keadaan lain pula, Islam dan amalannya banyak menumpukan kepada persoalan sosiopolitik yang berpegang dengan ideologi kelompok yang membawa kepada struktur Islam yang dilihat berkait rapat dengan kelompok ideologi kumpulan politik tertentu. Lukman (2013) berdasarkan kajian beliau menekankan bahawa setiap pemaparan atau pembentukan pelaksanaan Islam dalam landskap politik di Malaysia dipengaruhi oleh ideologi kelompok gerakan politik terutamanya daripada dua parti dominan di Malaysia.

Justeru, ideologi yang mendasari konsep Islam ini dipengaruhi oleh parti-parti yang cuba menterjemahkan dasar perjuangan mereka mengikut sistem dan aspirasi parti tersebut. Dalam keadaan ini, parti yang dominan dan memerintah kerajaan pada ketika itu iaitu UMNO/BN dilihat meletakkan dasar Islam berlandaskan asas ideologi parti tersebut. Manakala kelompok parti pembangkang dominan di Malaysia meletakkan dasar tersendiri dalam memahami Islam mengikut agenda dan aspirasi parti yang berteraskan Islam dari pelbagai sudut dan sistem gerakan politiknya. Hal ini menekankan bahawa sinema di Malaysia bukan hanya berpaksikan soal ekonomi politik semata-mata seperti yang dinyatakan oleh Mahyuddin (2009), namun persoalan ekonomi politik ini sememangnya menjadi salah satu perkara yang harus difahami dalam konteks kapitalis yang kurang memberikan penekanan terhadap aspek agama dalam ruang lingkup kajian. Perkara yang ditekankan lebih mencakupi persoalan kelas dalam mengawal ekonomi politik sinema di Malaysia.

Dengan ini, sekiranya kita mengaitkan idea ideologi daripada pendekatan Althusser dan hubung kaitnya dengan teori *psychoanalysis* Lacanian, ia mewujudkan hubungan antara subjek dan negara (subject and states). Hal ini menurut beliau mewujudkan perkara yang dikatakan ideologikal dan alat negara budaya yang membentuk hegemoni “*of the big other*” iaitu istilah beliau terhadap pemerintah. Menurut pandangan Gaik Cheng (2011):

“...*the symbolic orders or the big others is predominantly language and secondarily the whole social network of laws, ideologies and linguistic communication that socializes individuals.*” (Gaik Cheng, 2011, hlm. 108)

Dengan mengaitkan teori daripada Althusser iaitu *ideology state apparatus* (ISA), kita dapat memahami bahawa filem di Malaysia merupakan sebahagian daripada ideologi “demokratik” kapitalis sinema nasional. Dengan ini, ia mengukuhkan lagi pandangan bahawa sinema di Malaysia tidak hanya berlatarkan persoalan seni dan hiburan semata-mata, tetapi turut mendasari persoalan sistem pemerintahan dan ideologi yang mendasari sistem tersebut. Hal ini secara tidak langsung turut memberikan implikasi terhadap kerja-kerja pengarah filem di negara ini.

Gaik Cheng (2011) melihat sama ada persoalan sinema di Malaysia lebih bersifat “Sinema Melayu” atau “Sinema Malaysia” (sinema yang mencakupi pelbagai bangsa di Malaysia). Beliau menyentuh bahawa sinema di Malaysia tidak dapat lari daripada menerima tekanan atau desakan daripada pemimpin politik yang memerlukan filem itu berfungsi dan memenuhi aspirasi pemerintah (Gaik Cheng, 2011) Hal ini dapat

dibuktikan melalui Badan Penapisan yang bertindak sebagai pengawal moral dan identiti nasional masyarakat Malaysia. Antara intipati yang dinyatakan adalah seperti berikut:

“to protect society from probability of being influenced to behave immorally and/or to sympathize with ideologies contravening the principles of the Rukun Negara (national ideology) as a result of film viewing; to protect Malaysia from the distribution of anti-government films and films that denigrate the government’s image, ridicule Malaysia’s allied countries and their leaders, especially Muslim and ASEAN countries; to avoid films that depict wrong and deviationist teachings, criticize and humiliate religions that are permissible according to the federal constitutions; to become guidelines for the good conduct of society in conjunction with the national identity and aspirations; and to avoid the good name of an individual or association from being tarnished as a result showing of a movie” (Gaik Cheng, 2011, hlm. 111).

Melihat kepada keadaan yang diujahkan oleh Gaik Cheng (2011), hal yang sedemikian rupa juga turut ditegaskan oleh Karhtigesu dan Tan Kim Bee (2008) melalui kajian mereka terhadap nilai-nilai dominan yang diselitkan dalam teks filem yang akhirnya menjadi mesej kepada khalayak. Hal ini dilihat dalam dua buah filem yang berlainan era iaitu Pendekar Bujang Lapok (1959) arahan Tan Sri P. Ramlee dan Tsu Feh-Sofiah (1989) arahan Rahim Razali.

Dalam kajian Karthigesu dan Tan Kim Bee (2008), mereka berdua mengetengahkan teori hegemoni dalam mengaitkan nilai-nilai dominan yang dipaparkan kepada masyarakat. Mereka juga mengetengahkan idea daripada ahli teori Marxis iaitu Althusser. Premis utama dalam kajian ini menyatakan bahawa media massa termasuk media cetak dan media elektronik bersama-sama membentuk dan menyalurkan dominan kelas pemerintah dan ini diterima atau diserapkan ke dalam benak anggota-anggota dalam masyarakat, walaupun bukan kesemuanya, secara sedar atau tanpa sedar. Hal ini adalah dalam bentuk norma dan nilai dalam masyarakat yang membantu mewujudkan serta mengekalkan kuasa kelas-kelas dominan (Karthigesu & Tan Kim Bee, 2008).

Nilai-nilai dominan yang diketengahkan dalam kajian mereka juga dilihat sebagai semulajadi terutamanya apabila melihat ulasan analisis semiotik terhadap filem pertama mereka iaitu Pendekar Bujang Lapok (1959). Analisis dalam filem ini lebih menumpukan terhadap keadaan perwatakan dan juga tingkah laku yang wujud pada setiap karakter dalam filem tersebut. Hal ini dilihat apabila kedua-dua pengkaji mempersoalkan keadaan watak protagonis yang diletakkan sebagai ‘menghalalkan cara’ dalam tindakan yang tidak seharusnya berlaku apabila pada babak-babak awal di jeti watak protagonis dilihat bergelut dengan sekumpulan samseng yang merupakan watak antagonis. Namun, watak protagonis masih lagi dilihat sebagai watak baik walaupun pada satu babak yang memaparkan watak yang sedang mencuri wang tambang perahu.

Justeru, hal ini memperlihatkan bahawa ideologi yang wujud dalam filem layak menghalalkan cara pada sikap atau tingkah laku tertentu dan wujud satu persetujuan yang mengatakan mencuri itu adalah baik selagi watak yang mencuri adalah watak baik

atau protagonist. Selain itu, watak wanita dilihat masih lagi dinilai sebagai watak yang menentang persoalan stereotaip dari segi seksualiti. Hal ini dilihat sebagai suatu yang dominan dalam pengayaan filem termasuk filem Malayu sedari era P. Ramlee lagi. Karthigesu dan Tan Kim Bee (2008) menyatakan tentang konsep tetap peranan watak wanita utama, Rose, telah bertembung dengan tanggapan penonton. Beberapa perkara boleh dipersoalkan di sini, antaranya, mengapakah digambarkan watak Rose sebagai seorang gadis yang lemah, menggoda, dan pada beberapa keadaan degil dan membantah cakap ibu bapanya? Stereotaip demikian tidak adil kerana ia hanya mengukuhkan pendapat bahawa watak wanita telah digambarkan secara halus, namun keadaan ini seolah-olah digambarkan sebagai satu perkara yang lumrah (Karthigesu & Tan Kim Bee, 2008).

Sesuatu yang dianggap lumrah bagi watak wanita menjadikan imej dan pemaparan semula wanita dalam karya P. Ramlee dilihat sebagai satu nilai dominan. Mahyuddin (2009) dalam kajiannya terhadap filem-filem lain pengarah P. Ramlee menyifatkan lumrah bagi pemaparan semula wanita dalam filem adalah sesuatu yang berlaku bukan dalam bentuk semula jadi. Bagi beliau, masyarakat dalam dunia realiti terutamanya di Malaysia mempengaruhi dunia perfileman yang membentuk wacana ideologi umum berkenaan hubungan gender dalam masyarakat di Malaysia. Hal ini memaparkan keadaan yang tidak memihak kepada kumpulan tertentu terutamanya golongan wanita. Oleh itu, Mahyuddin (2009) melihat bahawa perwatakan wanita yang dipaparkan semula oleh P. Ramlee mewakili keadaan yang berlaku sebagaimana di alam nyata iaitu masyarakat Malaysia dilihat berpegang kepada ideologi dominan sistem patriarki (Mahyuddin, 2009).

Dalam kajian berkaitan pemaparan wanita oleh Mahyuddin (2009), kajian *Psychoanalysis* diketengahkan dalam usaha untuk melihat kewujudan politik peletakan wanita dalam sistem patriarki. Beliau menjelaskan bahawa wanita dan pemaparan dalam filem P. Ramlee masih lagi menggunakan teknik dominan dalam pembikinan filem iaitu teknik ‘classical Hollywood cinema’ yang meletakkan persoalan eksploitasi wanita sebagai subjek dan perkembangan naratif sesebuah penceritaan. Kajian beliau telah mengetengahkan pandangan daripada tokoh feminis filem iaitu Luara Mulvey (1993) bahawa:

“Women are usually at the center of the narrative, but their presence tends to develop in the opposite direction of narrative.” (Mahyuddin, 1993, hlm. 211)

Melalui keadaan ini, kita dapat memahami bahawa struktur penceritaan pengarah filem P. Ramlee meletakkan lelaki yang mewakili sistem patriarki sebagai ejen yang aktif dalam menentukan perjalanan cerita walaupun pada hakikatnya wanita dilihat merupakan persoalan utama dalam struktur cerita. Jelas bahawa filem itu sendiri melalui teknik sinema klasikal Hollywood telah mendominasi penceritaan dalam filem yang akhirnya diterangkan melalui *Psychoanalysis* oleh Mulvey (1993) sebagai keadaan yang mewujudkan proses penceritaan yang meletakkan wanita sebagai objek pemaparan yang ditonton oleh khalayak serta ditonton atau dipandang oleh pelakon lelaki sebagai subjek dalam filem.

Mahyuddin (2009) turut menjelaskan bahawa keadaan penceritaan dalam filem P. Ramlee terutamanya dalam filem kajiannya Antara Dua Darjat (1960), Putus Sudah Kasih Sayang (1970), dan Dr. Rushdi (1970) memperlihatkan wujudnya satu kuasa pergelutan antara jantina dalam perwatakan (peletakan watak) iaitu keadaan yang mewujudkan kuasa dalam pemaparan filem yang disesuaikan dengan fungsi tradisional wanita dalam masyarakat patriaki.

Dalam keadaan ini, ideologi sistem patriaki ini amat memberikan kesan terhadap pemaparan wanita dan ini dilihat masih lagi didukung oleh sistem pemerintahan di Malaysia. Bukan itu sahaja, menurut Mahyuddin (2009), sistem ini bukan mula wujud pada era Islam, tetapi telah pun bertapak dalam masyarakat Melayu sebelum kedatangan Islam. Masalah yang wujud dalam melihat persoalan ini agak sukar kerana setelah kedatangan Islam pun sistem ini masih diterima pakai di Tanah Melayu dan ini telah menjadi perdebatan yang bukan sekadar dalam konteks pemahaman tentang fungsi kejadian jantina dalam agama yang turut muncul dalam proses sinematik oleh pengarah filem di Malaysia semenjak zaman pengarah filem oleh P. Ramlee.

Mahyuddin (2009) turut dilihat bersependapat dengan Karthigesu dan Tan Kim Bee (2008) apabila dengan jelas beliau juga melihat bahawa wujudnya pemaparan ideologi dominan dalam filem yang mengukuhkan nilai dominan dalam filem Melayu. Namun, Mahyuddin mengaitkan realisme dalam naratif filem dan dengan jelas mengatakan bahawa;

“...the importance of the theory of ideology is not so much about resentment towards realism, it is to provide us with analytical tool that recognize the relationship between cinema and society. We can argue that cinematic practices do not project the ‘real’ world they operate selectively and filter the images and representation of the world.” (Mahyuddin, 2009, hlm. 212)

Oleh yang demikian, pendekatan ideologi politik dalam filem dilihat telah memberikan ruang kepada satu keadaan yakni filem memaparkan realiti dalam situasi yang telah di‘ideologi’kan menjadi ‘realiti’ dengan cuba membawa keadaan sosial masyarakat yang sebenar. Keadaan ini diujahkan oleh MacCabe (1974) dan Rodowick (1988) dalam kajian Mahyuddin bahawa realiti dalam filem harus dipaparkan mengikut kesan ideologi yang dibawa daripada realiti dan dijadikan realiti sinematik yang akan beroperasi dalam kerangka ideologi dominan yang telah diterap ke dalam masyarakat (Mahyuddin, 2009). Dengan itu, akhirnya dapat dirumuskan bahawa keadaan yang diletakkan oleh filem dalam ruang lingkup ideologi ialah:

- i. Filem dilihat bersandarkan kepada budaya, pemikiran, serta sistem sosial yang dominan di Malaysia iaitu sistem nasab bapa atau patriaki.
- ii. Dengan itu, filem telah meletakkan wanita sebagai elemen yang tidak dapat menentang sistem patriaki dan wujudnya pertentangan jantina antara wanita dan lelaki dalam pemaparan.

- iii. Keadaan ini terjadi apabila pemahaman masyarakat tentang Islam berkaitan peranan jantina masih lagi tidak jelas, apatah lagi berkenaan pemaparannya dalam filem.
- iv. Filem juga dibentuk dalam keadaan ideologinya tersendiri iaitu meletakkan elemen dominan dari segi teknikal dalam ruang penceritaan dan pemaparannya.
- v. Dalam konteks di luar ruang kandungan filem, ia dilihat sebagai sekadar aktiviti hiburan kosong tanpa ada hubungan jitu dalam mengaitkan filem dan struktur sosial mahupun politik.

Justeru, bagi memahami isi kandungan media termasuk filem, pengkaji menerima pandangan yang dinyatakan oleh Gans dan Gitlin yang dibincangkan oleh Shoemaker dalam kajian yang dilakukan oleh Hamid Ariffin (2007) berkaitan representasi perempuan dalam akhbar iaitu terdapat lima kelompok keadaan media yang memaparkan ideologi dominan iaitu:

- i. Kandungan media memaparkan realiti sosial dengan sedikit atau tanpa menyimpang.
- ii. Kandungan media dipengaruhi oleh sosialisasi dan sikap para pekerja media seperti faktor psikologi, profesionalisme, personaliti, sikap politik dan kemahiran mereka.
- iii. Kandungan media dipengaruhi oleh rutin harian media; rutin organisasi menjelaskan bahawa kandungan media itu

dipengaruhi oleh cara para pekerja dalam organisasi media itu bekerja.

- iv. Kandungan media dipengaruhi oleh institusi dan kekuatan lain seperti kekuatan ekonomi, budaya, dan kemahuan audiens.
- v. Kandungan media dipengaruhi oleh fungsi ideologi dan kekuatan status quo. Hegemoni ialah pendekatan teoretis yang biasanya menjelaskan bahawa kandungan media itu dipengaruhi oleh ideologi yang muncul dalam membentuk kekuatan dalam sesuatu masyarakat.

(Hamid Ariffin, 2007, hlm. 10)

Keadaan ini menjelaskan bahawa penerbitan filem secara umumnya membuatkan pemikiran penonton hanya tertumpu kepada sesuatu yang bersifat kosong dan mereka tidak dapat mengaitkan sesuatu kandungan dalam filem sebagai perkara yang boleh diketengahkan dalam ruang pemikiran. Akhirnya, ia jelas membentuk satu keadaan seperti yang diutarakan oleh Karthigesu et al. (2008), bahawa kerajaan yang memerintah mungkin membiarkan sahaja mesej-mesej dominan ini menyelina masuk ke dalam benak mereka tanpa disedari bahawa selama ini mereka telah dibiasakan dengan filem-filem yang mengkhayalkan pemikiran sehingga tidak mencetuskan persoalan-persoalan yang serius (Karthigesu & Tan Kim Bee, 2008).

Oleh itu, filem di Malaysia tidak dapat lari daripada memenuhi aspirasi parti memerintah dan ini dilihat terutamanya pada sinema Melayu. Maka dalam kes ini, perkara yang ditekankan oleh sinema Melayu harus didalami apabila menyentuh persoalan berkaitan nilai budaya iaitu aspek agama yang turut dijadikan agenda nasional pada sepanjang proses Islamisasi, sebagai contoh, ketika agenda Islamisasi melalui

Islam Hadhari diperkenalkan. Namun, sekiranya Islam diletakkan sebagai salah satu identiti nasional berdasarkan kepada ideologi nasional iaitu rukun negara, maka semestinya pemaparan wanita dalam filem lebih-lebih lagi harus diletakkan pada kelas yang lebih baik. Ditambah pula dengan kewujudan agenda nasional Islam Hadhari oleh parti yang memerintah, yang menjelaskan lagi aspirasi berkaitan wanita dan intergriti moral. Justeru, harus dilihat sama ada perkara yang difahami oleh pengarah filem di Malaysia bersesuaian atau tidak dengan perkara yang digariskan sepanjang proses Islamisasi terutamanya berkenaan prinsip-prinsip yang berkait rapat dengan wanita serta budaya dan moral. Dengan itu, kajian ini harus terlebih dahulu memahami konsep sebenar proses Islamisasi dan maknanya terhadap pemaparan wanita dalam filem.

2.5 Perbincangan Teori Ideologi, *Doxa* dan Artikulasi Budaya

Pada bahagian ini, pengkaji membincangkan beberapa teori yang dilihat berkait rapat dengan kajian. Secara asas, kajian ini berkait rapat dengan teori budaya yang merupakan paradigma teori kritikan sosial. Bagi memahami kajian yang akan dijalankan ini, pengkaji membawa beberapa konsep berkaitan ideologi yang dikembangkan melalui aliran Marxisme terutamanya Neo-Marxisme seperti Louis Althusser (1977) dan perdebatan mengenainya melalui pandangan John B. Thompson (1991), Eagleton (1991), dan Bourdieu (1990) dalam ruang lingkup kritikan sosial. Selain itu, pandangan daripada teori yang dikembangkan oleh Du Gay dan Stuart Hall (1997) juga diguna pakai terutamanya dalam memahami pembentukan makna pemaparan wanita dalam kalangan pengarah-pengarah filem. Hal ini merujuk kepada teori *circuit of culture* atau disebut sebagai teori artikulasi budaya. Namun, pengkaji juga melihat perdebatan teoretis ini dalam ruang lingkup filem. Filem pada hakikatnya mempunyai pemahaman

teoretisnya tersendiri. Pemahaman teoretis dalam filem harus dihuraikan memandangkan terdapat hubungan antara teori-teori budaya dan juga teori-teori yang wujud dalam kajian filem.

Pada akhir subtajuk ini, para pengkaji menjelaskan pandangan yang diketengahkan oleh Ott dan Mack (2014) yang dapat membantu pengkaji untuk menjelaskan teori budaya yang mencakupi beberapa konsep dan teoretis yang berkait rapat dengan pandangan serta aliran yang diketengahkan melalui pandangan tokoh-tokoh budaya yang dinyatakan sebelum ini. Akhir sekali, pengkaji akan melihat penerangan oleh teori ini tentang data yang diperoleh. Selain itu, dalam memahami makna pemaparan wanita dalam proses Islamisasi, kajian mengaitkan dengan teori artikulasi yang dikembangkan oleh Stuart Hall (1997) dan Du Gay (1997).

2.5.1 Konsep dan Teori Ideologi

Pelbagai pandangan harus dibincangkan mengenai konsep atau teori ideologi. Sebelum membincangkan tentang ideologi dalam konteks konsep mahupun teori, pengkaji berpandangan yang ia harus dilihat dalam konteks yang lebih besar yakni cabang ideologi ini muncul untuk dibincangkan dalam analisis tentang budaya termasuklah teori yang berkaitan dengan feminisme. Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji banyak mengutarakan teoretis yang lahir daripada kelompok teori budaya. Pada kebiasaan amalan atau paradigma dalam membincangkan kajian yang berkait rapat dengan media terutamanya filem, para sarjana biasanya mengetengahkan pendekatan yang dipelopori

oleh golongan-golongan daripada bidang kritikan sosial atau teori-teori di bawah kelompok teori budaya..

Pendekatan ini mula berkembang sekitar era 1950-an dan 1960-an setelah dilihat atau didapati teori-teori yang berkaitan komunikasi massa hanya mampu mengupas persoalan berkaitan kesan seperti melalui teori *limited effect* yang amat bergantung kepada pendekatan eksperimental dan tinjauan selidik semata-mata (Baran & Davis, 2012). Perkara pokok tentang teoretis ini apabila dibincangkan dalam ruang lingkup media terutamanya filem adalah berkait rapat seperti yang dinyatakan oleh Baran dan Davis (2012) yang berpendapat bahawa teori-teori tentang budaya biasanya menemukan jawapan yang pelbagai terhadap persoalan peranan media dalam kehidupan harian. Hal ini dengan meletakkan persoalan budaya sebagai perkara pokok dalam kajian.

Dalam konteks ini, filem yang merupakan media yang bersifat ‘massa’ dilihat begitu jelas bertapak di bawah fenomena yang ditekankan melalui paradigma teori-teori budaya. Walaupun filem kini hanya menyasarkan kelompok-kelompok kecil seperti khalayak iaitu pengunjung sinema, disebabkan kajian ini lebih menumpukan kepada persoalan makro, maka kajian ini tidak sesekali melihat pada analisis khalayak. Alasannya ialah, kajian ini ingin melihat pertalian fenomena kuasa sistem negara dalam menentukan pemaparan wanita dalam pemahaman pembikin filem di Malaysia bagi membolehkan pengkaji memahami sama ada kuasa atau sistem negara berpengaruh dalam mencorak pemikiran pengarah filem dari segi pemaparan wanita pada era tertentu serta kesannya dalam mempengaruhi sistem sesebuah penerbitan filem.

Walaupun kajian ini meletakkan isu pemaparan wanita sebagai salah satu ruang lingkup dalam melihat perkaitan antara sistem kuasa negara dan kuasa pengaruh filem dalam menentukan sesebuah pemaparan, kajian ini tidak begitu menekankan pendekatan teoretis daripada aliran feminisme memandangkan perkara yang lebih dominan untuk difahami ialah berkaitan impak ideologi dominan Islamisasi ke atas pemaparan wanita dalam filem bagi melihat kepada persoalan spesifik kajian iaitu wanita melalui media. Maka, teori yang berada di bawah payung budaya ini mempunyai satu perkaitan yang jelas. Perkaitan ini dilihat dari segi ideologi dominan pemikiran pengaruh filem serta kuasa pemerintahan yang menjalankan Islamisasi termasuk sistem agenda seperti Islam Hadhari yang telah cuba memberi ruang kepada emansipasi wanita dalam 10 prinsipnya.

Dalam hal ini juga, teori ini melihat bahawa segala perkara dalam aktiviti kehidupan di bawah bidang sains sosial adalah distrukturkan kepada satu keadaan tertentu yang berlaku melalui sebab dan akibat yang bukan berdiri sendiri atau secara semulajadi. Sub-sub teori yang selalu berkisar di bawah payung teori budaya ini sentiasa menumpukan kepada persoalan yang berkait rapat dengan kuasa-politik-ekonomi yang diletakkan di bawah paksi hegemoni yang merupakan salah satu konsep yang sering diguna pakai melalui pendekatan kritikan sosial.

Namun, teori yang berada di bawah kritikan sosial dan budaya ini dilihat mempunyai dua keadaan atau ruang lingkup iaitu berbentuk makro dan mikro. Teori-teori budaya pada asasnya diletakkan di bawah satu kelompok teori yang bersifat mikroskopik kerana ia lebih mengutamakan kajian yang bersifat kelompok tertentu yang tidak melihat kepada satu fenomena yang besar. Dalam erti kata lain, teori budaya banyak

menumpukan terhadap persoalan seperti impak media terhadap kumpulan atau kelompok kehidupan masyarakat (Baran & Davis, 2012).

Dalam konteks lain pula, teori kritikan sosial yang pada kebiasaannya mencakupi hal berkaitan ekonomi politik merupakan cabang teori budaya yang berada pada tahap makroskopik. Pada tahap makro ini, fenomena yang banyak ditekankan dalam teori kritikan ini lebih tertumpu kepada perkara yang berkaitan dengan impak pengaruh media ke atas masyarakat melalui kuasa dalam sesebuah negara. Hal ini berbeza dengan tahap mikroskopik seperti yang dinyatakan tadi.

Dengan itu, perlu difahami bahawa bagi memahami epistemologi kajian ini, ia secara asasnya berada dan berkisar tentang fenomena yang berada di bawah aliran ini. Walaupun begitu, ia tidak meletakkan ketepatan yang jelas terhadap teori yang sedikit sebanyak boleh diketengahkan sebagai satu landskap asas dalam memahami kajian ini. Oleh itu, biasanya teori di bawah paradigma ini selalunya begitu sinonim dengan teori daripada aliran Marxis dan neomarxis terutamanya apabila kajian ini melihat kepada mazhab yang dikembangkan oleh aliran teori budaya yang berkembang di Eropah. Baran dan Davis (2012) menyatakan bahawa kekuatan aliran teori budaya Eropah ini ialah ia berkembang di bawah bidang sains sosial dan kemanusiaan (Baran & Davis, 2012).

Pandangan ini dilihat dikukuhkan lagi oleh pandangan yang dinyatakan oleh Ott dan Mack (2014) yang menerangkan bahawa kajian berkaitan kritikan media dalam analisis tentang budaya tidak dapat lari daripada memperkatakan tentang tiga perkara utama

iaitu medium (media), teks, dan ideologi. Hal ini memberikan kefahaman kepada kita bahawa filem merupakan sebuah medium yang memaparkan budaya dalam bentuk teks dan membentuk perkara yang kita fikir melalui ideologi yang membentuk dunia kita berdasarkan sistem yang mendasari sesebuah tempat. Oleh itu, kajian ini membincangkan persoalan kritikan budaya secara umum sebagaimana perkaitan di bawah:

BUDAYA-MEDIA-FILEM-TEKS-PEMAPARAN-WANITA-IDEOLOGI-
DOMINAN-PENERBITAN-PENGARAH FILEM MELAYU.

Rajah 1.2 Pembentukan Teks Budaya

Justeru, penelitian tentang teori ideologi amat penting untuk dikembangkan. Selain itu, persoalan berkaitan pemaparan wanita perlu untuk dilihat sebelum memahami pemikiran pengarah-pengarah filem Melayu. Pemahaman asas terhadap konsep ideologi ini bermula daripada idea-idea yang dikembangkan oleh Marx dan diikuti pula oleh ahli falsafah neo-marxisme seperti Louis Althusser yakni konsep atau teoretis tentang ideologi ini senantiasa mengalami perubahan dari segi pemahamannya. Pada asasnya, pandangan tentang ideologi ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu pandangan aliran klasikal marxisme dan juga pandangan neo-marxisme. Pandangan asas klasikal melihatkan bahawa setiap perkara yang melibatkan ideologi pada kebiasaanya bersifat mengherot. Justeru, penguasa menggunakan ideologi bagi tujuan untuk membentuk kesedaran palsu kepada masyarakat bawahan. Berbeza dari pandangan asas klasikal marxisme, neo-marxisme melihat proses ideologi berlaku dalam keadaan yang lebih kompleks. Justeru ideologi boleh diterangkan seperti keadaan di bawah:

Ideologi mencorak struktur kehidupan sosial melalui empat cara iaitu:

- i. *Limitasi* - mengesahkan dan menekankan nilai dan pandangan kelompok tertentu tidak mengesahkan nilai dan pandangan yang lain. Contohnya, parti-parti politik tertentu mempunyai ideologi terhadap budaya yang merangkumi perkara seperti artifak, adat, dan sikap tertentu yang menyebabkan berlakunya perbezaan dari segi pandangan atau pemaparan terhadap sesuatu perkara termasuk dalam pemaparan filem.
- ii. *Normalisasi* – Ideologi sering berlaku dalam hubungan sosial dan pengaturan antara individu. Ia kelihatan normal dan ia membuat hubungan kekuasaan yang mantap menjadi satu bentuk urutan yang semula jadi. Contohnya, menonton filem yang memaparkan hubungan watak hero dan heroin merupakan perkara yang dilihat normal. Namun, dalam keadaan normal tersebut, kita tidak pula berfikir dari segi hukumnya apabila pelakon yang bukan muhrim bersentuhan sesama mereka dalam adegan tertentu.
- iii. *Privileging* – memberi kelebihan pada pandangan dominan.
- iv. *Interpellation* – Cara dimana ideologi mengawal individu tertentu. Pemaparan watak lelaki dan perempuan dalam filem genre aksi remaja dilihat dikawal oleh pengarah dan menjadi perkara yang dominan dalam pembikinan sesebuah filem.

Hal ini sama seperti yang dibincangkan oleh John B. Thompson yang mengklasifikasikan Mode of Operation of Ideology (Thompson, 1992).

Ideologi pada pandangan John B. Thompson selain pandangan yang dinyatakan oleh Ott dan Mack (2014) dalam satu-satunya buku yang diterbitkan berkenaan *Ideology and Modern Culture* yang mengaitkan ideologi dalam masyarakat moden dan memecahkannya kepada tiga elemen penting iaitu:

- i. Kebangkitan kapitalisme perindustrian di Eropah dan di tempat lain ditemani oleh penurunan kepercayaan dan amalan keagamaan dan magis, yang lazim dalam masyarakat pra-perindustrian. Pembangunan kapitalisme perindustrian di tahap aktiviti ekonomi diiringi, dalam bidang budaya, oleh sekularisasi kepercayaan dan amalan dan oleh rasionalisasi progresif kehidupan sosial.
- ii. Kemerosotan agama dan sihir menyediakan alasan untuk kemunculan sistem kepercayaan sekular atau 'ideologi' yang berfungsi untuk memobilisasi tindakan politik tanpa merujuk kepada nilai-nilai atau makhluk-makhluk dunia lain.
- iii. Perkembangan itu menimbulkan 'zaman ideologi' yang memuncak dalam pergerakan revolusi radikal pada akhir abad kesembilan belas dan awal abad ke-20. Politik hari ini semakin menjadi perkara yang penting dalam peradaban.

Justeru, perkara yang dinyatakan oleh John B. Thompson ini dilihat membawa kepada implikasi konsep ideologi yang wujud pada masa kini. Di samping itu, dalam abad ke 21 ini, *The End of Ideology* dilihat membentuk satu istilah iaitu sistem idea yang digagaskan oleh organisasi politik atau *state* bagi kumpulan sosial tertentu. Namun, terdapat hubungan yang begitu kuat untuk dikaitkan antara *The End of Ideology* yang

dinyatakan tadi oleh Kathleen Knight (2006) dengan pandangan John B. Thompson di atas kerana Thomson melihat kepada konstruk ideologi yang memberikan implikasi terhadap konsep ideologi pada zaman ini.

Dari satu perspektif, andaian oleh John B. Thompson dapat dijadikan kerangka teoretikal dalam kajian ini kerana imej yang dipaparkan ini ada kaitan dengan proses ‘sosialisasi’ ideologi sistem pemerintahan yang wujud di Malaysia pada masa kini. Dalam hal untuk menyatakan perkara yang dipaparkan iaitu imej hubungan watak dalam filem berbentuk stereotaip, pemaparan wanita tidak dilihat sebagai ideologi yang dominan, kerana menurut John B. Thompson (1992), ideologi dominan adalah bersifat paksaan, namun tiada bukti stereotaip, pemaparan wanita tidak dilihat sebagai ideologi yang dominan, kerana menurut John B. Thompson (1992), ideologi dominan adalah bersifat paksaan, namun tiada bukti yang jelas bahawa berlaku penekanan atau paksaan penerimaan ideologi dalam bentuk demikian pada zaman moden ini. Justeru, ideologi bagi John B. Thompson boleh dijelaskan sebagai *the social cement theory of ideology* (John B. Thompson, 1990).

Pandangan Eagleton (1991) terhadap perkara yang ditekankan oleh John B. Thompson (1992) ialah kajian tentang ideologi harus melihat kepada pemahaman makna dari sudut signifikasi sesuatu pemaparan yang mempertahankan pandangan atau pemikiran dominan dalam masyarakat (Eagleton, 1991)

Pada pandangan Eagleton (1991), kekuatan yang ada pada ideologi memberikan suatu gambaran kepada masyarakat bahawa sesuatu yang dipaparkan atau dilihat dan

dibudayakan itu bersifat neutral (Eagleton, 1991). Sebelum itu, Eagleton (1990) turut menetapkan satu konsep tentang ideologi yang begitu luas.

Menurut beliau, perkara yang diistilahkan sebagai ideologi harus dilihat dan disesuaikan dengan mengambil kira cara sesebuah teori ideologi tersebut dihasilkan. Dalam hal ini, perlu kita fahami bahawa Eagleton (1990) berada di bawah aliran yang sama iaitu aliran British Marxist. Istilah ini turut diakui oleh Zorin (2001) bahawa ia diambil oleh Eagleton secara rawak dalam membincangkan secara umum tentang konsep ideologi.

Eagleton (1990) telah menyenaraikan enam belas istilah dalam buku beliau iaitu:

- i. Proses menerbitkan makna, tanda dan nilai dalam kehidupan social
- ii. Karakteristik asas terhadap kelas dan kumpulan social
- iii. Idea yang membantu mengesahkan kuasa politik dominan
- iv. Idea yang palsu dalam mengesahkan kuasa politik dominan
- v. Komunikasi yang mengherot secara sistematik
- vi. Membentuk posisi terhadap subjek
- vii. Bentuk pemikiran yang lahir dari kehendak social
- viii. Pemikiran identiti
- ix. Ilusi sosial
- x. Penyusunan wacana dan kuasa
- xi. Mediaum yang membentuk kesedaran terhadap aktot social dan memberi kesan terhadap dunia
- xii. Orientasi tindakan yang melahirkan set kepercayaan
- xiii. Kekeliruan linguistik dan realiti fenomena
- xiv. Penutupan semiotic

- xv. Medium yang tidak boleh diketepikan oleh individu dalam menghubungkan struktur sosial
- xvi. Proses dimana kehidupan social telah dihubungkan pada reality semulajadi

(Eagleton, 1990, hlm. 2)

Daripada istilah yang dinyatakan oleh Eagleton secara rawak ini, pengkaji melihat bahawa konsep ideologi ini berkembang mengikut keadaan fenomena tertentu yang amat luas untuk difahami. Justeru, ia membuka kepada suatu ruang ilmu yang mendalam bagi mengupas sesuatu keadaan dan memerlukan penggunaan konsep yang sesuai dan bertepatan dalam kajian yang akan dijalankan.

Hal ini terutamanya apabila kajian ingin melihat kepada satu fahaman sistem negara dan impaknya terhadap fahaman sistem dalam pembikinan filem terutamanya dalam konteks membangunkan watak wanita daripada aktiviti representasi atau pemaparan semula imej wanita dalam filem Melayu melalui sentuhan pengarah-pengarah filem di Malaysia.

Pengajian dalam bidang filem juga dipengaruhi oleh beberapa teori yang berkait rapat dengan teori-teori daripada bidang kritikan sosial dan teori budaya. Selain itu, pengajian filem juga turut terpengaruh dengan teori-teori yang dikembangkan oleh bidang linguistik dan juga *Psychoanalysis*. Justeru, untuk memahami cara teori ini difahami dalam bidang perfileman, kajian ini harus melihat kepada perkembangan tentang asal permulaan teori ideologi dan cara teori ini difahami dalam bidang perfileman.

Pemahaman tentang teori berkaitan filem pada peringkat awalnya dapat diperoleh melalui pemahaman tentang asal bermulanya teknologi filem itu sendiri. Teknologi filem bermula dengan kemunculan teknologi fotografi yang disifatkan oleh C. S. Peirce (1839–1914) sebagai suatu seni yang mewujudkan makna dalam bentuk *iconic* (imej yang terbentuk seperti gambar itu diambil) dan juga *indexical* (imej yang membentuk makna melalui perkaitan antara dua objek). Hasil daripada pandangan C. S. Peirce ini, maka menurut Easthope (2014), filem telah muncul untuk membentuk teori klasiknya yang terdiri daripada dua kategori iaitu kategori *formalist* atau pencipta dan juga kategori *realist*.

Kedua-dua kategori ini memberikan pandangan tersendiri terhadap konsep proses pembinaan atau pembikinan sesebuah filem. Tokoh-tokoh seperti Rudolf Arnheim, Sergei Eisenstein, Pudovkin, dan Bela Balazs merupakan antara tokoh yang menyebelahi teori *formalist* manakala Andre Bazin dan Siegfried Kracauer mempelopori pemikiran *realist*. Menurut teori klasikal *formalist*, filem ialah satu teknik pemaparan dunia daripada tiga dimensi kepada dua dimensi. Hal ini juga menerangkan bahawa dunia filem ialah dunia yang dibina berdasarkan warna hitam dan putih serta mempunyai imej yang terhad melalui paparan skrin yang terbatas dan dibentuk melalui *shots* dan suntingan, malah tidak wujud sebarang rasa melalui bau-bauan seperti di alam realiti.

Justeru, tokoh *formalist* seperti Arnheim menyatakan bahawa nilai ekspresi dalam filem perlu ditekankan terutamanya dalam membentuk sebarang makna yang berkesan melalui teknik-teknik artistik seperti peletakan sudut kamera, pergerakan kamera, dan

sebagainya. Maka secara umumnya, teori *formalist* lebih menilai filem sebagai satu entiti yang menerbitkan makna kesenian atau dalam bahasa yang selalu diungkapkan oleh aliran *formalist* sebagai ‘art for the sake of art’.

Berbeza pula pandangan tokoh *realist* seperti Andre Bazin yang menyatakan bahawa setiap imej yang dipaparkan haruslah dinilai dan dilihat sebagai ‘semula jadi’ sepertimana yang diambil tanpa sebarang sentuhan daripada pembentukan semula sesuatu imej. Menurut Bazin, filem difahami sebagai mencetak gambar atau imej yang memaparkan realiti secara telus atau *transparent* serta dapat meyakinkan penonton bahawa pemaparan semula itu adalah seperti yang dilihat di luar filem.

Namun, pandangan teori klasik ini tidak diterima pakai untuk memahami filem dengan mendalam memandangkan kedua-dua teori klasik ini masih menumpukan kepada pemahaman yang sama iaitu melihat filem sebagai satu proses mekanikal yang menerbitkan semula dan mengabaikan perkaitan manusia sebagai sebahagian daripada penerbitan semula imej filem tersebut (Easthope, 2014).

Seterusnya, perkembangan teori filem mula tertumpu pula kepada teori-teori yang diambil daripada bidang linguistik. Pada tahap ini, tanda-tanda yang mengandungi makna tertentu yang muncul daripada pemaparan lebih menarik minat untuk kajian. Tokoh terawal yang membincangkan teori berkenaan linguistik seperti Saussure telah menekankan berkenaan ilmu bahasa yang melihat cara bahasa pada masa tertentu dikawal melalui satu sistem ketika sesuatu bahasa itu diucapkan. Beliau menyatakan

keadaan ini sebagai melihat penggunaan bahasa yang berlaku dalam bentuk selaras (Easthope, 2014).

Justeru, ia merupakan permulaan pemahaman terhadap teori semiotik, iaitu sebuah teori yang membincangkan tentang sains berkaitan makna atau tanda. Menurut Saussure, bahasa mempunyai dua tahap pembentukan makna iaitu melalui *langue* dan *parole*, serta *signifier* dan *signified*. Hal ini menerangkan kepada kita bahawa setiap perkataan yang diucapkan itu adalah *parole* dan makna yang lahir daripada perkataan itu adalah *langue*. Kedua-dua sistem ini dikaitkan pula dengan konsep *signifier* dan *signified* yang berfungsi seperti konsep *langue* dan *parole* itu tadi.

Perkembangan ilmu semiotik ini dihuraikan dengan lebih mendalam menerusi karya *Mythologies* oleh Roland Barthes (1957) dan ia membahaskan teori Saussure dengan lebih mendalam. Barthes menumpukan kajian makna ini kepada bahan-bahan budaya popular terutamanya televisyen dan juga sinema. Melalui Barthes, imej dalam media dilihat mempunyai nilai makna yang tersembunyi yakni setiap imej yang dipaparkan itu wujud melalui ideologinya yang tersendiri. Justeru, Barthes pada awal 1960-an telah memperkenalkan pula konsep antara denotatif dan konotatif. Menurut Easthope (2014), pada awal tahun 1960-an, Barthes telah memperkenalkan konsep denotasi dan konotasi yang berfungsi untuk membezakan makna literal terhadap pemaparan dan ia mempunyai makna yang tersirat dan makna ideologikal.

Beliau juga berpendapat bahawa konotasi sesebuah fotograf (imej) mengandungi kod yang dibentuk melalui sistem peraturan tertentu manakala denotasi pula ialah satu objek yang membentuk mesej tanpa kod tertentu dan ia dibentuk berdasarkan pembentukan semula secara realiti. Namun, ilmu tentang semiologi ini dilihat tidak lengkap apabila dikaitkan dengan filem memandangkan Barthes dilihat banyak mengaitkan imej pegun daripada fotografi.

Oleh itu, tokoh yang dilihat melengkapkan teori tentang makna dalam sinema dapat difahami melalui pandangan Christian Metz. Pada pertengahan dekad 1960-an, Metz telah sedikit sebanyak menyelesaikan perdebatan mengenai teori ini dalam filem. Metz berpandangan bahawa filem tidak seperti bahasa yang memerlukan pembentukan atau hubungan antara *signifier* dan *signified* dalam membina makna.

Bagi beliau, tidak wujud hubungan antara dua keadaan tersebut dalam membentuk makna dalam filem. Setiap perkara yang dipaparkan melalui skrin sama ada dalam bentuk *icon* atau *indexical* tidak dilihat sebagai sesuatu yang sebenar, sebaliknya ia merupakan penerbitan semula dalam bentuk budaya dan bukannya semula jadi. Justeru bagi beliau, perkara yang dipaparkan oleh filem melalui skrin adalah dibina dan proses pembinaan ini merupakan sesuatu yang bersifat tidak '*real*' (Easthope, 2014).

Pada satu tahap, teori filem dilihat mula menggabungkan pemahaman yang lebih kompleks. Hal ini bermula apabila teori filem mula diresapi oleh pandangan Marxist dan digabungkan pula dengan teori semiotik; maka ia dilihat mula membentuk teori

ideologi dan subjektiviti. Ruang daripada andaian teori ini berkisar tentang memahami filem melalui kaedah yang lain daripada melihat filem sebagai biasan realiti, yakni memahami filem sebagai satu bentuk bahasa yang beroperasi dalam keadaan ideologi yang membentuk dasar tertentu terhadap sesuatu subjek.

Narboni dan Comolli dalam karya penulisan Easthope (2014) menyifatkan bahawa sinema tidak harus dilihat sebagai sesuatu yang semula jadi daripada sesuatu yang bersifat nyata. Sebaliknya, sinema harus dilihat sebagai membentuk imej filem seperti yang dibentuk. Pandangan ini dilihat seakan sama dengan pemahaman Metz melalui teori semiotik terhadap filem. Pemahaman teori ideologi dan subjektiviti ini diperkukuhkan lagi apabila tokoh Marxist Perancis iaitu Louis Althusser menyatakan bahawa segala bentuk amalan sosial termasuk amalan ideologik dan sinema adalah berkaitan dengan perkara lain tetapi berlaku dalam keadaan yang sesuatu aktiviti itu berlangsung pada suasana yang sama.

Hal ini membawa maksud bahawa filem membawa ideologi tertentu yang berada di luar dunia filem, tetapi ia digerakkan dalam aktiviti perfileman. Pada tahap ini, Althusser cuba memahami cara masyarakat kontemporari kapitalis diterbitkan dengan jayanya. Hal ini bagi beliau bukan sahaja dapat dilihat melalui keadaan masyarakat yang sanggup dipaparkan semula melalui hierarki sosial dengan tekanan oleh *Repressive State Ideology* seperti institusi penguatkuasaan malah ia juga berlaku melalui *Ideology State Apparatus* iaitu sistem yang disahkan dalam masyarakat, keluarga, dan media.

Althusser melihat sesuatu ‘pemaparan atau penerbitan semula’ itu membentuk ideologi dominan terhadap masyarakat. Ideologi dominan ini pula dilihat berlaku dalam proses seperti yang diutarakan oleh Ott dan Meck (2014), iaitu proses interpelasi yakni keadaan yang melibatkan subjek telah dikawal dan dididik untuk menerima atau berada pada suasana identiti tertentu. Identiti ini pula adalah keadaan yang berlakunya salah tanggapan, namun tidak dapat dielakkan memandangkan kesan daripada pembentukan subjek dalam keadaan bertingkah laku mahupun berfikiran seperti seorang individu itu mempunyai identiti dan pilihan tertentu. Namun, ia terbatas melalui proses interpelasi itu sendiri.

Dalam keadaan ini, teori berkenaan politik dan ideologi ini telah membantu kita dalam memahami perkaitannya dengan filem dalam konteks menganalisis bentuk tekstual ke dalam bentuk yang kritikal melalui sinema konvensional atau komersial. Dalam keadaan lain pula, ia membentuk pemahaman dominan terhadap institusi filem bukan sebagai sebuah industri semata-mata, malahan turut membina tanggapan subjektiviti terhadap perkara yang dibina dalam pemaparan teks sesebuah filem. Namun, teori ini dilihat masih lagi terbatas dalam menilai filem dalam ruang pembikinan filem memandangkan ia banyak menumpukan kepada teks filem dan penontonan penonton.

2.5.2 Konsep *Doxa*

Kajian ini tidak hanya terbatas dalam melihat makna melalui pembinaan teks yang mengandungi ideologi dalam pemaparan filem. Walau bagaimanapun, seperti yang diterangkan sebelum ini, kajian ini menumpukan kepada persoalan pemahaman tentang

sesuatu pemaparan di luar ruang teks filem itu sendiri. Justeru, ia tidak melihat filem dalam konteks ideologi teks yang dipersembahkan kepada penonton yang membentuk sesuatu pemahaman terhadap penontonan. Malah lebih daripada itu, ia melihat perkongsian sesuatu pemahaman melalui ideologi sesebuah negara yang diterapkan terhadap masyarakat secara umumnya dan pembikin filem secara khususnya dalam aktiviti menerbitkan sesuatu pemaparan. Sekiranya dalam teks filem sesuatu imej itu dibina dan diterapkan kepada penonton sebagai sesuatu yang dominan, maka hal ini perlu dilihat secara lebih luas iaitu dalam konteks pelaksanaan sesuatu sistem (Islamisasi) dalam negara yang memberikan kesan atau sebaliknya dalam hal pemaparan wanita dalam filem. Hal ini memandangkan secara kasarnya sesuatu pemaparan yang dilihat dalam filem seolah-olah tidak terlalu mengikut pelaksanaan sistem negara dan mengandaikan pemaparan wanita sebagai objek merupakan perkara yang tidak perlu dipersoalkan lagi. Perkara ini berlaku dalam ruang pemahaman *doxa*.

Ideologi dalam proses perkongsian makna dan nilai berlaku dalam keadaan *doxa* iaitu konsep yang dinyatakan oleh Bourdieu, salah seorang tokoh dalam bidang *critical social theory* yang berlatarkan pandangan sosiologi. Perkara yang diistilahkan oleh Bourdieu berkenaan *doxa* ini ialah keadaan yang melibatkan sesuatu perkara itu sudah tidak menjadi persoalan dan perdebatan dalam masyarakat atau suatu kumpulan sosial. Hal ini seolah-olah menunjukkan wujudnya *commen sense* dalam masyarakat berkaitan dengan sesuatu perkara yang dilihat tidak perlu difikirkan dan dipersoalkan. Akhirnya, masyarakat tidak mempersoalkan perkara yang dilihat kerana proses ideologi yang membentuk *doxa* mengakibatkan perkara yang dipaparkan kepada masyarakat melalui persoalan pemaparan wanita ini menjadi suatu kebiasaan dan tidak dipersoalkan lagi,

terutamanya pemaparan dalam filem aliran perdana yang mengetengahkan persoalan komersial.

Namun, sebelum kita memahami pembentukan *doxa* yang wujud dalam soal pemaparan wanita melalui pemahaman pengarah filem Melayu melalui proses Islamisasi dan era Islam Hadhari, kita harus memahami sedikit sebanyak ruang lingkup falsafah teoritikal Bourdieu yang turut berkait dengan teori *habitus*, *capital*, dan *field*. Perkara-perkara ini kadang kala diserangkaikan oleh beliau dalam menerangkan tentang masyarakat melalui pemahaman falsafah teoretisnya.

Menurut Weininger (2005), yang dipetik daripada artikel penulisan Murarie (2009) yang menulis berkaitan *How does Bourdieu combine the concepts of habitus and capital to explain class inequality and its perpetuation*, Bourdieu mengemukakan pandangan yang boleh disifatkan sebagai pandangan evolusi luar daripada pemikiran Marx. Namun, pada hakikatnya Murarie (2009) berpandangan bahawa Bourdieu terpengaruh dengan pandangan daripada pemikiran Marx dan Durkheim. Pandangan yang dilihat dibangunkan oleh Bourdieu daripada pandangan asal Marx adalah berkaitan hubungan kuasa yang selalu menjadi paksi persoalan kepada pertentangan antara kelas dalam masyarakat. Seperti biasa, Marx meletakkan *production* atau mereka yang mengawal sumber produksi adalah terdiri daripada pemerintah. Dalam erti kata lain, pandangan Marx kebiasaannya berpusat kepada penentuan ekonomi. Dengan itu, perkara yang ditetapkan adalah hubungan antara *means of producing goods* (sama ada dalam bentuk sistem atau produk fizikal) serta kelas yang mengawal penerbitan dalam bentuk material yang menjurus pada penentuan ekonomi.

Sebaliknya, bagi Bourdieu (1990), penentuan ekonomi yang dikawal oleh kelas atasan tidak mampu untuk menerangkan fenomena berkaitan berlakunya konflik antara kelas yang mengakibatkan ketidakseimbangan kuasa berlaku dalam masyarakat. Namun, kuasa ini harus dilihat juga dari segi hubungan simbol-simbol yang lain.

Menurut Murarie (2009), perkara ini bermakna Bourdieu sebenarnya menerima pakai konsep Weber yang melihat bahawa ketidakseimbangan dalam masyarakat bukan hanya berlaku pada tahap perbezaan status dan kelas, tetapi pada keadaan perbezaan material dan simbolik. Selain itu, konsep kelas bagi Bourdieu juga berlainan daripada perkara yang dinyatakan oleh Marx. Bourdieu (1990) beranggapan bahawa kelas terdiri daripada ejen yang memenuhi posisi yang sama dalam suasana tertentu dan mempunyai minat dan pemahaman yang sama terhadap sesuatu produksi atau amalan yang dilakukan dalam masyarakat (Wilkes, 1990).

Dengan ini, Bourdieu turut memberikan gambaran kepada kita bahawa kuasa dalam menentukan sesuatu material atau simbolik adalah diistilahkan sebagai *capital*. Thorpe (2009) menjelaskan bahawa *capital* ialah konsep utama yang diketengahkan dalam ruang sosial masyarakat. Menurut Thorpe (2009), hal ini turut dikaitkan dengan persoalan gender. Menurut beliau lagi, Bourdieu mengelaskan *capital* kepada beberapa aspek seperti kuasa, kekayaan, hubungan sosial, budaya, kelayakan dari sudut latar akademik, dan juga fizikal badan (Thorpe, 2009). Dalam setiap *capital* yang dilihat berada pada ruang sosial yang dinyatakan di atas, boleh dikatakan bahawa ia digerakkan

oleh ejen kuasa tertentu untuk menjadikan sesuatu *capital* itu wujud dalam keadaan sah atau diterima dalam masyarakat. Justeru, dalam hal kajian filem yang dikembangkan juga dapat dikaitkan bahawa *forms of capital* dari segi budaya pada asasnya dikuasai oleh ejen sosial seperti pengarah dan penerbit dalam industri perfileman.

Dalam ruang lingkup yang lebih luas, setiap *capital* yang dinyatakan tadi berada di bawah konsep *field*, iaitu konsep yang turut dikembangkan oleh Bourdieu. Menurut Webb dan Murarie (2009) *field* dapat difahamkan sebagai konsep yang diletakkan kepada institusi, nilai, dan juga peraturan yang boleh dikelaskan kepada kelompok-kelompok sistem dalam masyarakat seperti ekonomi, politik, agama, dan perundangan. Dengan ini, ia membawa kepada satu hubungan atau interaksi antara satu sama lain. Malah, ia turut membawa impak terhadap bentuk *capital* seperti budaya iaitu filem. Dalam hal ini, sekiranya dilihat pada konsep Bourdieu dalam suasana kajian di Malaysia, maka pengarah filem sebagai ejen sosial yang membentuk *capital* melalui citarasa nilai pemaparan wanita dalam filem harus dilihat mempunyai hubungan interaksi dengan *field* iaitu institusi, nilai, dan peraturan yang ditekankan dalam ruang pemerintahan tertentu. Hal ini memupuk satu keadaan pemahaman tertentu terhadap alam sekeliling dalam setiap kelas atau *capital* sosial masyarakat seperti budaya. Pemupukan pemahaman inilah yang membentuk satu *habitus*.

Maka, interaksi yang jelas berkaitan pengarah filem yang bertindak sebagai kuasa kepada *capital* dengan *field* iaitu sistem pemerintahan di Malaysia ialah perkara yang dijadikan sebahagian sumber pembinaan teori bagi melihat kajian ini dalam konteks di Malaysia. Perkembangan perkara di atas membolehkan pengkaji membincangkan

konsep *habitus* yang merupakan konsep yang begitu popular dan diketengahkan oleh pengkaji-pengkaji selepas Bourdieu. Kita perlu memahami bahawa konsep *habitus* ini mempunyai pertalian rapat dengan konsep *capital* yang dinyatakan pada awal tadi. Hubungan ini dilihat penting kerana melalui *field*, ejen sosial (pengarah filem) meletakkan kuasa terhadap sebarang bentuk atau jenis *capital*. Dalam konteks kajian ini, budaya ialah *capital* dalam erti kata filem yang memaparkan wanita dalam keadaan tertentu; maka *habitus* akan mengukuhkan satu pemahaman dan mengarahkan kepada satu cara yang dilihat menjadi ‘kebiasaan’ dalam citarasa memaparkan pemaparan wanita dalam filem (Murarie, 2009).

Dalam erti kata lain, *habitus* memberikan ruang kepada sesuatu kelompok masyarakat terhadap sesuatu aktiviti seperti pengarah filem, dan ia mempunyai sifat atau pemahaman yang sama terhadap perkara yang dipaparkan kepada masyarakat. Dengan ini, *habitus* telah menjadikan ejen sosial melihat sesuatu perkara itu sebagai sesuatu yang biasa dalam erti kata merupakan norma-norma tertentu kerana telah disosialisasi sedemikian rupa.

Justeru, *habitus* dilihat sebagai memberikan gambaran ‘kesemulajadian’ dalam kehidupan atau aktiviti masyarakat termasuk dalam aspek aktiviti perfileman dan pemaparan imej-imej tertentu. Akhirnya, ia mewujudkan perkara yang dinyatakan oleh Ott dan Mack (2014) sebagai *doxa* yakni tahap sesuatu perkara tidak lagi dipersoalkan apabila ia telahpun dibudayakan dalam keadaan sedemikian rupa. Oleh itu, pendekatan-pendekatan konsep dan teoretis yang dinyatakan tadi adalah antara yang sesuai untuk dijadikan kerangka kajian. Walaupun kajian ini tidak mungkin bersandarkan teori-teori

yang dinyatakan di atas secara keseluruhannya, dengan mengambil pendekatan Bourdieu bahawa “*research without theory is blind, and theory without research is empty*” (Murari0, 2009), maka kajian ini melihat terdapat keperluan untuk bersandar kepada fenomena tertentu yang diutarakan oleh aliran atau pendekatan tertentu.

2.5.3 Teori Artikulasi Budaya

Terdapat pula pandangan yang lebih longgar yang tidak terikat dengan persoalan kuasa dalam memahami makna representasi atau pemaparan wanita dan juga proses Islamisasi. Pandangan ini dilihat terarah kepada pendekatan pascamodernisme yang cuba memahami pemaparan dalam bentuk *discursive* atau dapat dilihat dari pelbagai aspek dalam mempengaruhi makna dalam pemaparan. Teori artikulasi budaya atau dikenali sebagai *circuit of culture* berasal daripada pandangan asas yang dibawa oleh Marxisme. Pada asasnya, Marxisme meletakkan konsep tersebut kepada persoalan kapitalisme. Justeru, teori ini dilihat berkembang daripada pandangan klasikal Marxisme dan neo-Marxisme yang biasanya diteraju oleh Sekolah Frankfurt. Dengan itu, pandangan tentang *circuit of culture* ini dibawa oleh pandangan yang lebih menekankan pendekatan pascamodernisme iaitu daripada tradisi Birmingham Centre. Aliran ini dilihat membuka ruang pemahaman yang lebih luas dan tidak hanya terikat kepada struktur sosial serta mod produksi yang banyak berkait rapat dengan persoalan penentuan ekonomi semata-mata. Ia dilihat menjelaskan persoalan tentang budaya dengan lebih praktikal.

Dengan itu, sesuatu representasi budaya dilihat tidak hanya berkisar tentang persoalan yang diutarakan oleh teori daripada Marxist yang selalu mengaitkan persoalan budaya dan juga kuasa dari sudut ekonomi politik. Ia dilihat membuka pandangan yang bersifat *pascamodernisme* dalam memahami proses representasi budaya. Selain daripada persoalan tentang produksi dan penggunaan, sesuatu makna daripada pemaparan menurut Du Gay (1997) wujud dalam satu proses lingkaran budaya yang terdiri daripada beberapa proses atau kitaran. Menurut Du Gay (1997) dan Mahyuddin (2011), kitaran yang wujud dalam teori ini terdiri daripada produksi, konsumsi, regulasi, representasi, dan identiti. Keadaan kitaran tersebut yang terdiri daripada lima proses yang saling berkaitan antara satu sama lain dinyatakan sebagai satu bentuk proses artikulasi. Curtin dan Gaither (2015) menyatakan bahawa perkataan artikulasi ini membawa dua pemaknaan yang saling berkait iaitu ekspresi sesuatu makna dalam pemaparan serta proses-proses kitaran yang mewujudkan makna.

Dengan itu, seperti yang dikemukakan oleh Grossberg (1986), konsep artikulasi merupakan satu set praktis dari sudut sejarah yang begitu kompleks dalam memahami sesuatu makna daripada budaya. Ia berlaku dalam keadaan pergelutan bagi menghasilkan sesebuah identiti atau kesatuan struktur sesuatu makna dalam pemaparan. Di samping itu, ia menerangkan sesuatu perbezaan dari sudut makna dalam budaya, kekompleksan, serta kontradiksi. Akhirnya, hal ini menerangkan sesuatu yang signifikan dari sudut sejarah sesuatu praktis dalam budaya dari segi memahami makna sesuatu pemaparan (Curtin & Gaither, 2015).

Bagi memahami konsep pemaparan melalui teori artikulasi, Hall (1997) berpandangan bahawa makna bagi setiap pemaparan atau representasi tidak muncul dalam keadaan statik tetapi terbina dalam struktur sosial melalui sistem simbol atau wacana tertentu. Justeru, Hall (1997) berpendapat bahawa setiap makna daripada pemaparan tidak datang daripada penyampai atau penerima, sebaliknya muncul daripada satu bentuk kuasa yang mengawal budaya yang telah dikongsi dalam ruang proses komunikasi (Hall, 1997). Hal ini dilihat turut dinyatakan oleh Geertz (2000) apabila menjelaskan mengenai persoalan makna. Pada beliau, makna dalam budaya dipaparkan mengikut tahap tertentu kerana ia terikat dengan situasi atau keadaan tertentu. Dengan itu, makna yang wujud dalam sesebuah pemaparan mempunyai kaitan rapat dengan situasi tertentu yakni wacana mengenai perkara tersebut distruktur dalam masyarakat. Hal ini dapat difahami melalui kajian ini untuk melihat makna pemaparan wanita dan Islam dalam ruang dan suasana yang dilalui oleh seseorang pengarah filem melalui pengalaman mereka.

Dalam proses artikulasi produksi pula, ia dilihat berlaku pada tahap yang bersifat ideologi. Dengan kata lain, sesuatu pemaparan melalui proses produksi yang melibatkan penerbit (pengarah filem) memasukkan kod-kod makna ke dalam produk mereka dan menyasarkan masyarakat. Hal ini merupakan proses yang berlaku dalam kitaran budaya. Walaupun produksi makna berlangsung dalam tahap tertentu, sebagai contoh teknik pengarahannya, pembinaan watak, pemilihan genre, dan sebagainya, ia terbatas disebabkan oleh keadaan syarikat produksi dan budaya dalam pembentukan makna (Du Gay, 1997).

Bagi proses konsumsi atau penggunaan sesuatu makna daripada pemaparan, Du Gay (1997) memberikan pandangan bahawa sesuatu produksi yang telah dikodkan akan

difahami penggunaannya pada tahap konsumsi. Dengan itu, pada tahap produksi, ideologi yang disampaikan hanya berlaku pada tahap andaian semata-mata. Hal ini membawa maksud segala bentuk produk yang disampaikan pada tahap produksi merupakan satu bentuk pemahaman daripada penerbit atau pengarah dan mereka mengharapkan mesej daripada perkara yang disampaikan diterima oleh penonton dalam pemahaman yang sama (Curtin & Gaither, 2015).


Tahap produksi dan konsumsi tersebut membentuk identiti. Identiti merupakan proses yang berlaku merujuk kepada makna yang diberikan terhadap sesuatu objek atau sesebuah kumpulan melalui proses produksi dan konsumsi (Curtin & Gaither, 2015; Mahyuddin, 2011). Justeru, segala perkara yang diproduksi kepada masyarakat atau penonton akan menjadi identiti sekiranya ia diterima. Woodward (1997) menyatakan identiti merupakan satu bentuk konstruk sosial yang mempunyai makna yang pelbagai dan praktikal merangkumi persoalan kelas, nasionaliti, bangsa, dan termasuk agama. Mahyuddin (2011) berpandangan bahawa pengguna atau dalam konteks kajian ini penonton dilihat akan 'termakan' dengan kod-kod yang diproduksi oleh penerbit dan akhirnya pemaparan makna dalam setiap representasi tersebut menjadi identiti penonton. Namun dalam kajian ini, persoalan identiti ini tidak dilihat pada tahap penonton yang menggunakan objek daripada produksi. Sebaliknya, kajian lebih menumpukan persoalan cara produksi membentuk identiti terhadap objek. Justeru dalam keadaan ini, Hall (1997) dan Curtin dan Gaither (2015) menjelaskan identiti bergantung kepada konstruk sosial, manakala konstruk sosial pula harus dilihat dari segi kuasa sosial yang memberikan makna kepada identiti tersebut. Dengan ini, Hall (1997) menjelaskan bahawa ia memberikan identifikasi kepada kuasa yang membentuk makna

tertentu dan menghalang makna lain daripada menjadi dominan terhadap pengguna atau masyarakat.

Setiap pemaparan juga memerlukan satu bentuk kawalan. Hal ini merupakan tahap terakhir dalam memahami tentang persembahan sesuatu makna dalam pemaparan. Menurut Thompson (1997), kehidupan sosial yang dikawal dan ditentukan oleh sesuatu makna biasanya diletakkan di bawah suatu kawalan. Kawalan ini berlaku secara formal dan tidak formal melalui kawalan terhadap budaya dan juga sistem politik. Namun, daripada pandangan artikulasi budaya, ia berlaku pada tahap-tahap tertentu dalam sistem sosial. Pemaparan makna dilihat berlaku pada tahap tertentu sama ada tahap individu, organisasi, mahupun nasional (Curtin & Gaither, 2015; Antonia & Lukas, 2015). Keadaan ini berlaku kerana terdapat pelbagai regulasi atau kawalan yang wujud pada tahap kawalan formal dan kawalan tidak formal. Dengan ini, makna representasi mungkin wujud sama ada melalui kawalan dasar tertentu atau ia merupakan sebahagian daripada budaya sosial yang tidak melibatkan kuasa pengawal dasar. Keadaan ini jelas menurut Hall, Du Gay, dan Thompson (1997) sebagai perbezaan daripada konsep kawalan yang diterangkan oleh pendekatan Marxisme klasikal.

Justeru, dalam memahami pemaparan wanita dan proses Islamisasi, kajian ini cuba memahami pemahaman dan falsafah tentang pembentukan makna dalam filem melalui teori dan konsep yang dibincangkan. Ketiga-tiga teori iaitu teori ideologi, *doxa* dan artikulasi budaya dilihat sebagai saling melengkapi dalam menerangkan pandangan-pandangan yang muncul dalam proses temu bual mendalam bersama pengarah-pengarah filem yang dipilih sebagai responden kajian.

Kesimpulannya, kajian ini meletakkan pemaparan wanita dalam ruang Islamisasi yang ditanggapi oleh pengarah-pengarah filem berdasarkan proses Islamisasi yang berlangsung dalam sistem masyarakat yang dikawal oleh pemerintah. Pemahaman Islam melalui pemaparan pada tahap awal dikaitkan dengan fenomena yang diterangkan melalui asas teori yang berkait rapat dengan ideologi. Kedua, pemaparan wanita ini turut dilihat melalui perspektif yang lebih terbuka bagi memahami pemahaman Islam pada ruang pengalaman yang membentuk pemikiran yang bersifat semula jadi kepada perkaitan antara pemaparan wanita dan proses Islamisasi di Malaysia. Hal ini dengan memberikan tumpuan kepada proses pembentukan *doxa* melalui *habitus* yang wujud berdasarkan pengalaman dan pendedahan pengarah filem terhadap proses Islamisasi. Bagi memahami proses pembentukan makna pemaparan wanita, teori artikulasi diketengahkan dalam kajian ini. Melalui teori *circuit of culture* ini, pengkaji melihat proses artikulasi budaya sebagai suatu proses menyeluruh bagi memahami pemahaman dan impak pemaparan wanita yang wujud pada tahap-tahap yang telah dikelaskan melalui teori artikulasi budaya.



Rajah: 1.3 Kerangka Model Teori Artikulasi Budaya

Kesimpulannya, kajian ini menggunakan pandangan dari kajian budaya dan kritikan sosial dengan menumpukan kepada teori yang berkait rapat dengan ideologi. Disebabkan ruang perdebatan tentang konsep ideologi dari sudut teoretikal begitu luas, maka kajian ini menumpukan teori terhadap ideolog pada pandangan yang ditekankan oleh Althusser (1977) yang menekankan kepada apparatus ideologi negara atau ISA. Signifikan teori ini diguna dalam kajian ini kerana dalam memahami pemaparan wanita, institusi filem dilihat sebagai salah satu dari apparatus negara yang dikawal dan dilihat harus menerima ideologi dominan kerajaan. Dengan wujudnya institusi dibawah apparatus negara, maka proses yang dinyatakan seperti Limitasi, Normalisasi, Previlaging dan Interpelation mewujudkan pemahaman Islam terhadap watak wanita dalam filem. Selain itu, pandangan Thompson (1999) turut diterima sebagai kerangka teoritikal disebabkan pandangan beliau berjaya menerangkan bahawa dalam proses kemodenan, persoalan agama dilihat tidak lagi menjadi suatu bentuk sistem

kepercayaan tetapi ianya telah dipengaruhi oleh persoalan ekonomi dan politik terutamanya ideologi kapitalisme. Signifikasi pendekatan pandangan ini dapat dilihat wujud dalam konteks industri perfileman negara ini terutamanya dalam era moden dan juga pengaruh dari sistem ekonomi kapitalisme yang akhirnya mengakibatkan persoalan keagamaan tidak hanya dilihat sebagai amalan sahaja. Berdasarkan kepada kedua-dua teori ini maka akhirnya teori doxa dilihat dapat menerangkan penerimaan pemahaman terhadap pemaparan Islam dalam membina watak wanita melalui filem. Kajian cuba memahami jenis-jenis pemikiran yang dilihat sebagai dominan dalam memaparkan pemaparan Islam terutamanya pada watak wanita. Hal ini merupakan satu tahap dimana sesuatu perkara dilihat menjadi satu bentuk norma dan tidak perlu dipersoalkan dan ini dilihat sebagai doxa.

Akhirnya, dalam melihat pemaparan Islam terhadap watak wanita dalam filem, teori artikulasi budaya menjadi bingkai yang merangkumkan teori-teori ideologi yang dinyatakan tadi bagi menjelaskan lagi proses pemahaman pengarah filem dari beberapa aspek seperti aspek produksi, konsumsi, identiti, kawalan dan pemaparan. Melalui teori artikulasi ini maka kajian dilihat telah membentuk satu gambaran jelas tentang asas pembentukan pemahaman pengarah filem tentang pemaparan Islam terhadap pemaparan wanita dalam filem.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3. 1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kaedah yang digunakan dalam kajian dan justifikasi penggunaannya. Perbincangan dalam bab ini dibuat dengan mengenal pasti unit analisis, menghuraikan reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan analisis data. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman pengarah filem terhadap pemaparan wanita dan perkaitannya dengan proses Islamisasi yang berada di bawah ideologi dominan sistem pemerintah. Kajian kualitatif merupakan kaedah yang sesuai dan tepat kerana ia membantu dalam memahami pola pemahaman pengarah filem terhadap aktiviti pengarah filem dan kaitannya dengan sistem politik yang mengawal dasar. Dengan itu, ia perlu kepada suatu bentuk kajian yang mendalam.

Kaedah kualitatif dipilih sebagai metodologi dalam kajian ini atas faktor kesesuaian dan signifikan peranannya pada peringkat pengenalan pastian sesebuah kajian (Conger, 1998). Menurut (Adnan, 2011), secara umum, kajian kualitatif merujuk kepada kaedah kajian yang tidak berasaskan teori kuantifikasi dalam membuat rumusan. Ia bersifat ideografik berbanding kajian kuantitatif yang lebih nomotetik. Kajian kualitatif bukan bertujuan untuk mencari rumusan dalam menghasilkan hukum tetapi cuba menghuraikan sesuatu fenomena dengan menekan kepada kedalaman atau huraian yang terperinci.

Bagi membincangkan secara umum berkenaan ciri-ciri penyelidikan kualitatif, Creswell (2009) menyatakan bahawa penyelidikan kualitatif adalah:

1. Penerokaan, deskriptif dan interpretatif
2. Bersifat holistik
3. Reka bentuk yang berkembang
4. Persampelan bertujuan
5. Pengumpulan data latar yang sebenar
6. Penekanan kepada ‘manusia sebagai instrumen utama dalam pengumpulan dan analisis data’.
7. Metodologi pengumpulan data yang eklektik
8. Strategi kajian secara induktif

Bagi memahami secara mendalam berkenaan dengan pendekatan kualitatif ini, terdapat penjelasan oleh Creswell (2009). Beliau mengelaskan pendekatan ini kepada beberapa kriteria iaitu:

1. Kajian kualitatif secara asasnya dijalankan di lapangan dengan memberi ruang kepada interaksi dengan kelompok orang yang dikaji dalam konteks tertentu.
2. Pengumpulan data dilakukan oleh penyelidik melalui aktiviti seperti pemerhatian, pemeriksaan sebarang dokumen, dan menemu bual peserta atau informan.
3. Data diambil dari pelbagai sumber berbanding hanya satu sumber dan harus diselidiki dengan melihat secara keseluruhan bagi tujuan pengkelasan mengikut tema-tema yang muncul dari pelbagai dapatan data.

4. Kajian dikategorikan berdasarkan tema menggunakan pendekatan induktif iaitu melihat dari sudut luas dan spesifik.
5. Kajian memberi tumpuan terhadap makna yang lahir dari peserta berbanding makna yang diandaikan oleh pengkaji.
6. Pengkaji sentiasa membina gambaran yang kompleks terhadap sebarang masalah atau isu yang dilaporkan dari pelbagai sumber dan mengenalpasti pelbagai faktor yang membentuk sesuatu hasil kajian.

Berdasarkan ciri-ciri yang dinyatakan, maka kajian yang dijalankan adalah sesuai menggunakan penyelidikan kualitatif terutamanya apabila melihat kepada tujuan kajian yang ingin memahami berkenaan proses makna yang diterbitkan melalui suatu fenomena sosial. Data-data dalam kajian ini juga diambil dalam bentuk kata-kata atau gambar serta gambarajah bahan-bahan dokumen dan artifak yang lain.

Metodologi penyelidikan kualitatif ini pada hakikatnya masih lagi menjalankan proses yang sama seperti penyelidikan kuantitatif. Namun, berbeza dari sudut rekabentuknya. Menurut pandangan (Jackson, 2002), beliau menyatakan bahawa terdapat persamaan di antara kuantitatif dan kualitatif dalam prosedur mengumpul data, namun pada masa yang sama, kajian kualitatif mempunyai perbezaan dari segi mengenal pasti sesuatu kajian.

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang memberi keutamaan untuk mengetahui sama ada pemahaman dari ideologi sistem pemerintahan dominan yang meletakkan Islamisasi sebagai salah satu perkara yang mendasari aktiviti pentadbiran serta

mencorak pengalaman tertentu ke atas pengarah filem di Malaysia dan melihat pengalaman berdasarkan pemahaman subjek iaitu pengarah filem.

Berdasarkan kajian sebegini, pengkaji mengguna pakai reka bentuk kajian berbentuk eksploratori. Hal ini kerana, kajian ini merupakan satu bentuk kajian yang ingin menemukan persoalan berkaitan ideologi sistem pemerintahan dan juga pemaparan di dalam filem sama ada selari atau sebaliknya. Perkara ini dilihat dari segi penerimaan penerbitan filem dan juga sistem pemerintahan melalui pengalaman pengarah filem dalam menghasilkan karya mereka. Kajian ini masih lagi memerlukan data bagi memahami keadaan sebenar persoalan yang berkait dengan perkaitan antara sistem pemerintahan melalui ideologi pemerintahan dengan hasil yang dipaparkan oleh pengarah filem.

Seperti mana yang dinyatakan oleh (Babbie, 2007) bahawa kajian kualitatif berbentuk eksplorasi biasanya dilakukan untuk tiga tujuan: (1) untuk memuaskan keinginan peneliti dan keinginan untuk memahami lebih baik, (2) untuk menguji kelayakan menjalankan kajian yang lebih luas, dan (3) untuk mengembangkan kaedah-kaedah yang akan digunakan dalam apa-apa kajian seterusnya.

Reka bentuk kajian ini juga dilihat bersesuaian dengan kerja lapangan yang dilakukan terutamanya dari segi temu bual bersama beberapa orang sumber atau informan iaitu pengarah - pengarah filem yang terpilih. Kajian ini memberi fokus kepada pemahaman

berdasarkan pengalaman dan pemikiran pengarah-pengarah filem bagi menjawab persoalan kajian melalui temu bual mendalam.

Walaupun kajian ini tidak mengambil pendekatan fenomenologi secara mendalam, namun secara umumnya, sifat kajian yang dijalankan ini dilihat hampir mirip kepada pendekatan fenomenologi. Ini kerana menurut Groenwald, (2004), kebanyakan bidang disiplin seperti psikologi, sastera atau bahasa, pendidikan termasuk sosiologi menggunakan pendekatan fenomenologi. Keadaan ini mengukuhkan lagi penggunaan pendekatan ini memandangkan sebahagian dari kerangka teoretikal yang diguna pakai diambil dari bidang sosiologi.

3.2 Analisis Kandungan - Teks filem

Kajian analisis kandungan ini membantu dalam menjawab persoalan kajian terakhir dalam kajian ini. Data melalui analisa kandungan ini membantu dalam memperoleh maklumat dengan lebih mendalam terutamanya dalam proses melihat makna di sebalik hasil kerja pengarah selaku orang sumber melalui karya yang telah dihasilkan. Justeru, matlamat analisis kandungan adalah “untuk memberi pengetahuan dan pemahaman tentang fenomena yang dikaji”. Dalam kajian ini, analisis kandungan kualitatif ditakrifkan sebagai kaedah penyelidikan yang mentafsirkan kandungan teks data secara subjektif melalui proses klasifikasi dan menyah kod untuk mengenal pasti tema atau corak secara sistematik (Mayring, 2014; Creswell, 2013; Downe-Wamboldt, 1992).

Pada asasnya, penggunaan analisis melalui kaedah kualitatif memberi tumpuan kepada ciri-ciri bahasa sebagai komunikasi dengan memberi perhatian kepada kandungan atau makna kontekstual (Creswell, 2013; Othman Lebar, 2009; Snyder-Dutch & Bracken, 2002). Data yang dikumpulkan dalam bentuk lisan, bercetak, elektronik atau diperolehi melalui maklumat naratif, soalan soal selidik, temu bual, kumpulan fokus, pemerhatian atau melalui media cetak termasuk bahan-bahan perisian komputer termasuk cakera padat. Matlamat asas analisis kandungan adalah memberi maklumat dan pemahaman terhadap sesuatu fenomena yang dikaji.

Dengan itu, analisis kandungan kualitatif ditakrifkan sebagai kaedah penyelidikan yang mentafsirkan kandungan teks data secara subjektif melalui proses klasifikasi dan pembentukan kod untuk mengenal pasti tema atau corak secara sistematik (Jasmi, 2012). Kajian ini juga menggunakan pendekatan terarah dalam analisis kajian. Pendekatan terarah adalah bertujuan bagi mengesahkan konsep rangka kerja dan membantu dalam proses pembentukan kod awal yang dibantu teori-teori yang berkaitan dengan kajian yang dibincangkan sebelum ini.

Ini memandangkan analisis kandungan bertujuan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk pemaparan wanita sebagaimana yang dimodelkan daripada bahagian dua kajian iaitu analisis temu bual mendalam. Analisis kandungan ini dilakukan mengikut kriteria yang dinyatakan dalam bahagian dua kajian iaitu melihat kewujudan pandangan yang dapat mengukuhkan data dari bahagian pertama iaitu analisis kandungan.

3.3 Tujuan

Penggunaan kaedah analisis kandungan adalah disebabkan oleh beberapa perkara tertentu. Pertama, (Chesebro & Borisoff, 2007) menyatakan bahawa analisis kandungan membantu pengkaji membuat kesimpulan dengan mengenal pasti ciri-ciri mesej tertentu dan memberi peluang kepada penyelidik untuk menganalisis kandungan mesej atau perkara sebenar yang dinyatakan oleh pembentuk mesej.

Kajian tentang filem dan pemaparan biasanya menumpukan kepada persoalan gender semata-mata dan tidak melihat kepada persoalan polisi yang berkait dengan agama. Ini memberi ruang kepada kajian ini memberi fokus yang lebih mendalam dan terperinci terhadap pemaparan filem dalam konteks imej wanita dan perkaitannya dengan polisi keagamaan. Kajian pemaparan sebelum ini dilihat banyak menumpukan kepada kajian-kajian gender serta menekankan pendekatan kritikal feminisme tanpa mengaitkan ia dengan persoalan sistem polisi keagamaan yang dikawal oleh pemerintah.

Dengan itu, kajian ini berpeluang untuk meneroka persoalan pemaparan wanita yang terbit daripada persoalan keagamaan melalui polisi yang dikawal oleh sistem kerajaan yang memerintah. Selain itu juga, kajian-kajian berkaitan pemaparan filem pada kebiasaannya menumpukan kepada kajian analisis teks dan kritikan tanpa melakukan kajian lapangan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kerja lapangan terutamanya dalam temu bual mendalam bagi meneroka dengan lebih jelas dan mendalam terhadap pemaparan wanita dalam teks filem yang dihasilkan. Dengan itu, kajian ini tidak hanya bersandarkan kepada analisis teks sahaja. Ia juga turut

menggunakan data dari temu bual mendalam bagi tujuan menyokong analisis teks yang akan dikaji.

Terdapat beberapa perkara yang ditumpukan semasa analisis teks ini dijalankan. Antara perkara yang ditumpukan adalah:

1. Melihat persamaan atau perbezaan yang wujud melalui data temubual dari segi pemaparan gaya lakonan wanita yang diketengahkan di dalam filem yang dicadangkan.
2. Melihat pembinaan cerita dan kesesuaiannya dengan idea pemahaman informan dalam proses Islamisasi berdasarkan karya yang dicadangkan.

Perlu dinyatakan juga bahawa kaedah ini dicorakkan begitu bertujuan untuk menjawab persoalan kajian kedua yang memerlukan data diambil dari analisis teks filem karya-karya informan. Cadangan diberikan oleh informan dalam menganalisis filem hasil karya yang dirasakan sesuai dengan kajian ini. Justeru, terdapat lima informan yang mencadangkan satu filem bagi tujuan analisis teks. Setiap filem yang dianalisis juga memberi fokus kepada sepuluh babak yang begitu jelas mengandungi makna berkaitan dengan persoalan kajian. Setiap babak ini memberi fokus terhadap sebarang pemaparan wanita. Pemaparan wanita juga tidak hanya dilihat pada watak utama, watak pembantu juga turut diambil kira sebagai sebahagian dari sampel kajian.

3.4 Reka Bentuk Sampel

Terdapat hubung kait yang rapat antara kajian bahagian pertama dan juga bahagian kedua. Pengkaji membuat perbandingan melalui analisis kandungan berdasarkan filem-filem yang dihasilkan oleh informan. Filem ini juga dibincangkan dengan lebih mendalam pada bahagian kedua kajian iaitu temu bual mendalam. Filem-filem yang dipilih sebagai sampel dianalisis melalui cakera padat. Oleh itu, proses ini dilihat berlaku dalam bentuk seperti yang dinyatakan oleh Cashin (2003) iaitu proses penterjemahan data adalah berkisar antara makna secara keseluruhan melalui temu bual dan pemahaman secara spesifik di dalam karya atau teks filem yang dihasilkan informan. Sebanyak lima buah hasil karya pengarah-pengarah telah diambil sebagai sampel kajian.

Fokus utama kajian ini adalah untuk memahami makna pemaparan wanita yang wujud dalam lima buah karya filem yang dihasilkan oleh lima orang pengarah filem. Filem-filem yang dipilih terdiri dari pelbagai genre filem yang menjadi pilihan pengarah-pengarah filem. Genre tersebut terdiri dari genre, romantik, komedi dan drama dakwah. Genre-genre ini merupakan genre yang popular dan mendapat sambutan daripada kalangan pengarah dan juga penonton ke panggung pada masa tersebut.

Setiap genre filem yang dihasilkan oleh 5 informan dipilih berdasarkan contoh yang diguna pakai oleh pengarah-pengarah filem sebagaimana dalam kajian-kajian lepas ketika sesi temu bual dilakukan. Dengan menggunakan filem-filem karya informan, ia memudahkan pengkaji untuk memilih filem-filem bagi tujuan kajian teks filem. Teks

filem yang dikaji juga menumpukan kepada watak-watak wanita yang wujud dalam setiap filem tersebut. Watak-watak wanita yang diberi fokus adalah terdiri dari watak utama, watak sampingan dan watak pembantu. Ketiga-tiga jenis watak ini dilihat dan dikaji dari sudut pemaparan wanita. Aspek tersebut adalah menurut pandangan Hayward (2012), persoalan pemaparan wanita perlu dilihat kepada 1; Pemaparan wanita dari sudut peranan dalam perkembangan cerita, 2; Penampilan badan wanita dan 3; Tingkah laku moraliti wanita.

3.5 Unit Analisis

Kajian bahagian pertama dilakukan sebelum pengkaji menjalani proses bahagian kedua iaitu analisis temubual mendalam. Dengan menumpukan kepada pemaparan wanita melalui teks filem, pengkaji memberi tumpuan kepada pemaparan yang jelas dari sudut peranan watak dan tingkahlaku watak pada setiap babak. Pemilihan babak juga dihadkan kepada sepuluh babak yang paling jelas berkait rapat dengan matlamat kajian iaitu impak pemaparan wanita serta idea-idea yang dipaparkan yang mempunyai perkaitan dengan persoalan keagamaan.

Pengkaji meneliti babak tertentu di dalam karya filem yang dicadangkan tersebut. Namun demikian, perincian diberikan kepada beberapa perkara seperti:

1. Menumpukan kepada sepuluh babak yang signifikan dengan matlamat kajian.
2. Menumpukan hanya kepada makna yang muncul pada watak wanita dalam setiap karya yang dipilih.

3. Menumpukan kepada pembentukan makna dalam sebarang pemaparan wanita yang mempunyai perkaitan yang dapat dibincangkan dari sudut keagamaan iaitu Islam.

Dengan menumpukan kepada perkara yang dinyatakan diatas, ia membantu pengkaji untuk mendapatkan data yang pelbagai. Selain itu juga, proses ini menghasilkan kepelbagaian data untuk membentuk konsep-konsep tertentu. Ini berlaku apabila tahap ketepuan data pada kajian bahagian pertama muncul dalam bentuk intipati struktur. Dengan itu, kajian bahagian pertama ini dilihat sebagai pelengkap kepada kajian bahagian kedua bagi melihat pemaparan-pemaparan yang memerlukan huraian lebih mendalam melalui penjelasan yang diperolehi ketika sesi temu bual mendalam dijalankan.

3.6 Pengumpulan Data

Bahagian pertama kajian ini memerlukan kepada bahan-bahan karya penghasilan filem oleh informan, maka pengkaji mendapatkan karya tersebut terutamanya dalam bentuk cakera padat. Pengkaji mengambil kira hasil karya yang menyelitkan mesej-mesej keagamaan atau mempunyai nilai moral tertentu sebagai kriteria pemilihan filem karya informan. Karya-karya ini juga terdiri dari bahan cakera padat yang diperolehi dari penganjur-penganjur CD/VCD/DVD yang sah.

Setiap filem yang dijadikan teks filem ditonton secara berperingkat. Pada tahap pertama, pengkaji menumpukan penontonan terhadap keseluruhan penceritaan. Ini bagi memahami penceritaan filem serta perkaitannya dengan pemaparan wanita di dalam

setiap karya filem. Pada tahap kedua, kajian ini menumpukan kepada babak-babak yang mempunyai pemaparan yang jelas terhadap tingkah laku dan peranan wanita dalam filem. Ini bagi melihat dan memilih babak-babak yang mempunyai perkaitan yang jelas dengan persoalan impak serta idea tentang keagamaan. Tahap terakhir dalam proses penontonan filem adalah dengan mengaitkan babak-babak tersebut dengan kesesuaian konsep serta teori-teori yang dibincangkan sebelum ini pada bahagian sorotan karya terpilih.

Sebanyak sepuluh babak dikumpulkan pada setiap lima karya filem yang dihasilkan oleh informan. Babak-babak ini dimasukkan dalam satu jadual bagi memudahkan proses seterusnya iaitu analisis teks. Melalui proses ini, kajian bahagian pertama ini dapat melihat dengan lebih tersusun dan teratur berkenaan babak-babak yang telah dikenal pasti sebagai pemaparan wanita yang mempunyai perkaitan dengan persoalan keagamaan. Analisis teks pada tahap ini memerlukan pengkaji melihat beberapa perkara yang terdiri dari imej-imej iaitu kostum dan *setting props* yang wujud pada setiap babak yang dipilih.

Pada tahap seterusnya, pengkaji mula melihat kepada aspek denotasi dan konotasi pada setiap imej yang wujud pada setiap babak. Pada tahap ini, pengkaji mengguna pakai analisis semiotik bagi menganalisis setiap babak yang telah dipilih sebagai sampel kajian. Pengumpulan data pada kajian bahagian pertama ini menumpukan kepada matlamat kajian kedua kajian ini iaitu menerokai penyesuaian pemaparan wanita dalam filem dengan mengaitkan dengan persoalan sistem agama Islam yang diterapkan oleh pemerintah di Malaysia.

3.7 Analisis Semiotik Roland Barthes (Signifikasi Dua Tahap)


Melalui pengumpulan data dari kandungan filem, kajian ini menggunakan pendekatan analisis semiotik yang diketengahkan oleh Roland Barthes. Pendekatan Roland Barthes yang menketengahkan konsep mitologi ini dijadikan kaedah pengumpulan data memandangkan ia dapat membantu kajian ini untuk memahami ideologi pemaparan wanita terhadap pemaparan agama Islam yang dipengaruhi ideologi dominan pemerintah.

Pemaparan yang dilihat melalui pendekatan semiotik ini adalah dari sudut penerbitan makna pemaparan sama ada ia meletakkan persoalan Islam secara eksplisit atau implisit. Pendekatan Roland Barthes ini juga disesuaikan dengan pendekatan Charles Senders Pierce (1903). Ini kerana filem yang mempunyai sifat makna yang luas mencakupi persoalan pemaparan yang bersifat polisemi yakni gabungan pelbagai imej dan audio harus dipecahkan kepada perkara-perkara tertentu sahaja ketika proses penilaian makna pemaparan wanita dikaji. Maka, ia harus dipecahkan kepada imej yang terdiri daripada:

1. Ikonik
2. Indeksikal

Melalui dua imej yang disarankan oleh Pierce, maka tahap seterusnya adalah untuk memahami mesej pemaparan pada tahap eksplisit dan juga implisit. Ini dapat dilihat kepada teknik yang diguna pakai oleh Roland Barthes iaitu Denotasi yang mewakili imej eksplisit dan Konotasi yang mewakili imej implisit.

Barthes yang terpengaruh dengan konsep semiotik Saussure, iaitu pengaruh Konsep Tanda dan Petanda namun, dengan penggunaan semiotik Roland Barthes ia memberi tumpuan kepada pemahaman kedua yang berkait rapat dengan konsep mitos. Makna dari sudut pemahaman mitos adalah makna yang wujud setelah berlakunya proses makna dari tanda-penanda-petanda. Mitos merupakan tanda baru dan dapat dilihat melalui proses di bawah:



Gambar Rajah 1.4. Signifikasi dua tahap

Melalui proses ini, Barthes telah menemukan satu bentuk analisis semiotik yang lebih sistematik yang dikenali sebagai signifikasi dua tahap atau *two order of signification*. Melalui penggunaan analisis Barthes, maka kajian ini dapat melihat pemaparan wanita dari sudut makna yang jauh menumpukan terhadap persoalan makna pada tahap realiti yang berkait rapat dengan budaya dan masyarakat.

Melalui pendekatan yang diguna pakai di atas, maka analisis kandungan teks-teks filem telah disusun di bawah jadual dan mengambil 10 babak yang jelas membentuk makna pemaparan tertentu kepada watak wanita sebagai sampel kajian. Aspek peranan dan

pemaparan wanita menjadi perkara yang dinilai bagi tujuan pengukuhan data dalam analisis temu bual mendalam.

3.8 Analisis Data

Pada bahagian pertama kajian ini, tumpuan diberikan terhadap pemaparan wanita yang dipaparkan di dalam sampel kajian mengikut pandangan (Katie & Anne, 2012) iaitu persoalan pemaparan wanita perlu dilihat kepada, 1; pemaparan wanita dari sudut peranan dalam perkembangan cerita, 2; penampilan badan wanita dan 3; tingkah laku serta moraliti wanita. Setiap persoalan pemaparan tersebut diletakkan di bawah tema-tema tertentu di bawah tema penyesuaian pemaparan wanita. Di bawah tema penyesuaian pemaparan wanita ini juga, sub-subtema telah dibentuk antaranya adalah seperti, genre, trend cerita, kreatif artistik, pasif, sampingan, motivasi, sederhana, kesesuaian kostume, eksploitasi, penonton, industri. Jadual 3.3 menunjukkan protokol pembentukan kod untuk setiap tema.

Jadual 1.1

Tema	Subtema
Penyesuaian Pemaparan	
Wanita	Genre
Pemaparan wanita merujuk kepada pemaparan gaya lakonan watak (wanita) didalam filem. Pemaparan wanita juga berkait rapat dengan elemen mise-en-scene iaitu gabungan di antara set dan lokasi, props serta lakonan pelakon.	Merujuk kepada jenis cerita yang memainkan peranan yang penting dalam menentukan penyesuaian perwatakan watak didalam filem. Ini termasuk dalam konteks perletakan watak wanita didalam filem.
Trend cerita	
Pemaparan wanita juga terdiri daripada tiga jenis pemaparan seperti yang dicadangkan oleh Katie dan Anne (2012) iaitu 1; pemaparan wanita dari sudut peranan dalam	Merujuk kepada jenis cerita yang mendapat sambutan penonton dan juga menjadi pilihan syarikat produksi untuk menerbitkan cerita tertentu dalam industri perfileman. Trendd cerita turut melihat bagaimana penceritaan sesebuah cerita cuba diterapkan dengan mesej-mesej dan pemaparan Islam.

perkembangan cerita, 2; Sampingan

penampilan badan wanita dan 3; tingkah laku serta moraliti wanita.

- Merujuk kepada peranan wanita dalam konteks Islam yang dipaparkan sebagai satu bentuk pemaparan sampingan termasuk dalam konteks penceritaan itu sendiri. Tidak ada penceritaan yang spesifik terhadap persoalan pemaparan Islam di dalam filem.

Peranan dalam perkembangan cerita

Kreatif Artistik

- Penampilan badan wanita dalam bentuk kreatif dan artistik merujuk kepada teknik dan gaya pemaparan yang digunakan oleh seseorang pengarah ketika memaparkan watak wanita di hadapan kamera. Ini meliputi aspek kesan khas visual dan juga teknik kamera dan pencahayaan dalam sesebuah filem. Ia juga turut mengaitkan teknik penceritaan serta perletakan watak di dalam jalan cerita.

Sederhana

- Merujuk kepada pemaparan sederhana dari sudut pemakaian kostum dalam filem. Penggunaan kostum yang sederhana juga

merujuk kepada imej moden dan tidak mengikut pemakaian Islam yang lengkap seperti bertudung dan berjubah.

Eksplotasi

- Merujuk kepada pemaparan wanita yang banyak dijadikan tarikan dalam penceritaan filem dari sudut pemakaian kostum. Ini disesuaikan dengan jenis watak terutamanya watak wanita antagonis. Eksplotasi badan juga menunjukkan bahawa wanita dietakkan sebagai objek seksual dalam pemaparan filem. Eksplotasi juga dijadikan salah satu strategi pemasaran sesebuah filem untuk menarik penonton ke panggung.

Penampilan badan wanita

Kesesuaian Kostume

- Merujuk kepada personaliti karakter yang dilakukan oleh wanita disesuaikan dengan jenis kostum yang digunakan dalam cerita dan babak filem. Kesesuaian kostum mempengaruhi tingkah laku sama ada watak wanita dipaparkan sebagai watak antagonis mahupun protagonis dalam filem.

Tingkah laku serta moraliti wanita.

Pasif

- Merujuk kepada tingkah laku negatif dan lemah dalam filem. Wanita juga dipaparkan dengan tingkah laku menggoda, beremosi, menggairahkan serta sentiasa bergantung pada lelaki. Selain itu, ia juga merujuk kepada tingkah laku wanita yang menemui kegagalan diakhir penceritaan sesebuah filem.




UUM
Universiti Utara Malaysia

Pembentukan kod setiap tema.

Melalui pembinaan tema dan subtema ini, kajian mengaitkan tema-tema ini dengan beberapa teori dan definisi operasional yang telah dibincangkan sebelum ini. Ini bagi melihat sama ada tema-tema ini dapat menerangkan teori-teori yang dibincangkan atau sebaliknya ia dapat membentuk tema-tema baru berdasarkan analisis teks yang dilakukan ke atas kelima-lima karya dari setiap informan. Proses pengkodan berlaku pada pelbagai peringkat dari masa ke semasa. Pengkaji melihat setiap babak dan menganalisis sepuluh babak terbaik pada setiap karya dengan teliti. Berdasarkan analisis awal, pengkaji mengkodkan tema penyesuaian pemaparan wanita kepada tiga pecahan yang spesifik. Setiap pecahan tersebut pengkaji telah meletakkan sub-subtema

yang mewakili pecahan dari tema utama. Rajah di bawah menerangkan kerangka pengekodan awal yang dibentuk dalam kajian ini.



Rajah 1. 5 Kerangka Pengekodan Awal Tema Penyesuaian Pemaparan Wanita.

Bagi bahagian kedua kajian ini, pengekodan awal tema di bawah ideologi pemahaman Islam dalam pemaparan wanita, pengkaji membentuk tema-tema awal berdasarkan perbincangan di bahagian teori-teori yang telah dibincangkan pada bahagian sorotan karya terpilih. Tema dan sub-tema adalah seperti yang dinyatakan pada jadual 3.4 dibawah.

Jadual 1.2

Tema dan subtema

Tema		Sub-Tema
Ideologi	Pemahaman Islam dan	• Pemaparan
Pemaparan Wanita		
Berkaitan dengan memahami pemahaman pengarah filem terhadap Ideologi Islam yang dibawa oleh sistem pemerintahan di Malaysia. Cuba memahami perkaitannya dengan aktiviti memaparkan watak wanita dari segi impak ideologi Islam terhadap proses pemaparan wanita dalam filem yang dihasilkan oleh informan. Tema ini dipecahkan kepada beberapa proses penerbitan makna berdasarkan kepada teori artikuasi budaya di mana pecahannya adalah seperti di bawah:		Merujuk kepada pemaparan yang wujud dari wacana dan simbol budaya tertentu yang dikawal oleh sistem dominan dalam masyarakat. Produksi Sesuat pemaparan melalui proses produksi yang penerbit (pengarah filem) membentuk kod makna melalui produk mereka dan menyarkannya kepada masyarakat. Segala bentuk produk yang disampaikan pada tahap produksi adalah satu bentuk pemahaman dari penerbit atau pengarah dan ia mengharapkan mesej dari apa yang

disampaikan diterima oleh penonton dalam pemahaman yang sama.

- **Konsumsi**

Bagi proses konsumsi atau penggunaan sesuatu makna dari pemaparan, du Gay et al. (1997) yang berpendapat bahawa tahap ini adalah tahap di mana sesuatu produksi yang dienkod akan difahami penggunaan pada tahap konsumsi.



UUM
Universiti Utara Malaysia

- **Identiti**

Melalui tahap produksi dan konsumsi tersebut, ia membentuk identiti. Identiti merupakan proses yang berlaku di mana ia merujuk kepada makna yang diberikan ke atas sesuatu objek atau kumpulan melalui proses produksi dan


konsumsi (Curtin dan Gaither, 2015, Mahyuddin, 2011).

- Kawalan

Setiap pemaparan juga memerlukan kepada satu bentuk kawalan. Ini merupakan tahap terakhir dalam memahami persembahan sesuatu makna dalam pemaparan. Menurut Thompson (1997), kehidupan sosial yang dikawal dan ditentukan oleh sesuatu makna biasanya diletakkan satu kawalan. Kawalan ini berlaku secara formal dan tidak formal melalui kawalan terhadap budaya oleh sistem politik.



UUM
Universiti Utara Malaysia



Rajah 1.6: Kerangka Awal Tema Pemahaman Ideologi dan Pemaparan

3.9 Analisis Temu Bual Mendalam

Pengumpulan data bagi kajian bahagian kedua adalah temubual mendalam terhadap informan kajian. Pengkaji menerima pakai kaedah temubual mendalam di dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan data secara bermakna. Seperti mana yang dinyatakan oleh (Meriam, 1998), kaedah temubual ini merupakan kaedah yang lazim digunakan oleh pengkaji-pengkaji yang menggunakan pendekatan kualitatif. Tujuannya adalah bagi mendapatkan informasi yang istimewa dan mengupas sesuatu perkara yang hanya berada di dalam minda orang yang ditemu bual (Meriam, 1998). Kaedah Ini juga menurut (Meriam, 1998) dilakukan apabila kita tidak mampu untuk mendapatkan data dengan hanya melalui pemerhatian.

Bagi tujuan analisis temu bual ini, kajian menumpukan kepada matlamat kajian pertama dan kedua. Ini memandangkan dalam kedua-dua matlamat kajian tersebut, persoalan berkenaan pemahaman berdasarkan pengalaman pengarah-pengarah filem perlu diperolehi secara terperinci. Di samping itu juga, melalui analisis ini, kajian

menemukan persoalan pemikiran dan falsafah pengarah-pengarah filem terhadap pemikiran dan falsafah filem dalam ruang perbincangan Islam dan sistem dominan di Malaysia.

(Khairie, 2012) juga turut mengatakan bahawa pengumpulan data berbentuk temu bual adalah satu teknik yang digunakan secara meluas di dalam kajian kualitatif. (Meriam, 1998) menjelaskan terdapat tiga jenis temu bual yang dapat digunakan serta mempunyai tujuan tertentu. Antara jenis-jenis temu bual yang dinyatakan adalah, temu bual berstruktur, temu bual separa struktur dan temu bual tidak berstruktur. Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan kepada jenis temu bual berstruktur dan separa struktur dengan menggunakan soalan berbentuk *open-ended*, terutamanya dalam temu bual berstruktur. Melalui jenis soalan ini, maka ia dapat memberi lebih maklumat serta data secara terperinci untuk dianalisis. Setiap informan akan melalui proses temu bual mendalam melalui beberapa soalan yang dibentuk. Soalan-soalan ini terdiri dari jenis soalan berstruktur dan separa struktur. Sepanjang sesi temu bual ini dijalankan, soalan-soalan tidak berstruktur juga turut digunakan bagi mendapatkan data-data yang lebih jelas dan mendalam. Menurut Foo, (2004) dalam kajian beliau terhadap Drama Televisyen Malaysia, *gatekeeper* dan kerajaan Barisan Nasional, penggunaan soalan separa struktur adalah bertujuan seperti yang dinyatakan:

“This is because the interviewer does not know beforehand precisely what will happen and therefore does not know what question would be appropriate under different social environment.”

3.10 Diskriptif Informan

Informan terdiri daripada lima orang pengarah-pengarah filem lelaki yang menganut agama Islam serta mengarah filem dan juga drama Melayu. Mereka terdiri daripada pelbagai latar belakang dan mempunyai pengalaman lebih dari lima tahun dalam aktiviti pengarah filem. Sebahagian daripada mereka iaitu lebih kurang 4 orang pengarah filem memiliki syarikat penerbitan sendiri dan bergelar penerbit dan pengarah filem. Kesemua pengarah-pengarah filem yang dipilih sebagai informan mempunyai pengalaman mengarah sekurang-kurangnya satu filem dan beberapa drama. Antara jenis-jenis filem yang diarahkan oleh pengarah-pengarah filem ini berkisar pada genre komedi, cinta dan juga seram. Namun demikian, terdapat juga seorang pengarah filem yang lebih menumpukan kepada filem bergenre kekeluargaan.

Daripada lima orang pengarah filem ini, dua daripada mereka berbangsa India tetapi telah memeluk agama Islam. Rata-rata pengarah-pengarah ini adalah mereka yang terdiri daripada pengarah filem yang menghasilkan karya-karya berbentuk komersial walaupun terdapat seorang pengarah filem yang berminat menghasilkan filem berbentuk *indie* atau filem bebas tetapi disebabkan faktor kewangan, maka pengarah tersebut mula menghasilkan filem berbentuk komersial.

Dari segi latar pendidikan pula, empat daripada lima pengarah filem ini mempunyai latar pendidikan pengajian tinggi yang baik. Manakala, seorang daripada mereka mempunyai latar pendidikan tidak formal. Namun demikian, pengarah filem tersebut

mempunyai pengalaman dan pengetahuan berkaitan dunia perfileman yang baik hasil dari pengalaman beliau yang begitu lama dalam industri perfileman tempatan.

Kebanyakan daripada pengarah-pengarah filem yang diambil menjadi informan ini masih lagi aktif dalam menghasilkan karya-karya filem kecuali dua daripada mereka yang tidak lagi aktif dalam penghasilan filem, namun masih lagi bergiat dalam penghasilan drama bersiri dan juga telefilem untuk syarikat penyiaran awam dan swasta. Bagi tujuan pengkodan pernyataan mereka, pengkaji telah meletakkan label pada setiap informan untuk menjaga etika dan kerahsiaan nama-nama pengarah filem yang telah ditemu bual dalam kajian ini.

Jadual 1.3 di bawah mengelaskan nama-nama mereka seperti berikut:

Klasifikasi Informan

Klasifikasi	Jantina	Bangsa/Agama	Tahun Aktif
Informan			
PNG.1	Lelaki	Melayu/Islam	1997-sekarang
PNG.2	Lelaki	Melayu/Islam	1980-2007
PNG.3	Lelaki	India/Islam	1997-sekarang
PNG.4	Lelaki	Melayu/Islam	1980-2008
PNG.5	Lelaki	Melayu/Islam	1999-sekarang

Perlu dijelaskan disini bahawa informan yang dipilih adalah berdasarkan kepada pengalaman mereka mula aktif dalam dunia pengarah filem dan tidak termasuk

tahun-tahun mereka aktif menceburkan diri dalam dunia seni. Ini memandangkan terdapat sebahagian daripada mereka telah pun aktif dalam dunia seni lebih dari tahun yang dinyatakan bukan sebagai pengarah, tetapi aktif sebagai pelakon dan juga penulis skrip. Selain itu, informan-informan ini juga merupakan mereka yang telah menghasilkan karya pada pasca zaman sistem pentadbiran Tun Mahathir dan juga Tun Abdullah Badawi. Kebanyakan daripada mereka juga cenderung dan celik dalam hal berkaitan politik semasa.

3.10.1 Reka Bentuk Sampel

Bagi tujuan reka bentuk sampel pula, pengkaji menumpukan kepada pengarah-pengarah filem yang dipilih melalui persampelan bertujuan. Dalam kes kajian ini, maka pengkaji memastikan bahawa setiap pemilihan partisipan atau informan adalah memenuhi kriteria tertentu. Antara kriteria yang ditentukan adalah:

1. Terdiri daripada pengarah filem yang aktif menerbitkan filem pada pengenalan konsep Islamisasi pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad iaitu pada pertengahan tahun 80an. Dengan melihat kepada latar era konsep Islam diperkenalkan sehingga kemuncak implementasi Islam dalam sistem politikal ini, maka dengan itu, kajian ini dapat memperolehi data yang lebih jelas dan mendalam tentang pemahaman informan terhadap Islam.
2. Pemilihan karya filem berdasarkan filem yang berkait rapat dengan pemaparan wanita serta mempunyai tema yang sesuai dengan isu keagamaan.

3. Pengarah filem yang mempunyai pemahaman dan pengalaman dalam membincangkan tentang isu-isu berkaitan polisi, politik serta pemaparan watak di dalam filem. Melalui pengalaman yang berkait rapat dengan keadaan politik penting bagi mengaitkan pengalaman mereka dengan polisi Islam melalui sistem politik oleh sistem dominan supaya dapat diterangkan dengan mendalam oleh partisipan.

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji memilih seramai lima orang informan yang merupakan pengarah-pengarah filem yang aktif mengarah filem pada era 80an dan juga era 2013 iaitu dari pertengahan tahun 1986 sehingga tahun 2013. Bilangan sampel ini diambil berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Cashin (2003) yang menggunakan pendekatan fenomenologi hermeneutik berserta cadangan yang dinyatakan oleh Porkinghorne (1998) yang menyatakan bahawa saiz sampel yang bersesuaian adalah di antara 5 hingga 25 orang.

Sesi temu bual ini dilakukan dengan mengemukakan dua jenis soalan iaitu soalan berstruktur dan separa struktur. Dalam kajian berbentuk kualitatif ini juga, pengkaji bertindak sebagai instrumen yang membantu dalam proses memperolehi data daripada partisipan. Setiap soalan yang dibentuk dinilai dan dikaitkan dengan persoalan serta objektif kajian bagi memastikan ia sejajar dengan matlamat kajian. Soalan ini juga dirujuk kepada beberapa pihak terutamanya pihak industri perfileman bagi memastikan ia bersesuaian dan mudah untuk dibincangkan sepanjang sesi temu bual tersebut berlangsung. Selain itu juga, ia diharap dapat membentuk ketepuan data atau *saturation of data* seperti mana yang disarankan oleh Corbin dan Strauss (2015). Proses pembinaan

soalan dilakukan melalui pembacaan dan juga pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji.

Perlu dinyatakan juga, sebelum proses temu bual ini dijalankan, soalan yang dibina untuk tujuan temu bual ini telah disemak dan diedarkan kepada beberapa orang pemeriksa yang terdiri daripada mereka yang arif dalam bidang perfileman. Soalan ini diberikan kepada mereka untuk disemak bertujuan bagi memastikan soalan-soalan yang dibina difahami dan mempunyai pemahaman yang sama bagi mengelakkan sebarang kekeliruan ketika proses pengutipan data diambil.

Terdapat juga beberapa perubahan dalam mengemaskini soalan-soalan berstruktur dalam temu bual mendalam yang diambil kira dalam kajian ini memandangkan ia membantu memudahkan proses pengutipan data. Ini jelas diterangkan dan dicadangkan oleh pemeriksa yang telah dipilih bagi menyaring soalan-soalan tersebut. Soalan tersebut terdiri dari enam soalan yang mewakili matlamat kajian. Soalan-soalan tersebut dilampirkan pada bahagian lampiran kajian ini dan dilampirkan pada bahagian apendiks.

3.9.3 Unit Analisis

Seperti yang telah dijelaskan di atas, pengkaji menyenaraikan sepuluh pengarah filem yang aktif menghasilkan filem pada sekitar penghujung tahun 80an sehingga tahun 2009. Tahun-tahun yang ditetapkan ini mengambil kira rentas masa konsep Islamisasi

yang berlaku sekitar awal pertengahan tahun 80an dan dicetuskan pada zaman Tun Dr. Mahathir dan diikuti pula era Islam Hadhari pada zaman Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Penghujung tahun 80an juga diambil kira bagi memastikan pengarah-pengarah filem yang aktif berkarya pada sekitar tahun tersebut dapat membincangkan kesan atau impak berdasarkan pengalaman yang dilalui melalui karya yang telah dihasilkan. Unit analisis yang ditekankan disini adalah bagi melihat pandangan sama ada informan bersetuju atau tidak bersetuju bahawa persoalan pemaparan wanita di dalam filem perlu mengikuti ideologi Islam yang dibawa oleh pemerintah di negara ini. Ini dilihat dari beberapa keadaan iaitu dari segi perbualan yang membentuk ayat yang terarah kepada persetujuan atau sebaliknya dalam setiap pandangan mereka.

Selain itu juga, pengkaji turut ingin melihat alasan yang diberikan terhadap setiap pandangan informan dalam konteks sama ada informan bersetuju atau tidak terhadap soalan-soalan yang dikemukakan. Alasan ini juga dilihat bukan sahaja dalam bentuk perbualan semata-mata tetapi pengkaji juga mengambil kira contoh-contoh yang dikemukakan sebagai hujah kepada alasan yang diketengahkan. Dalam masa yang sama, pengkaji memastikan informan dapat mengaitkan setiap alasan tersebut dengan karya-karya yang pernah dihasilkan sepanjang proses berlangsungnya sistem pemerintahan yang meletakkan konsep Islamisasi termasuk Islam Hadhari. Analisis ini dilakukan menerusi analisis tematik.

Analisis tematik merupakan satu teknik analisis bagi mengkaji data yang diperolehi melalui kaedah kualitatif. Ia bermula apabila pengkaji mengumpul data dalam bentuk deskriptif dan menginterpretasi data tersebut secara eksplisit dan implisit. Aronson, (1994) menekankan beberapa tahap analisis menggunakan teknik ini iaitu, proses temu bual harus dilakukan dan hasil temu bual tersebut direkod. Dalam kajian ini, sesi temu bual direkod dalam bentuk audio memandangkan pengkaji memberi penekanan terhadap perbualan. Seterusnya proses transkripsi dilakukan bertujuan untuk membentuk data. Setelah itu, data yang dikelaskan atau dibentuk dan disusun mengikut tema-tema tertentu. Aronson (1994) menyatakan bahawa apabila tema dibentuk maka ia berada pada tahap mengenal pasti sesuatu data melalui idea dan juga pengalaman partisipan.

Pendekatan analisis tematik yang turut diguna pakai di sini adalah berdasarkan kaedah yang diguna pakai oleh Braun dan Clarke (2013) yang mana secara umumnya ia meletakkan enam fasa analisa seperti berikut:

- i. Menenalpasti data
- ii. Koding
- iii. Penentuan tema
- iv. Penelitian Tema
- v. Pendefinisian Tema
- vi. Mengulas tema

Proses yang digunakan ini dilihat sesuai dengan kajian yang dilakukan. Ini kerana, pendekatan yang diutarakan oleh (Braun & Clarke, 2013) ini dapat diaplikasikan dalam

pelbagai bentuk kajian termasuk dalam kajian yang memerlukan kepada analisa terhadap data sekunder seperti teks media contohnya filem.

Ini dapat dijelaskan lagi melalui pandangan mereka bahawa:

Themathic analysis is suited to a wide range of research interests and theoretical perspectives, and is useful as a 'basic' method because: a) it works with a wide range of research questions, from those about people's experiences or understandings to those about the representation and construction of particular phenomena in particular contexts; b) it can be used to analyse different types of data, from secondary sources such as media to transcripts of focus groups or interviews; c) it works with large or small data-sets; and d) it can be applied to produce data-driven or theory-driven analyses. (Braun & Clarke, 2013)

Dalam konteks yang dilihat berkait dengan fenomena tertentu, mengikut pandangan Corbin dan Strauss (2015), tumpuan diberikan kepada tema-tema berbentuk pengalaman, perasaan, pandangan dan juga persepsi partisipan terhadap fenomena yang dikaji. Menurut Corbin dan Strauss (2015) tema-tema yang dibentuk ini dijadikan sebagai satu bentuk atau sampel teori yang dibina melalui proses pengkodan yang membentuk konsep.

Proses koding adalah perkara utama yang dilakukan bertujuan untuk membina tema-tema tertentu. Data yang diperolehi dari kaedah temu bual mendalam akan dibentuk

temanya mengikut persoalan dan objektif kajian. Ini merujuk kepada persoalan dan objektif kajian pertama dan kedua. Namun begitu, persoalan dan objektif kajian kedua turut menggunakan kaedah kedua iaitu analisa kandungan bagi mengekstrak data-data pengukuhan atau data tambahan.

Sebelum itu, setiap data yang diperolehi yang telah dikenal pasti melalui unit analisis akan dianalisis bagi memastikan bahawa setiap bahagian dari data tersebut dikelaskan kepada tema-tema tertentu. Data-data dinilai dan dilihat dari segi pandangan informan, contoh dan alasan informan serta contoh hasil karya yang diberikan adalah perkara yang telah dianalisis.

Bagi mengetahui konsep terbentuk yang menjadi sampel teori dalam kajian ini, maka tahap ketepuan data harus dinilai dalam proses data dan dipungut melalui proses temu bual. Ketepuan data ini menurut Corbin dan Strauss (2015) berlaku apabila tiada lagi pembentukan data baru ketika proses pemungutan data dilakukan. Dalam kajian yang menggunakan pendekatan fenomenologi ini, maka ketepuan data dapat dinilai apabila wujudnya struktur intipati terhadap fenomena yang dikaji. Ini dapat dilihat pada bahagian 3.3.4.

3.9.4 Pengumpulan Data

Bagi tujuan pengumpulan data pada kajian bahagian satu ini, pengkaji memberi tumpuan kepada temu bual yang memerlukan kepada kerja lapangan. Seperti mana yang

telah dinyatakan di atas pada bahagian reka bentuk sampel, pengkaji perlu menemu bual setiap informan.

Semasa proses temu bual ini, pengkaji menggunakan alat rakaman audio mp3. Melalui alat rakaman ini, pengkaji dapat memuat turun maklumat ke dalam komputer bagi tujuan analisis data secara terperinci. Memandangkan kajian bahagian ini lebih memberi fokus kepada konteks perbualan, maka pengkaji tidak menggunakan alat rakaman berbentuk video.

Namun begitu, pengkaji tetap menulis memo atau catatan sekiranya terdapat maklumat-maklumat tambahan seperti reaksi dan suasana persekitaran ruang temu bual yang menyumbang kepada sebarang bentuk data. Memo atau catatan ini penting kerana ia dapat membantu memastikan perkara yang perlu diberi penekanan tidak terlepas pandang dan dicatat serta dinilai bersamaan dengan data rakaman yang dilakukan.

Selain daripada itu, sekiranya sesi temu bual tidak dapat dijalankan secara bersemuka, pengumpulan data ini mengambil kira kaedah-kaedah lain antaranya melakukan temu bual melalui perbualan telefon dan juga melalui ruang jaringan media sosial. Teknik pengumpulan data ini juga digunakan dalam keadaan pengkaji yang mungkin memerlukan data tambahan daripada informan yang telah ditemu bual secara bersemuka.

3.9.5 Analisis Data

Analisa temu bual dijalankan dengan menggunakan dua kaedah. Antara kaedah temu bual yang dijalankan adalah mengikut dua kaedah iaitu:

- i. Temu bual bersemuka
- ii. Temu bual melalui telefon

3.9.6 Temu Bual Bersemuka

Temu bual bersemuka dijalankan terhadap beberapa informan yang telah dibuat temu janji. Temu bual bersemuka ini bertujuan untuk melihat reaksi pandangan yang diberikan. Selain itu, ia juga dapat memastikan bahawa setiap data yang diperolehi benar-benar dihurai dengan jelas dan mendalam. Walaubagaimanapun, tidak semua partisipan atau pengarah-pengarah yang terlibat dapat ditemubual secara bersemuka memandangkan terdapat perkara-perkara yang mungkin berlaku di luar jangkaan seperti pengarah berada di luar kawasan semasa dihubungi bagi tujuan sesi temu bual secara bersemuka.

3.9.7 Temu Bual Telefon

Temu bual secara talian juga dijalankan sekiranya terdapat pengarah-pengarah filem yang tidak dapat dihubungi sama ada disebabkan berada di luar kawasan atau sedang berada di set penggambaran. Justeru, temu bual menerusi talian telefon ini membantu proses pengutipan data. Selain itu juga, temu bual melalui telefon juga dilihat mempunyai kelebihan dalam kajian ini kerana dapat menyemak semula data dengan penemubual setelah proses temu bual bersemuka dijalankan. Selain itu, proses ini juga

dapat memastikan ketepatan dan ketelusan data yang diperolehi dengan lebih baik memandangkan pihak yang ditemu bual merasa lebih selesa dan berani untuk memberi jawapan secara jelas dan mendalam.

3.10 Pertimbangan Etika

Kajian ini dilakukan dengan secara berhemah dan beretika. Merriam (1998) dan McFarlane (2010) menyatakan bahawa isu utama berkaitan etika dalam kaedah penyelidikan kualitatif ialah berkaitan proses pengumpulan data dan pelaporan hasil kajian. Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji telah memaklumkan terlebih dahulu objektif kajian terhadap setiap informan yang terlibat semasa mereka diundang untuk mengambil bahagian dan juga sebelum memulakan proses temu bual. Dari segi keizinan, pengkaji telah memperolehinya daripada semua informan. Penyertaan mereka dalam kajian ini adalah secara sukarela. Setiap informan mempunyai hak untuk tidak menjawab soalan dan mengakhiri temu bual pada bila-bila masa semasa sesi temubual dijalankan.

3.11 Kerahsiaan

Bagi menjaga kerahsiaan, setiap informan telah diberitahu tentang keselamatan dan kerahsiaan maklumat yang diberikan secara bertulis (Merriam, 1998). Disebabkan kajian ini tidak membabitkan perbincangan isu-isu sensitif yang berkait dengan keperibadian yang boleh memalukan informan, maka pengkaji menganggap bahawa tidak ada masalah besar daripada segi etika yang harus dibimbangkan. Setiap informan telah diberitahu bahawa nama mereka tidak akan dipamerkan. Setiap informan

ditemubual di pelbagai lokasi yang dipersetujui oleh kedua-dua informan dan pengkaji. Bagi informan yang berada di lokasi penggambaran pula, pengkaji akan memaklumkan terlebih awal bagi mendapat keizinan menemubual mereka di lokasi yang dinyatakan.

Kesimpulannya, kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama kajian ini menggunakan kaedah analisis teks. Analisis teks dilakukan terhadap lima buah karya yang dihasilkan oleh informan kajian iaitu terdiri daripada pengarah-pengarah filem. Filem-filem yang dipilih sebagai sampel dianalisis dari sudut pemaparan wanita pada sepuluh babak yang berkait dengan persoalan keagamaan. Pemaparan wanita dalam analisis filem ini juga berasaskan kepada tiga perkara utama iaitu dari sudut penceritaan, penampilan badan serta tingkah laku moraliti. Secara keseluruhannya, kajian bahagian pertama ini bertujuan bagi menjawab kepada matlamat kajian kedua iaitu idea penyesuaian pemaparan wanita dengan proses Islamisasi yang diterapkan oleh kerajaan yang memerintah.

Bahagian kedua kajian ini menggunakan kaedah analisis temu bual mendalam bagi memastikan kedalaman dan penerokaan makna pemaparan terhadap wanita dan kaitannya dengan proses Islamisasi dapat dikenal pasti. Seramai lima informan yang terdiri daripada pengarah-pengarah filem Melayu telah ditemu bual. Setiap sesi temu bual ini menggunakan soalan-soalan berstruktur dan separa struktur. Melalui temu bual mendalam ini, pengkaji akan mengaitkan beberapa soalan mengikut matlamat kajian pertama dan kedua. Ini akan menjadi data sokongan terhadap kajian bahagian pertama iaitu analisis teks filem

BAB 4

ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang terdiri daripada pengumpulan data kandungan teks filem dan temubual mendalam. Dapatan kandungan teks filem merupakan teks filem-filem yang telah dihasilkan oleh informan-informan. Untuk analisis teks, kajian ini telah menggunakan analisis semiotik sebagai teknik asas dalam memahami makna pemaparan Islam terhadap watak wanita. Dapatan temubual mendalam menerangkan lebih lanjut berkenaan analisis teks filem yang dihasilkan oleh informan. Analisis Tematik telah dilakukan bagi memperolehi tema-tema tertentu. Melalui filem-filem tersebut, makna yang wujud pada subjek dalam filem dinilai dan dikemas kini melalui data-data temu bual mendalam.

4.2 Pengumpulan Data Analisa Kandungan

Pengumpulan data bagi analisis kandungan ini menggunakan kaedah semiotik yang telah diperkenalkan oleh Roland Barthes dengan menekankan berkenaan makna realiti yang wujud dari pemaparan teks budaya. Dalam konteks ini, imej karya-karya filem yang di analisis melihat kepada persoalan ideologi yang wujud dari makna filem tersebut.

Proses pengutipan data ini pada peringkat permulaannya menggunakan konsep semiotik Pierce iaitu imej dari filem-filem yang di analisa harus dipecahkan kepada dua bentuk imej iaitu, imej Ikonik dan juga imej Indeksikal. Kedua dua imej ini diletakkan

dalam jadual yang berasingan ketika babak-babak yang signifikan dipilih untuk dianalisa.

Memandangkan filem seperti media-media visual yang lain menggabungkan beberapa elemen dari segi visual dan audio, maka medium yang bersifat polisemi ini harus dipecahkan kepada tumpuan yang spesifik, terutamanya dalam kajian yang dijalankan. Justeru, imej yang dipecahkan mengikut bentuk Ikonik dan Indeksikal menumpukan kepada perkara-perkara berikut:

Jadual 1.4

Penggunaan Semiotik

Imej Semiotik	Imej Filem
Ikonik	Fizikal Watak (Wanita)
Indeksikal	Gabungan antara Fizikal Watak dan perlakuan dan kostume (Watak Wanita + Interaksi dengan watak lain)

Proses berikutnya dalam pengumpulan data ini adalah dengan mengenalpasti petanda makna yang terbentuk secara eksplisit dan juga implisit terhadap kedua-dua imej yang dinyatakan diatas iaitu dari imej Ikonik dan Indeksikal watak wanita di dalam karya-karya yang dipilih. Ini dilihat kepada pendekatan Konotasi dan Denotasi yang wujud pada 10 babak yang dipilih pada setiap karya. Pada tahap Konotasi dan Denotasi ini terdapat petanda kedua iaitu makna yang wujud dalam penceritaan filem-filem tersebut.

Setelah analisis mitologi dilakukan, proses mengenal pasti tema-tema dilakukan. Tema-tema tersebut merujuk kepada kerangka pengekodan awal yang telah dibina pada bab tiga. Hasil dari analisis mitologi ini maka kerangka model yang dibina sebelum ini telah dikemas kini. Proses tersebut dapat dilihat apabila imej berbentuk Indeksikal ini dianalisa secara terperinci terutamanya terhadap perkara-perkara di bawah:

Imej Indeksikal (watak) Konotasi + Denotasi = Petanda Kedua (Pemaparan Wanita) =
Analisis Mitologi = Wanita & Islam

Rajah 1.7 Proses Analisis Mitologi

4.3 Jadual Data dan Penerangan Sinopsis Teks filem

Melalui proses yang dibincangkan di atas, kajian ini menyusun setiap data yang diambil dari teks filem berdasarkan karya-karya pengarah-pengarah filem yang ditemu bual di dalam jadual yang disediakan. Melalui penggunaan jadual ini, analisis dapat dilakukan secara sistematik mengikut proses seperti gambar rajah diatas.

Daripada Jadual yang telah disediakan, kajian menumpukan kepada 10 babak yang signifikan dengan persoalan kajian ini. Jadual yang disediakan tersebut dapat di rujuk dengan melihat contoh yang telah disediakan seperti dibawah:

Pengarah:		Genre:		Peranan Watak (Wanita):	
No	Imej Ikon/Watak	Imej	Denotasi/Konotasi	Analisis	
		Indexical		Mitologi/Tema	
1					
2					
3					

Rajah 1.8 Contoh jadual pengutipan data analisa kandungan

4.3.1 Ulasan Filem Karya PNG 1

Karya pertama yang menjadi sampel kajian ini merupakan karya yang diarahkan oleh seorang pengarah yang asasnya merupakan seorang pelakon yang banyak melakonkan drama dan filem bergenre komedi. Beliau yang dimaksudkan adalah Afdlin Shauki. Dengan kekuatannya melakonkan drama dan filem komedi, beliau akhirnya menceburi bidang pengarahannya. Dengan itu, maka filem Buli merupakan filem pertama arahnya dalam industri filem tanah air. Walaupun pernah dikritik dengan gaya lakonan komedi yang tidak melucukan, akhirnya karya Papadom dilihat merupakan karya terbaiknya. Dengan kejayaan kutipan tiket sebanyak RM3.8 juta dan meraih lima anugerah di Festival Filem Malaysia ke 22 maka filem ini mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Secara ringkasnya filem ini mengisahkan Saadom seorang pengusaha kedai makan yang terlalu kuat bekerja sehingga berjaya mengejar impian hidupnya, namun dia gagal dalam tanggungjawabnya sebagai suami kepada Munira dan ayah kepada Miasara. Situasi ini berubah apabila Saadom kehilangan isteri kesayangannya yang mati dalam

satu kemalangan ketika ingin melihat anaknya menerima anugerah di sekolah selepas suaminya memberikan alasan sibuk. Sebelum itu, Munirah sempat berpesan agar suaminya akan sentiasa menjaga anaknya seperti mana menjaga kerjanya. Sejak itu Saadom tidak lagi seperti dulu, ke mana saja anaknya berada dia sentiasa berada di sisi. Sehingga saat berpisah apabila Miasara ditawarkan untuk melanjutkan pelajarannya di IPTA. Miasara tidak lagi mahu ayahnya mengikutnya ke Kuala Lumpur dan mengugut akan berhenti belajar sekiranya tidak patuh arahannya. Saadom akur dengan kehendak anaknya, namun di sebalik itu Saadom punyai rancangan untuk memohon jawatan sebagai tukang kebun di IPTA tempat anaknya belajar agar dapat sentiasa melihat anaknya. Filem ini berjaya meletakkan paparan multi-etnik serta dilihat mempunyai kekuatan patriotisme kerana watak Saadom (Afdlin Shauki), Allan (Peter Teo) dan Ali (India Muslim) digandingkan sebagai 3 sekawan. Gandingan lakonan Afdlin Shauki dan Liyana Jasmay sebagai watak ayah dan anak merupakan gandingan *chemistry* yang mantap. Ia mampu menimbulkan babak kesedihan terutamanya dalam babak ketika si ayah meluahkan perasaan kepada anaknya yang dia hanya mempunyai Miasara (Liyana) dalam hidupnya. Watak Norkhiriah mencuit hati penonton dengan kehadiran sebagai bayangan kawan hantu dalam ekspresi yang sesuai dengan latar. Watak beliau sangat berkesan dalam menghidupkan suasana lawak itu kembali. Kekuatan watak ini adalah sebagai penggerak kepada cerita dan babak. Ia membantu penonton untuk lebih terarah dalam mengikuti perkembangan plot cerita tersebut. Walaupun filem ini telah mendapat komentar dari pelbagai penulis dan pengkritik filem tanah air, namun tidak banyak komentar dan pengkritik filem memberi fokus terhadap nilai-nilai keagamaan yang wujud dalam filem karya Afdlin Shauki. Justeru kajian ini cuba meneliti dengan mendalam perkaitan pemaparan keagamaan sebagai salah satu kekuatan yang wujud dalam filem ini.

Jadual: 1

Pengarah: PNG.1 Genre: Drama Komedi Peranan Watak (Wanita): Utama & Pembantu

No	Imej Ikon/Watak	Imej Indexical	Denotasi/Konotasi	Analisis Mythologi/Tema
1	Wanita 1, Lelaki 1	Wanita 1 Dikejut Oleh Lelaki 1 (Bapa)- Sekolah Tema: Peranan Perkembangan Cerita	Wanita Tak Dominan Tema: Penampilan Badan Wanita	Wanita Diberi Peranan Sebagai Watak Yang Pasif Dan Dilihat Tidak Begitu Dominan Dalam Cerita. (Sebagai Anak) Tema: Pasif
2	Wanita 1, Lelaki 1	Wanita 1 Disikat Rambut Oleh Lelaki 1 Tema: Trend Cerita	Wanita Tak Dominan Tema: Penampilan Badan Wanita	Wanita Dilihat Tidak Mempunyai Kuasa Dalam Mengawal Dirinya. Tema Pasif

3	Wanita 1, 2 & Lelaki 1	Wanita 1 Ditemani Lelaki 1-Parti Tema: Tingkahlaku Moraliti	Wanita & Kawalan Tema: Penampilan Badan Wanita	Wanita Sekali Lagi Digambarkan Tidak Bebas Dan Menjadi Objek Kawalan. Tema: Eksplotasi
4	Wanita 1 & Lelaki Sampingan	Wanita 1 Marah- Tertolak Lelaki-Kolam Tema: Tingkahlaku Moraliti	Wanita Emosi Tema: Emosi	Wanita Mudah Beremosi Dan Menggambarkan Wanita Kuat Apabila Berlaku Emosi. Tema: Emosi
5	Wanita 1, Lelaki 1	Lelaki 1 Pujuk Dan Janji Lepaskan Wanita 1 Tema: Tingkahlaku Moraliti	Wanita & Pujukan Tema: Eksplotasi	Wanita Mudah Menerima Pujukan Eksplotasi

6	Wanita 1, Wanita Sampingan, Lelaki Sampingan	Wanita 1 Bijak Bagi Pandangan- Ilmu Diperhatikan Lelaki 1	Wanita & Kebijaksanaan Tema: Eksploitasi	Wanita Cuba Diberi Kekuatan Apabila Digambarkan Tentang Babak Di Dalam Kelas- Beri Pandangan.
		Tema: Tingkahtaku Moraliti		Tema: Eksploitasi
7	Wanita 1, Lelaki 1, Sampingan	Wanita 1 Selalu Diperhatikan Oleh Lelaki 1 Atas Segala Gerak Geri	Wanita & Kawalan Tema: Eksploitasi	Wanita Menjadi Objek Kawalan Sekali Lagi Walaupun Ia Digambarkan Pada Peringkat Awal Wanita Tidak Mengetahui Dia Sedang Diperhatikan.
		Tema: Penampilan Badan Wanita		Tema:Eksploitasi

8	Wanita 1, Lelaki 1, Sampingan	Wanita 1 Bergaduh Dengan Wanita Sampingan (Antagonis) Lelaki 1 Tak Mampu Larang	Wanita Stereotaip Tema: Penampilan Badan Wanita	Wanita Digambarkan Sebagai Mudah Beremosi Dan Menjadikan Lelaki Sebagai Objek Rebutan Tema: Objek
		Tingkahtlaku Moraliti		
9	Wanita 1, Wanita Sampingan, Lelaki Sampingan	Wanita 1 Dikawal Dan Dimarah Oleh Lelaki Sampingan Kerana Bergaduh	Wanita Lemah Tema: Pasif	Wanita Dilihat Memerlukan Lelaki Dalam Soal Mengawal Emosi Mereka.
10	Wanita 1, Lelaki 1, Lelaki	Wanita 1 Jadi Mangsa Kesempatan Lelaki	Wanita & Eksplotasi, Wanita & Kawalan	Wanita Diletakkan Dalam Keadaan Eksplotasi Dan

Sampingan	Sampingan,	Tubuh Wanita
(Antagonis)	Lelaki 1 Cuba	Menjadi Objek.
	Halang Dan	Tema:Objek
	Kawal	
	Keadaan	
	Tema:	
	Penampilan	
	Badan Wanita	

4.3.2 Ulasan Filem Karya PNG 2

Filem yang menjadi sampel kajian seterusnya merupakan sebuah filem telemovie yang ditayangkan dalam televisyen dan mendapat sambutan yang begitu luar biasa di kalangan penonton-penonton setia slot cerekarama. Sebelum Akhirat, adalah sebuah cerita yang menarik dan memang cukup memberikan pengajaran yang boleh dijadikan iktibar kepada kita semua, terutamanya dalam soal kematian dan juga dosa yang telah dilakukan sebelum menghadap Illahi. Uniknya filem ini kerana ia diarahkan oleh seorang pengarah berketurunan India Muslim iaitu Murali Abdullah. Filem ini dibintangi oleh oleh pelakon yang tidak asing lagi iaitu pasangan suami isteri romantik, Fauzi Nawawi dan Lisdawati, Yalal Chin, Maimon Talib, Hisyam Ahmad Tajudin dan ramai lagi. Filem ini diterbitkan oleh Enuja Production Sdn Bhd. Ia mengisahkan seorang lelaki yang bernama Mubarak sedang terlantar sakit menantikan saat kematiannya. Di sekelilingnya orang ramai sedang membacakan surah yasin, namun Mubarak sentiasa mendengar tangisan bayi, perempuan sedang menangis, ketawa dan bermacam-macam suara aneh lagi. Mubarak ada kalanya menitiskan air mata apabila suara-suara aneh itu

hilang dan terbayangkan kisah-kisah lampau yang pernah dilakukannya. Dia begitu teringin untuk kembali sihat seperti dulu kala dan menginsafi setiap perkara buruk yang pernah dilakukan olehnya. Hidupnya sebelum ini sering mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang Islam, meninggalkan solat lima waktu, melakukan kerja haram dengan meminjamkan duit kepada orang ramai dan mengenakan bunga yang tinggi. Mubarak juga menjual wanita-wanita cantik kepada golongan korporat untuk mendapatkan bayaran yang tinggi dan apabila mereka mengandung, Mubarak akan membawa wanita-wanita tersebut ke tempat untuk melakukan pengguguran anak. Dengan duit gaji yang diperolehi melalui kerja-kerja haramnya, sebagai seorang anak Mubarak berniat baik untuk menghantar kedua ibu bapanya ke Mekah, namun ibu bapanya menolak apabila mengetahui duit itu adalah duit haram. Mubarak berkenalan dengan seorang gadis kampung bernama Norida, tetapi dia tidak berniat untuk mengahwininya. Malah Mubarak mengambil kesempatan terhadap Norida sehingga mereka terlanjur. Selepas beberapa tahun dipenjarakan kerana berniat membunuh Norida, Mubarak akhirnya dibebaskan. Dia menyesal dengan apa yang telah dilakukan olehnya sebelum ini. Mubarak pulang ke kampung untuk memulakan kehidupan baru, namun kedua ibu bapanya tidak menerima kehadirannya sehinggalah Mubarak terlanjur sakit dan tidak mampu untuk berdiri. Kakinya sentiasa mengeluarkan nanah dan membengkak. Sebelum menghembuskan nafas terakhir, Mubarak sempat meminta ampun dan maaf daripada ibu dan bapanya. Filem ini merupakan satu-satunya filem yang jelas meletakkan tema dakwah dan sarat dengan mesej-mesej keagamaan. Namun demikian dalam konteks pemaparan wanita, Sebelum Akhirat menjadi pilihan utama untuk memahami sejauh mana filem ini berjaya mempamerkan watak wanita dalam filem yang mempunyai unsur dakwah.

Jadual: 2

Pengarah: PNG3

Genre: Drama Dakwah

Peranan Watak (Wanita):

Pembantu

No	Imej Ikon/Watak	Imej Indexical	Denotasi/ Konotasi	Analisis Mythologi/Tema
1	Wanita 1, Lelaki Pembantu (Ayah)	Wanita 1, Jumpa Ayah Sedang Sapu Sampah Cakap Dapat Kerja-Ayah Tak Berapa Setuju Tema: Penampilan Badan Wanita	Wanita Dan Kawalan Tema: Eksplotasi Kerja-Ayah Tak Berapa Setuju Tema: Penampilan Badan Wanita	Wanita Diberi Peranan Pembantu- Peranan Sebagai Anak Yang Sukar Buat Keputusan- Dikawal Lelaki (Ayah) Tema: Sampingan
2	Wanita 1, Lelaki 1	Wanita 1 Berjalan-Gaya Goda, Jadi Perhatian Lelaki 1, Ajak Naik Kereta	Wanita Sbg Objek Tema: Objek	Wanita Jadi Objek Perhatian Lelaki- Mudah Di Goda Melalui Pujian. Tema: Objek

Tema:

Penampilan

Badan Wanita

- 3 Wanita 1 & Wanita 1 Risau Wanita Mudah Wanita Digambarkan
Lelaki 1 Lelaki 1 Pujuk Mudah Dipujuk Dan
Tinggalkan Dia- Tema: Pasif Menjadi Mainan
Dipujuk Lelaki 1- Lelaki
Menerima Tema: Pasif
Pujukan



Tema:

Tingkah laku

Moraliti

UUM
Universiti Utara Malaysia

- 4 Wanita 1, Lelaki Wanita Skandal Wanita Dan Walaupun Dalam
1, Pembantu Lelaki 1 Azam Keadaan Lelaki Jahat,
Wanita (Skandal Meluahkan Tema: Wanita Tetap Dilihat
Lelaki 1) & Marah-Wanita 1 Tingkah laku Naif Dan Masih
Abang Skandal Terkejut-Tetapi Moraliti Percaya Dan Pasif
Wanita Tetap Setia Pada
Lelaki 1 Tema: Pasif

5	Wanita 1, Ayah Wanita 1, Lelaki 1	Wanita 1 Tekad Jumpa Lelaki 1 Di Kl, Ayahnya Minta Fikir Banyak Kali- Tekad Juga Ke Kl	Wanita Dieksplotasi Tema: Penampilan badan Wanita	Wanita Digambarkan Mempunyai Keazaman Yang Tinggi Untuk Melakukan Sesuatu- Terpedaya Dengan Pujukan Lelaki Tema: Eksploitasi
6	Wanita 1, Lelaki 1	Wanita 1 Dibawa Ke Rumah Lelaki 1-Lelaki 1 Memikat Dan Memuji Wanita- Diberi Ubat Tidur Dan Dilanggan Sebagai Pelacur	Wanita Dieksplotasi Tema: Penampilan Badan Wanita	Wanita Akhirnya Menjadi Pemuas Nafsu Dan Dieksplotasi Sebagai Mangsa Seksualiti Lelaki Tema:Objek
7	Wanita 1, Lelaki 1	Wanita 1-Terkejut Kerana Tersedar Dia Di Jadikan Sebagai Pemuas Nafsu Lelaki Lain	Wanita Lemah Tema: Penampilan Badan Wanita	Wanita Digambarkan Tidak Mampu Untuk Menuntut Hak Keatas Lelaki Tema: Eksploitasi

8	Wanita 1	Berfikir-Membuat	Wanita Lemah	Wanita Digambarkan
		Keputusan Untuk		Berubah Kepada
		Menjadi Pelacur-	Tema:	Watak Yang Negatif-
		Biaya Kos	Tingkah laku	Keputusan Lemah
		Perubatan Ibu	Moraliti	Tidak Bijak Tema: Pasif
9	Wanita 1, Pembantu Lelaki (Pelanggan)	Wanita 1 Mula	Wanita Mata	Wanita
		Menggoda Lelaki	Duitan	Distereotaipkan
		Kaya Untuk		Dengan Imej
		Menikmati	Tema:	Perempuan Sundal-
		Kehidupan	Penampilan	Mementingkan
		Mewah-Untuk	Badan Wanita	Kebendaan Demi
		Dapatkan Duit		Untuk Mengejar Duit
				Tema: Eksploitasi



Universiti Utara Malaysia

4.3.3 Ulasan Filem Karya PNG 3

Kajian ini juga memilih sebuah filem yang diadaptasi daripada sebuah novel popular yang menggunakan tajuk sama iaitu Karipap-karipap Cinta. Dibintangi oleh gandingan pelakon lama dan baru antaranya Gambit Saifullah, Melia Aimellia dan Eman Manan. Ianya dilihat berjaya meletakkan filem arahan Othman Hafsham sebagai satu lagi filem yang menarik untuk ditonton, walaupun dari segi kutipan tiket filem tidak begitu memberangsangkan dengan jumlah kutipan sekitar RM 190,000. Namun filem ini masih mempunyai kekuatan pemaparan yang cuba diketengahkan iaitu apabila beliau cuba memaparkan watak wanita dalam bentuk pemaparan yang seimbang dari segi sudut fizikal wanita Islam pada zaman moden. Othman Hafsham cuba mengetengahkan satu bentuk cerita cinta yang mempunyai kelainan dari segi watak-watak wanita yang biasa dipertontonkan dalam cerita genre cinta. Watak utama wanita dalam filem ini dilihat begitu mendominasi hampir keseluruhan cerita walaupun unsur wanita sebagai objek masih lagi menjadi persoalan yang dapat dibincangkan dengan lebih mendalam. Filem ini mengisahkan Ali iaitu seorang pemuda yang bersopan dan baik perangainya tetapi kurang memiliki cita-cita dan motivasi. Dia bekerja di sebuah syarikat penerbitan akhbar politik dan majalah misteri. Tugasnya adalah untuk mengambil foto tempat-tempat yang kelihatan seram dan mengubahsuainya kepada gambar yang kelihatan mempunyai hantu. Dia jatuh hati pada seorang Kartunis wanita yang bernama Sarah. Dalam satu kejadian ragut, Ali cuba untuk menjadi hero tetapi diselamatkan oleh Sarah yang mempunyai kemahiran seni silat. Ali mendapat tahu yang Sarah pernah belajar di Universiti Al-Azhar dan mempunyai kelayakan sebagai seorang Ustazah.

Dalam usaha untuk memikat Sarah dan keluarganya, Ali berbohong dan mengatakan bahawa beliau adalah pelajar kelulusan dari Universiti Al-Azhar. Sementara itu, bos Ali, Dato' Razali Bunari terlibat dalam satu pertelingkahan sengit dengan saingan

politiknya iaitu Dato Zidan. Dia mempunyai dokumen sulit tentang skandal Dato' Zidan dan ingin menerbitkannya melalui akhbar politik beliau. Ali terkejut apabila dapat tahu bahawa ayah Sarah pernah bekerja dengan Dato' Zidan dan memang terlibat dalam skandal tersebut. Setelah mengetahui keinginan bosnya itu, Ali ingin menebus dosa dengan mencuri dokumen-dokumen tersebut dari pejabatnya. Dengan bantuan empat orang kawannya Ali dapat memecah masuk ke rumah dalam bosnya dan mengambil dokumen tersebut. Filem ini mempunyai kekuatan dalam memaparkan watak wanita dalam konteks pemaparan Islam. Justeru kajian mendalam terhadap teks filem ini dapat membantu dan memahami sejauh mana wanita dipaparkan dan disesuaikan dengan pemaparan Islam.



Jadual: 3

Pengarah: PNG3 Genre: Cinta & Komedi Peranan Watak (Wanita):

Watak Pembantu

No	Imej Ikon/Watak	Imej Indexical	Denotasi/Konotasi	Analisis Mitologi/Tema
1	Lelaki 1, Wanita 2	Lelaki 1 Menunggu Rakan, Ternampak Wanita 2 Dengan Rakan	Wanita Jadi Objek pada Lelaki Tema: Penampilan Badan wanita	Wanita Digambarkan Sbg Objek Pada Lelaki, Dalam Pemakaian Islam Modern Tema: Kesesuaian Kostum
2	Wanita 1, lelaki 1, lelaki pembantu	Wanita 1 Beg Diragut, Lelaki 1 Tolong, Namun Wanita 1 Tewaskan Peragut, Lelaki 1 Cedera	Wanita Dominan/Kuat Tema: Penampilan Badan Wanita	Wanita Di Gambarkan Kuat Berbanding Lelaki- Pemakaian Islam Moden-Sederhana Tema: Kreatif

3	Lelaki 1, Wanita1, Watak Pembantu	Lelaki 1 Terjumpa Wanita 1 Sedang Belajar Silat-Ajak Minum, Wanita 1 Minta Lelaki 1 Belanja Semua Murid Silatnya	Wanita Dominan/Kuat	Pemakaian Guru Silat Wanita Digambarkan Gagah, Wanita Mengambil Kesempatan Terhadap Lelaki Yang Lemah-Islam Sederhana Dari Segi Pemakaian
4	Wanita 1, Lelaki 1, Watak Pembantu Lelaki & Wanita	Wanita 1 Di Majlis Pelancaran Komiknya, Lelaki 1 Mengambil Foto-Ikut Makan	Wanita Berjaya- Kerjaya Tema: Peranan Perkembangan Cerita	Wanita Digambarkan Mempunyai Kerjaya Yang Kukuh-Wanita Juga Digambar Tema: Trend Cerita
5	Wanita 1, Lelaki 1 & Pembantu Lelaki	Dengan Keluarga Wanita 1	Wanita Berani- Berilmu Agama Tema Tingkahlaku Moraliti	Rapat Dengan Keluarga-Wanita Juga Diandai Bebas Buat Keputusan

				Pakaian Islam
				Moden-Sederhana
				Tema: Kreatif
6	Wanita 1, Lelaki 1	Cover Story Rumah Berhantu- Wanita 1 Di depan Masuk Rumah Hantu- Lelaki 1 Di belakang Dengan Rakan, Wanita 1 Minta Baca Surah Al- Baqarah	Wanita Bijak Tema Penampilan Badan Wanita	Wanita Digambarkan Lebih Berani Dan Yakin Banding Dengan Lelaki-Wanita Celik Agama Berbanding Lelaki-Berjaya Mencari Jawapan Terhadap Rumah Yang Dikatakan Ada Hantu Tema Kreatif
7	Wanita1, Lelaki 1	Lelaki 1 Makan Malam Dgn Wanita 1, Cuba Menipu Wanita 1, Tetapi Wanita	Wanita Ada Prinsip Tema Tingkahlaku Moraliti	Wanita Digambarkan Tenang Menerima Penipuan Lelaki Dan Bijak Menguji Kebenaran Seorang

		1 Syak Dia		Lelaki-Pemakaian
		Menipu		Islam Sederhana
				Tema: Kreatif
8	Wanita 1, Pembantu Lelaki	Wanita 1, Marah Pada Lelaki 1 Kerana Tak Bincang Untuk Datang Melamar	Wanita Pendamai Tema: Tingkah laku Moraliti	Wanita Digambarkan Ada Hak Dalam Menentukan Sesuatu Keputusan-Sama Darjat Dengan Lelaki
				Tema: Pasif
9	Wanita 1, Lelaki 1 Pembantu Lelaki	Wanita 1, Tenangkan Ayahnya Yang Terlibat Dalam Masalah Besar	Wanita Dominan Tema: Penampilan Badan Wanita	Wanita Digambarkan Tenang Dan Rasional Tidak Mudah Panik- Boleh Menenangkan Lelaki
				Tema: Eksploitasi
10	Wanita 1, Lelaki 1	Wanita 1, Mendapatkan	Wanita aktif	Wanita Dilihat Lebih Berjaya Mengawal

Lelaki 1	Emosi Daripada
Memujuk Dan	Lelaki Dan Aktif
Menerangkan	Kerana Pergi
Isi Hati	Mendapatkan
	Lelaki-Lelaki
	Menjadi Objek Pada
	Wanita

4.3.4 Ulasan Filem Karya PNG 4

Filem seterusnya merupakan sebuah filem karya saudara pengarah Adman Salleh yang menggunakan latar sejarah tahun 1940an. Filem ini meletakkan genre patriotisme sebagai jalan cerita dan memberi fokus terhadap situasi yang berlaku di Tanah Melayu sebelum mencapai kemerdekaan serta ketika negara ini mengharungi detik-detik hitam kesan daripada gerakan komunisme. Kajian mendapati bahawa filem ini tidak mendapat tempat di hati penonton berdasarkan kutipan tiket yang rendah iaitu hanya sekitar RM80,000 sahaja. Salah satu punca kurang sambutan kerana corak cerita filem ini yang memerlukan penonton menggunakan minda untuk berfikir ketika menonton filem ini. Justeru, filem ini diandaikan sebagai sebuah karya yang berat dan sarat dengan mesej-mesej sejarah yang memerlukan kemahiran dan ilmu tentang kenegaraan untuk difahami. Filem Paloh bermula daripada kenangan seorang lelaki yang bernama Ahmad dan rakan baiknya Osman. Ia mengimbas kembali Osman membuka naratif filem ini dengan menggunakan *shoot* Osman sedang menyiapkan karangannya tentang kisah-kisah lampau. Adegan atas adegan bergerak dengan pantas namun demikian

masih terkawal dan kesan dramatikanya dapat dirasai oleh penonton sekaligus mencabar minda penonton. Itu kelebihan Paloh. Dari aspek lakonan, para pelakon telah mempamerkan lakonan yang cemerlang. Watak mereka saling melengkapi antara satu sama lain. Perwatakan masing-masing dibangunkan dengan baik oleh pengarah. Tetapi kurangnya *shoot close-up* membuatkan ekspresi lakonan mereka tidak dapat dilihat oleh penonton. Tidak banyak pandangan kamera jarak dekat yang mempamerkan mood para pelakon. Pembikinan filem merupakan satu kerja yang melibatkan banyak pihak. Ia bermula daripada penerbit sehinggalah kepada pembuat teh. Oleh itu kerjasama yang kukuh penting dalam menghasilkan sebuah filem yang berjiwa Malaysia. Filem ini pada asasnya banyak mengetengahkan konflik diantara kaum yang membawa agenda perjuangan masing-masing. Dalam masa yang sama, Paloh cuba mempamerkan elemen perpaduan dengan menyelitkan kisah percintaan dua bangsa, Melayu dan Cina iaitu di antara Ahmad dengan Siew Lan. Selain itu juga Paloh turut menghidangkan kisah percintaan bangsa yang sama iaitu antara Puteh dan Fatimah. Teknik meletakkan metafora di antara percintaan dua watak ini memerlukan satu pengamatan yang mendalam terhadap makna kemerdekaan, perpaduan yang mendasari ruang politik pada era tersebut. Justeru, tidak hairanlah filem ini kurang mendapat sambutan daripada penonton. Namun demikian, dalam kajian ini, Paloh mempunyai kepentingan yang tersendiri dari sudut melihat penerimaan pemaparan Islam terhadap perwatakan wanita dari filem-filem genre patriotisme.

Jadual: 4

Pengarah: PNG 8 Genre: Patriotik Peranan Watak (Wanita): Utama & Pembantu

No	Imej Ikon/Watak	Imej	Denotasi/Konotasi	Analisis
		Indexical		Mythologi
1	Wanita 1, Lelaki Pembantu	Wanita 1	Wanita Objek	Wanita Diberi
		Diganggu		Peranan
		Oleh Lelaki	Tema:Penampilan	Pembantu Dan
		Pembantu	Badan Wanita	Digambarkan Sebagai Objek Mainan Lelaki Tema: Objek
2	Wanita 1, Lelaki Sampingan, Pembantu	Wanita 1	Wanita Setia	Wanita
		Dengar		Digambarkan
		Nasihat Dari	Tingkahtaku	Sebagai Seorang
		Lelaki	Moraliti	Yang Taat Dan
		Sampingan		Setia. Tema:
3	Wanita 1, Lelaki Sampingan	Wanita 1	Wanita Buruh	Wanita
		Bekerja		Mempunyai
		Sebagai		Kerjaya Pada

		Tukang	Tema: Penampilan	Zaman
		Dobi	Badan Wanita	Dipaparkan
				Tetapi Sebagai
				Buruh Kasar
			Tema:	
				Eksplotasi
4	Wanita 2, Wanita 1, Lelaki Sampingan	Wanita 2 Diperhatikan Oleh Lelaki Sampingan Dan Berniat Untuk Merogol Wanita 2	Wanita Objek Tema: Penampilan Badan Wanita	Wanita Digambarkan Sebagai Objek Sekali Lagi. Tema: Objek
5	Wanita 2, Lelaki Utama	Wanita 2 Tanya Lelaki Utama Tentang Cinta Dan Ingin Bertanya Lebih Lanjut	Wanita & Cinta Tema: Tingkahlaku Moraliti	Wanita Distereotaipkan Sebagai Orang Yang Menagih Cinta Dan Bergantung Dengan Lelaki Tema: Pasif

		Tentang		
		Cinta		
6	Wanita 1, Watak Sampingan (Ahli Keluarga)	Wanita 2 Dihalang Bersama Lelaki 1 Dan Paksa Kerja Dgn Komunis	Wanita & Kawalan Tema:Penampilan Badan Wanita Dan Dikawal Dibawah Lelaki Tema:Eksplotasi	Wanita Juga Digambarkan Tiada kebebasan Dan Dikawal Dibawah Lelaki Tema:Eksplotasi
7	Wanita 1, Wanita 2	Wanita 2 Telan Racun (Cubaan Bunuh Diri) Wanita 1 Membantu	Wanita & Putus Asa Tema:Tingka hlaku Moraliti	Wanita Distereotaipkan Sebagai Orang Yang Gagal Dan Mudah Putus Asa-Lemah Tema:Pasif
8	Wanita 1, Lelaki Sampingan/Pembantu	Wanita 1, Mendapat Bantuan Dari Lelaki (Ayah) Dan	Wanita & Bergantung Tingka hlaku Moraliti	Wanita Digambarkan Lemah Dan Perlu Bergantung Pada Lelaki Dalam

		Lelaki		Soal Perubatan
		Sampingan		Tema: Pasif
9	Wanita 1, 2, Lelaki Sampingan/Pembantu	Wanita 2, Dibantu Ayah Wanita 1 Untuk Berubat Setelah Telan Racun	Wanita & Bergantung	Wanita Dilihat Sekali Lagi Memerlukan Bantuan Seorang Lelaki
10	Wanita 1, 2	Wanita 2 Mahu Mati Dan Tak Nak Hidup, Wanita 1 Minta Dia Bertenang.	Wanita & Putus Asa	Wanita Dikaitkan Dengan Emosi Dan Tekanan Perasaan Dan Sukar Membuat Pertimbangan Rasional

4.3.5 Ulasan Filem Karya PNG 5

Filem terakhir yang dipilih dalam sample kajian ini adalah sebuah filem komedi yang diarahkan oleh seorang ahli akademik iaitu Professor Madya Razak Mohaideen. Walaupun kebanyakan karya-karya beliau menerima kritikan dari segi kualiti cerita yang bersifat murahan, namun filem beliau iaitu Nana Tanjung 2 dilihat mempunyai keunikan dalam kajian ini terutamanya dalam memahami pemaparan wanita dalam konteks Islam. Ini memandangkan karya Nana Tanjung 2 diakui oleh pengarahnya sebagai satu bentuk cerita yang bukan hanya menghadirkan elemen komedi murahan semata-mata tetapi turut meletakkan elemen dakwah. Filem ini berjaya mendapat kutipan tiket sebanyak RM 3.5 juta. Ini membuktikan bahawa elemen komedi dan juga dakwah mendapat tempat dikalangan penonton. Filem ini mengisahkan tentang kehidupan anak-anak Nana Kassim yang berubah apabila pelbagai cerita tohmahan timbul mengenai hubungan anak perempuannya dengan bakal suami mereka. Nana yang mendengar tohmahan jiran (lakonan Allahyarhamah Azean Irdawati) memutuskan untuk mengenakan syarat kepada bakal menantunya dengan tidak membenarkan mereka bertemu dengan anak-anak gadisnya sehingga majlis akad nikah dilangsungkan. Dari sudut penceritaan Nana Tanjung 2, tidak banyak yang berubah dari Nana Tanjung 1. Begitu juga dari segi kerja-kerja kamera, sudut penggambaran dan terutamanya jalan cerita. Masih klise dan tipikal walaupun terdapat konflik yang berbeza dalam plot penceritaan. Bagi watak pula, pelakon Phee masih tetap Phee walau dalam filem mana sekalipun di bawah arahan Razak Mohaideen. Sememangnya watak Phee memang sesuai untuk watak seorang ayah yang agak tegas dan garang. Begitu juga dengan pelakon Saiful Apek, Fasha Sandha, Jehan Miskin dan beberapa pelakon yang lain. Hampir dikatakan, ekspresi muka mereka adalah sama seperti lakonan sebelum ini. Begitu juga dengan pembawaan watak yang diberikan. Mungkin watak bagi Saiful

Apek dan Jehan Miskin dirasakan begitu mencabar kerana terpaksa berlakon sebagai perempuan dalam cerita kali ini. Untuk kajian ini, watak wanita adalah fokus utama berdasarkan kepada perjalanan cerita ini, ianya banyak digerakkan oleh watak wanita. Justeru, dengan penegasan oleh pengarahnya yang menekankan filem beliau turut menghidangkan mesej dakwah, maka filem ini dilihat begitu menarik untuk dikaji.



Jadual: 5

Pengarah: PNG 9 Genre: Komedi Peranan Watak (Wanita): Utama & Pembantu

N0	Imej Ikon/Watak	Imej	Denotasi/	Analisis
		Indexical	Konotasi	Mythologi
1	Watak Wanta 1&2,Watak Lelaki 1&2	Watak	Wanita	Paparkan
		Wanita 1&2	Berduaan	Wanita Dalam
		Berada	Dengan	Keadaan
		Dalam Hotel	Pasangan Tanpa	Bukan Muhrim
		Dengan	Kahwin	Berada Dalam
		Watak Lelaki		Bilik Bersama
		1&2 (Mimpi)	Tema:	Lelaki-Dalam
			Tingkahlaku	Keadaan
			Moraliti	Mimpi
				Tema: Pasif
2	Watak Wanita 1&2,Watak Lelaki 1&2 Watak Lelaki Pembantu	Watak	Wanita Suka	Wanita
		Wanita 1&2	Berhelah	Digambarkan
		Ditangkap		Suka Menipu
		Berkhalwat	Tingkahlaku	Untuk
		Cuba Elak	Moraliti	Mencapai
		Ditangkap		Matlamat-
		Dengan		Terdapat
		Menipu		Watak Yang

				Berpakaian
				Islamik Tetapi
				Ada Yang
				Masih
				Memakai
				Pakaian
				Moden
				Tema:Pasif
3	Watak	Berbincang	Wanita Pasif	Wanita Dilihat
	Wanita1&2, Watak	Di Restoran,	Tak Dominan	Pasif
	Lelaki1&2, Watak	Watak Utama		Berbanding
	Utama&Pembantu	(Ayah) Tidak		Lelaki, Tetapi
		Benar		Dilihat
		Berjumpa		Menggambark
		Dengan		an Taat
		Lelaki 1&2		Kepada Orang
				Tua
4	Watak Wanita	Berduaan Di	Wanita	Wanita Dilihat
	1&2,Watak Lelaki 1&2	Sebuah	Mencari	Lemah Kerana
		Tempat	Masalah	Bergantung
		Sejarah-Cari		Dengan Lelaki,
		Jalan Untuk	Tingkah laku	Dan Berpakat
		Bertemu	Moraliti	Untuk


				Melakukan
				Perkara Yang
				Tidak Elok
				Tema: Pasif
5	Watak Lelaki 1&2, Watak Wanita 1&2	Watak Lelaki 1&2 Menyamar Untuk Bertemu Watak Wanita 1&2	Bersubahat Dengan Lelaki Tingkah laku Moraliti	Wanita Sentiasa Dibayangi Lelaki Dalam Melakukan Perkara Yang Salah Pasif
6	Watak Wanita 1&2, Watak Pembantu, Watak Utama Lelaki (Ayah)	Wanita 1&2, Pembantu Berpura-Pura Sedih Untuk Cari Helah- Ayahnya Menerima Cadangan Mereka	Wanita Suka Buat Helah/Licik	Digambarkan Licik Dan Bijak Dalam Membuat Helah Untuk Melepaskan Rindu Terhadap Lelaki

7	Wanita 1&2	Wanita 1&2	Bijak /Kreatif	Sekali Lagi
		Telefon	Penampilan	Wanita Dilihat
		Lelaki 1	Badan Wanita	Bijak Tetapi
		Memberi		Dalam Hal
		Idea Untuk		Yang Negatif
		Bertemu.		Kreatif
8	Wanita 1&2, Lelaki 1&2	Berjaya	Wanita Ada	Kelemahan
		Memperdaya	Keinginan	Ditonjolkan
		Watak Utama (Ayah)	Kepada Lelaki	Apabila
		Kembali		Wanita Dinilai
		Berdua-		Sangat
		Duaan		Bergantung Pada Lelaki
9	Watak Wanita 2& Lelaki 2	Berduaan,	Wanita Ada	Namun Ada
		Gembira	Prinsip	Watak Yang
		Lelaki 2		Masih Ada
		Ingin		Prinsip Dengan
		Memeluk		Tidak
		Wanita 2		Dieksploitasi
		Tetapi Tidak		Oleh Lelaki-
				Sesuai Dengan

		Dibenarkan		Pemakaian
		Wanita 2		Watak Yang
				Islamik
				Membiarkan
10	Watak Wanita2&Lelaki	Wanita 1&2	Wanita Mangsa	Walaupun
	2	Mengekori	Tipu Lelaki	Dilihat
		Watak Lelaki	Tingkahlaku	Menjadi
		1 Ke Rumah	Moraliti	Mangsa
		Watak Lelaki		Kepada Lelaki,
		2,-Syak		Tetapi Wanita
		Wasangka		Dilihat Masih
				Kuat Dan
				Tidak Emosi



UUM
Universiti Utara Malaysia



Rajah 1.9 Penyesuaian Pemaparan Wanita

4.4 Analisis Teks: Penyesuaian Pemaparan Wanita

Melalui analisis teks, kandungan filem yang terdiri daripada lima karya yang dihasilkan oleh lima pengarah yang berbeza, ianya bertujuan untuk menjawab matlamat kajian yang kedua dalam kajian ini iaitu penyesuaian pemaparan wanita dalam filem melalui konteks perletakkan ideologi dominan Islam di Malaysia. Berdasarkan analisis kandungan yang dilakukan, terdapat beberapa tema utama yang telah dikenal pasti. Tiga tema utama dapat dilihat pada kajian bahagian pertama. Tema tersebut adalah Peranan Perkembangan Cerita, Penampilan Badan Wanita dan Tingkhilaku Moraliti.

Jadual pada mukasurat 208 hingga 239 menerangkan secara mendalam mengenai babak-babak yang membentuk makna tertentu dan berkait rapat bagi menjawab matlamat kajian kedua kajian ini. Melalui analisis semiotik tersebut, tema-tema dibentuk berdasarkan kerangka awal pengekodan yang telah dibincangkan pada bab 3 sebelum ini. Berdasarkan tiga tema utama tersebut, terdapat beberapa sub-subtema

yang telah terbentuk setelah analisis teks dilakukan. Pada dasarnya, sub-subtema yang terbentuk adalah seperti genre, trend cerita, sampingan, kreatif artistik, sederhana, eksploitasi, kesesuaian kostume, pasif dan setia. Rajah 4.1 menerangkan secara menyeluruh pembentukan tema yang menjelaskan tentang penyesuaian pemaparan wanita yang telah dilakukan semasa proses Islamisasi dibawah ideologi dominan sistem pemerintahan di Malaysia. Melalui analisis ini juga pengkaji dapat meneliti dengan jelas samada setiap tema yang wujud sesuai atau tidak dengan ideologi Islamisasi yang diletakkan dibawah kerajaan yang memerintah ketika itu.

4.4.1 Peranan Perkembangan Cerita

Di bawah tema utama ini, analisis teks terhadap kelima-lima karya pengarah filem yang berbeza dilihat tidak menumpukan perkaitan yang begitu jelas dengan sebarang polisi atau proses Islamisasi yang dibawa oleh sistem pemerintahan. Sebaliknya, filem-filem yang dihasilkan dilihat diterbitkan berdasarkan amalan-amalan dalam industri perfileman mengikut kehendak serta trend cerita semasa. Namun demikian, melihat kepada setiap cerita yang dihasilkan secara umumnya, perkembangan cerita pada setiap karya yang dianalisis mempunyai nilai-nilai murni melalui mesej-mesej yang memberi gambaran terhadap ciri-ciri pemaparan filem yang mempunyai asas terhadap amalan murni Islam. Ini menunjukkan bahawa filem yang dihasilkan diletakkan elemen-elemen mesej Islam dan nilai budaya yang positif meliputi pelbagai genre filem. Berdasarkan analisis kelima-lima karya, hanya karya PNG 2 sahaja yang jelas meletakkan genre berbentuk dakwah sebagai filem yang berlatarkan keagamaan. Karya-karya lain lebih menumpukan kepada genre komedi sebagai jalan cerita. Terdapat juga satu karya dari PNG 4 meletakkan genre patriotik sebagai latar cerita karyanya.

Pandangan dari PNG 1 dapat diambil kira dalam tahap ini apabila beliau menjelaskan bahawa peranan perkembangan cerita haruslah dilihat dari sudut penceritaan yang bersesuaian bagi menentukan pemaparan dalam konteks Islam dapat diwujudkan. Ini dilihat dengan kenyataan beliau iaitu:

“Penceritaan yang sesuai kena diletakkan pada watak wanita... baru peranan tu tak lah sampai jadi benda-benda yang mendatangkan masalah dari segi hukum agama... itu padangan saya...”

Ini juga menjelaskan bahawa dalam menentukan sebarang mesej keagamaan, penceritaan yang sesuai turut menjadi perkara yang harus dipertimbangkan terlebih dahulu. Ini dapat dirujuk dengan kenyataan dari PNG 3 iaitu:

“Soal pemaparan watak wanita sebenarnya dia harus berbalik kepada cerita itu tadi. Sebenarnya ceritalah yang mencorakkan watak kepada kita, samada watak itu ada lelaki, wanita, pondan atau maknyah, tomboy dan apa sahaja watak itu bergantung kepada bagaimana cerita itu dibina.”

Dengan itu berdasarkan pembentukan subtema dibawah tema utama ini, ia menerangkan bahawa diantara perkara yang menjadi pokok pangkal bagi menentukan sesuatu pemaparan Islam dapat diwujudkan masih lagi bergantung dengan sistem genre. Pada asasnya, kebanyakan informan bersetuju bahawa sistem genre begitu berperanan dalam mewujudkan setiap pemaparan termasuk dalam soal pemaparan wanita. Ini menurut pandangan PNG 2 bahawa:

“Soal pemaparan watak wanita sebenarnya dia harus berbalik kepada cerita itu tadi. Sebenarnya ceritalah yang mencorakkan watak kepada kita, samada watak itu ada lelaki, wanita, pondan atau maknyah,

tomboy dan apa sahaja watak itu bergantung kepada bagaimana cerita itu dibina.”

Pandangan PNG 4 juga turut menegaskan bahawa sistem genre begitu memberi kesan terhadap sebarang penceritaan yang akan diarahkan oleh seorang pengarah. Walaupun begitu, ia dilihat tidak semestinya dengan mengemukakan genre-genre tertentu filem yang dipaparkan tidak dapat menghasilkan bentuk pemaparan yang mempunyai ideologi Islam dalam sesebuah filem.

“kita akan bermula dari cerita... sebab.. ok kita kena tahu tak semua cerita tu adalah cerita yang sama.. kita kena faham genre.. genre akan membantu kita untuk faham apa cerita yang kita buat... tapi kadang tu director biasa tak akan fikir benda tu...”

Justeru, dalam meneliti setiap genre yang diguna pada setiap filem yang dianalisis, setiap jenis genre seperti Komedi, Dakwah, Romantik dan Patriotik masih mampu meletakkan elemen-elemen Islam mengikut ideologi sistem dominan di negara ini. Namun ianya bergantung kepada keadaan genre dalam menentukan gaya pemaparan wanita kearah pemaparan Islam. Dengan mengambil contoh karya PNG 2 yang meletakkan karyanya dibawah genre dakwah, walaupun ianya menggambarkan tentang kisah penyesalan seorang watak lelaki yang melakukan banyak dosa, unsur *flashback* filem tersebut tidak dapat lari daripada memaparkan sebab dan akibat daripada kebaikan dan keburukan yang menimpa watak wanita yang dilakukan oleh watak lelaki.

Dengan meletakkan genre dakwah, pemaparan negatif terhadap watak yang mungkin tidak mengikuti kaedah Islam harus dipaparkan memandangkan filem juga mempunyai

sistem sebab dan akibat dalam menyampaikan mesej cerita. Ini menyebabkan terdapat babak-babak dalam filem karya PNG 2 yang meletakkan pemaparan watak wanita pada peringkat awal sebagai seorang yang baik dan suci. Namun berubah menjadi watak yang banyak melakukan dosa setelah melakukan zina dengan watak utama iaitu watak lelaki. Ini diakui oleh PNG 2 yang mengatakan bahawa:

“Masalahnya cerita kita letakkan wanita tu pada keadaan yang tak elok... ok let say kita elakkan cerita yang wanita kena jadi pelacur... still lagi kita memilih untuk membuat cerita yang wanita ni dia kena berpakaian seksi untuk dia tunjukkan dia hidup dalam suasana moden....”

Bagi genre-genre lain, kajian mendapati, elemen Islam tidak diterapkan dengan begitu jelas. Ini membawa pengertian bahawa kebanyakan mesej disampaikan dalam bentuk yang santai dan sekadar sampingan menerusi perkembangan cerita. Namun terdapat dua karya iaitu karya PNG 3 dan 5 yang meletakkan mesej keagamaan sebagai penguat cerita masing-masing. Contohnya, karya PNG 3 meletakkan kekuatan kepada pemaparan wanita dalam menjelaskan mesej Islam moden sesuai dengan ideologi dominan Islam di Malaysia. Manakala, karya PNG 5 pula meletakkan kekuatan penceritaan berbanding pemaparan wanita dalam soal mesej Islam. Ini berdasarkan kepada cerita beliau yang meletakkan halangan pergaulan diantara lelaki dan perempuan sebelum berkahwin sebagai tulang belakang cerita karya beliau. PNG 5 menyatakan bahawa:

“Memang genre komedi ni peranan dia luas, kita boleh selitkan macam-macam mesej kepada penonton....” “Macam saya buat, genre komedi ni kita selitkan dakwah... tak semestinya komedi tu kita ceritakan benda lawak tanpa ada isi... jadi contohnya karya saya cerita Nana Tanjung

2 ni saya selitkan dakwah tentang pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim...”

Bagi karya PNG 4 yang meletakkan genre patriotik, kekuatan mesej Islam tidak hanya dilihat pada keseluruhan cerita. Namun disebabkan cerita tersebut meletakkan mesej-mesej berbentuk nasionalisme maka mesej dan pemaparan Islam dilihat sebagai sebahagian dari persoalan tersebut. Dengan itu, penyesuaian yang dilakukan bergantung kepada pemaparan Melayu berbanding persoalan Islam. Namun demikian, terdapat babak dimana watak wanita menjaga batas pergaulan dengan watak lelaki masih wujud namun lebih menonjolkan ciri-ciri adat dan budaya Melayu.

Pandangan informan PNG 4 menjelaskan bahawa, walaupun genre patriotik banyak menumpukan agenda nasionalisme namun tidak semestinya mesej tentang keagamaan tidak dapat ditonjolkan. Ini kerana bagi beliau persoalan bangsa seperti Melayu tidak dapat dipisahkan dengan agama mereka iaitu Islam. Ini dinyatakan oleh beliau bahawa:

“Dalam filem-filem patriotism ni... kita lupa bahawa elemen keagamaan itu juga wujud... namun tenggelam dengan persoalan bangsa. Ini yang biasanya kita tonjolkan. Tetapi kalau dinilai mesej filem yang saya arah sebenarnya saya masih memaparkan mesej agama dalam bangsa Melayu.”

Dalam keadaan ini, penyesuaian pemaparan Islam terhadap wanita dalam filem turut tidak dapat mengaitkan tentang nilai bangsa terutamanya Melayu. Terutamanya apabila melihat kepada genre-genre filem berbentuk patriotisme. Kajian mendapati bahawa PNG 4 meletakkan persoalan *multiracial* dalam karya beliau namun tetap meletakkan

nilai Melayu dan juga Islam terutamanya pada watak wanita. Namun begitu dari segi penampilan wanita filem karya beliau tidak menumpukan kepada penampilan fizikal semata-mata. Tetapi lebih kepada aksi dan tingkahlaku watak. Aksi dan tingkahlaku ini merujuk kepada perbuatan yang menonjolkan adat budaya dan juga agama. Namun ia masih lagi didominasi melalui pemaparan Melayu berbanding persoalan keagamaan.

Dari sudut trend cerita, berdasarkan analisis kandungan yang dilakukan, trend cerita dilihat banyak mengetengahkan jalan cerita yang santai. Ini terutamanya apabila dilihat dari sudut karya-karya yang banyak menjadi pilihan tertumpu kepada cerita berbentuk komedi. Berdasarkan trend cerita ini juga didapati unsur pemaparan berkaitan Islam dilihat tidak sesuai ditonjolkan pada isu-isu yang berat. Justeru, elemen-elemen penceritaan yang diselitkan adalah bersifat mesej-mesej ringan samada dari segi penampilan, tingkahlaku dan jalan cerita.

Ini dapat dilihat kepada karya-karya yang dihasilkan oleh PNG 1, PNG 3, dan PNG 5. Ketiga-tiga karya ini menggunakan genre yang sama dengan meletakkan perjalanan cerita yang mudah untuk menyelitkan mesej-mesej Islam. Karya PNG 1, meletakkan mesej yang berkait rapat dengan persoalan taat kepada ibu bapa. Mesej ini dilihat sesuai dengan cerita komedi ringan yang ditonjolkan sepanjang penceritaan itu berlangsung. Karya PNG 3 pula meletakkan mesej-mesej keagamaan ringan bukan sahaja dari segi jalan cerita tetapi trend pembinaan watak wanita moden dan mempunyai latar agama mudah diselitkan pada setiap babak cerita. Ini berdasarkan pandangan PNG 3 yang menyatakan bahawa:

“Dalam kisah cinta juga kita boleh letakkan mesej Islam, tidak semestinya cerita cinta ini hanya tonjolkan cerita-cerita yang

melalaikan...cerita saya tetap letakkan latar watak dalam kehidupan moden. Tapi kelainannya ada pada watak tersebut. Sebab itu kalau tengok, watak saya letakkan sebagai watak dalam penampilan moden tapi tetap ada imej keagamaan...”

Karya PNG 5 pula dilihat menyelitkan mesej keagamaan sebagai salah satu cerita utama dalam filem tersebut. Karya PNG 5 menumpukan kepada latar cerita yang berkaitan perlunya menjaga pergaulan di antara lelaki dan perempuan sebelum berkahwin merupakan kekuatan mesej yang jelas diletakkan dan disesuaikan dengan mesej keagamaan iaitu agama Islam.

Namun demikian, kebanyakan karya-karya yang dikaji hanya memaparkan imej dan penceritaan Islam sebagai sebahagian daripada penceritaan. Ini berlainan dengan karya PNG 2 yang jelas meletakkan mesej keagamaan namun masih lagi tidak memaparkan bentuk pemaparan yang menyeluruh berkenaan dengan Islam. Dengan itu, kajian ini mendapati secara keseluruhannya pemaparan wanita dan Islam hanya dipaparkan sebagai pemaparan sampingan.

Untuk analisis terhadap karya-karya filem yang dipilih, didapati pemaparan sampingan ini terbahagi kepada dua. Pertama, pemaparan sampingan ini wujud pada pemaparan watak wanita. Ini dilihat dari segi peranan dan penampilan watak yang diberikan sepanjang perkembangan filem-filem tersebut. Dari sudut peranan, wanita dilihat tidak banyak membantu dalam memaparkan pemaparan Islam. Hanya beberapa karya seperti karya PNG 3 dan PNG 5 dilihat jelas cuba memaparkan pemaparan Islam terhadap

watak wanita. Ia dilihat lebih kepada penampilan wanita berbanding peranan berkaitan Islam. Watak wanita PNG 3 yang merupakan watak utama dilihat berjaya diletakkan penampilan wanita Islam moden dan cuba meletakkan wanita pada pemaparan yang aktif. Begitu juga pemaparan wanita dalam karya PNG 5 turut digambarkan penampilan wanita mengikut kriteria Islam.

Dari sudut peranan yang diberikan dalam karya-karya yang dianalisis didapati peranan wanita masih lagi diberikan peranan sebagai watak sampingan. Watak sampingan di sini bukan hanya dari sudut watak namun dalam membawa mesej-mesej tertentu seperti mesej keagamaan juga dilihat masih lemah dan tidak diberikan peranan yang baik. Watak wanita dilihat hanya berperanan menjadi pelengkap kepada keseluruhan cerita. Walaupun karya PNG 3 dan PNG 5 berjaya menonjolkan pemaparan ke arah Islamik kepada watak.

Perkara ini didapati disebabkan oleh elemen sampingan yang wujud dalam penceritaan terutamanya dalam memaparkan mesej-mesej tentang agama Islam. Keadaan ini mengakibatkan pemaparan watak juga hanya dijadikan sebagai pemaparan yang bersifat sampingan. Dengan itu filem-filem karya-karya yang dianalisis tidak dapat meletakkan pemaparan Islam yang begitu jelas kecuali pada karya PNG 2 sahaja. Namun demikian PNG 2 mengakui bahawa karya beliau juga tidak begitu kuat meletakkan nilai keagamaan memandangkan pandangan beliau mengatakan bahawa:

“Walaupun cerita saya menonjolkan tentang cerita orang yang sedang bertarung dengan kematian dan penyesalan dosanya, tapi saya tak mampu nak tunjuk satu filem yang betul-betul Islamik. Sebab cerita saya kena ada unsur-unsur babak semasa watak melakukan dosa... ini kena ditunjuk dengan berkesan... kalau tak nanti mesej tak sampai...”

Dengan itu, PNG 2 berpandangan, karya beliau masih lagi tidak mampu untuk menghasilkan pemaparan yang betul-betul memaparkan filem yang mempunyai nilai keagamaan yang tinggi. Bagi karya PNG 5 pula beliau berpandangan bahawa pemaparan Islam terhadap wanita dan juga pemaparan lain tidak perlu ditonjolkan secara keseluruhannya dalam bentuk Islamik. Bagi beliau, mesej Islam hanya sesuai diselitkan sebagai mesej sampingan. Menurut beliau:

“Saya lebih suka cerita dalam filem dipelbagaikan dan kita selitkan dakwah dalam pelbagai cerita. Itu lebih menarik berbanding kita buat cerita yang Islamik saja. Sebab filem macam tu pernah gagal dan tak dapat tempat dihati penonton....”

Pandangan PNG 5 ini turut dipersetujui oleh PNG 1 yang beranggapan bahawa:

“Cerita Islamik ni kena pelbagaikan.. sebab ini baru kita dapat buktikan bahawa filem Islamik ni dia luas maksud dia... sesuaikan dengan agama Islam itu dia bersifat syumul ha.. itu baru cantik...”

Dengan itu, penampilan cerita yang berbentuk sampingan dari segi mesej Islamik merupakan kaedah yang sesuai untuk dijadikan sebagai pemaparan dari sudut penceritaan. Namun dari sudut penampilan watak dalam bentuk Islamik, kajian mendapati ianya agak sukar untuk dipaparkan memandangkan cerita yang dipaparkan mempunyai pelbagai jenis genre dan mengikut trend semasa. Ini merupakan pandangan yang dinyatakan oleh PNG 3 iaitu:

“Cumanya agak sukar untuk kita nak seratus peratus letakkan babak masjid, pakai kopiah atau sembahyang dalam cerita kita sebab dia berkait rapat dengan latar cerita kita dan jenis cerita kita.”

4.4.2 Penampilan Badan Wanita

Bagi tema utama kedua iaitu penampilan badan wanita, analisis teks mendapati terdapat tiga subtema yang secara jelas menjelaskan dengan terperinci penyesuaian pemaparan wanita diletakkan dalam kelima-lima karya yang telah dianalisis. Sub-subtema tersebut terdiri daripada persoalan kreatif artistik, sederhana dan eksploitasi. Bagi membincangkan tentang subtema kreatif artistik, kajian mendapati secara umumnya mendapati penyesuaian pemaparan Islam ini dilakukan dalam bentuk yang kreatif dan artistik. Kreatif dan artistik ini berkait rapat dengan penceritaan, pemaparan serta mesej. Pada asasnya dari sudut penceritaan, karya-karya yang dianalisis didapati mempunyai gaya penceritaan yang tersendiri. Gaya penceritaan ini berkait rapat dengan genre yang telah dipilih dalam menerbitkan filem masing-masing.

Berdasarkan penampilan badan wanita pengarah-pengarah filem telah menggunakan watak wanita dalam bentuk yang kreatif memandangkan dalam menyesuaikan dengan mesej-mesej yang berkait rapat dengan Islam dengan memberi peranan-peranan tertentu. Sebagai contoh, dalam membincangkan tema menghormati dan taat kepada orang tua karya PNG 1 mengolah watak wanita sesuai dengan cerita beliau dengan mewujudkan watak wanita sebagai anak kepada seorang ayah yang kehilangan seorang isteri yang sebelum ini berperanan menjaga anaknya. Dengan mewujudkan watak anak perempuan dalam cerita tersebut. Dengan menggunakan watak wanita sebagai anak ia menggambarkan kekuatan wanita dalam mengharungi cabaran ketika hidup bersendirian di kampus. Watak perempuan ini dibentuk dalam menambah tarikan kepada cerita serta pada babak wanita memohon maaf terhadap kesalahannya ianya

menggambarkan lebih kreatif dan dramatik tentang babak tersebut. Ini dinyatakan oleh beliau bahawa:

“Watak anak perempuan ni kelebihan dia ada pada elemen dramatik... anak perempuan kalau kita nak buat babak sedih atau dalam cerita ni babak dia insaf atas kesalahan dia, memang lebih berkesan berbanding letak anak perempuan...”

Karya PNG 2 pula, watak wanita diletakkan sebagai agen mengubah watak utama iaitu watak lelaki. Walaupun watak wanita pada babak-babak akhir dipaparkan sebagai seorang pelacur, tetapi disebabkan watak wanita ini menyebabkan pelbagai mesej tentang dosa dan kemungkaran watak lelaki dapat disampaikan dengan berkesan kepada penonton. Justeru, watak wanita digarapkan dengan begitu kreatif bagi membentuk mesej tentang dosa-dosa yang dilakukan oleh watak lelaki dalam cerita ini. Namun demikian, PNG 2 berpandangan bahawa dalam menyampaikan mesej dakwah, pengarah harus mengorbankan babak-babak tertentu iaitu babak-babak wanita yang tidak menutup aurat. Beliau menyatakan bahawa:

“Saya rasa watak baik perlu ada watak jahat... sebab filem mempunyai perinsip sebab dan akibatnya yang tersendiri... kalau nak tunjuk watak perempuan insaf kita kena tau dia insaf dari peristiwa apa...”

Karya PNG 3 juga dilihat berjaya meletakkan pemaparan wanita dan disesuaikan secara kreatif dalam menonjolkan mesej dan imej Islam. Dalam karya beliau, watak wanita dipaparkan dalam bentuk pemaparan Islam moden serta diberikan peranan yang menarik yang tidak hanya menampilkan wanita sebagai seorang yang pasif. Ini sebaliknya dengan kreativiti PNG 3 mengubah watak wanita menjadi seorang yang

Islamik tetapi dalam masa yang sama aktif serta mampu bersaing dengan watak lelaki. Pada babak beg tangannya diragut, watak wanita dilihat berjaya mengalahkan peragut berbanding watak lelaki yang dipaparkan gagal untuk mengalahkan peragut tersebut.

Selain itu, PNG 5 juga secara kreatif menampilkan watak wanita dalam ceritanya bagi tujuan menggerakkan cerita genre komedinya. Ini terutamanya penceritaan karya beliau berjaya meletakkan watak wanita sebagai watak yang dilihat bijak dalam menyelesaikan masalah daripada dikawal oleh ayah mereka dalam soal menghalang mereka dari berjumpa dengan tunang masing-masing. Walaupun dalam keadaan lain ianya memaparkan pemaparan negatif seorang wanita tetapi diakhirnya cerita ini berjaya mengubah watak ayah mereka. Ini akhirnya berjaya menyebabkan watak wanita berkahwin pasangan masing-masing.

Kebanyakan filem yang dianalisis meletakkan pemaparan wanita dan pemaparan Islam dalam bentuk yang sederhana. Kesederhanaan ini dapat dilihat dari bentuk pemaparan wanita dari sudut penampilan. Pemaparan wanita dalam bentuk sederhana ini dapat dilihat pada karya-karya yang mengetengahkan latar cerita masyarakat moden. Ini dapat dilihat pada karya PNG 1, PNG 2, PNG 3, PNG 5. Disebabkan karya-karya mereka mempunyai latar pada era moden maka pengarah-pengarah filem berpandangan pemaparan wanita sederhana dapat disesuaikan walaupun mereka cuba menyelitkan mesej-mesej Islam. Terdapat usaha penampilan yang ditonjolkan oleh sebahagian dari watak seperti watak dalam karya PNG 5, yang mengenakan pemakakaian yang benar-benar Islamik, tetapi PNG 5 beranggapan ianya dapat dibentuk disebabkan oleh faktor

luaran cerita iaitu pelakon tersebut diluar set penggambaran sudah memakai pakaian berbentuk Islamik. Menurut beliau:

“Watak Wahida ni kita sedia maklum di luar set penggambaran pun dia dah pakai tudung... jadi kita tak boleh paksa dia buka tudung... dan ini merupakan identiti yang membantu kita selitkan elemen dakwah... dia dah jadi macam bonus kepada mesej dakwah... tapi asasnya penampilan dalam karya saya sederhana dari segi penampilan watak.”

Karya PNG 4 juga turut meletakkan pemaparan wanita dalam bentuk sederhana. Walaupun latar cerita karya beliau adalah pada era sebelum kemerdekaan. Watak wanita lebih ditekankan sebagai watak yang menonjolkan elemen Melayu. Dengan menonjolkan watak Melayu maka imej sederhana dijadikan imej yang terbaik dan sesuai dengan genre patriotisme.

Dari segi eksploitasi pula, pemaparan wanita banyak dieksploitasi bagi tujuan untuk menarik perhatian penonton. Ini diakui oleh kebanyakan informan. Menurut PNG 1, PNG 2, PNG 3, masing-masing mengakui bahawa watak wanita diletakkan sebagai daya tarikan kepada penonton. Selain itu, mereka juga berpendapat kebanyakan filem-filem *mainstream* atau komersial, tidak dapat dinafikan bahawa watak wanita merupakan watak yang banyak menjadi watak pembantu dalam menggerakkan keseluruhan cerita.

Eksplotasi watak wanita dilihat berlaku dalam dua keadaan. Pertama, ianya dilihat dari segi eksploitasi penampilan badan wanita dari segi kostum dan tingkah laku. Kedua,

eksploitasi watak wanita berlaku dalam keadaan perkembangan cerita dalam karya-karya filem yang dikaji. Bagi eksploitasi penampilan badan wanita, hampir keseluruhan karya-karya yang dianalisis menggunakan wanita sebagai watak yang dieksploitasi watak wanita sebagai membantu perubahan cerita. Ini dapat dilihat pada keseluruhan karya apabila watak wanita menjadi agen perubahan kepada keseluruhan cerita. Karya PNG 1, meletakkan watak wanita sebagai seorang anak yang mengubah tingkahlku watak lelaki supaya percaya dengan anak sendiri. Watak wanita ini juga dalam masa yang sama dieksploitasi menjadi watak yang menggerakkan watak lelaki antagonis.

Dengan menggunakan watak wanita dalam karya PNG 1 maka ianya telah membantu cerita menjadi lebih menarik. Karya PNG 2 lebih-lebih lagi mengkesploitasi watak wanita dalam bentuk pemaparan wanita. Pada asalnya watak wanita dieksploitasi dalam bentuk penampilan badan wanita yang digambarkan sebagai seorang wanita yang baik. Ia juga digambarkan sebagai seorang anak yang taat kepada keluarga. Namun demikian ianya dilihat berubah apabila watak wanita mula digambarkan sebagai watak yang menjadi mangsa kepada watak lelaki. Akhirnya ini mengakibatkan watak wanita dipaparkan dalam bentuk negatif. Akhirnya watak wanita turut dieksploitasi menjadi watak yang menemui kegagalan diatas perbuatan watak lelaki.

Karya PNG 3 dan PNG 5 dilihat dieksploitasi dari sudut penceritaan supaya ianya menjadi satu bentuk cerita komedi yang menarik. PNG 3 meletakkan watak wanita dalam pemaparan Islamik dan moden tetapi turut memaparkan watak wanita dengan gaya agresif serta lasak. Ini memberi keunikan terhadap watak wanita. Dengan

gandingannya bersama watak lelaki maka ianya dilihat membantu menghidupkan elemen komedi dengan berkesan. Ini dinyatakan oleh PNG 3 iaitu:

“Watak wanita ni saya sengaja biarkan dia bersifat agresif dan lasak supaya dapat ubah persepsi terhadap watak wanita bertudung yang selalu dianggap lemah lembut dan tidak lincah. Dalam masa sama filem ni juga nak hidupkan elemen komedi yang lain dari filem komedi cinta lain..”

Dengan mengeksploitasi wanita dalam bentuk penceritaan ini juga ianya turut dapat menonjolkan elemen-elemen lain tentang watak tertentu. Sebagai contoh, karya PNG 4 mengeksploitasi badan wanita dalam konteks meletakkan peranan wanita dalam proses untuk mendapatkan kemerdekaan. Oleh itu watak wanita digunakan dalam karya beliau bagi memberi peranan bahawa watak wanita Melayu juga mempunyai fungsi sebagai pejuang kemerdekaan. Justeru, kekuatan eksploitasi penampilan badan wanita dilakukan bagi tujuan untuk meggerakkan penceritaan serta memberi tarikan kepada penonton terhadap penceritaan. Ia juga turut membawa mesej-mesej tertentu dalam filem yang membantu penonton untuk memahami cerita yang dihasilkan oleh pengarah-pengarah filem dengan lebih berkesan.

4.4.3 Tingkahlaku Moraliti

Tema utama terakhir berkenaan dengan tingkahlaku moraliti mengemukakan tiga subtema yang jelas dapat dilihat dari sudut lakonan dan juga aksi yang dipaparkan oleh watak wanita dalam setiap karya yang dianalisis. Tiga sub-subtema tersebut adalah kesesuaian kostum, pasif dan setia. Subtema berkaitan kesesuaian kostum dilihat

merupakan tema yang jelas membincangkan tentang setiap lakonan dan perwatakan yang ditonjolkan dalam karya-karya yang telah dikaji berkait rapat dengan kostum yang digunakan dalam filem-filem tersebut. Justeru dalam melihat kekuatan pemaparan pada penampilan kostum semata-mata tidak dapat dikatakan memberi gambaran yang jelas terhadap persoalan baik atau buruk seseorang watak dalam cerita tersebut. Pandangan yang dinyatakan oleh PNG 2 menyatakan bahawa, setiap tingkahlaku, perangai serta sifat watak wanita tidak semestinya perlu dikaitkan dengan pemakaian watak dalam sesebuah cerita. Menurut beliau:

“Kita tak boleh kata orang memakai tudung tu sifat dia baik... ada kes orang memakai tudung lebih teruk dari orang yang tak pakai tudung...Cuma secara mudah ada pengarah filem yang suka tonjolkan imej pakaian mewakili sifat watak... itu mungkin cara yang mudah...”

Dalam konteks itu, PNG 2 beranggapan pada kebiasaannya, bahasa filem secara mudah cuba menyesuaikan watak dan penampilan kostum bersesuaian dengan tingkahlaku watak tersebut. Ini dapat dilihat pada kesemua filem-filem yang dikaji. Karya PNG 1 meletakkan kostum yang dilihat sesuai dengan perwatakan watak yang merupakan remaja yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi. Manakala karya PNG 2 pula meletakkan kostum watak wanita sesuai dengan keadaan dan situasi sebelum dan selepas wanita tersebut dari menjadi baik kepada jahat. Bagi karya PNG 3, penyesuaian kostum lebih jelas cuba menggambarkan pemaparan dalam ruang yang lebih Islamik berbanding karya-karya informan yang lain. Namun ianya sekali lagi disesuaikan dengan bentuk yang sederhana dan moden.

Dalam karya PNG 4 pula, disebabkan latar ceritanya mengambil tempat pada era sebelum kemerdekaan, maka pemakaian kostum sudah semestinya disesuaikan mengikut zaman masyarakat pada masa tersebut. Justeru, pemakaian yang mewakili bangsa tertentu seperti bangsa Melayu mempunyai pemakaiannya yang tersendiri. Pemakaian watak wanita Melayu, dipaparkan dengan mengenakan pakaian tradisional iaitu baju kurung dan berkain batik. Dari sudut perlambangan terhadap pemaparan Islam, ianya dilihat turut dikaitkan dengan persoalan bangsa iaitu Melayu.

Bagi menyatakan bahawa pemakaian watak wanita melambangkan peribadi dan juga tingkahlaku mewakili pemakaian itu juga dilihat tidak dapat dijelaskan melambangkan pemaparan Islam secara keseluruhan. Namun secara keseluruhannya, kebanyakan informan mengakui bahawa pemaparan yang dilakukan adalah bersesuaian dengan realiti masyarakat di Malaysia. Ini dapat dijelaskan berdasarkan pandangan PNG 5 yang menyatakan bahawa:

“Apa yang saya tonjolkan sebenarnya realiti yang berlaku dalam masyarakat kita... Bukan hanya dari segi jalan cerita.. malah dari segi penampilan watak-watak juga kena ambil dari dunia realiti... kalau tak penonton tak akan tengok sebab tak dapat merasai pengalaman tu...”

PNG 3 pula menyatakan bahawa pemaparan wanita dalam kebanyakan filem-filem Melayu pada asasnya akan terarah kepada pemaparan moden. Ini kerana, filem yang majoritinya dihasilkan oleh industri di Malaysia akan menggunakan latar suasana semasa dan jarang-jarang sekali menggunakan latar cerita yang melibatkan perlunya membina set dan lokasi yang berbeza. PNG 3 menyatakan bahawa:

“Kalau kau tengok filem atau drama dekat Malaysia ni, set lokasi dia selalunya dia aan ambil current situation... jadi dia akan ikut zaman tersebut... rata-ratanya pengarah filem akan buat cerita ikut keadaan semasa. Jadi keadaan semasa tu adalah zaman moden jadi apa yang kita tunjuk tu memang dari zaman tersebut...”

Justeru, daripada lima karya-karya yang dikaji, hanya karya PNG 4 sahaja yang tidak meletakkan pemakaian moden memandangkan latar suasana filem tersebut adalah pada era sebelum kemerdekaan. Karya PNG 1, PNG 2, PNG 3 dan PNG 5 kesemuanya pada asasnya mengikut penggunaan kostum wanita moden dan sebahagian dari penggunaan kostum tersebut cuba disesuaikan dengan perlambangan dan mesej tentang Islam seperti karya PNG 2. PNG 5 pula meletakkan pemakaian kostum wanita kepada gaya moden dan dalam masa yang sama mewujudkan watak yang mengenakan pemakaian moden tetapi turut meletakkan pemakaian yang melambangkan Islam tetapi moden. Namun demikian, seperti pernah dinyatakan oleh PNG 5, beliau lebih mementingkan mesej dakwah dari sudut penceritaan berbanding meletakkan mesej dakwah kepada pemakaian watak wanita.

Dengan itu, secara keseluruhannya tingkahlaku moraliti dari karya-karya dikaji tidak semua dapat mewakili pemaparan tentang mesej-mesej berkaitan dengan Islam. Namun terdapat usaha dari karya-karya yang dihasilkan oleh PNG 2, PNG 3 dan PNG 5 yang cuba meletakkan mesej Islamik dan bersesuaian dengan pemakaian kostum. Selain itu juga, pemaparan dari sudut kostum ini dilihat terarah kepada pemaparan semasa dan realiti sebenar pemakaian wanita pada era moden di Malaysia. Ini merujuk kepada filem-filem yang menggunakan latar dan suasana semasa dalam cerita mereka.

Subtema pasif pula dilihat jelas wujud dalam karya-karya yang telah dikaji. Dalam membincangkan persoalan pasif terhadap pemaparan watak wanita ianya ditumpukan kepada persoalan perwatakan, aksi, gaya lakonan yang mewakili tingkahlaku watak terutamanya watak wanita. Pada asasnya kebanyakan karya yang dikaji memperlihatkan watak wanita dijadikan watak pasif. Watak pasif ini terdiri dari aksi-aksi atau gaya lakonan mewakili tindakan negatif, sifat-sifat emosi, menjadi objek, bergantung kepada watak lelaki, mangsa penipuan, menggunakan helah tertentu dan mudah berputus asa.

Pemaparan tingkah laku pasif dilihat sebagai penyesuaian yang cuba diletakkan didalam filem-filem yang dihasilkan oleh para informan dengan tujuan untuk menarik perhatian penonton. Dengan itu, secara umumnya pemaparan pasif dilihat sebagai satu bentuk tingkahlaku yang negatif dan dikaitkan dengan watak wanita. Namun demikian, pemaparan tingkahlaku pasif juga sebenarnya membantu pengarah-pengarah filem menerbitkan mesej-mesej yang bersifat dramatik kepada penonton.

Pandangan dari PNG 2 menyatakan bahawa:

“Memang dalam cerita saya rasa kena ada watak wanita yang pasif, sebab tanpa ada watak pasif mesej tentang peristiwa atau babak dalam cerita tu tak sampai. Cerita yang saya arahkan memerlukan watak wanita jadi pasif, pasif ni akan menyebabkan mesej sampai dengan jelas, contohnya kita tunjuk wanita jadi pelacur, lepas tu dia jatuh sakit disebabkan aktiviti pelacuran, jadi ini akan jadi iktibar kepada penonton”

Berdasarkan karya PNG 2 didapati watak wanita yang dipaparkan mempunyai tingkahlaku pasif. Pada asasnya watak wanita dilihat sebagai watak yang pasif dalam konteks sentiasa menerima arahan serta nasihat dari watak lelaki yang memegang watak sebagai seorang ayah. Dalam konteks ini, walaupun tingkahlaku dilihat pasif tetapi penyesuaian terhadap pemaparan Islam itu wujud terutamanya dalam mengetengahkan mesej berkenaan taat kepada ibu dan bapa. Namun demikian pada keadaan yang lain sifat pasif ini banyak menjadikan wanita sebagai mangsa kepada kejahatan watak lelaki. Namun demikian, sekiranya dilihat dari sudut mesej pengajaran kepada penonton, sikap pasif yang lain dapat dijadikan sebagai mesej yang berfungsi untuk mengajar atau mendidik penonton seperti pandangan yang dinyatakan oleh PNG 2.

Pemaparan pasif juga muncul dalam karya-karya lain filem yang dianalisis seperti watak anak perempuan dalam karya PNG 1, ini sekali lagi turut memberi mesej yang berguna dari sudut pemaparan Islam yang melihat kepada persoalan ketaatan kepada ibu bapa. Ini juga dapat dilihat dalam karya-karya PNG 3, PNG 4 dan PNG 5 masing-masing meletakkan mesej pemaparan Islam melalui sifat pasif watak wanita yang dilihat taat kepada perintah ibu bapa. Namun demikian, dari sudut tingkahlaku pasif yang lain, pemaparan wanita dilihat banyak menonjol ke arah perwatakan yang negatif. Ini terutamanya apabila watak wanita dipaparkan dalam keadaan yang beremosi. Keadaan ini dipaparkan disebabkan oleh sebab-sebab tertentu.

Karya PNG 1, PNG 2, PNG 3, dan PNG 5 banyak memaparkan tingkahlaku pasif dari sudut emosi. Ini pula banyak dikaitkan dengan watak lelaki yang menjadi punca kepada wujudnya ketidakstabilan emosi pada watak wanita. Keadaan emosi ini juga turut

mengakibatkan watak wanita pada sesetengah karya dipaparkan berakhir dengan kegagalan atau kemalangan. Ini dapat dilihat dengan jelas pada watak wanita karya PNG 2. Disebabkan kecewa dengan perlakuan watak lelaki keatasnya, akhirnya watak wanita digambarkan mengalami kemalangan dan menjadi lumpuh. Keadaan ini bermula dengan pemaparan emosi yang tidak stabil. Keadaan ini mengakibatkan wanita dipaparkan akan terjebak dalam pemaparan yang negatif.

Pemaparan tingkahlaku moraliti pasif lain seperti penggunaan helah atau menipu dilihat sebagai salah satu perwatakan pasif yang ditonjolkan oleh pengarah-pengarah filem melalui karya-karya tertentu. Karya PNG 5 terutamanya menggunakan perwatakan pasif menipu atau menggunakan helah tertentu bertujuan untuk memastikan mereka dapat bersama dengan watak lelaki. Namun demikian tidak ada sebarang mesej yang begitu kuat kepada pemaparan Islam. Namun demikian terdapat mesej yang baik apabila dirujuk kepada karya PNG 3 apabila helah bertujuan untuk memberi perlambangan kebijaksanaan terutamanya apabila watak wanita dilihat memimpin watak lelaki pada babak melakukan siasatan dalam sebuah rumah.

Subtema berikutnya turut dilihat disesuaikan dengan pemaparan Islam dari segi memaparkan mesej berkaitan kesetiaan. Karya-karya yang dikaji didapati banyak meletakkan mesej kesetiaan yang jelas terutamanya kepada hampir keseluruhan karya. Namun demikian tidak dinafikan subtema berkaitan setia ini turut wujud dalam gambaran yang negatif.

Bagi pemaparan setia yang memberi mesej pemaparan Islam yang jelas pada karya PNG 1, PNG 2, PNG 3, PNG 4 dan PNG 5 dilihat meletakkan persoalan kesetiaan diantara watak wanita pada karekter anak dan juga watak isteri. Pemaparan ini begitu jelas diletakkan kepada karya-karya yang meletakkan watak wanita sebagai anak mahupun isteri. Sebagai contoh, karya PNG 2, didapati meletakkan watak wanita pada babak awal sebagai seorang anak yang setia menjaga kedua ibu bapanya. Ini terutamanya babak yang memaparkan ibunya yang terlantar sakit. Namun demikian, kesetiaan juga dilihat menjadi punca kepada kegagalan wanita dalam filem ini selepas menjalinkan hubungan dengan watak lelaki.

Karya PNG 4, jelas meletakkan persoalan kesetiaan bukan hanya pada persoalan hubungan diantara anak dan juga ayah malah lebih daripada itu. Sikap setia juga digambarkan terhadap persoalan prinsip watak wanita apabila dia tetap menjaga maruahnya apabila cuba digoda watak lelaki. Selain itu, watak wanita dalam karya PNG 4 juga dilihat setia dalam memperjuangkan persoalan perjuangan terhadap bangsa dan tanah air. Kedua-dua mesej ini dilihat cuba disesuaikan dengan pemaparan Islam. Pandangan karya PNG 4 turut menyatakan bahawa dalam memperjuangkan tentang kemerdekaan dan perjuangan negara bangsa juga merupakan sebahagian dari nilai yang diterapkan oleh agama Islam. Beliau berpandangan bahawa:

“Walaupun filem saya genrenya adalah patriotisme, tetapi persoalan agama itu tidak dapat disampingkan. Sebab, bila kita bincang tentang persoalan memperjuangkan kemerdekaan, kedaulatan negara, ini juga merupakan tuntutan dalam agama kita...”

Secara keseluruhannya, pemaparan Islam dalam karya-karya filem yang dianalisis memerlukan kepada penelitian yang mendalam. Ini kerana pemaparan Islam yang ditonjolkan dalam kelima-lima karya tersebut wujud dalam bentuk mesej dalam penceritaan. Dari segi penampilan watak wanita pula ianya dilihat tidak ditekankan oleh pengarah-pengarah filem. Namun, dari segi tingkahlaku watak, pengarah-pengarah filem masih menyelitkan mesej-mesej secara implisit. Namun demikian, walaupun terdapat pemaparan-pemaparan yang tidak melambangkan pemaparan Islam, ianya masih lagi mempunyai fungsi dari segi melengkapkan mesej cerita. Fungsi ini didapati bertujuan untuk menyampaikan mesej kepada penonton sebagai pengajaran kepada mereka.

4.5 Temu Bual Mendalam

Seramai lima orang pengarah filem telah ditemu bual dalam kajian ini. Temu bual ini mengambil masa selama empat bulan untuk disiapkan. Daripada lima orang pengarah-pengarah filem, sebahagian dari mereka terdiri daripada penerbit filem yang memiliki syarikat penerbitan filem mereka sendiri. Selebihnya merupakan pengarah filem yang bergantung kepada syarikat-syarikat penerbitan filem swasta atau kerajaan. Dapatan kajian akan dibincangkan dengan terperinci seperti di bawah.

4.5.1 Analisis Tematik

Data yang diperolehi daripada temu bual mendalam yang mengambil masa selama hampir 4 bulan telah di transkrip. Terdapat lebih dari 100 pernyataan yang telah diperolehi hasil dari transkrip yang telah dilakukan. Daripada jumlah pernyataan tersebut, kajian dibantu melalui penggunaan perisian Nvivo versi 8 bertujuan

membantu menyelaras tema-tema yang dibentuk berdasarkan pernyataan yang diperolehi dari data mentah iaitu transkrip para informan.

Tema dibentuk berdasarkan pengkodan awal yang telah dibina bagi menjawab matlamat kajian pertama kajian ini. Tema-tema utama tersebut dibina berpandukan teori-teori tertentu terutamanya teori artikulasi budaya yang diperkenalkan oleh Du Gay dan Stuart Hall (1997). Setiap pernyataan yang diperolehi akan diteliti dan dikelaskan kepada tema-tema yang telah dibentuk. Selain itu, sub-subtema juga telah dibentuk berdasarkan analisis tematik yang telah dilakukan terhadap data-data transkrip berdasarkan temu bual mendalam. Antara contoh-contoh pernyataan yang diperolehi dapat dilihat pada jadual 4 di bawah. Iaitu tema-tema utama yang dapat dilihat berkait rapat dengan pernyataan dari informan-informan yang telah dipilih sebagai partisipan kajian ini.

Tema-tema utama di bawah membincangkan secara umum berkenaan asas pemikiran informan-informan yang merupakan Pengarah Filem Melayu berkaitan dengan tajuk kajian. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, terdapat tiga tema utama yang dikeluarkan hasil dari persoalan kajian dan objektif kajian oleh penyelidik. Secara ringkasnya, objektif kajian dan persoalan kajian yang di bentuk menjadi tema adalah seperti berikut:

Jadual 1.5

Beberapa contoh pernyataan dari tema-tema utama

<i>Pernyataan Informan</i>	Tema Utama
<i>Namun saya tak nafikan disini bahawa penekanan Islam di negara ni pun sebenarnya adalah sederhana. Jadi sesuailah kalau kita tonjolkannya dalam bentuk yang sederhana. Sederhana disinilah yang saya ambil pendekatan dalam cerita saya iaitu tonjolkan isu yang melibatkan kekeluargaan.</i>	Ideologi Pemahaman Islam dan Pemahaman Pemaparan Tema-tema
<i>Kesedaran yang wujud ni...bagi saya memang ada kena mengena dengan polisi dari pihak kerajaan dan juga termasuk hal suasana politik setempat yang berlaku di Negara kita... Bagi saya memang ada kesannya secara kita tak sedar. Memang dia tak sampai ke adalam dunia perfileman, tetapi kalau dah suasana politik yang dijadikan isu maka lama-</i>	Islam dan Kerajaan, Filem dan Kerajaan, Islam Sederhana, Kekeliruan Islam, Kawalan Islam, Polisi Tidak Jelas, Perbezaan

kelamaan dia akan mempengaruhi juga cerita yang Institusi. Kemahiran Ilmu
dibina dalam filem... agama

*Tetapi saya tak lihat bahawa kerajaan
menyumbangkan kepada berlakunya perkembangan
trend Islamik dalam filem-filem dekat Malaysia ni..
Cumanya yang saya nampak **kerajaan** cuba
menginstituisikan saja beberapa agensi dan juga
syarikat-syarikat berkonsepkan **Islam***



UUM
Universiti Utara Malaysia

4.6 Analisis Temu Bual: Pemahaman Ideologi dan Pemaparan Islam

Berdasarkan proses temu bual yang telah dijalankan terhadap lima informan yang merupakan pengarah filem di Malaysia, dengan menggunakan tema-tema yang dibentuk berdasarkan teori artikulasi budaya kajian telah membentuk lima tema utama yang terdiri daripada Produksi, Konsumsi, Identiti, Kawalan dan Pemaparan. Berdasarkan tema utama tersebut maka terdapat beberapa sub-subtema yang dilihat wujud berada dibawah tema-tema utama yang dinyatakan tadi.

Di bawah tema Produksi, sub-subtema yang diperolehi adalah Patuh Syariah dan Islam Popular, manakala dibawah tema utama Konsumsi, sub-subtema adalah berkaitan Polisi Tidak Jelas, Perbezaan Institusi, Kekeliruan Islam dan Kemahiran Ilmu Agama. Bagi tema utama berkaitan Kawalan pula, terdapat dua subtema iaitu Filem Kerajaan dan Islam Kawalan. Manakala, subtema di bawah Identiti adalah Islam Sederhana dan Melayu-Islam. Tema utama dibawah Pemaparan, mempunyai lima subtema iaitu Adat-Budaya, Fizikal, Popular Islam, Sub Pemaparan dan Elemen Asas.

4.6.1 Produksi

Di bawah tema ini kajian mendapati bahawa setiap produksi yang dihasilkan oleh pengarah-pengarah filem amat bergantung dengan permintaan dan kehendak pasaran. Justeru, kebanyakan informan yang ditemu bual menyatakan bahawa aktiviti menerbitkan filem terutamanya di Malaysia bergantung kepada kehendak penonton dan pasaran dalam menentukan jenis karya yang dapat dipasarkan. Namun demikian pengarah-pengarah yang ditemu bual menyatakan bahawa dalam memahami kehendak

penonton dan pasaran ini juga ianya terpaksa melalui proses memilih karya yang dirasakan dapat memenuhi selera penonton. Dengan itu, pengarah-pengarah filem yang ditemu bual pada asasnya mengakui bahawa tidak ada satu kriteria yang spesifik dalam menentukan pemilihan sesuatu karya dipilih sebagai karya yang akan diterbitkan. Ini berdasarkan pandangan PNG 5 yang menyatakan bahawa:

“Proses kita nak terbitkan cerita ini sebenarnya bergantung pada keberanian dan keyakinan seorang penerbit. Kalau penerbit rasa yakin dengan cerita kita dia akan terbitkan cerita tu... tapi dari segi cerita apa tu biasanya dia tak ada standard yang very clear... Cuma kita dapat tahu orang suka cerita macam mana berdasarkan minat-minat cerita-cerita yang lepas..”

Selain itu, dalam proses produksi ini juga, didapati seorang pengarah filem yang hanya mengarahkan filem dan tidak berfungsi sebagai seorang penerbit dilihat amat bergantung kepada kehendak penerbit dalam menentukan filem yang akan diterbitkan. Justeru dalam proses ini pengarah yang tidak mempunyai kuasa untuk menerbitkan filem dan tidak mempunyai kebebasan dalam menentukan karya apa yang boleh diterbitkannya. Pandangan ini dinyatakan oleh PNG 3 yang mempunyai pengalaman menjadi seorang pengarah dan dalam masa yang sama menjadi seorang penerbit. Beliau menyatakan bahawa:

“Berbeza kalau seorang pengarah yang tidak menjadi penerbit dalam masa yang sama. Sebab seorang pengarah kalau dia tidak jadi penerbit, dia akan bergantung dengan seorang penerbit dalam menentukan karya apa yang akan diarahkannya... Dulu saya pernah bergelar seorang pengarah sahaja. Jadi dalam soal ni kuasa nak menentukan cerita apa yang saya nak terbitkan amat terhad. Tapi kalau dalam keadaan

sekarang saya lebih mudah menentukan cerita apa yang saya rasa boleh dipasarkan...”

Terdapat juga pandangan yang menjelaskan bahawa dalam menentukan penerbitan filem di Malaysia ianya bergantung kepada trend cerita dan juga genre-genre tertentu yang berkait rapat dengan persoalan popular. Justeru, setiap filem yang diterbitkan pada asasnya memerlukan kepada populariti dan trend semasa cerita yang diterbitkan. Dengan itu, persoalan tentang produksi ini dapat dijelaskan dengan lebih mendalam berdasarkan sub-subtema yang berada dibawah produksi.

Dalam membincangkan tentang tema di bawah produksi, perkaitan antara trend cerita banyak ditekankan oleh pengarah-pengarah filem. Ini terutamanya apabila pengkaji mengaitkan persoalan pemaparan wanita dalam filem dengan ideologi Islam yang berada di Malaysia. Pada asasnya, kebanyakan pengarah-pengarah filem meletakkan trend cerita patuh syariah sebagai salah satu sistem cerita. Terdapat pengarah filem yang berpandangan bahawa dalam memahami tentang pemaparan wanita dan juga perkaitannya dengan Islam, ianya berada dibawah sistem genre. Justeru kedua-dua pandangan ini menjurus kepada persoalan patuh syariah.

Patuh syariah pada pandangan pengarah-pengarah filem adalah satu bentuk garis panduan yang membolehkan sebarang pemaparan yang bersifat Islamik dihasilkan oleh pengarah-pengarah filem. Dengan itu, dalam menentukan produksi berbentuk pemaparan Islam terhadap watak wanita maka ianya disesuaikan dengan genre, atau trend cerita bersifat patuh syariah. Pandangan PNG 1 menyatakan bahawa:

“Biasanya kalau cerita-cerita yang mempunyai unsur-unsur dakwah ni kita akan mengaitkannya dengan patuh syariah. Memang wujud cerita-cerita dibawah konsep patuh syariah ni di Malaysia. Tetapi tak semua yang ikut trend ni kecuali ada permintaan dari syarikat produksi..”

Dari segi permintaan dan juga pasaran filem berbentuk patuh syariah ini pula, kajian mendapati ianya tidak mempunyai kesan langsung dari saranan oleh pihak kerajaan untuk menerbitkan filem tersebut. Namun kajian mendapati bahawa dalam proses produksi filem yang memaparkan watak wanita pada pemaparan Islamik biasanya akan diwujudkan sekiranya diperlukan bagi tujuan untuk musim-musim tertentu seperti sambutan Hari Raya, Maal Hijrah serta Maulidurasul. Ini juga dilihat bergantung kepada kehendak industri terutamanya syarikat televisyen. PNG 2 memberi pandangan bahawa:

“Pengalaman saya, kerajaan tak pernah ganggu kita dalam menerbitkan filem jenis apa, kecuali kalau kita langgar undang-undang tu lainlah... cumanya bila cakap tentang filem Islamik ni.. dia bermusim.. dan yang akan minta kita terbitkan tu adalah syarikat tv... jadi dalam kes ni syarikat tv yang akan minta kita buat itu pun untuk masa-masa tertentu saja... macam waktu raya, atau ada sambutan hari keagamaan...”

Terdapat juga pengarah-pengarah filem yang membincangkan tentang konsep patuh syariah dalam konteks pemaparan wanita dari sudut penampilan wanita. PNG 3 dan PNG 5 berpendapat, dari segi penampilan wanita, konsep patuh syariah tidak semestinya memerlukan watak wanita tersebut menggayakan kostum yang benar-benar menutup aurat tetapi konsep patuh syariah hanyalah memberi gambaran tentang pemaparan Islam yang asas dan tidak mempamerkan kostum yang menjolok mata. Kedua-dua pengarah menyatakan pandangan bahawa:

“Bila kita kata pemaparan wanita dalam patuh syariah ni, dia bukan semestinya wanita kena berjubah, bertudung dua puluh empat jam... tidak... dia bukan itu... dia sebenarnya lebih bersifat sederhana... tak nak ada pemaparan yang terlampau menjolok mata...”

“Filem patuh syariah ni you kena tengok dari segi cerita dia... mesej dia... bukan hanya cerita perempuan bertudung... patuh syariah ni dia bukan semestinya dari awal sampai habis tunjuk perempuan kena tutup aurat.. tidak.. dia hanya panduan untuk kita terbitkan filem yang lebih bersopan....”

Patuh syariah juga dilihat hanya menumpukan kepada penceritaan berbanding penampilan watak didalam filem. PNG 4 memberi pandangan bahawa filem patuh syariah tidak terikat dengan hukum yang begitu ketat dari sudut pemaparan watak. Ini kerana bagi beliau, persoalan penceritaan merupakan fokus utama dalam memastikan filem tersebut diletakkan dibawah konsep produksi filem patuh syariah.

Terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa patuh syariah membenarkan pemaparan wanita ditonjolkan dalam penampilan sederhana dari segi penampilan bergantung pada jalan cerita yang dihasilkan. Sekiranya wujud pemaparan yang dilihat tidak sesuai dengan konsep tersebut kadang kala masih lagi dipaparkan memandangkan ianya mempunyai elemen pengajaran. PNG 1 dan PNG 5 dilihat mempunyai pandangan yang hampir sama dalam konteks tersebut. Menurut beliau:

“Patuh syariah dia tak semestinya kena tonjol perempuan purdah... tetapi dia tonjolkan watak sesuai dengan jalan cerita dia.. sebab dalam filem patuh syariah ni dia ada elemen menasihati dan pengajaran kepada

penonton... jadi dia tak boleh lari dari tonjolkan watak orang buat dosa.. orang buat dosa tak akan pakai kopiah atau purdah itu tak lojik...”

“Sebenarnya perkara yang jahat juga akan dipaparkan dalam filem patuh syariah... sebab ini ada elemen pengajaran kepada penonton... jadi dia terpulang kepada cerita yang diterbitkan... sebab kalau kita nak sedarkan orang tentang sesuatu kejahatan kita kena tunjuk babak tentang kejahatan tu.. cumanya masih lagi tidak melampau...”

Dalam membincangkan subtema berkaitan Islam popular pula, ianya dilihat berkait rapat dengan trend cerita yang menjadi pilihan terutamanya penerbit dan syarikat filem. Dengan itu ianya sekali lagi menekankan kepada persoalan pemasaran serta kehendak penonton pada masa-masa tertentu. Kajian mendapati bahawa produksi yang menerbitkan filem yang mempunyai pemaparan wanita dalam pemaparan Islam banyak bergantung kepada sejauhmana populariti cerita keagamaan ini diangkat dalam industri perfileman negara.

Selain itu, kajian mendapati bahawa trend cerita yang meletakkan persoalan Islam sebagai satu bentuk produksi yang popular juga tidak jelas. Kajian mendapati galakan daripada pihak berkuasa tidak wujud dalam mewujudkan sesuatu cerita terutamanya cerita keagamaan sebagai cerita yang perlu dipopularkan. Namun demikian, biasanya produksi berkaitan keagamaan ini dilihat menjadi popular disebabkan wujudnya pasaran-pasaran cerita pada musim perayaan. Selain itu, faktor pengaruh dari filem-filem Indonesia dan negara-negara jiran yang lain menyebabkan terdapat penggiat filem tempatan turut cuba menerbitkan berdasarkan populariti tersebut.

PNG 4 memberi pandangan tersebut dengan mengatakan bahawa:

“Filem ni dia sangat bergantung pada pasaran. Pasaran ni kena tengok pada permintaan.. filem agama biasanya mendapat tempat pada musim tertentu terutamanya musim hari raya.. terutamanya raya haji... sebab tu ada saja drama dan filem yang guna tema pengorbanan misalnya ya.. jadi musim itu filem ni akan jadi popular.”

“Ledakan dari populariti karya dari negara jiran juga memainkan peranan dalam mempengaruhi filem kita cuba terbitkan file ala-ala keagamaan. Misalnya di Indonesia mereka berjaya terbitkan filem adaptasi Ayat-ayat Cinta... sambutan dari negara jiran menggalakkan, jadi kita juga rasa ini satu market baru dalam industri...”

Walaupun faktor pengaruh negara jiran serta trend pasaran dan permintaan banyak dikatakan sebagai punca kepada wujudnya cerita yang mempopularkan tentang Islam, terdapat pengaruh-pengaruh filem yang melihatkan bahawa populariti berkaitan agama Islam wujud di atas faktor kesedaran pengaruh untuk menyampaikan mesej dakwah walaupun karya yang diterbitkan dan diarahkan bukan dibawah filem-filem patuh syariah. Pandangan ini dikongsi oleh PNG 1 dan PNG 5 apabila menyatakan bahawa seorang pengaruh mempunyai tanggungjawab yang penting dalam menyebarkan mesej tentang kebaikan. Ini menurut mereka bahawa:

“Sebagai seorang manusia yang beragama Islam, sedikit sebanyak saya ada kesedaran untuk memberi mesej yang ada unsur dan nilai agama. Melalui filem saya dapat ekspresi perasaan tu. Jadi kalau bukan kita yang akan mengangkat nilai dan mesej yang baik dalam filem yang kita hasilkan siapa lagi?”

“Semasa saya hasilkan filem saya ni memang saya ada niat nak tonjolkan dakwah.. walaupun karya ni komedi keluarga tapi saya tetap

akan selitkan mesej-mesej dakwah itu adalah salah satu cara yang terbaik sebenarnya untuk kita berdakwah..”

Secara keseluruhannya, dibawah tema produksi, persoalan pemaparan wanita dalam konteks ideologi Islam harus dilihat kepada persoalan permintaan dan pasaran yang membolehkan filem tersebut menerbitkan filem yang mempunyai pemaparan wanita mengikut ideologi Islam. Selain itu juga persoalan popular juga perkara yang begitu penting dalam memastikan produksi yang dapat menerbitkan pemaparan wanita benar-benar dapat dipaparkan. Selain itu dari segi kuasa, produksi juga harus dilihat samada seorang pengarah juga merupakan seorang penerbit. Produksi yang dapat menerbitkan pemaparan wanita yang mempunyai ideologi Islam juga dilihat jelas diletakkan dibawah trend cerita atau sistem genre patuh syariah.

4.6.2 Konsumsi

Dari segi konsumsi, pemaparan wanita dalam konteks pemaparan Islam memberi penekanan kepada penerimaan ideologi Islam dikalangan pengarah-pengarah filem yang ditemu bual. Berdasarkan kepada data yang diperolehi dari temu bual, terdapat beberapa sub-subtema yang wujud dan dapat menerangkan sejauh mana penggunaan idea-idea berkaitan Islam dapat dilaksanakan dalam memaparkan watak wanita dalam filem. Sub-subtema tersebut adalah berkait rapat dengan Polisi Tidak Jelas, Perbezaan Institusi, Kekeliruan Islam dan Kemahiran Ilmu Agama.

Terdapat informan yang berpendapat bahawa dalam menerbitkan filem yang ada unsur Islamik ini tidak dapat dilakukan dengan baik memandangkan pihak kerajaan tidak menyediakan satu platform yang jelas terutamanya dalam meletakkan polisi pemaparan

filem yang mempunyai nilai atau elemen Islam. Ini dinyatakan oleh informan PNG2 iaitu:

“Tak de lagi lah... dia baru mula dulu JAKIM buat masa saya bagi talk... itu FDAM dengan JAKIM itulah usaha yang paling pertama film patuh syariah kemudian UIA nak buat dan perkataan syariah itu sudah mula ada... JAKIM dan FDAM yang mulakan tetapi terhenti.”

Ini juga menunjukkan bahawa polisi yang wujud dalam soal meletakkan polisi berkaitan Islam dalam filem masih lagi dilihat sebagai satu usaha baru. Namun, ianya dilihat terhenti dan menunjukkan bahawa polisi berkenaan Islam dalam industri perfileman tidak dijadikan satu bentuk polisi yang berterusan dalam industri perfileman negara.

Dalam memahami pemaparan wanita dalam pemaparan Islam dikalangan pengarah filem, kajian mendapati bahawa kesukaran untuk menerbitkan sebarang filem yang dapat memaparkan wanita dalam keadaan benar-benar mengikut ideologi Islam di Malaysia adalah disebabkan polisi yang tidak jelas dalam menetapkan garis panduan tersebut. Polisi yang ditekankan juga bagi pandangan pengarah-pengarah filem hanya diletakkan sebagai dasar utama tanpa merujuk kepada industri perfileman negara. PNG 2 dan PNG 3 memberi pandangan bahawa:

“Polisi berkenaan Islam pada asasnya banyak menumpukan kepada dasar-dasar kerajaan yang tidak berkait rapat dengan dunia perfileman... saya tak pastilah kalau ada satu polisi yang jelas dalam industri...”

PNG 4 pula memberi pandangan bahawa pihak kerajaan melalui dasar-dasar Islam banyak menumpukan kepada perkara-perkara yang melibatkan pendidikan, ekonomi dan juga kesihatan dan dilihat tidak fokus kepada perkara yang berkaitan dengan kesenian. Justeru, ini mengakibatkan penggiat-penggiat filem tidak begitu terpengaruh dengan sebarang idea yang berkait rapat dengan Islam. Namun demikian, PNG 5 mengatakan bahawa walaupun tidak ada sebarang polisi yang jelas diletakkan oleh kerajaan terhadap industri filem, beliau berpendapat bahawa polisi yang disarankan oleh kerajaan dalam sistem pentadbiran harus diterima oleh pihak industri sebagai sebahagian daripada polisi dalam industri perfileman negara. Beliau menyatakan bahawa:

“Walaupun memang polisi tu tak jelas, tapi kalau kerajaan dah buat satu polisi macam Islam Hadhari, kita kena fikir dan cuba sesuaikan polisi dalam industri kita. Sebab kita sebenarnya dalam industri berada dibawah sistem kerajaan jadi kita kena ikut polisi tu...”

Perkara yang mengakibatkan polisi tidak jelas berkenaan ideologi Islam juga dapat dikaitkan dengan subtema seterusnya iaitu wujudnya pengasingan dan perbezaan institusi diantara institusi perfileman dan juga keagamaan. Ini dilihat menyukarkan sebarang kesedaran terhadap menerbitkan sebarang filem yang berunsurkan Islam. Ini juga mengakibatkan pemaparan wanita tidak diberikan fokus yang spesifik terhadap pemaparan Islam.

Kajian mendapati bahawa kelima-lima pengarah filem bersetuju mengatakan bahawa badan-badan perfileman atau institusi-institusi perfileman negara tidak mempunyai bahagian khas dalam menguruskan persoalan yang berkaitan dengan keagamaan dan kebudayaan. Ini menjadi alasan kepada kurangnya perhatian dan pendedahan penggiat

industri filem untuk mendalami sebarang karya yang berbentuk keagamaan. Ini akhirnya mengakibatkan pemaparan wanita dalam pemaparan Islam tidak mendapat perhatian yang khusus. Selain itu, terdapat pandangan dari pengarah filem yang menyatakan bahawa persoalan keagamaan hanya akan dirujuk sekiranya berlaku situasi tertentu terutamanya krisis pemaparan yang memerlukan cerita tersebut ditapis atau disemak diperingkat lembaga penapisan filem. PNG 3 mempunyai pengalaman dan menyatakan bahawa:

“Saya pernah dipanggil untuk menyemak semula beberapa babak dalam cerita saya yang dikatakan mempunyai unsur syirik. Babak tahyul jugak pernah lembaga penapisan tegur. Itu pun sebab kerajaan pada masa tu tegur tentang isu tahyul dalam filem.”

Dengan itu ianya menjelaskan bahawa sebarang isu yang diketengahkan oleh kerajaan sahaja yang biasanya akan dirujuk dan akan dibawa kepada institusi yang lain bagi mendapatkan rujukan dan pandangan. Ini menjelaskan bahawa institusi yang membangunkan industri filem masih lagi bergantung dengan institusi lain yang tidak khusus menjaga industri perfileman terutamanya dari sudut mengawal sebarang penerbitan keagamaan.

Dalam keadaan tersebut maka didapati bahawa pembangunan cerita-cerita yang berlatarkan keagamaan tidak dapat diterbitkan dengan berkualiti. Perbezaan institusi keagamaan dan pengasingan institusi ini dari bidang perfileman juga turut mengakibatkan pengarah-pengarah filem hanya menumpukan kepada persoalan

populer dan komersial semata-mata tanpa memikirkan persoalan tanggungjawab sosial yang lain. PNG 1 menegaskan perkara ini bahawa:

“Bila pihak institusi pembangunan filem macam FINAS tidak ada satu bahagian khas tentang agama jadi kita sebagai penggiat filem hanya akan menumpukan kepada persoalan komersial sajalah. Dorongan dari pihak pembangunan filem ni penting dalam memastikan arah tuju apa yang kita akan buat...”


PNG 4 pula menegaskan bahawa sekiranya ada inisiatif dari pihak penerbit dan pengarah filem untuk menerbitkan cerita keagamaan atau ketuhanan maka biasanya mereka akan hanya bersandarkan kepada pengalaman dan citarasa sendiri kerana sukar untuk mendapatkan rujukan oleh institusi keagamaan memandangkan tidak ada satu bahagian yang spesifik yang dapat dirujuk bagi tujuan untuk mendapatkan sebarang pencerahan. Menurut beliau:

“Kalau ada usaha pun...kita susah nak cari pakar untuk kita rujuk. Sebab orang agama tu memang ada tapi dalam kes filem ni rasanya dia kena ada orang yang memang khas pakar dalam menentukan apa yang boleh dan tak boleh mengikut hukum agama... lagi satu kita sebenarnya kadang tak ada masa untuk pergi jumpa atau cari mereka...”

Di bawah tema konsumsi ini juga kajian mendapati persoalan pemaparan wanita dalam ruang pemaparan Islam sukar untuk dihasilkan bukan hanya disebabkan perbezaan institusi. Kesan yang wujud dari perbezaan institusi ini bukan hanya menyebabkan tidak ada inisiatif dari pengarah filem untuk menghasilkan cerita yang mempunyai pemaparan Islam. Tetapi, pengarah-pengarah filem yang ditemu bual berpandangan mereka berada dalam keadaan yang terkeliru dari segi menerbitkan pemaparan Islam

termasuk dalam soal memaparkan wanita. Keadaan ini berlaku oleh kerana mereka mempunyai pandangan tersendiri tentang persoalan agama ini terutamanya dalam konteks penggunaan kostum yang sesuai apabila mengarah cerita yang berlatarkan Islam. Persoalan kekeliruan tentang agama Islam juga merupakan subtema yang jelas wujud berdasarkan data temu bual bersama pengarah-pengarah filem.

PNG 2 berpandangan bahawa dari segi pemakaian dilihat tidak menjadi perkara yang penting dalam menerbitkan cerita berlatarkan keagamaan. Bagi beliau filem perlu mementingkan jalan cerita serta mesej balasan terhadap dosa berbanding meletakkan pemaparan secara fizikal terhadap wanita. Beliau menyatakan bahawa:



“Saya tak rasa tunjuk orang pakai tudung tu sudah lengkap nak bagi tau ini cerita Islam. Tak boleh hanya tunjuk perempuan bertudung saja.. Dia yang penting pengajaran macam orang buat dosa lepas tu kena balasan yang setimpal dengan dosa haaa.. itu saya rasa mesej Islam lebih jelas...”

Kekeliruan terhadap agama Islam juga dapat dilihat berdasarkan pandangan pengarah-pengarah filem ketika memberi contoh-contoh tentang hukum jenayah yang berkaitan dengan Islam. Ini sekali lagi begitu jelas dapat difahami berdasarkan pandangan PNG 2 yang memberi contoh berkenaan hukum sula dalam filem yang pernah diarahkan oleh P. Ramlee iaitu *semerah padi*. Bagi beliau, filem tersebut telah berjaya menerbitkan satu bentuk filem Islamik pada zaman tersebut.

Dalam soal pemakaian yang menutup aurat juga didapati beberapa pengarah-pengarah filem mempunyai kontradiksi yang jelas. Ini dapat dilihat perbezaan pandangan diantara pengarah PNG 2 dan PNG 3. Bagi PNG 2, pemakaian tudung ini kadang-kala tidak dilihat oleh seorang artis sebagai satu bentuk arahan agama. Sebaliknya, tudung adalah satu bentuk trend fesyen yang menjadi budaya.

Bagi PNG 3 pula, beliau mengakui bahawa menutup aurat bagi wanita adalah dengan mengenakan tudung. Namun bagi beliau, ianya adalah persoalan hak seseorang individu. Ini termasuk dalam situasi mengenakan kostum terhadap pelakon dalam memaparkan sebarang watak wanita didalam filem. Dengan itu jelas melitinkan bahawa wujud kekeliruan tentang hukum Islam terhadap wanita diantara sesetengah pengarah filem yang ditemu bual.

PNG 1 pula berpandangan bahawa kekeliruan tentang agama Islam terjadi bukan hanya disebabkan pentafsiran yang wujud dikalangan pengarah filem. Tetapi ianya juga wujud dari sudut pemahaman terhadap konsep patuh syariah yang selalu dikaitkan dengan penerbitan filem-filem berlatarkan Islam. Menurut beliau:

“Kalau kita lihat pada patuh syariah, masing-masing ada idea dan pandangan masing-masing.. ada yang lihat patuh syariah ni pada bentuk cerita, maknanya kalau kita buat cerita ada tunjukkan tentang berdoa, solat atau tentang orang dah bertaubat itu sudah cukup untuk kita katakana patuh syariah...”

PNG 1 juga turut menjelaskan pandangannya yang tersendiri tentang patuh syariah dengan menerangkan bahawa ianya bukan melibatkan cerita dalam filem semata-mata. Malah, patuh syariah juga perlu mengambil kira keseluruhan aktiviti penerbitan filem tersebut. Dengan itu, PNG 1 meletakkan proses penghasilan sesebuah filem juga harus diambil kira dalam menentukan samada filem tersebut berada dibawah sistem patuh syariah atau sebaliknya.

Namun demikian, berdasarkan analisis temu bual ini, kajian mendapati kebanyakan pengarah filem memahami konsep patuh syariah sebagai satu bentuk cerita yang mempunyai mesej pengajaran serta pemaparan watak termasuk watak wanita dalam gaya yang bersopan, sederhana dan tidak melanggar batasan budaya ketimuran. Perkara ini dapat difahami dengan jelas berdasarkan pandangan PNG 5 yang menerangkan bahawa:

“Patuh syariah ni macam mana? Dalam filem ni sebab kita tak boleh kata kita buat filem Islam, sebab Islam tu dia merujuk pada agama dan ibadat tertentu. Jadi filem kita tak boleh letak dia sebagai filem Islam. Sama macam kita makan makanan halal. Kita tak kata kita makan makanan Islam. Jadi untuk nak gambarkan filem tu adalah filem Islam jadi kita istilahkan dia sebagai filem patuh syariah. Dan filem patuh syariah ni dia bukan hanya tengok pada orang perempuan kena berjubah berpurdah tak.. dia juga harus tengok pada story development itu lagi penting..”

Berdasarkan keadaan ini maka wujud dua pemahaman asas terhadap konsep patuh syariah didalam filem. Pertama, patuh syariah dilihat merangkumi segala proses penerbitan filem termasuk pembinaan cerita didalam filem. Manakala, pandangan lain

pula melihatkan bahawa dengan hanya menitik beratkan pembinaan cerita yang mempunyai unsur keagamaan sudah memadai untuk diiktiraf sebagai sebuah filem patuh syariah.

Berdasarkan keadaan ini juga kajian mendapati bahawa dalam menerbitkan pemaparan wanita dalam bentuk pemaparan Islam, subtema berkaitan kemahiran agama Islam turut menjadi faktor yang penting dalam memahami bagaimana seseorang pengarah tersebut menggunakan latar agama dalam memaparkan tentang watak wanita.

Dalam menerbitkan pemaparan wanita dari sudut keagamaan, kebanyakan pengarah-pengarah filem mengakui bahawa kemahiran dan pemahaman ilmu agama adalah salah satu perkara penting. PNG 4 mendapati bahawa dalam memahami keperluan penceritaan dalam filem Melayu, salah satu perkara yang dilihat kurang ditekankan adalah berkenaan filem-filem yang berkaitan ketuhanan. Beliau juga menegaskan bahawa kekangan yang jelas wujud di kalangan pengarah dan penerbit filem adalah mendalami ilmu berkaitan keagamaan. Menurut beliau:

“Pada awalnya saya mengarah filem, konsep cerita saya hanya melihat tentang pertentangan diantara budaya timur dan budaya barat. Namun setelah saya terdedah dengan filem-filem dari Iran, saya baru tersedar bahawa filem kita juga perlu meletakkan persoalan ketuhanan. Cumanya saya rasa dah terlambat dari segi kesedaran... sebab kita kena belajar dengan mendalam tentang agama baru kita faham tentang ketuhanan...”

PNG 1 juga turut mempunyai pandangan yang sama dengan PNG 4. Beliau menyatakan bahawa sebagai seorang yang menganut agama Islam, sepatutnya ilmu berkenaan

agama Islam menjadi perkara yang harus ada pada setiap pengarah filem. Dengan itu ianya akan membantu pengarah-pengarah filem memahami fungsi menerbitkan filem bukan hanya sekadar hiburan semata-mata. Namun, beliau mengakui bahawa perkara ini tidak semua pengarah-pengarah filem mempunyai kesedaran dan ianya merupakan hak inisiatif masing-masing. Beliau menyatakan bahawa:

“Sebenarnya, sebagai seorang Islam kita kena tahu tentang ilmu agama kita. Bagi saya ini merupakan kesedaran yang sangat penting. Kerana kita sebagai seorang pengarah harus mempunyai ilmu agama yang dapat kita hasilkan sebuah karya yang ada mesej tentang keagamaan...”

Dengan itu, kajian mendapati bahawa faktor kemahiran ilmu agama adalah salah satu sebab yang menentukan samada seseorang pengarah dapat memahami pemaparan wanita dalam konteks ideologi Islam. Kemahiran ilmu agama juga didapati kurang diberi pendedahan oleh pengarah-pengarah filem memandangkan mereka hanya terdedah kepada kemahiran menerbitkan filem secara teknikal. Mereka juga dilihat terpengaruh dengan trend komersial filem-filem barat. Ini akhirnya mengakibatkan pendedahan terhadap perkara yang berkaitan keagamaan tidak diberi perhatian.

PNG 3 memberi pandangan bahawa:

“Saya belajar mengarah filem... saya tidak ada peluang untuk mendalami ilmu agama... sebab dalam dunia perfileman kita banyak terdedah dengan budaya lain. Kita kena ikut trend. Industri filem ni dia bersifat komersial jadi ilmu kami ikut pengalaman kami dalam dunia perfileman. Realitinya itu adalah industri filem di Malaysia...”

Justeru, pemaparan wanita yang wujud dalam karya-karya filem yang dikaji dilihat menggambarkan tahap kemahiran ilmu agama yang ada dikalangan pengarah-pengarah filem. Kajian mendapati pengarah-pengarah filem yang ditemu bual mengakui bahawa tahap ilmu agama yang sederhana mengakibatkan pengarah-pengarah filem menerbitkan filem yang mudah dan tidak menekankan tema persoalan agama yang begitu berat. Perkara ini juga jelas memberi kesan kepada sebarang penerbitan dan pemaparan watak wanita. Ini diakui oleh PNG 5 dengan mengatakan:

“Kalau seseorang pengarah tu dia tak ada kemahiran dan minat yang mendalam tentang soal agama atau ketuhanan, itu akan jadi masalah kepada mereka. Apa yang ada dalam diri mereka dari segi pengalaman dan ilmu jadi itu sajalah yang akan mereka gunakan untuk nak hasilkan filem dan nak bentuk atau bina watak apa sekalipun...”

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa subtema yang dapat membantu kajian ini memahami sejauh mana pemaparan watak wanita dalam filem dibentuk. Ini terutamanya dalam memahami penerimaan mereka terhadap pemaparan berbentuk Islam. Persoalan berkaitan polisi tidak jelas dari segi saranan serta hukum menerbitkan filem serta ditambah pula perbezaan dan pengasingan institusi keagamaan dan kesenian dilihat punca asas terhadap menerbitkan filem yang bertemakan keagamaan. Disamping itu pula, faktor kekeliruan yang berkait dengan hal keagamaan disebabkan pandangan dan fahaman yang berbeza turut menjadi faktor sejauh mana pengarah-pengarah filem ingin menerbitkan filem yang mempunyai pemaparan Islam. Faktor kemahiran dalam bidang keagamaan juga dilihat faktor yang menjadi cabaran dalam menerbitkan makna dalam pemaparan wanita.

4.6.3 Identiti

Dalam membincangkan tema berkenaan identiti, kajian ini mendapati terdapat hubungkait diantara tema tersebut dan tema konsumsi. Ini kerana secara umumnya, persoalan berkaitan identiti dilihat wujud berdasarkan proses kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi oleh seseorang pengarah filem dalam menentukan apakah kecenderungan karya yang akan dilahirkan oleh mereka. Dengan itu, filem yang dihasilkan oleh mereka akan membentuk identiti mereka. Ini lahir daripada pengalaman serta pengaruh sekeliling mereka.

Terdapat dua subtema yang jelas diperolehi berdasarkan analisis temu bual bersama pengarah-pengarah filem tersebut. Secara asasnya pengarah-pengarah filem yang ditemu bual berpendapat bahawa dalam memahami persoalan pemaparan watak dalam filem, ianya harus dilihat kepada ciri-ciri filem di Malaysia apabila mengaitkan dengan pemaparan atau ideologi Islam. Maka, sub-subtema yang dapat dibincangkan dibawah tema identiti ini adalah berkait dengan Islam sederhana dan identiti Melayu-Islam.

Pandangan yang meletakkan Islam dan juga persoalan bangsa Melayu merupakan perkara yang sama dan tidak dapat dipisahkan oleh pengarah-pengarah filem apabila melihat tentang kefahaman mereka terhadap sesebuah pemaparan Islam pada filem. Ini bagi mereka merupakan salah satu cara yang terbaik untuk memastikan bahawa filem mereka dalam pada masa yang sama menonjolkan elemen Islam.

Justeru, kajian mendapati bahawa kekuatan pemahaman Islam di dalam filem di Malaysia adalah sebagai elemen penambah atau sebagai sub pemaparan di dalam filem seperti mana yang dijelaskan oleh informan PNG 5:

“Dan elemen Islam tu muncul sebagai penambah kepada kekuatan cerita yang saya buat. Bagi saya itu adalah jalan terbaik dan bukan itu saja ianya telah jadi macam satu kebiasaan dalam cerita di Malaysia...”

Terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa pemaparan elemen Islam sememangnya wujud dalam filem-filem Melayu namun ianya dilihat pada elemen-elemen asas termasuk pemaparan wanita yang tidak menjolok mata. Selain itu juga terdapat pandangan informan yang mengatakan bahawa pemaparan wanita dan elemen Islam ini harus dilihat pada konteks yang luas termasuk dalam soal perlakuan. Secara umumnya informan PNG 1 menyatakan bahawa:

“Kalau nak kata filem saya ada elemen Islam sudah tentu macam saya cakap dari awal lagi, filem saya ada letakkan elemen asas kepada kebaikan dan agama bukan saja Islam memang nak orang lakukan kebaikan.”

Terdapat juga pemahaman ideologi tentang Islam ini dikaitkan atau diertikan sebagai satu bentuk ideologi pemaparan yang merangkumi persoalan identiti adat dan budaya masyarakat di Malaysia. Ini dilihat bagi informan atau pengarah filem sebagai salah satu ideologi yang berada dibawah konsep Islam. Berdasarkan itu maka informan PNG 3 menyatakan bahawa:

“Kalau kita nak cakap bahawa filem ni harus ikut budaya kita, memang itu yang sangat penting.. orang putih atau orang luar dari Malaysia mereka nak tengok budaya kita. Jadi untuk dia nak faham tentang budaya kita maka filem adalah panduan sebenar mereka.”

Bagi PNG 4 pula beliau melihatkan bahawa perlunya elemen Islamik di dalam filem dan juga pemaparan di dalam filem kerana ianya dilihat sebahagian dari jati diri. Justeru beliau berpandangan bahawa:

“Tetapi saya memilih kalau mengaku saya Muslim, maka pada saya wajib point of view kita harus muslim. Cerita yang kita bawa at the end of the story akan melihat dan merasa Islam. Walaupun cerita kita tidak mengarah pada genre Islamik, tetapi sedikit sebanyak jati diri kita sebagai muslim adalah perlu.”

Sekiranya pandangan informan PNG 4 melihat bahawa Islam adalah sebahagian dari jati diri, PNG 2 beranggapan bahawa apa yang wujud dalam setiap budaya masyarakat di Malaysia ada berkait rapat dengan sistem sesebuah negara. Perkara ini dilihat saling berkait dan ini menjelaskan lagi bahawa sememangnya wujud pertalian antara sistem pemerintahan dan juga sebarang kerja-kerja seni termasuk filem.

Menurut PNG 2:

“apa yang kita gambarkan itu secebis dari apa yang ada di negara ni iaitu budaya masyarakat dibawah satu sistem negara itu sendiri. Dengan cara itu saja kita dapat bagi tau bahawa ini adalah identiti cerita kita.

Justeru, meletakkan persoalan budaya menjadi sandaran terbaik dalam memaparkan jati diri masyarakat Melayu dalam sebarang pemaparan yang mempunyai ideologi Islam. Ini berdasarkan pandangan beliau yang menyatakan bahawa perlunya meletakkan atau mengaitkan jati diri atau identiti Melayu dalam pemaparan Islam. Menurut beliau:

“Jalan terbaik bagi saya untuk tonjolkan Islam tu Melayu bangsa kitalah iaitu Melayu. Kita kena tonjolkan benda itu sebab kalau kita tengok budaya kita kan ada elemen baik yang di ajar dalam Islam.”

Perkara yang sama turut disokong oleh informan lain apabila membincangkan tentang kekuatan pemaparan Islam yang melibatkan persoalan identiti Melayu di dalam filem. Ini kerana bagi mereka, dengan menonjolkan tentang bangsa Melayu, ianya telah meliputi persoalan Islam. Ini kerana, pandangan asas adalah Islam begitu sinonim dengan masyarakat Melayu di Malaysia. Perkara ini dapat dilihat dari pernyataan PNG 5 iaitu:

“Bila filem itu filem Melayu, sudah tentu majoritinya yang akan tengok pun orang Melayu.... Dan ini akan mewakili satu bentuk fahaman asas tentang apa yang akan kita ceritakan dalam cerita kita. Kita dah tentu akan buat cerita yang orang Melayu majoritinya akan faham.”

Persoalan meletakkan elemen Melayu sebagai pemangkin kepada pemaparan Islam dilihat begitu kuat dan menjadi suatu bentuk pemahaman dikalangan pengarah-pegarah filem yang ditemu bual sehingga kita dapat melihat bahawa terdapat satu penegasan bahawa Islam yang meletakkan ideologi bangsa iaitu Melayu menjadi satu perkara yang tidak perlu dipersoalkan lagi dan menjadi satu perkara yang dianggap natural atau

semulajadi bagi pengarah-pengarah filem yang ditemu bual. Ini dapat dilihat pada satu pandangan yang menyokong perkara tersebut oleh PNG4 iaitu:

“Tetapi disebabkan kita ni menghasilkan filem-filem Melayu maka kita lebih mengutamakan persoalan nilai Melayu itu lebih dari agama Islam. Kerana disini agama Islam ini tak perlu dipersoalkan.. sebab tak perlu dipersoalkan ialah kerana kita adalah masyarakat Melayu dan Melayu itu sinonim dengan Islam.”

Dengan itu maka perkara ini telah menjadi perkara yang dominan dalam kalangan pengarah-pengarah filem Melayu yang akhirnya bagi mereka sentimen bangsa iaitu Melayu tidak dapat dipisahkan apabila dengan memberi penjelasan terhadap pemaparan dan ideologi berkenaan Islam dalam filem yang dihasilkan oleh mereka. Melalui ini maka ada sesetengah pengarah filem mula menekankan dan memberi alasan bahawa sentimen Melayu dan kedaerahan turut menjadi salah satu ideologi untuk meletakkan pemaparan elemen Islam dalam filem mereka. Ini dapat dilihat dari pandangan PNG 5 yang mengatakan bahawa:

“Sebab sentimen kebangsaan atau perkauman tu kita tak boleh nafikan memang kuat wujud dalam diri masyarakat kita. Saya sendiri tak dapat lari dari melihat sentimen kemelayuan dalam diri saya terutamanya dari segi sentimen Melayu negeri kelahiran saya iaitu Penang.”

Dari segi pemaparan Islam sederhana pula, kajian mendapati bahawa dalam keadaan realitinya, informan merujuk filem mereka dengan penerapan Islam dikalangan masyarakat di Malaysia. Kebanyakan informan menyatakan bahawa penghayatan Islam

di Malaysia merupakan penghayatan dalam bentuk sederhana. PNG 5 menyatakan bahawa:

“Kalau kita tengok negara kita... sebenarnya negara kita sendiri mengamalkan Islam sederhana atau Islam moden. So bagi saya apa yang kita tunjuk dalam filem kita sebenarnya cedok dari realiti..”

PNG 3 juga turut mengakui bahawa dalam konteks memahami sebarang bentuk pemaparan wanita ianya harus dirujuk kepada suasana persekitaran masyarakat disebuah negara dimana filem itu diterbitkan. Beliau memberi pandangan bahawa:

“Ya kalau kita tengok sebenarnya watak yang kita bangunkan dalam filem pada hakikatnya lebih kurang sama dengan apa yang ada diluar sana... maknanya kita sebenarnya telah paparkan realiti. Walaupun cerita itu direka tapi budaya masyarakat setempat tu tetap jadi pengaruh dalam filem kita. Kita akan bina watak seperti apa yang wujud diluar sana.

Universiti Utara Malaysia

Beliau juga turut membincangkan perbezaan yang wujud diantara pemaparan wanita era 80an dan terkini. Beliau mendapati bahawa pemaparan wanita pada filem-filem kini lebih baik pemaparannya berbanding filem 80an yang lebih menonjolkan elemen budaya barat. Menurut beliau:

“Saya rasa filem sekarang pemaparan wanitanya lebih baik dari dulu.. kalau tengok karya filem dulu err... filem 80s kalau pernah tengok, watak wanita pemaparan dia selamba jer seksi berbanding sekarang jarang filem kita ada babak tunjuk wanita di pantai pakai baju renang.. jadi saya rasa filem sekarang pemaparan wanitanya jauh lebih baik..”

PNG 1 pula melihat bahawa cara terbaik untuk menggambarkan tentang pemaparan Islam di Malaysia melalui filem adalah dengan memaparkan pemaparan yang sederhana samada dari segi jalan cerita mahupun watak termasuk wanita. Dengan ini bagi beliau ianya akan memudahkan penontonan penonton di Malaysia. Berdasarkan ini, maka kajian mendapati bahawa karya-karya filem dilihat telah dirancang untuk diterbitkan dengan menggunakan perjalanan cerita yang ringan serta meletakkan elemen kesederhanaan dalam pemaparan Islam. Ini dilihat mempunyai peranan terhadap persoalan pemasaran dan juga kehendak penonton di Malaysia.

PNG 1 menyatakan bahawa:

“Jalan selamat bagi saya dalam menerbitkan filem di Malaysia ni lebih elok menggunakan pendekatan sederhana. Maksudnya sederhana dari segi penceritaan dan penampilan watak. Ni terutamanya cerita yang ada unsur agama terutamanya Islam.”

PNG 2 mendapati bahawa dalam menghasilkan filem-filem dakwah di Malaysia, ianya harus dihasilkan dalam bentuk sederhana. Ini kerana pengalaman beliau dalam menerbitkan filem yang mempunyai unsur dakwah penonton tidak suka filem yang memerlukan mereka untuk berfikir. Dari segi pemaparan pula, beliau beranggapan masyarakat Melayu mempunyai citarasa yang pelbagai dari segi pemaparan wanita. Anggapan wanita harus sentiasa bertudung dilihat sebagai satu bentuk pemahaman yang begitu subjektif dan pengarah filem tidak harus disempitkan kebebasan mereka untuk berkarya.

Dari segi memahami tentang penampilan watak wanita dari sudut fizikal, PNG 5 mempunyai pandangan yang jelas menunjukkan bahawa pemaparan Islam harus dipaparkan dalam bentuk yang sederhana. Beliau menegaskan bahawa kebanyakan

karya yang dihasilkan oleh pengarah-pengarah filem di Malaysia mengambil latar cerita pada zaman moden. Justeru, zaman moden dengan merujuk kepada suasana masyarakat di Malaysia, maka ianya berbeza dengan suasana moden di negara Islam yang lain.

Beliau menjelaskan bahawa:

“Filem kita sudah tentu akan tunjuk wajah kita.. ramai pengarah filem dia akan buat filem latar cerita zaman sekarang. Kalau di Malaysia ni zaman moden dia macam yang kita tengok sekaranglah. Jadi watak wanita kita sudah tentu kita ikut budaya masyarakat kita. Jadi dia ada macam-macam gaya kalau wanita dia ada yang pakai moden ada yang akan pakai tradisional tapi moden so dia macam-macam kita tak sama macam di Iran atau arab country yang lain..”

Bagi PNG 4 pula faktor memilih pemaparan Islam sederhana dalam filem harus dilihat dari beberapa situasi. Beliau berpendapat situasi tersebut harus dilihat dari segi dalaman dan luaran. Situasi dalaman merujuk kepada pengalaman dan falsafah seseorang pengarah dalam memilih dan menentukan pemaparan filem termasuk dalam soal pemaparan wanita. Situasi luaran pula ianya jelas melihat kepada sistem sosial masyarakat Malaysia itu sendiri. Pandangan PNG 4 ini dilihat telah merangkumkan keseluruhan keadaan dalam pemilihan pemaparan sederhana apabila membincangkan tentang pemaparan wanita dalam filem.

Berdasarkan pandangan PNG 4 maka kajian mendapati wujud dua faktor yang penting dalam menentukan pemaparan wanita dalam konteks Islam. Setiap faktor tersebut dilihat berkait rapat antara satu sama lain. Sebagai contoh, PNG 5 mempunyai falsafah yang tersendiri apabila membincangkan tentang pemaparan wanita yang harus

dipaparkan dalam bentuk sederhana berdasarkan sosialisasinya terhadap suasana sekeliling beliau.

Namun demikian PNG 2 mempunyai pandangan dan falsafah yang berbeza yang dilihat tidak mengaitkan faktor luaran iaitu persekitaran suasana filem diterbitkan. Bagi beliau, identiti seseorang pengarah filem bergantung kepada falsafah dan pegangan seseorang pengarah filem itu sendiri. Beliau beranggapan bahawa dalam soal menerbitkan filem yang mempunyai elemen dakwah ianya merupakan satu bentuk ibadah yang harus dipertanggungjawabkan kepada seorang pengarah filem. Beliau menerangkan bahawa:

“Bagi saya bila kita orang Islam kita kena faham bahawa kita kena membawa ajaran kita kedalam kemahiran kita macam saya mengarah filem. Jadi benda ni dah jadi ibadah. Bila kita jadikan benda ni ibadah, dia sudah jadi fardu kifayah. Jadi kalau saya tak ada inisiatif untuk mula guna filem dalam dakwah jadi pengarah filem lain semua akan dapat dosa...”

Kesimpulannya, bagi tema indentiti, jelas dua subtema yang berada dibawah tema ini memberi pandangan bahawa filem di Malaysia mempunyai pengaruh yang kuat dengan budaya Melayu dalam mengangkat elemen pemaparan Islam. Ini juga memberi gambaran terhadap pemaparan wanita. Justeru, dengan mementingkan pengaruh Melayu yang dilihat sebahagian dari Islam, maka pemaparan filem terutamanya dalam konteks pemaparan wanita akan dipaparkan dalam bentuk sederhana. Keadaan ini dilihat sebagai satu bentuk pemaparan yang bersifat lebih mudah dalam mengerangkan pemaparan Islam dalam filem. Selain itu juga, amalan Islam yang dinilai oleh pengarah

filem di negara ini juga disifatkan sebagai amalan Islam moderat atau moden yang meletakkan ciri-ciri kesederhanaan dalam sisem sosial masyarakat.

4.6.4 Kawalan

Dibawah tema utama iaitu kawalan, kajian mendapati terdapat kawalan yang berlaku secara langsung dan tidak langsung keatas sebarang aktiviti menerbitkan filem. Kedua-dua kawalan ini berlaku dalam situasi yang berbeza. Dari segi kawalan secara langsung, kajian mendapati pengalaman pengarah-pengarah dalam mengikut aspirasi dan kehendak dari kerajaan berlaku tetapi mengikut situasi dan keperluan-keperluan tertentu seperti mengawal penerbitan filem yang boleh menjejaskan imej kerajaan dan juga bertentangan dengan budaya dan agama terutamanya Islam.

Manakala, kawalan secara tidak langsung pula berlaku dari segi wujudnya trend-trend atau situasi tertentu yang lahir dari sistem kawalan kerajaan yang dijadikan kesempatan kepada pengarah-pengarah filem untuk menerbitkan filem mengikut situasi tersebut. Ini terutamanya apabila kerajaan memperkenalkan slogan-slogan tertentu yang dilihat menjadi peluang kepada pengarah-pengarah filem menerima sedikit sebanyak idea dari slogan tersebut. Kawalan ini dilihat berlaku tanpa melalui sebarang paksaan dan penguatkuasaan.

Secara umumnya, berdasarkan temu bual yang dilakukan, pengarah-pengarah filem memahami bahawa persoalan berkaitan agama dilihat begitu rapat dengan sesebuah sistem pentadbiran di dalam kerajaan terutamanya di Malaysia. Antara data-data yang

dapat menjelaskan tentang wujudnya satu perkaitan tersebut dapat dilihat pada pernyataan PNG 4:

“Islam sebenarnya mendapat keutamaan dalam sistem berkerajaan di Malaysia. Itu tidak dinafikanlah... Bila kita nak gambarkan tentang identiti sistem pentadbiran kerajaan di Malaysia kita tidak boleh lari dari mengiktiraf Islam ni sebagai agama rasmi Malaysia. Jadi secara langsungnya sistem kerajaan juga menerima Islam sebagai sebahagian dari sistem pentadbiran.”

Selain itu, terdapat pandangan dari PNG1 yang turut mengatakan bahawa media merupakan insitiasi yang berada di bawah kerajaan dan memerlukan kepada pematuhan terhadap polisi dari kerajaan termasuk perkara yang berkaitan Islam. Ini dapat dilihat pada pernyataan beliau bahawa:

“Tambah lagi, kita adalah kekuatan kepada institusi kerajaan. Filem kita berada dibawah kerajaan yang memerintah. Jadi aspirasi kerajaan tu kita kena faham juga walaupun kita kejar kepada keuntungan.”

Terdapat pandangan lain oleh PNG 1 mengaitkan bahawa sistem di Malaysia sendiri diasaskan oleh satu sistem yang mementingkan agama dan melihat bahawa Malaysia meletakkan Islam sebagai asas agama yang tertinggi. Pandangan beliau bahawa:

“Ini juga kerana kita kena faham bahawa negara ini juga merupakan negara yang berasaskan kepada agama. Dan dalam sistem di Malaysia agama yang harus diterima sebagai agama tertinggi adalah Islam. Bukan disini nak mendiskriminasi agama lain tetapi tetapi ini adalah agama yang merupakan asal rakyat tanah Melayu sebab itu dia diangkat sebagai agama dominan.”

Informan PNG1 juga turut dilihat menyatakan pandangan tentang Islam adalah perkara yang tidak perlu dipersoalkan lagi kerana telah termaktub di dalam rukun negara. Menurut beliau:

“Kerajaan bagi saya memang dia perlu berlandaskan agama Islam. Itu adalah prinsip rukun negara kita. Kepercayaan kepada tuhan. Itu rukun negara yang pertama means that agama itu nombor satu jadi tak perlu lagi kita persoalkan tentang agama. Sapa-sapa pun, mana-mana parti yang menang dalam politik dia kena jelas bahawa agama itu adalah perkara yang penting di Malaysia.”

Selain itu terdapat pandangan wujudnya perkaitan Ideologi pemaparan Islam dalam dunia perfileman yang dinyatakan oleh PNG 2 namun demikian bagi beliau sesuatu yang mempunyai elemen Islam itu tidak begitu ditekankan tetapi disebabkan media berada di bawah satu sistem kerajaan maka ianya harus mengikut dasar sesebuah kerajaan di mana-mana negara termasuk Malaysia. Menurut beliau:

“Dekat sini saya memang lihat bahawa ada kesan dan pengaruh dalam dunia perfileman negara walaupun memang dia tak ditekankan sangat sebagai satu dasar dalam kerajaan tetapi perkara yang melibatkan media ni kerajaan tetap akan ambil peduli.”

Namun demikian beliau melihat bahawa pemaparan Islam di Malaysia lebih tertumpu kepada satu pemaparan sederhana dan tidak begitu mendalam. Ini merujuk pandangan beliau bahawa:

“Dari segi kesan Islam yang dibawa oleh kerajaan dalam filem ni dia ada tapi sekadar tempias saja... bagi abang sebab banyak lagi saluran

lain yang boleh kerajaan menyebarkan agama Islam kepada masyarakat.”

Informan PNG 5 turut memperlihatkan bahawa filem dengan pemaparan Islam di Malaysia masih lagi pada tahap sederhana iaitu:

“Namun saya tak nafikan bahawa di sini penekanan Islam di negara ini pun sebenarnya sederhana. Jadi sesuailah kalau kita tonjolkan dalam bentuk yang sederhana. Sederhana disinilah yang saya ambil pendekatan dalam cerita saya iaitu tonjolkan isu yang melibatkan kekeluargaan.”

Selain itu, terdapat pandangan informan yang bukan hanya melihat pemaparan Islam dalam filem dalam suasana sederhana tetapi mereka turut menggambarkan bahawa penerapan Islam itu sendiri di Malaysia adalah dalam bentuk yang sederhana.

Kawalan dari pihak berkuasa yang dilihat wujud dan mempunyai pertalian kuat antara penentuan politik terhadap Islam di Malaysia yang sekaligus menyebabkan penerbitan filem yang akan atau telah diterbitkan yang mempunyai elemen tertentu termasuk Islamik pada hakikatnya membolehkan sesebuah pemaparan dari aspek Islamik dapat dilaksanakan.

Perkara ini dapat difahami melalui pengalaman informan PNG5 yang mengatakan wujudnya kawalan dalam menentukan perjalanan sesebuah cerita di dalam filem dan

ianya ditentukan oleh syarikat televisyen melalui arahan kementerian terutamanya dalam meletakkan sebarang simbol.

Ini dapat dilihat dari pandangan beliau bahawa:

“Sepatutnya sebagai orang yang berada dalam dunia seni... kita perlu bebas dari sebarang ikatan oleh pihak atasan. Tak kisahlah dari pihak kerajaan ker.. dari pihak institusi kementerian ker.. atau syarikat penerbitan sekalipun. Kita sebenarnya patut jadi cermin kepada mereka. Maksudnya, apa yang kita buat mereka kena tengok dan nilai mengapa kita buat sesuatu karya sedemikian rupa. Tapi sebaliknya mereka secara langsung mengawal kita. Itu realiti yang berlaku di Malaysia.”

Namun demikian, terdapat juga informan yang mengatakan bahawa ada sesetengah dari pengarah yang akan mengikut polisi kawalan ini bagi tujuan untuk mendapat dana dan juga projek bagi penerbitan filem yang akhirnya mereka terpaksa akur dan mengikuti sahaja saranan dari pihak tertentu termasuk kerajaan dalam menerbitkan sesebuah filem. Ini dapat dilihat berdasarkan pandangan informan PNG3 bahawa:

“Sebenarnya...banyak yang disarankan oleh kerajaan nak kita sokong dia jer... apa polisi yang dia buat pun itu jer... jangan kacau polisi dia sudahlah... sebab tu you nak buat apa pun lantaklah... tapi jangan kacau polisi dia jer....”

Dari sudut lain pula terdapat pandangan bahawa perlunya pengarah dan juga aktiviti penerbitan filem yang bebas dan tidak ada kawalan dari mana-mana pihak samada pihak kerajaan atau syarikat televisyen. Namun informan PNG 5 memberi pandangan

bahawa dalam keadaan realitinya kita masih lagi terikat dengan kawalan dan harus mengikuti polisi yang telah ditentukan oleh kerajaan.

Walaupun wujud satu bentuk kawalan oleh pihak berkuasa terhadap penerbitan filem di Malaysia, namun pengarah-pengarah filem cenderung berfikir bahawa terdapat pengarah-pengarah yang lebih cenderung menggunakan falsafah masing-masing dalam penerbitan filem tanpa begitu terikat dengan kawalan atau polisi pihak berkuasa akhirnya kita mendapati bahawa tiada satu bentuk keseragaman yang jelas untuk menentukan sesebuah filem itu harus meletakkan elemen Islam. Menurut PNG5:

“Jadi agak sukar untuk kita katakan apa yang dihasilkan tu menggambarkan Islam di negara kita. Sebaliknya bagi saya apa yang dihasilkan tu lebih kepada pemahaman seseorang pengarah atau pengkaryalah senang cakap terhadap Islam yang mereka perolehi.”

PNG 5 pula memberi pandangan bahawa dunia perfileman tidak mempunyai perkaitan langsung dengan hal yang berkait rapat dengan sistem politikal atau ideologi dari mana-mana pihak yang dominan dan disini meunjukkan bahawa filem perlu dinilai hanya pada perkara yang melibatkan seni dan hiburan semata-mata. Selain itu juga filem dilihat harus menjadi panduan kepada pihak pemerintah untuk melihat mengapa sesuatu filem itu diterbitkan sedemikian rupa. Perkara ini diterangkan seperti di bawah:

“Sepatutnya sebagai orang yang berada dalam dunia seni ni... kita perlu bebas dari sebarang ikatan oleh pihak atasan. Tak kisahlah dari pihak kerajaan ke.. dari pihak institusi kementerian kea tau syarikat penerbitan sekalipun. Kita sebenarnya patut jadi cermin kepada mereka. Maksudnya, apa yang kita buat mereka kena tengok dan nilai mengapa kita buat sesuatu karya sedemikian rupa.”

Perkara yang hampir serupa juga turut dinyatakan oleh PNG 4 yang mana filem dilihat tidak perlu mempunyai unsur memihak atau dikawal namun pandangan beliau lebih melihat kepada pendirian dan falsafah seseorang pengarah itu datang dan tidak terkesan dari sistem sosial yang berlaku tetapi ianya adalah lahir dari diri dan jiwa seorang pengarah. Namun beliau tidak menolak kemungkinan bahawa wujudnya pengarah filem yang mempunyai falsafah yang cuba memihak kepada golongan dominan atau yang memerintah secara langsung. Menurut beliau:

“Jadi disini bagi saya setiap orang dalam industri ni dia ada falsafah dia. Ya kecualilah falsafah saya ni memang nak support betul-betul agenda dari kerajaan. Dekat situ barulah saya rasa apa yang saya buat secara langsungnya akan ada kaitan dengan sistem pemerintahan itu.”

Selain dari persoalan di atas terdapat juga pandangan pengarah atau informan yang menyatakan bahawa setiap pengarah filem mempunyai identiti mereka yang tersendiri. Perkara ini dilihat hampir sama dengan apa yang telah dinyatakan pada pandangan neutral pada tema utama. PNG 2 menyatakan bahawa:

“Seorang pengarah filem biasanya dia mempunyai identiti dia. Identiti disini termasuklah tentang personaliti dia, falsafah dia, dan juga kecenderungan dia untuk menghasilkan cerita atau style penceritaan jenis apa. Itu merupakan perkara yang biasanya wujud dalam diri seseorang pengarah.”

Justeru perkara yang sama dilihat dapat disokong melalui hujah PNG 4 yang mengatakan bahawa dalam persoalan pengarahannya ianya tidak harus dilihat perkaitan kepada sebarang agenda dari sistem politik sebaliknya pengarah mempunyai identiti tersendiri dan menjadi cerminan kepada kerajaan. Menurut beliau:

“Filem memang menggambarkan tentang identiti dari segi jenis cerita yang dipertontonkan, tetapi bukan sampai pada tahap filem perlu ikut apa yang kerajaan cakap. Ini perkara yang kita kena fahamla.. Filem sebenarnya harus menggambarkan sesuatu dan membetulkan kerajaan.”

Justeru, dalam membincangkan hasil dapatan diawah tema Kawalan ini, maka pengarah-pengarah filem mengakui bahawa Islam merupakan perkara yang dititikberatkan oleh sistem kerajaan. Namun demikian, dari sudut implementasi Islam dalam suasana aktiviti penerbitan filem tidak begitu jelas. Ini terutamanya apabila wujud pelbagai pandangan yang menerangkan bahawa pemaparan Islam yang wujud dalam sistem kerajaan adalah bersifat sederhana. Ini secara langsung memberi kesan keatas penerbitan filem terutamanya dalam menerbitkan pemaparan watak seperti watak wanita. Selain itu, diebakkan filem masih lagi longgar kaitannya dengan Islam dibawah sistem kerajaan maka, akhirnya pengarah-pengarah filem dilihat mempunyai pilihah samada mengikut aspirasi kerajaan terhadap penerapan ideologi Islam mahupun bebas menerbitkan filem mengikut falsafah dan identiti masing-masing.

4.6.5 Pemaparan

Berdasarkan tema-tema yang telah dibincangkan, tema berkenaan pemaparan merupakan tema yang dapat menjelaskan secara keseluruhan persoalan berkenaan pemaparan wanita didalam filem. Ini terutamanya dalam konteks pemaparan wanita dalam ruang sistem Islam yang dilihat dari aspek ideologi kerajaan yang mengawal sistem di negara ini. Secara asasnya, sub-subtema yang wujud dibawah tema pemaparan ini turut mengambil kira data analisis teks pada kajian bahagian kedua. Sub-subtema

yang diperolehi berdasarkan temu bual mendalam dengan pengarah-pengarah filem tersebut adalah Adat-Budaya, Populis, Sub Pemaparan dan Elemen Asas.

Berdasarkan tema berkaitan Pemaparan, kajian mendapati bahawa pemaparan wanita yang wujud berdasarkan karya-karya yang diterbitkan oleh pengarah-pengarah filem banyak menumpukan kepada pemaparan wanita dalam bentuk pemaparan yang menekankan tentang adat dan juga budaya masyarakat Melayu. Pemaparan wanita dari sudut ini menjelaskan bahawa sebarang pemaparan wanita hanya ditekankan kepada hal yang berkaitan dengan budaya-budaya yang terbit dari nilai sosial masyarakat Melayu. Walaupun terdapat usaha pengarah-pengarah filem yang mengetengahkan imej pemaparan Islam, tetapi ianya tidak dapat dipisahkan dari budaya Melayu yang dilihat menebal dalam karya-karya mereka.

Berdasarkan pandangan dari PNG 1 dan PNG 5 kajian jelas mendapati bahawa dalam proses menerbitkan karya masing-masing mereka berpandangan bahawa elemen budaya Melayu merupakan salah satu elemen yang menjadi asas kepada tarikan penonton.

Mereka menyatakan bahawa:

“Kalau tengok karya saya macam Papadom 2 sebenarnya saya memang nak gambarkan tentang masyarakat kita iaitu orang Melayu moden. Orang Melayu ni dia ada bakat memasak dan makanan adalah salah satu skill yang membolehkan orang Melayu jadi seorang bisnes man.. jadi itu salah satu gambaran yang cuba saya tonjolkan.. lagi satu saya tekankan cerita tentang keluarga. Sebab penonton kita memang suka tengok cerita tentang kekeluargaan ni... itu uniknya filem Melayu..”

“Sudah tentu filem kita akan menggambarkan siapa kita. Filem saya memang akan menggambarkan tentang budaya Melayu. Dan menariknya filem saya akan letak latar cerita Melayu peranan sebagai latar yang dapat menarik minat orang ke panggung. Itu adalah jiwa saya dan dalam filem tu saya akan selitkan budaya Melayu peranan..”

Melalui pemaparan adat dan budaya Melayu juga didapati bahawa pemaparan wanita dalam konteks ini mudah untuk diterima dan menjadi tarikan kepada penonton untuk menontonnya. Ini kerana, pengarah-pengarah filem beranggapan bahawa dengan pemaparan wanita pada konteks budaya Melayu ianya mendekatkan penonton kepada sesebuah cerita. Berbanding dengan memaparkan wanita dalam penampilan seperti filem-filem timur tengah, pemaparan wanita akan dilihat menjadi sedikit janggal dimata penonton. Ini dinyatakan oleh PNG 3:

“Cabarannya bila kita cuba ubah kelainan dari pemaparan yang dekat dengan budaya masyarakat Melayu kepada budaya masyarakat lain. Tetapi dalam kes cerita ni, kita sedia maklum yang watak wanita ni dia berkelulusan Jordan jadi orang Melayu masih boleh acceptla logik la kalau dia mengenakan imej bertudung... tapi saya masih lagi tambah budaya Melayu lagi dengan memaparkan imej berbaju kurung kadang-kadang berpakaian moden...”

Karya PNG 3 dilihat tidak dapat lari dari meletakkan budaya Melayu yang sememangnya tidak dapat lari dalam jiwanya. Walaupun beliau mengakui cuba melahirkan watak wanita yang lain dari watak biasa distereotaipkan dalam filem Melayu. Keadaan ini bagi memastikan bahawa penerimaan cerita ini masih lagi berada dalam ruang alam Melayu.

Filem yang memaparkan genre patriotisme pula sememangnya amat jelas meletakkan persoalan adat budaya Melayu sebagai asas kepada sebuah pemaparan terutamanya pada watak wanita. PNG 4 memberi pandangan jelas tentang pemaparan wanita dan budaya Melayu dalam filem patriotisme disebabkan oleh sentiment kebangsaan. Beliau baranggapan bahawa:

“Itulah filem patriotisme.. Kerana dalam filem kita perkara yang penting adalah meniupkan semangat kebangsaan. Rata-ratanya karya saya cuba nak tonjolkan itu.. apatah lagi filem ini mengaitkan tentang dua budaya bangsa yang berbeza yang hidup di Tanah Melayu ketika itu, jadi sebab itu, budaya Melayu itu menebal ya...”

Namun demikian, bagi pengarah filem yang bukan dari keturunan Melayu, melihatkan bahawa pemaparan wanita didalam filem bergantung kepada niat dan arah tujuan sesebuah filem itu diterbitkan. Ini dalam konteks kesesuaian jalan cerita dan penampilan yang sesuai terhadap filem tersebut. PNG 2 memberi pandangan yang berbeza dalam hal budaya masyarakat Melayu. Beliau berpandangan filem Melayu harus menitik beratkan hal yang bersifat keagamaan kearana pemaparan filem Melayu adalah pemaparan Islam termasuk dalam memaparkan imej wanita. PNG 2 mengatakan bahawa:

“Bagi saya, saya seorang india muslim. Saya masuk Islam dan saya kenal Islam dahulu daru saya kenal Melayu. Jadi sudah tentu ada kesannya disitu. Sebab itu bagi saya elemen Islam itu perlu ada sebab kalau kita tak letakkan filem itu dengan cerita yang ada mesej dari Islam maka filem Melayu tu tidak lengkap. Sebab orang Melayu dengan agama Islam tu bukan ke benda yang sama...”

Namun demikian tidak dinafikan bahawa secara keseluruhannya penonjolan filem Melayu dari aspek budaya Melayu merupakan perkara yang dominan didalam filem. Ini wujud samada dalam bentuk budaya Melayu tradisional mahupun budaya Melayu moden. Pada hakikatnya dalam memahami subtema adat dan budaya ini ianya bergantung juga dengan persoalan subtema seterusnya iaitu tentang Populis. Dibawah subtema ini, kajian mendapati bahawa dalam memaparkan pemaparan wanita dalam bentuk pemaparan Islam samada secara fizikal mahupun dari sudut jalan cerita filem amat bergantung kepada aspek populariti. Ini kerana, tanpa soal populariti pengarah-pengarah filem baranggapan bahawa filem tidak akan mendapat tempat dan perhatian dihati penonton.

Kajian mendapati kebanyakan pengarah yang ditemu bual mengakui bahawa, segala penghasilan cerita dalam filem termasuk pemaparan watak wanita harus disesuaikan dengan trend permintaan dari penonton. Dari segi pemaparan filem Islam, ianya dilihat akan berlaku dalam musim-musim tertentu sahaja. PNG 1 memberi pandangan bahawa kebanyakan pemaparan wanita yang memaparkan pemaparan Islam di Malaysia bergantung kepada populariti semasa. Beliau berpendapat:

“Filem kita ni ikut trend semasa... kalau meletup filem gangster.. maka kebanyakan pengarah akan mula buat filem gangster.. dalam bab Islam ni sama juga... dia ada waktu dan musim dia... contohnya kalau musim perayaan maka filem kita akan tonjolkanlah tentang Islam... ha.. masa tu watak wanita ni ramailah berbaju kurunglah, bertudunglah.. itu perkara biasa dalam industri...”

Keadaan pemaparan mengikut populariti juga merupakan cara menentukan trend semasa yang membantu proses promosi dan juga pemasaran filem di Malaysia. Pemaparan wanita dalam filem samada ianya dalam bentuk Islamik atau sebaliknya sentiasa akan berubah walaupun pengarah filem mempunyai jiwa Islamik yang kuat dalam dirinya. Ini kerana populariti adalah sebahagian dari cara untuk memastikan pengarah filem memperolehi keuntungan dalam perniagaan menerbitkan filem. Melalui kajian ini PNG 5 menerangkan bahawa:

“As a filmmaker apa yang kita nak adalah profit, nak orang pergi ke panggung. Kita dah ada target pemasaran. Dan salah satu cara adalah dengan melihat kepada populariti sesuatu cerita. Cerita komedi ni dia punya trend memang laku, jadi dalam konteks ni saya berminat letakkan komedi sebagai elemen penting dala filem saya. Cumanya bergantung kepada trend juga dalam komedi film ni perlu tak letakkan imej wanita bertudung.. itu kena tengok populariti juga...”

Walaupun populariti menjadi asas sebagai penentu kepada keuntungan jualan tiket bagi sebuah filem, masih terdapat pengarah filem yang ditemu bual tidak melihat bahawa pemaparan wanita dalam bentuk pemaparan Islam sebagai satu bentuk trend yang perlu mengikut soal populariti. Kajian mendapati, persoalan pemaparan wanita berideologikan Islam ini tidak perlu bergantung kepada sistem genre. Ianya adalah persoalan tanggungjawab seorang pengarah untuk menyesuaikan dalam setiap genre. Dalam soal ini PNG 2 sekali lagi mengutarakan perbezaan pandangan dengan menjelaskan bahawa:

“Saya tak lihat nak memaparkan watak wanita ni kena tayangkan imej Islam sebagai satu trend.. bukan macam tu.. kau kena faham trend atau popular dalam filem ni banyak kaitan dia dengan cerita filem atau

genre.. tapi kita sebagai director sebenarnya bebas nak letak imej wanita dalam bentuk Islamik. Ini bergantung pada seorang pengarahla dia nak buat atau tak..”

Kajian mendapati bahawa terdapat pandangan yang mengaitkan persoalan populariti bukan hanya wujud dalam pemaparan. Sebaliknya populariti sesebuah filem itu berdasarkan kepada jenis cerita dan jalan cerita filem tersebut. Namun demikian tidak dinafikan, dengan meletakkan watak yang terdiri dari pelakon yang dianggap popular oleh penonton maka populariti filem tersebut dapat diterima oleh masyarakat.

Dalam membincangkan tentang pemaparan Islam terhadap watak wanita, ianya perlu melihat kepada populariti, PNG 3 memberi pandangan bahawa ianya berlaku diluar watak wanita dalam filem. Bagi beliau, watak yang dipilih kadang-kala telah mempunyai perwatakan yang mengikut konteks ajaran agama Islam. Justeru, populariti diluar pemaparan filem turut menjadi peranan dalam membantu pemaparan wanita dalam filem. Berdasarkan pengalaman PNG 3, beliau memberi pandangan bahawa:

“Pada masa tu Wahida (Pelakon) dia sudah pakai tudung... jadi orang kenal dia dengan personaliti bertudung.. jadi secara tak langsung apa saja watak yang saya bagi pada dia, dia tetap akan pakai tudung, jadi populariti dia memang bermula dari luar filem dan membawa kedalam filem..”

PNG 1 pula menegaskan bahawa dalam memahami populariti cerita dan watak filem, ianya amat bergantung kepada persoalan permintaan dan pemasaran filem tersebut. Dengan itu, kajian mendapati bahawa dalam menentukan dan memilih sebarang

pemaparan samada Islam atau sebaliknya, kerajaan melalui sistem ideologi Islam tidak mempunyai kesan atau impak yang begitu jelas kepada aktiviti penerbitan filem di Malaysia. Walaupun PNG 1 mengakui bahawa kesan politik meresapi kebanyakan urusan pentadbiran dalam insitusi di negara ini. Namun, beliau beranggapan bahawa perkara yang melibatkan industri seni, penekanan hanya berlaku sekiranya berlaku kes-kes tertentu yang mendesak campur tangan agensi keagamaan atau sekurang-kurangnya lembaga penapisan filem (LPF). Perkara ini diterangkan oleh beliau bahawa:

“Popular atau tidak cerita tersebut amat bergantung dengan pemasaran. Dari itu tengok pula permintaan. Kalau sambutan filem tu menggalakan jadi adalah filem itu dan adalah watak dalam filem tu berlakon dengan cerita tu... Termasuk dalam nak buat cerita Islam, nak tonjol watak dalam bentuk Islamik semua ni bergantung pada kehendak pasaran. Baru dia jadi popular...”

Dalam membincangkan populariti juga, kajian mendapati pemaparan wanita dalam filem-filem yang dianalisis banyak berkait rapat dengan subtema seterusnya iaitu sub pemaparan. Subtema sub pemaparan merupakan dapatan kajian yang wujud berdasarkan pandangan pengarah-pengarah filem yang membincangkan tentang peranan watak wanita di dalam filem. Kebanyakan pengarah-pengarah filem yang ditemu bual menyatakan bahawa watak wanita dilihat sebagai pembantu dalam mengembangkan sesebuah cerita. Selain itu juga dalam soal peranan watak ini juga, watak wanita selalu diberikan peranan sebagai watak kedua. PNG 2 dan PNG 5 masing-masing berpandangan bahawa:

“Saya lihat hebat macam mana pun filem tu, watak wanita ni selalunya diletakkan sebagai watak sampingan atau pembantu saja. Contoh

macam filem saya buat, memang watak wanita ni peranan dia adalah sebagai watak pembantu..”

“Watak wanita ni kebanyakan filem dia akan support cerita.. tapi bukan maksudnya tidak ada peranan langsung.. tetapi watak banyak ditumpukan kepada watak lelaki...”


Namun demikian PNG 2 berpendapat, sub pemaparan ini merupakan perkara penting dalam membantu perkembangan cerita menjadi lebih menarik dan melengkapkan cerita. PNG 1 pula melihatkan bahawa persoalan sub pemaparan ini terdiri dari dua bentuk pemaparan dalam konteks pemaparan Islam. Pertama adalah merujuk kepada peranan watak yang diberikan dalam cerita. Kedua, adalah menjelaskan tentang pemaparan yang berkaitan Islam diletakkan sebagai pemaparan yang tidak begitu penting.

Beliau berpendapat persoalan pemaparan wanita dalam bentuk Islam diletakkan sebagai sub pemaparan memandangkan ianya hanya akan dipaparkan terhadap situasi-situasi tertentu sahaja. Ini bergantung kembali kepada cerita dan juga jenis cerita yang digunakan oleh cerita yang diarahkan oleh pengarah filem tersebut. Dengan itu, kajian mendapati bahawa sub pemaparan dalam konteks pemaparan Islam terhadap wanita hanya diguna pakai dalam keadaan yang dirasakan bersesuaian oleh pengarah dan penerbit filem.

Persoalan sub pemaparan juga dapat dijelaskan dan dikaitkan dengan sub pemaparan seterusnya iaitu elemen asas. Kajian mendapati bahawa disebabkan penggunaan

pemaparan Islam diletakkan dalam bentuk sederhana, maka sudah tentunya dari segi pemaparan ianya hanya memaparkan bentuk pemaparan wanita yang begitu asas dalam filem. Pemaparan Islam dalam bentuk asas dalam filem dapat dilihat kepada dua bentuk pemaparan yang rata-ratanya dinyatakan oleh pengarah yang ditemu bual.

Bentuk pertama adalah dari segi penggunaan kostum dan bentuk yang kedua adalah dari segi tingkah laku yang ditonjolkan dalam filem yang diterbitkan dan diarahkan. Pandangan PNG 2 banyak dilihat menumpukan kepada bentuk pemaparan asas yang kedua. Beliau mementingkan pemaparan asas tersebut dari segi gaya dan tingkah laku lakonan berbanding penggunaan kostum. Beliau menegaskan bahawa:



“Cerita saya memang saya suka letak mesej melalui cerita dan cara watak tu berlakon. Sebab itu mempunyai kesan yang lebih mendalam kepada penonton. Biasanya gaya lakonan yang basic saja bila nak tunjuk mesej-mesej Islam ni...”

Berdasarkan pandangan tersebut, kajian mendapati bahawa terdapat beberapa gaya lakonan asas yang diketengahkan oleh pengarah-pengarah filem dalam menyampaikan mesej Islam melalui watak terutamanya watak wanita. Tingkah laku-tingkah laku ini dianggap sebagai bentuk pemaparan Islam yang asas dan sesuai diletakkan didalam karya yang dijadikan kajian. Antara pandangan yang jelas membincangkan tingkah laku asas dalam konteks pemaparan Islam hadir dari pandangan PNG 1 dan PNG 5. Kedua-dua pengarah ini berpandangan bahawa budaya mengucapkan salam serta bersalaman dalam filem walaupun ianya dilihat sebagai tingkah laku ringkas tetapi ianya mempunyai mesej yang asas terhadap pemaparan Islam. Kedua-dua pengarah ini

mempunyai pandangan yang sama berkenaan lakonan memberi salam dalam filem.

Mereka berpandangan bahawa:

“Dalam cerita papadom tu kita boleh tengok amalan beri salam, dan watak wanita tu sedar tentang kesalahannya akhirnya dia memohon maaf.. itu semuanya ada mesej tentang Islam. Secara tak langsunglah..”

“Filem saya memang mementingkan tentang ikatan kekeluargaan, jadi budaya hormat-menghormati tu memang saya letakkan sebagai elemen yang penting. Jadi dia ada amalan-amalan lain dalam budaya menghormati ni macam kita hormat jadi adalah babak yang nak buktikan menghormati melalui bersalaman. “

Kajian juga mendapati bahawa pemaparan elemen asas ini juga turut diletakkan dalam bentuk gaya penceritaan yang meletakkan elemen-elemen tertentu seperti wujudnya dialog-dialog yang berkait rapat tentang keagamaan, bunyi-bunyian seperti azan, serta lakonan yang berkaitan dengan amal ibadat dalam Islam. Elemen-elemen ini diandaikan oleh kebanyakan pengarah-pengarah filem sebagai satu bentuk asas dalam pemaparan Islam. Justeru kajian ini mendapati bahawa dalam menentukan pemaparan wanita dalam konteks Islam, ianya harus digandingkan dengan situasi penceritaan serta lakonan yang berkait rapat dengan ibadah dalam agama Islam.

PNG 3 dan PNG 5 banyak membincangkan persoalan elemen-elemen seperti dialog dan juga kesan bunyi amat memainkan peranan dalam membantu menerbitkan pemaparan wanita dalam konteks Islam. Bagi PNG 3, watak wanita tidak hanya perlu dipaparkan melakonkan perkara yang mempunyai mesej tentang Islam. Tetapi ianya dapat dibantu dengan melihat kepada kesan bunyi khas yang membolehkan hubungan

terhadap tingkah laku yang memberi mesej Islamik dapat dipaparkan. Beliau merujuk kepada babak filem yang meletakkan bunyi azan menandakan masuknya waktu solat.

PNG 3 berpandangan:

“Watak wanita kadang tingkah laku dia memang Nampak tak Islamik, tapi dengan bantuan situasi lain kita boleh meletakkan keseluruhan cerita tu muncul elemen Islamik. Sebagai contohnya, dengan ada elemen suara azan, ini bila kita munculkan pada babak pemaparan wanita sudah tentu kita dah letak mesej tentang Islamik.”

PNG 5 pula menyatakan bahawa:

“Watak wanita ni tak perlulah nak bertudung atau pakai jubah.. mesej Islam ni boleh wujud dalam bentuk kata-kata, macam ucapan salam, atau dialog nasihat tentang kebaikan, ini semua bukti yang filem saya memang ada mesej Islam..”

Namun demikian hampir keseluruhan pengarah-pengarah filem yang ditemu bual menyatakan bahawa elemen asas dalam bentuk fizikal merupakan cara yang paling mudah untuk meletakkan pemaparan Islam terutamanya kepada watak wanita. Ini kerana, filem merupakan medium yang memaparkan imej serta memerlukan penonton untuk memahami imej. Kajian ini mendapati bahawa, pemaparan wanita yang mudah digambarkan dalam bentuk Islamik masih lagi begitu kuat diarahkan kepada pemaparan yang mempunyai unsur kemelayuan dan ketimuran. Pandangan ini dijelaskan oleh PNG 2 dan PNG 4 dalam temu bual yang dilakukan bersama mereka. Menurut mereka:

“Watak wanita memang sesuai diletakkan pemaparan jelas yang menunjukkan mereka adalah orang Melayu. Kalau dah ada rupa dan

kostum Melayu, dia sudah cukup untuk kita anggap itu adalah imej Islam..”


“Kekuatan imej Melayu adalah kekuatan pemaparan imej Islam. Itu secara umumnya kalau di Malaysia. Begitu juga kalau kita angkat watak dalam filem... jadi ada hubungan disitu, antara watak dengan pakaian orang Melayu dan Islam...”

Melalui kajian ini juga kajian mendapati pengarah-pengarah filem turut dapat mengaitkan sedikit sebanyak tentang elemen asas pemaparan Islam dengan situasi yang berlaku dalam soal sistem pentadbiran di Malaysia. PNG 3 dan PNG 5 begitu jelas menerangkan bahawa sedikit sebanyak wujud kesan atau pengaruh sikap pengarah-pengarah filem dalam mencedok sistem ideologi Islam yang diletakkan dalam pentadbiran kedalam filem. Namun demikian, rata-ratanya turut mengakui bahawa ianya berlaku secara tidak langsung dan tidak ada saranan mahupun paksaan dari pihak memerintah.

Dengan itu secara keseluruhan, bab ini telah mengumpul dua bahagian kajian iaitu bahagian pertama analisis teks filem dan bahagian kedua analisis temu bual. Berdasarkan pengumpulan data bahagian pertama, terdapat beberapa tema telah diperolehi. Antara sub-subtema yang diperolehi dibawah tema utama seperti Peranan Perkembangan Cerita, Penampilan Badan Wanita dan Tingkah laku Moraliti adalah seperti Genre, Trend Cerita, Sampingan, Kreatif Artistik, Sederhana, Eksploitasi, Kesesuaian Kostum, Pasif dan Setia.

Bagi analisis kajian bahagian dua pula, terdapat lima tema utama iaitu terdiri dari Produksi, Konsumsi, Identiti, Kawalan dan Pemaparan. Sub-subtema yang wujud di

bawah setiap tema utama tersebut pula terdiri dari Patuh Syariah dan Islam Popular, Polisi Tidak Jelas, Perbezaan Institusi, Kekeliruan Islam dan Kemahiran Ilmu Agama. Rajah 4.2 di bawah menerangkan dengan terperinci dapatan kajian berdasarkan kajian bahagian dua iaitu analisis temu bual.



Rajah 1.10 Ideologi Pemahaman dan Pemaparan Islam

BAB 5

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Kajian ini bermula dengan membincangkan beberapa soalan khusus mengenai pemaparan wanita menerusi filem dalam kerangka sistem pemikiran Islam yang dibentuk oleh ideologi dominan pemerintah. Kajian ini secara khusus memberikan tumpuan kepada pemahaman dan pemikiran beberapa pengarah filem Melayu terhadap pemaparan wanita. Pemaparan wanita ini juga dikaitkan dengan pengalaman mengarah filem di bawah sistem Islam yang dibentuk melalui ideologi dominan kerajaan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mencapai dua matlamat utama iaitu: (i) meneroka idea pengarah-pengarah filem Melayu di sebalik pembinaan cerita dalam filem sama ada ia disesuaikan dengan proses Islamisasi atau sebaliknya dalam hal pemaparan wanita dan (ii) meneroka pemahaman penerbitan filem Melayu terhadap proses Islamisasi yang dijalankan oleh sistem politik sama ada ia memberikan impak atau sebaliknya terhadap pemaparan wanita dalam filem. Bahagian berikutnya merupakan perbincangan tentang hasil analisis berdasarkan matlamat kajian. Ia diikuti dengan menyimpulkan tentang kesignifikanan kajian ini untuk penyelidikan masa depan.

5.2 Filem Melayu, Proses Islamisasi dan Idea Pemaparan Islam

Secara umumnya, kajian ini bermula dengan meneroka idea pemaparan Islam ke atas watak wanita berdasarkan karya-karya yang telah dianalisis. Seterusnya, kajian meneroka pemahaman penerbitan filem melalui pengalaman pengarah-pengarah filem sepanjang proses Islamisasi yang dibentuk oleh kerajaan. Sebelum perdebatan teoritikal dibincangkan, rumusan berdasarkan analisis kandungan dan analisis temu bual yang telah dijalankan dikemukakan terlebih dahulu. Berdasarkan kedua-dua analisis yang telah dijalankan, maka secara umumnya kajian ini mendapati bahawa:

- i. Pemahaman terhadap Islam dan kaitan dengan sistem pentadbiran negara dilihat tidak difahami dengan jelas oleh pengarah-pengarah filem. Namun ia tidak mudah untuk dikaitkan dengan kerja-kerja seni terutamanya penerbitan filem.
- ii. Gambaran Islam sederhana merupakan pemahaman yang dilihat sesuai dengan kerja-kerja penerbitan filem. Perkara ini berlaku disebabkan oleh wujudnya kekeliruan pemahaman terhadap Islam dalam sesebuah penerbitan filem.
- iii. Filem mempunyai ideologi tersendiri yang dilihat tidak dapat disamakan dengan konsep Islam yang dibawa oleh mana-mana pihak atau institusi. Ia akan difahami hanya di bawah konsep patuh syariah dan juga faktor permintaan.
- iv. Genre memainkan peranan penting bagi memastikan sebarang bentuk filem itu dapat dibina dan dipaparkan di Malaysia. Justeru, persoalan Islam atau sebaliknya harus dikaitkan dengan genre bersesuaian.
- v. Melayu merupakan perkara dominan dalam pemaparan sebarang bentuk makna tentang Islam sama ada dalam bentuk eksplisit atau implisit dalam sesebuah filem.
- vi. Akhirnya setiap pemaparan wanita dilihat dalam dua ideologi iaitu:

- a. wanita dipaparkan di bawah satu pemaparan yang bersifat sederhana dan menonjolkan pemaparan budaya Melayu-kontemporari berbanding bentuk pemaparan Islam. Hal ini merupakan refleksi daripada sistem sosial di Malaysia.
- b. Dalam masa yang sama, filem di Malaysia tidak dapat lari daripada ideologi yang wujud dalam filem itu sendiri iaitu bergantung kepada aspek ekonomi politik daripada pihak industri. Ideologi mengikut sistem pasaran terdiri daripada persoalan jenis penceritaan, populariti, dan penerimaan penonton.
- vii. Pemaparan wanita akhirnya berada di bawah pemaparan bersifat stereotaip (sistem patriarki, eksploitasi badan, pemaparan pasif) dan tidak dapat dipaparkan dalam bentuk pemaparan Islam yang jelas. Secara implisitnya, pemaparan ini wujud sebagai satu bentuk pemaparan yang dominan berdasarkan realiti sosial budaya yang berlaku di Malaysia.

Berdasarkan rumusan asas juga, kajian ini membincangkan secara kritikal teori-teori serta konsep yang diketengahkan. Namun, setiap perbincangan tentang analisis kajian ini mengaitkan dengan teori-teori yang dibincangkan berdasarkan kesesuaian data yang diperoleh. Selain itu juga, perbincangan ini turut mengaitkan dengan ulasan karya berdasarkan kajian-kajian dan konsep yang telah dibincangkan. Secara umumnya, perkara yang dinyatakan oleh Oat dan Mack (2014) berkenaan persoalan ideologi dalam media tidak dapat lari daripada mengaitkan tiga perkara yakni medium atau media dalam konteks kajian ini iaitu filem, teks (pemaparan wanita), dan ideologi (struktur makna pemaparan).

Bagi melihat sama ada kajian ini dapat dikaitkan dengan teori ideologi yang diketengahkan daripada hasil kajian ini, beberapa andaian daripada tokoh-tokoh pemikir yang telah dinyatakan sebelum ini telah diaplikasi. Hal ini berdasarkan pandangan dan teori berkaitan dengan ideologi. Kajian ini juga pada akhirnya menerangkan pemaparan wanita dalam konteks ruang pembentukan makna yang wujud dalam kerangka proses Islamisasi melalui teori artikulasi budaya.

Justeru, pada tahap perbincangan ini, pengkaji menghuraikan hasil dapatan kajian mengikut urutan dan perkaitan teori serta konsep seperti yang diutarakan oleh:

- a. John B. Thompson (*Ideology in Modern Culture*)
- b. Louis Althusser (*Ideology State Apparatus*)
- c. Konsep *Doxa* daripada Bourdieu.
- d. Artikulasi Budaya (Du Gay dan all)

Perbincangan ini akan dimulakan dengan matlamat pertama kajian iaitu (i) meneroka idea pengarah-pengarah filem Melayu di sebalik pembinaan cerita dalam filem sama ada ia disesuaikan dengan proses Islamisasi atau sebaliknya dalam hal pemaparan wanita dan (ii) meneroka pemahaman penerbitan filem Melayu terhadap proses Islamisasi yang dijalankan oleh sistem politikal sama ada ia memberikan impak atau sebaliknya terhadap pemaparan wanita dalam filem. Setiap matlamat kajian ini juga akan dibincangkan berdasarkan konsep dan teori-teori yang berkait rapat dengan ideologi. Selain itu, dalam perbincangan ini juga, dalam melihat kepada proses

pemaparan makna serta pemahaman pengarah-pengarah tentang pemaparan Islam terhadap watak wanita, teori artikulasi budaya dan teori *doxa* juga dibincangkan.

Bagi meneliti pemahaman pengarah-pengarah filem Melayu terhadap proses Islamisasi yang dijalankan oleh sistem politik sama ada ia memberikan impak atau sebaliknya terhadap pemaparan wanita dalam filem, bahagian ini melakukan perbincangan secara kritikal berdasarkan teori dan konsep yang dinyatakan di atas. Selain itu, beberapa kajian serta pandangan daripada bab ulasan karya akan dikaitkan sepanjang analisis ini dibincangkan. Pengkaji mengaitkan teori-teori tersebut mengikut kesesuaian kajian bagi dua matlamat kajian. Pandangan terhadap konsep ideologi yang diperkenalkan oleh Thompson (1999) dibincangkan pada kedua-dua matlamat kajian. Begitu juga, teori ideologi yang dikemukakan oleh Althusser (1977) turut dibincangkan pada kedua-dua matlamat kajian. Teori *doxa* yang diutarakan oleh Bourdieu (2000) banyak difokuskan kepada perbincangan matlamat kajian pertama. Teori artikulasi budaya oleh Du Gay dan Hall (1997) banyak dikaitkan pada matlamat kajian pertama dan kedua.

5.3 Perbincangan: Idea Pemaparan Wanita (Matlamat Kajian 1; Meneroka idea pengarah-pengarah filem Melayu di sebalik pembinaan cerita dalam filem sama ada ia disesuaikan dengan proses Islamisasi atau sebaliknya dalam hal pemaparan wanita.)

Perbincangan seterusnya merujuk kepada matlamat pertama kajian yang meneroka idea di sebalik pemaparan wanita dalam konteks penyesuaian dengan ideologi Islam yang dibawa oleh sistem pemerintah. Perbincangan menumpukan kepada beberapa konsep-konsep yang telah dibincangkan. Perbincangan juga disokong melalui kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Dalam masa yang sama,

pengkaji akan turut mengaitkan beberapa teori dan pandangan tentang ideologi. Teori dan konsep ideologi ini juga didapati dapat membantu dalam menerangkan teori artikulasi budaya yang memberikan fokus terhadap aspek-aspek penting seperti produksi, konsumsi, identiti, kawalan dan pemaparan. Pecahan perbincangan difokuskan kepada peranan perkembangan cerita, penampilan badan wanita, dan tingkah laku moraliti.

5.3.1 Peranan Perkembangan Cerita

Berdasarkan pandangan Hayward (2012), kajian mendapati bahawa setiap pemaparan wanita dalam filem dapat dilihat dari tiga aspek. Dengan menumpukan kepada tiga aspek tersebut iaitu peranan wanita dalam perkembangan cerita, penampilan badan wanita, dan tingkah laku moraliti, maka kajian ini dapat memberikan penerangan yang jelas berkenaan pemaparan wanita dan proses Islamisasi di bawah ideologi dominan sistem yang memerintah.

Walaupun pandangan yang dinyatakan oleh Hayward (2012) melihat perkaitan sistem genre dalam menentukan peranan watak dalam perkembangan cerita, kajian ini melihat perkara ini dengan lebih mendalam apabila mendapati peranan wanita tidak hanya berlaku dalam sistem genre filem sahaja. Malah sebelum peranan wanita dapat dipastikan melalui pemilihan sistem genre, kajian mendapati setiap peranan wanita dalam perkembangan cerita harus dilihat pada tahap permintaan pasaran bagi sesebuah genre. Justeru, ideologi sistem kapitalisme merupakan perkara yang penting untuk difahami. Hal ini menjelaskan bahawa persoalan penentuan ekonomi begitu penting dalam memahami pemaparan wanita walaupun di bawah sistem yang mengangkat

ideologi Islam. Justeru, berdasarkan analisis kandungan yang dijalankan terhadap filem-filem yang dipilih, pengkaji mendapati bahawa persoalan keagamaan bukan menjadi persoalan utama dalam sebarang penerbitan filem. Ia wujud sekiranya terdapat penentuan pemasaran terhadap filem berunsurkan Islam. Dengan itu, kajian mendapati pandangan Thompson (1999) dilihat relevan dalam menerangkan keadaan tersebut. Beliau menyatakan bahawa ideologi budaya moden kini lebih menekankan kepada persoalan ekonomi kapitalisme dan meniadakan persoalan keagamaan. Namun, kajian mendapati bahawa ideologi kapitalisme yang wujud dalam industri di Malaysia tidak sama sekali meniadakan persoalan keagamaan. Sebaliknya, kajian mendapati persoalan keagamaan wujud sebagai salah satu penentuan pemasaran industri filem.

Selain itu, pemaparan wanita didapati berkait rapat dengan persoalan permintaan dan pemasaran jenis-jenis cerita dalam filem. Perkara ini dilihat berdasarkan beberapa pandangan yang terdapat pada bahagian pengumpulan data. Pengarah-pengarah filem menyatakan bahawa persoalan permintaan dan pemasaran juga merupakan penentu kepada sebarang pembentukan cerita. Justeru, pengaruh atau kesan daripada permintaan pemasaran ini mengakibatkan wujudnya jenis-jenis cerita yang akhirnya membawa kesan secara tidak langsung dalam menentukan jenis pemaparan watak wanita dalam filem.

Dengan menekankan pandangan daripada ideologi budaya moden oleh Thompson (1999), kajian turut mendapati sebarang ideologi daripada dasar yang dibawa oleh kerajaan tidak diterima dengan jelas oleh pengarah filem. Perkara ini merujuk kepada penerbitan pemaparan wanita dalam konteks ideologi Islam. Berdasarkan filem-filem yang dianalisis, terdapat banyak pemaparan yang tidak begitu menumpukan terhadap

pemaparan Islam. Dengan merujuk kepada pandangan beliau, iaitu ideologi budaya moden lebih menumpukan persoalan sekularisasi dan tidak bergantung kepada persoalan keagamaan, kajian mendapati kebanyakan cerita dan peranan wanita dalam karya-karya pengarah filem menumpukan kepada pemaparan wanita moden. Meskipun terdapat pemaparan Islam terhadap peranan wanita, ia dilihat masih lagi menumpukan kepada pemaparan Islam dan kemodenan.

Kajian juga mendapati bahawa peranan wanita dalam karya-karya yang dikaji adalah bersifat stereotaip. Hal ini dapat dilihat apabila hampir keseluruhan karya mengetengahkan watak wanita yang sangat bergantung kepada watak lelaki. Hal ini dilihat wujud dalam setiap genre filem yang dikaji. Justeru, kajian mendapati pandangan Hayward (2012) adalah signifikan dalam menerangkan keadaan ini. Beliau berpandangan watak wanita sentiasa bersifat stereotaip. Keadaan ini telah diletakkan sebagai satu bentuk yang 'neutral' dalam pembinaan sesebuah naratif filem. Pandangan Holmberg (1998) juga dapat menyokong pandangan sebelum ini. Wanita dilihat sebagai neutral dalam konteks watak wanita yang bergantung kepada watak lelaki memandangkan ia membentuk identiti serta peranan watak wanita dalam cerita. Dengan wujudnya watak lelaki, maka peranan watak wanita dilihat lebih jelas (Holmberg, 1998). Dengan itu, keadaan ini akhirnya membentuk satu normalisasi melalui pandangan teori ideologi yang nyatakan oleh Althusser (1971).

Melalui konsep normalisasi ini, kajian mendapati setiap watak dipaparkan dalam keadaan yang hubungan antara individu atau watak seperti wanita dan watak yang lebih berkuasa dipaparkan dalam keadaan yang neutral. Walaupun penjelasan Althusser (1971) adalah dalam konteks sistem kuasa sosial masyarakat, kajian mendapati ia juga

wujud dalam hubungan antara watak wanita dan watak yang dominan dalam filem iaitu lelaki. Keadaan ini juga mengakibatkan pemaparan wanita dalam filem tidak dapat keluar daripada sistem ideologi patriaki. Hal ini berdasarkan pandangan oleh Mahyuddin (2009). Kajian mendapati peranan pemaparan wanita dalam cerita masih lagi kuat meletakkan sistem patriaki berdasarkan peranan watak wanita yang dilihat sentiasa digandingkan dengan watak utama iaitu watak lelaki. Hal ini juga dapat disokong melalui pandangan Azalina, Jamaluddin, dan Sabariah (2017) yang turut menyatakan bahawa pemaparan wanita tidak dapat lari daripada berada di bawah ideologi dominan masyarakat patriaki. Namun, mereka menyatakan bahawa pada keadaan tertentu, bergantung pada cerita tertentu, ia dilihat mencabar ideologi maskulin tersebut. Hal ini juga dapat dikaitkan dengan genre-genre kajian ini yakni terdapat watak wanita yang dilihat cuba mencabar ideologi dominan patriaki pada babak-babak awal penceritaan. Namun, akhirnya watak wanita tetap berada dalam lingkungan ideologi patriaki yang akhirnya akan mengikut sistem dominan tersebut. Pengkaji mendapati perkara tersebut berlaku pada babak-babak akhir filem-filem yang dikaji.

Salah satu elemen yang menentukan peranan pemaparan wanita dapat dilihat melalui persoalan kebergantungan pengarah filem terhadap sistem genre. Sebelum membincangkan tentang genre dan pemaparan wanita, pengkaji mendapati bahawa teori artikulasi budaya yang dibincangkan oleh Du Gay dan Hall (1997) dapat menjelaskan persoalan sistem genre dan peranan wanita dalam penceritaan dengan jelas dan teliti. Melalui teori artikulasi budaya, setiap pemaparan tidak hanya dapat dilihat mempunyai sebarang ideologi yang disifatkan sebagai semula jadi tanpa melihat kepada proses pembinaan makna sesebuah pemaparan. Umumnya, teori artikulasi budaya cuba menerangkan perihai sesuatu makna melalui pemaparan yang wujud

dalam bentuk proses atau kitaran. Setiap kitaran tersebut mempunyai tahap-tahap yang berbeza.

Terdapat lima aspek yang dinyatakan oleh Du Gay dan Hall (1997) iaitu produksi, konsumsi, regulasi, representasi, dan identiti. Kajian mendapati bahawa peranan pemaparan wanita harus dilihat dari aspek produksi yang merupakan asas kepada sebarang bentuk pemaparan yang wujud dalam industri filem di Malaysia. Menurut Hall (1997), sebarang pemaparan yang membentuk makna wujud dalam satu bentuk kuasa yang menentukan cara sesuatu pemaparan itu harus ditanggapi. Justeru, melalui tahap produksi, kajian mendapati bahawa penerbit dan pengarah filem telah membentuk makna pemaparan wanita melalui sistem genre. Dengan ini, peranan wanita dalam penceritaan dinilai berdasarkan sistem genre yang wujud dalam proses produksi. Du Gay (1997) menyatakan bahawa sebarang makna daripada tahap ini akan bermula daripada peringkat ideologi. Justeru, kajian mendapati ideologi peranan wanita ini wujud daripada sistem genre yang wujud dalam industri perfileman di negara ini.

Genre memainkan peranan penting dalam memastikan sebarang bentuk filem itu dapat dibina dan dipaparkan. Kajian mendapati bahawa persoalan Islam atau sebaliknya harus dikaitkan dengan genre yang bersesuaian. Setiap pembinaan cerita terhadap pemaparan wanita bergantung kepada jenis cerita yang dipaparkan. Hal ini akhirnya mengakibatkan setiap pemaparan Islam terhadap wanita hanya mampu disesuaikan terhadap babak-babak tertentu semata-mata. Sistem genre ini dilihat telah meletakkan bentuk klasifikasi terhadap sebarang pemaparan termasuk pemaparan wanita. Secara umumnya, setiap genre ini telah tersedia dan pengarah-pengarah filem mengikuti genre mengikut permintaan atau trendd tertentu yang telah ditetapkan oleh pihak industri.

Genre-genre seperti komedi, romantik, seram, aksi dan sebagainya telah mempunyai hukum atau formula penceritaan yang tersendiri. Justeru, pemaparan Islam hanya dilihat sebagai selingan atau tambahan terhadap genre yang telah tersedia.

Dengan merujuk kepada pandangan Du Gay dan Hall (1997), pengkaji mendapati bahawa sistem genre yang membentuk peranan wanita dalam cerita dapat dijelaskan terutamanya melihat kepada tahap proses konsumsi dalam teori artikulasi budaya. Menurut Du Gay dan Hall (1997), tahap konsumsi berlaku selepas produksi. Pada kebiasaannya, makna sesuatu pemaparan pada tahap konsumsi telah diberikan ideologi yang jelas. Merujuk kepada peranan wanita, pengarah-pengarah filem memastikan watak yang dilakonkan sesuai dengan penceritaan supaya cerita di bawah genre yang dipilih jelas dari segi mesejnya.

Justeru, pengkaji mendapati pemilihan genre begitu penting dalam memberikan peranan sama ada dalam konteks pemaparan Islam atau sebaliknya. Genre amat berpengaruh dan merupakan alasan yang dinyatakan oleh pengarah-pengarah filem bagi meletakkan peranan dan pemaparan Islam terhadap wanita dalam filem.

Terdapat beberapa genre yang dipilih oleh pengarah-pengarah filem yang ditemu bual berdasarkan karya yang dicadangkan untuk dijadikan sampel kajian. Antara genre tersebut ialah:

- i. Komedi
- ii. Drama Dakwah
- iii. Cinta Komedi

Daripada keseluruhan genre di atas, terdapat beberapa genre yang dilihat disesuaikan dengan pemaparan yang mempunyai elemen Islamik atau patuh syariah. Kebanyakan genre yang dilihat disesuaikan dengan pemaparan Islamik adalah daripada genre Cinta Komedi dan Drama Dakwah. Pengarah-pengarah filem juga mengaitkan pemaparan wanita dalam bentuk Islamik berdasarkan konsep patuh syariah. Dengan itu, kajian mendapati sebarang bentuk pemaparan Islam bukan hanya terhasil daripada sistem kawalan pada tahap institusi keagamaan, malah dalam proses penerbitan filem juga wujud kawalan yang berlaku dalam sistem genre. Justeru keadaan ini dapat diterangkan melalui pemahaman Thompson (1999) yang menyatakan kehidupan sosial yang dikawal dan ditentukan oleh sesuatu makna biasanya diletakkan di bawah suatu kawalan. Kawalan ini berlaku secara formal dan tidak formal melalui kawalan terhadap budaya dan juga melalui sistem politik. Namun, daripada pandangan artikulasi budaya, ia berlaku pada tahap-tahap tertentu dalam sistem sosial.

Pemaparan makna dilihat berlaku pada tahap tertentu sama ada tahap individu, organisasi, mahupun nasional (Gaither & Curtin, 2015; Antonia & Lukas, 2015). Dalam keadaan ini, kajian mendapati bahawa konsep patuh syariah berdasarkan data temu bual yang diperoleh merupakan satu bentuk sistem yang telah dikelaskan sebagai sebahagian daripada sistem genre. Dengan itu, pengarah-pengarah filem yang telah ditemu bual mempunyai persepsi bahawa segala bentuk pemaparan termasuk pemaparan wanita dalam filem dari sudut keagamaan harus berada di bawah sistem patuh syariah.

Selain itu, dengan meletakkan pemaparan wanita dalam konteks Islam melalui konsep patuh syariah, jelas bahawa sesuatu pemaparan Islam dalam filem harus mengikut

sistem yang telah diwujudkan iaitu patuh syariah. Persepsi tentang patuh syariah juga dilihat telah disamaertikan dengan konsep sistem genre. Kajian mendapati pemahaman terhadap patuh syariah sebagai sebahagian daripada sistem genre telah wujud secara tidak langsung. Hal ini membawa maksud bahawa pengarah-pengarah filem pada asasnya tidak menyifatkannya sebagai sistem genre. Namun, cara penerangan dan pemikiran pengarah-pengarah filem dalam menjelaskan berkenaan pemaparan wanita dalam Islam dilihat mengaitkannya sebagai sebuah filem dalam bentuk patuh syariah. Dengan itu, patuh syariah diletakkan sebagai sebuah sistem genre.

Konsep patuh syariah yang dilihat sebagai sistem genre wujud berdasarkan pemahaman pengarah-pengarah filem terhadap ciri-ciri sebuah filem yang memaparkan pemaparan Islam termasuk pemaparan wanita. Kebanyakan pengarah filem mengandaikan bahawa filem yang diterbitkan di bawah sistem patuh syariah adalah filem yang mempunyai mesej dan unsur Islam termasuk dalam bentuk pemaparan watak secara fizikal. Selain itu, filem berbentuk patuh syariah juga turut dilihat dari aspek elemen asas penceritaan sama ada secara keseluruhannya mempunyai mesej tentang Islam. Malah, sekiranya filem itu menyelitkan mesej-mesej Islam, ia turut diletakkan sebagai sebuah filem yang memenuhi kriteria patuh syariah.

Justeru, keadaan ini telah membentuk satu trend cerita yang menjadi ikutan kebanyakan pengarah filem dalam membuat pemaparan Islam. Trend-trend cerita ini telah dilihat sebagai satu bentuk pemaparan yang meletakkan elemen Islam bukan sahaja pada konteks pemaparan wanita tetapi dari segi pembinaan jalan cerita. Berdasarkan karya-karya yang telah dianalisis dan jadual-jadual berkaitan babak filem yang telah dikumpulkan, didapati trend cerita berkaitan kekeluargaan merupakan trend yang

berjaya meletakkan mesej-mesej berkaitan keagamaan. Walaupun kelima-lima karya pengarah-pengarah filem tersebut terdiri daripada genre komedi, drama, dan patriotisme, mesej berkaitan kekeluargaan dilihat begitu kuat dipaparkan dan menjadi trend yang jelas membantu dalam menyesuaikan mesej berkenaan Islam.

Dengan itu, kajian dapat mengaitkan bahawa dalam menerbitkan pemaparan Islam, pengarah-pengarah filem hanya meletakkan kekuatan pemaparan kepada trend cerita berbanding meletakkan pemaparan tersebut secara spesifik kepada watak wanita. Namun, terdapat karya mengenai watak wanita yang mengenakan pemaparan Islam bukan disebabkan trend cerita semata-mata. Faktor luaran juga menjadi penyebab kepada berlakunya pemaparan tersebut. Bagi karya-karya lain, pemaparan Islam banyak ditumpukan kepada trend penceritaan berbanding pemaparan secara fizikal terhadap wanita. Hal ini memandangkan karya-karya lain lebih mementingkan situasi dan suasana jalan cerita yang perlu disesuaikan terlebih dahulu berbanding meletakkan pemaparan Islam secara fizikal kepada wanita. Justeru, dalam memahami penyesuaian yang dilakukan ke atas pemaparan wanita, terdapat dua keadaan yang begitu jelas iaitu dari segi penceritaan dan pemakaian kostum wanita.

Kajian juga mendapati bahawa pemaparan Islam dalam dua keadaan tersebut diletakkan sebagai pemaparan sampingan. Hal ini memandangkan karya-karya yang dihasilkan telah diletakkan serta terikat dengan sistem genre. Merujuk karya yang menggunakan genre patriotisme, kajian jelas mendapati perwatakan wanita hanya dapat diletakkan pada bentuk pemaparan sampingan terutamanya pada babak watak wanita yang menjaga maruahnya dengan tidak begitu rapat dengan watak lelaki. Selain itu, tema cerita berkaitan kekeluargaan juga membawa pemaparan sampingan yang memberikan

mesej berkaitan keagamaan. Pemaparan sampingan turut wujud dalam karya yang menggunakan genre drama dakwah. Walaupun karya-karya tersebut meletakkan cerita berunsurkan dakwah, pemaparan wanita dilihat tidak digambarkan dengan jelas dalam bentuk Islamik secara fizikal. Hal ini sekali lagi menunjukkan pemaparan wanita dalam bentuk penampilan fizikal Islamik tidak begitu ditekankan.

Berdasarkan peranan perkembangan cerita ini, maka dengan membincangkan persoalan berkenaan genre, trend cerita, dan penceritaan sampingan, secara jelasnya menunjukkan pemaparan wanita dalam ideologi Islam di Malaysia masih belum dapat dilaksanakan mengikut dasar yang telah ditentukan oleh sistem yang memerintah. Sebaliknya, ia banyak ditentukan oleh sistem ideologi industri perfileman di negara ini. Hal ini dapat dilihat berdasarkan pandangan Juliana dan Mahyuddin (2009) yang menegaskan filem-filem Malaysia banyak mendukung ideologi dominan sistem pemerintah. Ideologi dominan pemerintah ini termasuk meletakkan ideologi kapitalisme sebagai sistem yang menentukan sosiopolitik kerajaan yang memerintah.

5.3.2 Penampilan Badan Wanita

Di bawah tema seterusnya, kajian mendapati bahawa dalam usaha untuk memahami pemaparan Islam terhadap watak wanita, perkara yang jelas perlu dilihat ialah persoalan penampilan badan wanita. Berdasarkan analisis teks yang dijalankan, penampilan badan wanita dapat dibincangkan dengan lebih mendalam apabila merujuk kepada beberapa subtema seperti kreatif artistik, sederhana, dan eksploitasi. Secara umumnya, pengarah-pengarah filem mendapati bahawa dalam menyesuaikan sebarang pemaparan Islam, pengarah-pengarah filem harus menggunakan beberapa kaedah yang lebih

kreatif dan artistik. Dengan itu, kajian mendapati pengarah-pengarah filem menyesuaikan pemaparan Islam terhadap jalan cerita dalam filem. Dengan itu, watak telah berjaya dimanipulasi terutamanya dalam bentuk peranan mereka dalam filem. Melalui peranan tersebut, mesej-mesej yang berkaitan Islam dapat diwujudkan secara implisit.

Daripada subtema ini, kajian melihat bahawa pandangan Du Gay dan Hall (1997) dapat menerangkan cara penampilan badan wanita cuba dipaparkan dalam proses produksi dan seterusnya konsumsi. Hal ini dapat dilihat apabila setiap penampilan badan wanita cuba dipaparkan dengan cara yang kreatif dan artistik. Dengan itu, pada asasnya filem-filem yang dihasilkan oleh pengarah-pengarah filem disesuaikan secara implisit dengan pemaparan Islam. Penyesuaian secara implisit bermakna setiap pemaparan wanita yang dihasilkan dalam kebanyakan karya-karya filem yang telah dikaji tidak begitu menekankan kepada pemaparan Islam.

Dengan ini, kajian mendapati usaha untuk memaparkan ideologi Islam dalam filem harus dilihat secara kritikal. Dalam memahami keadaan ini, pengkaji menerima pandangan Mahyuddin (2011) yang menyatakan dalam proses konsumsi melalui teori artikulasi budaya, pengguna atau dalam konteks kajian ini penonton dilihat akan 'termakan' kod-kod yang diproduksi oleh penerbit dan akhirnya pemaparan makna dalam setiap representasi tersebut menjadi identiti penonton. Berdasarkan kajian ini, identiti yang wujud melalui proses kreatif dan artistik secara umumnya banyak dikaitkan dengan penceritaan yang difokuskan kepada babak-babak tertentu dalam setiap filem yang dihasilkan. Hal ini menjelaskan bahawa dalam filem yang dihasilkan,

penyesuaian pemaparan Islam hanya dapat dilihat pada mesej-mesej yang dihasilkan dalam babak-babak tertentu sahaja. Dengan itu, pemaparan wanita tidak dijelaskan secara terperinci dalam menentukan pemaparan Islam dari segi penampilan luaran. Namun, pemaparan wanita dikaitkan dengan peranan lakonan yang diolah oleh pengarah filem bagi tujuan membentuk mesej-mesej tertentu yang dilihat disesuaikan dengan pemaparan Islam.

Berdasarkan karya-karya yang dikaji, penggunaan kreatif dalam penceritaan dapat dilihat pada karya yang memaparkan peranan watak seperti watak wanita sebagai seorang anak. Melalui peranan sedemikian, wujud mesej-mesej berdasarkan pemaparan Islam dalam konteks hubungan baik contohnya antara seorang anak perempuan dengan seorang ayah. Selain itu, kajian melihat penggunaan teknik suara iqamat yang menunjukkan bahawa dalam Islam, ketika mendapat seorang anak perempuan, maka harus dilaungkan iqamat ke telinga kanan bayi perempuan tersebut. Dengan merujuk kepada contoh di atas maka pengkaji dapat menjelaskan bahawa persoalan kreatif dan artistik ini membentuk identiti tertentu dalam filem yang meletakkan pemaparan Islam. Woodward (1997) menyatakan identiti merupakan satu bentuk konstruk sosial yang mempunyai makna yang pelbagai dan amalan merangkumi persoalan kelas, *nationality*, bangsa dan juga agama.

Identiti peletakan mesej Islam melalui cara yang kreatif dan artistik juga dapat dilihat melalui contoh karya yang meletakkan wanita sebagai watak protagonis pada babak awal dan kemudian berubah kepada watak antagonis. Keadaan ini sekali lagi melibatkan kreativiti terhadap jalan cerita. Walaupun dari segi pemaparan, wanita

dilihat sederhana dan tidak jelas mencerminkan pemaparan Islam, terdapat karya yang cuba untuk menyampaikan mesej tentang dakwah dari sudut keinsafan watak utama dengan bantuan watak wanita sebagai ejen perubahan dalam cerita.

Justeru, berdasarkan gambaran yang dapat dilihat daripada persoalan kreativiti dan artistik ini, kajian mendapati bahawa untuk meletakkan pemaparan Islam dalam setiap karya yang dikaji bukanlah satu perkara yang mudah dan dapat dilihat secara eksplisit sahaja. Walau bagaimanapun, berdasarkan pengamatan terhadap babak-babak yang dikaji serta temu bual yang dilakukan, jelas bahawa pemaparan Islam pada asasnya banyak diletakkan pada persoalan mesej melalui jalan cerita dalam filem. Hal ini juga dianggap sebagai alasan kepada penyesuaian pemaparan Islam. Dalam soal ini juga, akhirnya pemaparan wanita hanya dapat dilihat pada persoalan pemaparan yang bersifat sederhana.

Pemaparan wanita dalam bentuk sederhana ini bukan hanya merujuk kepada penampilan wanita, malah penceritaan filem yang dihasilkan juga banyak memberikan gambaran tentang kesederhanaan Islam. Kesederhanaan Islam ini dilihat wujud apabila kebanyakan cerita yang diterbitkan mengambil latar sebenar sistem pemerintahan yang meletakkan Islam dalam bentuk sederhana. Kesederhanaan ini bukan hanya digambarkan melalui cerita, malah pemaparan badan wanita juga dilihat banyak membantu menggerakkan cerita melalui gandingan dengan watak lelaki. Perkara ini dinyatakan oleh Julian (2011) iaitu pemaparan wanita dan lelaki turut tidak terlepas daripada membawa persoalan keagamaan sebagai salah satu identiti kesederhanaan dalam pemaparan imej keagamaan dalam sesebuah masyarakat.

Karya-karya yang benar-benar cuba meletakkan penampilan Islam terhadap wanita didapati masih belum dapat mengelakkan unsur suasana moden yang dicerap daripada realiti sebenar situasi di Malaysia. Justeru, pengarah-pengarah yang ditemu bual mengakui bahawa kekuatan dalam menentukan sebarang pemaparan tentang Islam adalah dalam bentuk kesederhanaan. Hal ini sekali lagi berkait rapat dengan suasana sistem Islam yang ditonjolkan oleh pemerintah yang banyak menekankan ciri-ciri kesederhanaan apabila merujuk kepada sistem dan dasar berkenaan Islam. Keadaan ini dapat diterangkan melalui pandangan Althusser (1971) yang melihat bahawa penerbitan semula sesuatu pemaparan akan membentuk ideologi dominan kepada masyarakat melalui *Apparatus* Ideologi Negara seperti filem. Beliau juga mengemukakan konsep interpelasi yang akhirnya mengikat pemahaman masyarakat melalui pemaparan kesederhanaan dalam filem. Justeru keadaan ini terbukti melalui pemaparan Islam yang begitu sederhana dalam karya yang telah dikaji.

Melihat kepada keseluruhan karya yang telah dikaji, hanya satu karya sahaja yang didapati tidak meletakkan latar dunia moden dalam filem. Namun, persoalan kesederhanaan masih lagi dijadikan elemen penting bagi memahami tentang pemaparan wanita. Hal ini memandangkan filem beliau menumpukan kepada persoalan bangsa iaitu Melayu. Melalui persoalan ini juga, elemen kesederhanaan wujud dalam filem karya beliau. Akhirnya pemaparan berkaitan Islam banyak dibayangi oleh pemaparan Melayu termasuk dalam konteks penampilan wanita. Berdasarkan perbincangan di atas, ia dapat diterangkan dengan melihat kembali kepada pandangan Althusser (1971) dan Thompson (1999). Disebabkan ideologi dominan sistem yang mengawal penerbitan

filem sememangnya mementingkan persoalan budaya Melayu, sudah semestinya ia cuba diasimilasikan dalam pemaparan Islam. Hal ini sekali lagi menerangkan proses interpelasi yang akhirnya mengakibatkan pemaparan tersebut dilihat sebagai sesuatu yang normal atau semula jadi. Dari segi lain, ideologi budaya moden yang menyeimbangkan pemaparan moden dalam masyarakat Melayu dilihat sebagai satu penerimaan oleh masyarakat. Hal ini disebabkan oleh sistem ideologi dominan pemerintah yang turut menerima sistem kapitalisme dalam penentuan politik dan ekonomi.

Contohnya, banyak penampilan sederhana jelas menjadi pemaparan terhadap watak wanita. Kesederhanaan dilihat turut terhasil disebabkan oleh situasi moden yang cuba diterapkan dalam karya beliau. Justeru, watak wanita diletakkan dalam penampilan Islam dengan mengenakan gabungan pemakaian tudung dan fesyen moden. Selain itu, penampilan sederhana ini juga dijadikan alasan karya-karya yang dikaji memandangkan ia cuba disesuaikan dengan gaya hidup watak wanita yang dipaparkan berkerjaya dalam dunia periklanan yang memerlukan gaya hidup yang aktif dan lasak.

Terdapat perbezaan dengan karya yang tidak meletakkan pemaparan wanita dalam pemakaian yang lengkap bertudung. Namun, persoalan kemodenan juga merupakan alasan yang jelas mengakibatkan perwatakan wanita dipaparkan dalam keadaan sederhana. Walaupun terdapat karya yang memaparkan dalam babak awalnya wanita berada di kampung, faktor kemodenan merupakan sebab yang jelas yang mengakibatkan wanita akhirnya mengenakan pemakaian moden. Malah ia melambangkan pemaparan negatif terhadap watak wanita. Keadaan ini membuktikan

bahawa dalam memahami pemaparan wanita, faktor kemodenan memainkan peranan yang penting dalam meletakkan sebarang stereotaip ke atas watak wanita. Hal ini seperti pandangan oleh Shamsul (2007) yang melihat bahawa faktor kemodenan telah mengubah pemaparan stereotaip terhadap wanita dalam masyarakat. Justeru perkara ini juga wujud dalam pemaparan wanita dalam filem.

Kesederhanaan dan realiti berkenaan suasana moden turut berlaku pada karya-karya lain. Berdasarkan penampilan kesederhanaan ini, kajian mendapati bahawa faktor yang jelas bagi pemaparan wanita dalam keadaan tersebut adalah berkait rapat dengan persoalan suasana realiti masyarakat yang wujud di Malaysia. Hal ini terutamanya apabila kebanyakan karya yang dikaji meletakkan persoalan kemodenan sebagai salah satu latar dalam filem mereka. Dengan itu, persoalan pemaparan Islam juga dilihat tidak berlaku secara langsung disebabkan oleh ideologi sistem pemerintahan. Sebaliknya ia berlaku dalam suasana moden yang diterapkan dalam masyarakat pada ketika ini. Disebabkan faktor kemodenan ini juga, pemaparan Islam ditonjolkan dalam bentuk yang sederhana.

Kajian ini juga mendapati bahawa pemahaman berkenaan sistem Islam di Malaysia dalam kalangan pengarah filem berkait rapat dengan dua perkara iaitu kemodenan dan kesederhanaan. Justeru sekali lagi pandangan Thompson (1999) tentang persoalan ideologi dalam budaya moden menjadi begitu signifikan. Akhirnya ia mengukuhkan makna pemaparan wanita dalam konteks kesederhanaan Islam dan budaya moden Melayu melalui proses artikulasi budaya. Du Gay dan Hall (1997) sekali lagi dapat menjelaskan hal ini melalui proses konsumsi dan identiti yang wujud dalam proses

artikulasi budaya. Berdasarkan teori ini maka dengan meletakkan faktor kemodenan dalam konsumsi watak wanita, pemaparan Islam telah dikonsumsi dalam keadaan sederhana. Akhirnya ini membentuk identiti yang dilihat diterima sebagai makna pemaparan wanita dalam setiap karya yang telah dikaji.

Dari segi eksploitasi pula, kajian mendapati terdapat beberapa keadaan yang pemaparan Islam dieksploitasi secara tidak langsung dalam karya-karya yang telah dikaji. Namun, persoalan eksploitasi dapat dilihat dengan jelas pada dua keadaan. Kajian mendapati eksploitasi wanita dilihat dari segi: pertama, watak wanita banyak dijadikan sebagai watak yang dikawal dan berada di bawah lelaki. Pandangan Gauntlett (2008) dapat mengukuhkan faktor pertama eksploitasi wanita apabila beliau menyatakan bahawa setiap pemaparan termasuk eksploitasi wanita terutamanya pemaparan wanita dan lelaki bukan berdasarkan dunia realiti semata-mata. Malahan, eksploitasi juga akan wujud dengan meletakkan sebarang rekaan yang diadakan oleh produksi filem. Dengan ini, pemaparan Islam yang direka dalam bentuk eksploitasi wanita akan dijadikan ideologi yang akan diterima oleh penonton seolah-olah ia adalah daripada dunia realiti mereka.

Selain itu, watak wanita juga turut dieksploitasi dari segi badan bagi tujuan-tujuan seksualiti yang lain. Hal ini ditegaskan melalui pandangan Shamsul dan Fauzi (2006) yang menjelaskan bahawa pemaparan wanita dilihat sebagai salah satu komoditi yang diterbitkan melalui pemaparan gender. Akhirnya watak wanita ini dilihat sebagai objek dalam strategi menarik perhatian watak lelaki dan juga penonton. Kedua, eksploitasi wanita dapat dilihat bagi tujuan untuk meletakkan mesej-mesej pemaparan Islam sama

ada secara implisit atau eksplisit. Mahyuddin (2009) menjelaskan bahawa ideologi sistem patriaki masih lagi dominan walaupun pada asasnya pemaparan wanita meletakkan mesej-mesej berkaitan Islam. Keadaan ini berlaku apabila kajian mendapati kebanyakan karya yang memaparkan wanita masih lagi berada di bawah penceritaan yang menekankan sistem patriaki.

Sebagai contoh, eksploitasi jelas dapat dilihat pada kebanyakan karya yang dikaji. Walaupun terdapat karya-karya yang cuba memaparkan elemen-elemen Islam, masih lagi terdapat unsur-unsur eksploitasi dari segi menggunakan watak wanita sebagai objek perhatian lelaki. Selain itu, eksploitasi juga berlaku dalam bentuk memperlihatkan wanita sebagai watak yang sentiasa berada di bawah kawalan watak lelaki. Terdapat juga karya yang meletakkan watak wanita sebagai anak kepada watak lelaki dan watak wanita ini jelas dikawal dan menjadi objek pada watak lelaki sehingga ke penghujung cerita. Keadaan ini menerangkan bahawa pemaparan wanita dilihat masih lagi berada di bawah ideologi dominan patriaki (Mahyuddin, 2009; Stam, 2000) dan ini menjadikan watak wanita tidak dapat lari daripada menerima tekanan dan juga kawalan daripada watak lelaki. Hal ini berlaku terutamanya dalam karya-karya yang diterbitkan atau diarah oleh pengarah-pengarah lelaki.

Bagi pandangan eksploitasi kedua pula, kajian mendapati wujud fungsi kawalan yang bertindak dengan tujuan untuk menerbitkan makna dari sudut pemaparan Islam. Walaupun kajian mendapati pemaparan Islam ini banyak dipaparkan dalam bentuk sederhana, amat penting bagi kajian ini menyatakan bahawa dengan mengeksploitasi watak wanita maka beberapa filem yang dikaji telah berjaya menerbitkan pemaparan

Islam secara implisit. Hal ini dapat dilihat berdasarkan eksploitasi wanita dalam perkembangan penceritaan.

Sebagai contoh, terdapat karya yang meletakkan wanita sebagai sebab akibat dalam plot penceritaan. Hal ini bagi tujuan menggerakkan mesej-mesej yang berkait rapat dengan perbuatan-perbuatan yang mengakibatkan timbulnya penyesalan terhadap watak lelaki. Walaupun watak wanita tidak digarapkan dalam pemaparan Islam dengan sempurna, dengan memberikan ruang kepada wujudnya insiden terhadap watak wanita maka mesej keinsafan ke atas dosa yang dilakukan dapat diterbitkan. Hal ini dapat difahami apabila melihat kepada penerbitan makna yang dijelaskan oleh Du Gay dan Hall (1997). Sekali lagi, mereka menjelaskan bahawa setiap makna dalam konteks kajian ini cuba menerapkan mesej Islam. Namun pada tahap produksi, watak wanita harus diketengahkan sebagai penyebab kepada penerbitan makna Islam dalam filem. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati mesej yang dihasilkan adalah bersifat implisit bagi pemaparan Islam berbanding pemaparan wanita dalam filem. Hal ini akhirnya mengakibatkan pada tahap konsumsi, elemen teori artikulasi budaya membentuk sebuah cerita yang menonjolkan watak wanita sebagai watak yang pasif dan negatif.

Dengan merujuk kepada teori artikulasi budaya juga, kajian dapat melihat bahawa penggunaan kostum pada tahap produksi lebih mengutamakan pemaparan wanita dalam suasana Islam dan moden. Justeru, kajian mendapati pengarah-pengarah filem seperti daripada beberapa karya masing-masing cuba mengenakan kostum yang melambangkan Islam moden dan sederhana terhadap watak wanita. Islam moden ini

dilihat jelas memberikan gambaran terhadap realiti sistem sosial yang berlaku dalam masyarakat di Malaysia. Penggunaan tudung oleh wanita dalam karya tertentu telah meletakkan satu bentuk pemaparan yang cuba disesuaikan dengan perwatakan wanita dalam filem tersebut. Wanita dalam karya beliau dinyatakan sebagai watak yang mempunyai latar pengajian dari Timur Tengah. Dalam keadaan ini, teori artikulasi budaya pada tahap identiti dapat menerangkan bahawa penerimaan ideologi dominan daripada sistem yang memerintah yang berlatarkan sistem ideologi kapitalisme mengakibatkan pemaparan tentang kemodenan diberikan penekanan.

Namun, pengkaji juga mendapati wujudnya eksploitasi kostum dalam karya tertentu yang mengambil peluang daripada personaliti pelakon di luar watak karyanya sebagai strategi meletakkan pemaparan Islam terhadap wanita. Justeru, kajian juga mendapati faktor personaliti watak di luar dunia filem turut membantu pengarah-pengarah filem dalam meletakkan pemaparan Islam. Walau bagaimanapun, perkara ini didapati tidak selalunya wujud dalam kebanyakan filem-filem yang diterbitkan di Malaysia. Hal ini disebabkan oleh kajian mendapati bahawa tidak banyak pengarah filem yang mempunyai pandangan yang sama dalam soal eksploitasi personaliti pelakon yang menggunakan pemaparan Islam. Justeru, melalui kajian ini, persoalan eksploitasi wanita dilihat mempunyai fungsi bukan hanya disebabkan oleh faktor ideologi dominan sistem patriarki. Malah, penggunaan wanita dilihat turut disesuaikan dengan pemaparan Islam yang mampu disampaikan berdasarkan mesej-mesej secara implisit melalui peranan penampilan dan jalan cerita watak wanita dalam filem-filem yang dikaji.

5.3.3 Tingkah Laku Moraliti

Berdasarkan pemaparan Islam di bawah tema tingkah laku moraliti, kajian mendapati bahawa pemaparan wanita banyak ditumpukan kepada persoalan berkaitan kesesuaian kostum, tingkah laku pasif dalam cerita melalui lakonan, serta persoalan yang berkaitan

dengan kesetiaan. Ketiga-tiga persoalan ini dilihat dapat dikaitkan dengan penyesuaian yang dilakukan oleh pengarah filem terhadap pemaparan Islam ke atas watak wanita.

Pada asasnya, seperti yang dibincangkan pada tema-tema sebelum ini, kajian bagi tema ini turut melihat bahawa pemaparan dalam bentuk sederhana masih menjadi asas kepada karya-karya filem yang diterbitkan. Hal ini menjelaskan bahawa pengarah-pengarah filem secara tidak langsung sememangnya terpengaruh dengan realiti sosial dalam konteks memahami pemaparan sistem Islam dalam masyarakat.

Selain itu juga, kajian mendapati bahawa terdapat kesan langsung antara persoalan sistem genre, pemasaran, serta populariti dalam menentukan kesesuaian kostum yang dipaparkan dalam karya-karya filem yang telah dikaji. Justeru, hal ini sekali lagi menjelaskan bahawa pemaparan Islam yang disesuaikan oleh pengarah-pengarah filem tidak diterima secara langsung tanpa melihat kepada persoalan atau faktor yang dijelaskan tadi iaitu sistem genre, pemasaran, serta populariti. Dengan ini pandangan daripada Turner (2005) yang menyatakan watak sebagai ejen jelas dapat dilihat melalui perkaitan antara struktur naratif, kod konvensi, dan genre. Melalui perkaitan struktur naratif maka tingkah laku watak digerakkan untuk membentuk genre-genre tertentu. Dengan itu, kod konvensi berkaitan tingkah laku watak dapat diterjemahkan melalui pemaparan kostum dan tingkah laku seperti kesetiaan oleh watak wanita.

Namun, sistem genre ini dilihat tidak mempunyai pengaruh yang kuat terhadap penampilan watak wanita dalam memaparkan kostum yang signifikan dengan pemaparan Islam. Hal ini dapat dirujuk kepada kajian yang telah dijalankan terhadap karya sesetengah pengarah. Walaupun beberapa pengarah mengakui bahawa karya

yang diterbitkan merupakan karya bertemakan genre drama dan dakwah, dari segi pemaparan wanita ia masih lagi dipaparkan dalam bentuk sederhana. Perkara ini sekali lagi membuktikan bahawa pandangan daripada ideologi dominan oleh Althusser (1971) menerangkan keadaan ini dengan jelas disebabkan wujudnya interpelasi yang mengawal pemahaman berkenaan pemaparan wanita dalam ruang Islam yang dikelaskan sebagai sederhana. Hal ini juga didapati mendapat kesan secara tidak langsung daripada persoalan realiti sistem ideologi Islam yang wujud dan ia dilihat dari aspek kesederhanaan. Sebagai contoh, terdapat kostum dalam karya yang mengetengahkan latar watak wanita yang berpendidikan agama dari negara Timur Tengah namun masih disesuaikan dengan imej kesederhanaan, walaupun pada asasnya pemaparan sedemikian pada realitinya harus dipaparkan dengan pemaparan wanita yang lengkap dengan pakaian yang benar-benar menutup aurat. Justeru, perkara ini dilihat dapat disokong melalui kajian Hariyadi (2013) yang menjelaskan bahawa ruang filem yang meletakkan Islam sebagai ideologi penceritaan juga agak sukar untuk diklasifikasikan memandangkan elemen-elemen yang dapat menentukan sama ada sesebuah filem itu benar-benar boleh dikelaskan sebagai filem Islam atau Islamik masih lagi diperdebatkan.

Namun, disebabkan ideologi kesederhanaan dilihat menjadi ideologi dominan yang telah dikawal, maka interpelasi menyatakan pemaparan Islam sederhana sudah cukup menunjukkan makna pemaparan wanita yang berpendidikan dari Timur Tengah. Dengan itu, kajian mendapati bahawa sistem genre mempunyai kekuatan di samping jalan cerita yang mengukuhkan lagi sebarang penggunaan kostum. Perkara ini dilihat terbentuk disebabkan realiti sosial yang wujud dalam kalangan pengarah-pengarah filem berdasarkan pengalaman mereka. Hal ini terutamanya dari aspek melihat dan

menilai penerapan Islam oleh sistem yang memerintah. Berdasarkan hal ini juga, Luqman (2013) dan Mahyuddin (2009) menyatakan bahawa setiap pelaksanaan perkara berkaitan keagamaan di Malaysia dipengaruhi oleh sistem politik kerajaan yang memerintah.

Persoalan pasif juga menjadi intipati subtema yang turut dilihat cuba disesuaikan oleh pengarah-pengarah filem dalam karya-karya yang dikaji. Dalam kajian ini, didapati pemaparan pasif tidak hanya memperlihatkan watak wanita dalam keadaan lemah semata-mata. Namun, ia mewujudkan pemaparan yang signifikan dengan Islam. Hayward (2012) turut memperkatakan perkara yang sama iaitu watak wanita yang dibina dalam sesebuah pemaparan harus dibentuk mengikut penceritaan tertentu bagi membentuk imej stereotaip yang akan diterbitkan dan dipertontonkan. Justeru, pemaparan pasif merupakan ideologi yang lazim yang telah diletakkan dalam sesebuah cerita bagi memastikan watak wanita bertindak bersesuaian dengan genre tersebut (Hayward, 2012).

Terdapat beberapa contoh daripada karya yang diarahkan yang jelas meletakkan tingkah laku watak wanita pada keadaan yang pasif. Hal ini berdasarkan lakonan watak-watak wanita yang dilihat banyak menerima nasihat dan kawalan daripada watak lelaki yang digambarkan sebagai seorang ayah. Walaupun pada asasnya wanita dilihat dipaparkan dalam bentuk pasif, disebabkan ia menyampaikan mesej Islam dalam konteks ketaatan kepada ibu bapa, akhirnya pemaparan pasif tersebut disesuaikan dalam kedua-dua buah filem tersebut. Dengan itu, kajian mendapati bahawa pemaparan pasif ini tidak hanya mengarah kepada persoalan negatif semata-mata. Sebaliknya,

pemaparan pasif wanita dapat memberikan mesej dalam bentuk implisit terhadap pemaparan Islam. Namun, dalam konteks memahami pemikiran pengarah filem terutamanya dalam ruang pemaparan wanita yang berlatarkan proses Islamisasi, ia dilihat mempunyai pemahaman makna yang tersendiri. Hal ini memandangkan sepanjang proses Islamisasi, pada asasnya pemaparan wanita secara umumnya berbeza, terutamanya dari segi usaha mengangkat martabat wanita dalam pelbagai aspek dalam urusan sosial masyarakat di Malaysia (Hariyadi, 2013).

Persoalan kesetiaan juga dilihat wujud melalui tingkah laku moraliti. Kajian mendapati kebanyakan daripada karya-karya yang dikaji meletakkan persoalan kesetiaan sebagai mempunyai hubung kait dalam dua keadaan. Keadaan pertama ialah wujudnya hubungan kesetiaan antara watak wanita dan watak lelaki secara eksplisit. Keadaan ini turut menyokong pandangan Stam (2000) yang menekankan bahawa filem telah dibiasakan dengan memaparkan wanita dalam keadaan yang negatif termasuk pemaparan pasif. Hal ini meletakkan persoalan wanita dan pemaparan dalam suatu perdebatan.

Dalam keadaan kedua, ia mewujudkan mesej-mesej yang dapat dinilai dalam pemaparan Islam. Sebagai contoh, terdapat sebuah karya yang memaparkan filem bertemakan patriotisme yang jelas meletakkan tingkah laku berkaitan kesetiaan pada keseluruhan cerita. Terdapat babak-babak tertentu yang menunjukkan bahawa persoalan kesetiaan bukan hanya tertumpu secara fizikal kepada persoalan cinta antara watak wanita dan lelaki sebagai kekasih. Malah, kesetiaan turut diletakkan sebagai ketaatan watak perempuan terutamanya watak seperti Fatimah terhadap watak-watak seperti seorang bapa dan juga kesetiaan kepada bangsa dan tanah air. Tema-tema

sebegini didapati berkait rapat dengan pemaparan Islam. Dengan ini, ia dapat disokong menerusi pandangan Andersen (2005) yang berpendapat kajian berkaitan pemaparan wanita tidak hanya dapat ditumpukan kepada persoalan yang diutarakan oleh golongan feminis berkenaan seksualiti dan gender. Penekanan terhadap pemahaman makna yang dikonstruksi amat diperlukan untuk memahami persoalan pemaparan wanita yang berkaitan dengan keagamaan seperti yang terdapat dalam kajian-kajian lain. Dalam keadaan ini, pemaparan yang biasanya membentuk stereotaip iaitu kesetiaan dan cinta antara dua watak tidak hanya dipaparkan oleh pengarah filem, tetapi konteks kesetiaan ini juga diterjemahkan secara implisit terhadap pemaparan Islam.

Karya-karya lain juga jelas memaparkan persoalan kesetiaan namun memerlukan penelitian kerana mesej-mesej yang disesuaikan dengan pemaparan Islam ini berlaku dalam keadaan implisit atau tersirat. Karya-karya lain masing-masing tidak terlepas daripada memaparkan elemen setia terhadap watak wanita. Bermula daripada asas penceritaan berkaitan tema cinta, kajian mendapati bahawa kesetiaan wujud apabila penceritaan filem-filem yang dikaji banyak menumpukan kepada hubungan antara watak anak dan juga ibu atau ayah. Justeru, pemaparan filem dalam konteks kekeluargaan ini mempunyai asas kekuatan yang mudah untuk pengarah-pengarah filem cuba menyesuaikan sebarang pemaparan Islam terutamanya daripada mesej-mesej yang tersirat. Namun dengan merujuk kepada pandangan daripada Eng Lye (2010), setiap makna dan pentafsiran daripada sudut kesetiaan ini dilihat dipengaruhi oleh norma-norma masyarakat dan pemahaman terhadap Islam.

Dengan ini, wujud pelbagai makna daripada pemaparan yang berlatarkan konsep Islam sepanjang proses Islamisasi terhadap wanita di Malaysia. Pertembungan antara norma-

norma masyarakat dengan proses perkembangan Islamisasi ini menimbulkan kesukaran dan jelas pemaparan kesetiaan merupakan sebahagian daripada pemaparan Islam. Namun, merujuk kajian yang dilakukan oleh Saodah, Nor Faridah, dan Rizalawati (2014), jelas bahawa hubungan kuat antara filem dan agama adalah amat penting. Namun, dalam konteks agama membentuk lanskap budaya, ia perlu dikaji dan dilihat memandangkan budaya dan amalan agama sebagai ideologi dalam budaya adalah berbeza mengikut situasi dan ruang dalam sesebuah negara. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati mesej kesetiaan ini diselitkan dengan pemaparan yang mempunyai unsur nilai-nilai murni daripada pemaparan wanita yang menghormati orang yang lebih tua. Pemaparan ini jelas dilihat mempunyai mesej yang sama dengan nilai-nilai agama Islam yang mementingkan persoalan hormat dan kesetiaan yang diistilahkan di bawah konsep ketaatan dan ia disampaikan dalam bentuk tersirat. Kajian Ngoh dan Harith (2015) dapat menyokong bentuk pemaparan tersirat dalam konteks pemaparan keagamaan dengan menyatakan bahawa dalam konflik pemahaman Islam, pemaparan filem secara implisit masih mengangkat agama Islam sebagai bentuk pemaparan yang dominan. Dalam konteks ini, kajian mereka mendapati pemaparan Islam dominan merujuk kepada persoalan Islam yang bersifat universal. Sifat universal ini dipaparkan dengan meletakkan konsep kepelbagaian budaya sebagai salah satu elemen yang wujud dalam pemaparan Islam.

5.4 Perbincangan: Pemahaman Tentang Penerbitan Filem dan Ideologi Islam

(Matlamat kajian 2; Meneroka pemahaman penerbitan filem Melayu terhadap proses Islamisasi yang dijalankan oleh system politik iaitu sama ada ia memberikan impak atau sebaliknya terhadap pemaparan wanita dalam filem.)

Seterusnya perbincangan akan memberikan fokus terhadap matlamat akhir kajian iaitu meneroka pemahaman penerbitan filem Melayu terhadap proses Islamisasi yang dijalankan oleh sistem politikal sama ada ia memberikan impak atau sebaliknya terhadap pemaparan wanita dalam filem. Perbincangan ini sekali lagi mengguna pakai kerangka teori artikulasi budaya yang dikembangkan oleh Du Gay dan Hall (1997). Melalui teori tersebut, kajian meletakkan perbincangan berdasarkan lima aspek iaitu produksi, konsumsi, identiti, kawalan, dan pemaparan. Dalam kajian ini juga, kelima-lima aspek ini dijadikan sebagai tema kajian. Namun, pengkaji turut membincangkan teori-teori dan konsep berkenaan ideologi daripada aspek-aspek tertentu. Hal ini bagi membantu menerangkan lagi perbincangan terhadap dapatan kajian yang diperoleh.

5.4.1 Produksi

Kajian mendapati pemahaman tentang ideologi pemaparan Islam ke atas watak wanita masih lagi tidak jelas. Hal ini mengakibatkan hasil-hasil karya pengarah-pengarah filem yang ditemu bual tidak menerima pemaparan Islam sebagai satu bentuk pemaparan yang dominan dalam penceritaan filem mereka. Dengan melihat kepada proses penerbitan makna melalui teori artikulasi budaya yang dikemukakan oleh Du Gay dan Hall (1997), kajian ini dapat menerangkan bahawa setiap penerbitan makna sesuatu pemaparan bergantung kepada individu atau pihak yang mempunyai kuasa untuk menentukan jenis pemaparan yang ingin diterbitkan. Namun dalam kajian ini, pengkaji

mendapati pemaparan Islam tentang watak wanita tidak dapat disempurnakan memandangkan terdapat dua faktor kekangan.

Faktor pertama ialah apabila pengarah tidak bertindak sebagai penerbit. Keadaan ini menyukarkan seorang pengarah yang tidak bergelar penerbit untuk menentukan pemaparan Islam dengan jelas terhadap watak wanita. Faktor kedua berkait rapat dengan persoalan pemasaran iaitu permintaan pasaran yang amat bergantung kepada persoalan keuntungan.

Dalam keadaan ini, perbincangan disokong oleh kajian Juliana dan Mahyuddin (2009) yang mendapati bahawa faktor sesebuah filem di Malaysia dipilih menjadi sebuah filem bertaraf *box office* adalah dengan bersandarkan kepada ideologi dominan kapitalisme. Melalui ideologi ini, setiap pemaparan yang dihasilkan harus mengikut persoalan penentuan ekonomi yang berkait dengan permintaan dan pemasaran. Justeru, kajian mendapati makna diterbitkan melalui proses daripada teori artikulasi budaya ini dengan meletakkan tahap produksi ini kepada persoalan trend cerita.

Dengan meletakkan persoalan trend sebagai salah satu tahap yang wujud dalam produksi, kajian mendapati makna pemaparan Islam terhadap watak wanita dilihat bergantung kepada sistem genre. Dengan ini, kajian dan pandangan daripada Turner (2005) dapat diterima apabila beliau menjelaskan bahawa setiap pemaparan watak dalam penceritaan amat bergantung kepada perjalanan struktur naratif cerita tersebut. Justeru, beliau turut mengatakan fungsi atau peranan watak terutamanya wanita adalah

amat bergantung kepada perkembangan struktur cerita. Pandangan Hayward (2012) juga didapati wajar untuk dibincangkan dalam perbincangan ini memandangkan pemaparan watak dapat dilihat peranannya terutamanya apabila cerita yang dihasilkan mengikut sistem genre tertentu. Dalam keadaan ini, aspek produksi dalam teori artikulasi budaya sekali lagi membuktikan bahawa sistem genre merupakan satu bentuk produksi yang penting dalam menerbitkan pemaparan Islam tentang wanita. Dengan sistem genre dalam proses produksi, maka pengkaji mendapati pemaparan Islam hanya dapat diterjemahkan melalui sistem patuh syariah.

Justeru, kajian mendapati bahawa ideologi dominan pemaparan Islam yang diterima oleh pengarah-pengarah filem ialah pemaparan Islam harus berada di bawah sistem patuh syariah. Dengan ini, pemikiran pengarah-pengarah filem telah disemat dengan pernyataan bahawa pemaparan Islam hanya dapat diterbitkan dengan meletakkan atau membentuk sebuah cerita yang patuh syariah. Teori ideologi Althusser (1971) menerangkan cara-cara sesuatu ideologi diterima sebagai satu bentuk interpelasi yang membentuk norma dalam pemikiran masyarakat. Dalam kajian ini, konsep patuh syariah ialah satu bentuk interpelasi yang membentuk normalisasi dalam memastikan bahawa pemaparan Islam terhadap watak wanita dapat diterbitkan. Disebabkan itu, kajian mendapati pemaparan Islam terhadap wanita dilakukan dalam bentuk yang sederhana. Hal ini disebabkan oleh kebanyakan pemaparan Islam dikelaskan sebagai patuh syariah dan tidak dapat dipaparkan dalam genre yang lain.

Selain itu, dari aspek pemaparan Islam juga, kajian mendapati ia amat bergantung kepada populariti dalam penerbitan filem. Dengan itu, kajian juga mendapati ia akan menjadi trend dalam penceritaan yang akhirnya membentuk permintaan dalam

penerbitan filem. Dengan itu juga, ia sekali lagi dapat menunjukkan bahawa aspek trend cerita merupakan asas kepada ideologi dominan yang telah diterapkan dalam sistem masyarakat melalui sistem ekonomi politik pemerintah. Hal ini dapat dinyatakan melalui pandangan Du Gay (1997) dan Leve (2012) yang menerangkan bahawa ekonomi dan budaya merupakan dua perkara yang menghubungkan sesuatu kepercayaan dan penerimaan dalam masyarakat. Dalam hal ini, arah aliran cerita mengikut Islam yang popular merupakan satu bentuk cerita yang telah menjadi ideologi dominan dalam masyarakat. Bagi memastikan sesuatu pemaparan Islam itu dapat diterbitkan, maka Islam harus dibentuk sebagai satu bentuk cerita yang popular.

Dengan ini, aspek produksi di bawah teori artikulasi budaya oleh Du Gay dan Hall (1997) jelas membentuk pemahaman makna pemaparan Islam berdasarkan faktor populariti. Aspek produksi ini menerangkan bahawa dalam menentukan sebarang makna dalam pemaparan, ia tidak terlepas daripada faktor penentuan ekonomi. Dengan itu, kesimpulannya, pemaparan Islam terhadap watak wanita bukan wujud berdasarkan ideologi Islam oleh sistem pemerintah, sebaliknya ia banyak dipengaruhi oleh ideologi sistem ekonomi kapitalisme oleh pemerintah. Hal ini mempengaruhi aspek produksi yang bergantung kepada persoalan populariti dan trend cerita.

5.4.2 Konsumsi

Pada aspek ini, kajian mendapati terdapat beberapa subtema yang menunjukkan bahawa pemahaman terhadap pemaparan Islam dalam filem adalah mengelirukan. Hal ini memberikan makna bahawa pengarah-pengarah filem tidak meletakkan pemaparan Islam ke atas watak wanita dengan jelas. Perkara ini berlaku disebabkan wujudnya

kekeliruan daripada perbezaan institusi Islam antara agensi filem dan keagamaan. Selain itu terdapat faktor lain iaitu faktor kemahiran ilmu agama yang ada dalam diri pengarah filem yang ditemu bual. Kajian mendapati terdapat perkaitan yang kuat antara aspek produksi dan konsumsi dalam menerangkan pemaparan Islam terhadap wanita. Pandangan teori artikulasi budaya daripada Leve (2012) menerangkan bahawa persoalan kuasa dan pembentukan ideologi akan membentuk konsumsi terhadap pemaparan yang akan ditentukan untuk pengguna akhir iaitu penonton filem. Pengkaji mendapati bahawa pemaparan Islam terhadap wanita dilihat bermula daripada tahap produksi yakni sistem ideologi pemerintah yang meletakkan ideologi kapitalisme memberikan ruang kepada satu bentuk produksi yang mengikut arah aliran dan populariti sesebuah cerita dalam filem. Ideologi sistem pemerintah juga dilihat tidak meletakkan institusi keagamaan dalam institusi penerbitan filem. Keadaan ini mengakibatkan aspek produksi tidak dapat menerima dan menggunakan pemaparan Islam dengan jelas. Hal ini juga disebabkan wujudnya implikasi dasar Islam yang tidak jelas.

Hasilnya, konsumsi terhadap pemaparan Islam tidak dapat diaplikasi memandangkan wujud kekeliruan pemahaman terhadap Islam kesan yang disebabkan oleh perbezaan antara institusi agama yang dapat membantu aspek penggunaan atau konsumsi agama sebagai pemaparan tentang wanita. Dengan itu, kajian mendapati konsumsi pemaparan Islam terhadap watak wanita turut dilakukan dalam bentuk yang begitu keliru. Hal ini mengakibatkan terdapat pemaparan Islam terhadap wanita dalam cerita-cerita yang tidak bersesuaian dengan pemaparan Islam. Dengan itu, ia telah menjadi identiti yang dikonsumsi oleh pengguna. Perkara ini disokong melalui pandangan Mahyuddin (2011) serta Curtin dan Gaither (2015) yang menegaskan bahawa tahap produksi dan konsumsi

tersebutkemudiannya membentuk identiti. Identiti merupakan proses yang berlaku merujuk kepada makna yang diberikan terhadap sesuatu objek atau sesebuah kumpulan melalui proses produksi dan konsumsi. Justeru, segala perkara yang diproduksi untuk masyarakat atau penonton akan menjadi identiti sekiranya ia diterima.

Melalui konsumsi ini juga kajian mendapati pemaparan wanita yang diistilahkan terkeliru disebabkan oleh wujudnya sistem ideologi pemerintah yang membezakan institusi keagamaan serta dasar yang tidak jelas. Keadaan ini dikonsumsi sebagai satu pemaparan yang sekali lagi dilihat sebagai normal oleh pengarah filem. Justeru, ia menjadi satu perkara yang tidak begitu dipersoalkan dalam kalangan pengarah filem yang ditemu bual. Pemaparan Islam terhadap wanita yang keliru ini dapat dilihat dengan mengemukakan contoh karya kajian. Beberapa pemaparan meletakkan watak wanita yang mengenakan pemaparan Islam tetapi dalam genre-genre serta jalan cerita yang tidak bersesuaian. Selain itu, wujud penceritaan yang tidak bersesuaian dengan pemaparan Islam terhadap wanita. Namun, kajian ini mendapati tidak wujud sebarang persoalan dan perdebatan dalam kalangan pengarah filem. Perkara ini telah diterima sebagai *doxa* oleh pengarah filem.

Oleh itu, aspek konsumsi turut menerangkan teori *doxa* yang wujud dalam kalangan pengarah-pengarah filem. Berdasarkan pandangan Bourdieu (2000), *doxa* ialah suatu keadaan yang melibatkan sesuatu perkara itu sudah tidak menjadi persoalan dan perdebatan dalam masyarakat atau suatu kumpulan sosial, iaitu seolah-olah wujud *commen sense* dalam masyarakat berkaitan sesuatu perkara yang dilihat tidak perlu difikir dan dipersoalkan lagi. Akhirnya, masyarakat tidak mempersoalkan perkara yang dilihat kerana proses ideologi membentuk *doxa* mengakibatkan perkara yang

dipaparkan kepada masyarakat melalui persoalan pemaparan wanita ini menjadi perkara kebiasaan dan tidak dipersoalkan lagi. Hal ini terutamanya berkaitan pemaparan dalam filem aliran *mainstream* yang menetengahkan persoalan komersial. Kajian mendapati pemaparan Islam terhadap wanita dilihat tidak melalui aspek hukum yang jelas dan ini juga terkesan daripada faktor kemahiran agama yang wujud dalam kalangan pengarah yang ditemu bual.

Kemahiran ilmu agama ini juga dilihat dapat difahami melalui pemahaman teori yang diterangkan oleh Bourdieu (2000). Menurut Thorpe (2009), dalam usaha untuk memahami sesuatu *doxa*, proses tersebut bermula daripada tahap menjelaskan bahawa *capital*. *Capital* ialah konsep utama yang diketengahkan dalam ruang sosial masyarakat. Menurut Thorpe (2009), hal ini turut dikaitkan dengan persoalan gender. Menurut beliau lagi, Bourdieu mengelaskan *capital* kepada beberapa aspek seperti kuasa, kekayaan, hubungan sosial, budaya, kelayakan dari sudut latar akademik, dan juga fizikal badan. Beliau turut menyatakan setiap *capital* yang dilihat berada pada ruang sosial yang dinyatakan diatas digerakkan oleh ejen kuasa tertentu untuk menjadikan sesuatu *capital* itu wujud dalam keadaan sah atau diterima dalam masyarakat. Justeru, dalam hal kajian filem yang dikembangkan juga, dapat dikaitkan bahawa *forms of capital* dari segi budaya pada asasnya dikuasai oleh ejen sosial seperti pengarah dan penerbit dalam industri perfileman.

Dalam ruang lingkup yang lebih luas, setiap *capital* yang dinyatakan tadi berada di bawah konsep *field*. Konsep ini turut dikembangkan oleh Bourdieu. Menurut Webb dan Murarie (2009), *field* yang dapat difahamkan disini ialah konsep yang diletakkan kepada

institusi, nilai, dan peraturan yang boleh dikelaskan kepada kelompok-kelompok sistem dalam masyarakat seperti ekonomi, politik, agama, dan perundangan. Dengan ini ia membawa kepada satu hubungan atau interaksi yang wujud antara satu sama lain. Malah ia turut membawa impak kepada bentuk *capital* seperti budaya iaitu filem. Dalam hal ini, merujuk kepada konsep Bourdieu dalam suasana kajian di Malaysia, pengarah filem sebagai ejen sosial yang membentuk *capital* melalui citarasa nilai pemaparan wanita dalam filem harus dilihat mempunyai hubungan interaksi dengan *field* iaitu institusi, nilai, dan peraturan yang ditekankan pada ruang pemerintahan tertentu. Hal ini memupuk satu keadaan pemahaman tertentu terhadap alam sekeliling dalam setiap kelas atau *capital* sosial masyarakat seperti budaya. Pemupukan pemahaman inilah yang membentuk satu *habitus*.

Justeru, kajian mendapati *capital* yang wujud daripada latar akademik pengarah filem tidak menunjukkan bahawa mereka mempunyai kekuatan dari segi latar pendidikan agama. Justeru ini, membentuk interaksi antara *capital* atau kemahiran dalam kalangan pengarah seiring dengan *field* yang membentuk sistem institusi keagamaan yang terpisah daripada institusi perfileman. Keadaan ini mengakibatkan setiap aktiviti antara yang bersifat keagamaan dan filem menjadi tidak jelas. Keadaan ini menjadi *habitus* yang dipupuk dalam kalangan pengarah filem sehinggakan pemaparan Islam terhadap wanita yang dilihat terkeliru dan tidak bersesuaian dengan cerita diterima dan menjadi *doxa* dalam kalangan pengarah filem di Malaysia.

5.4.3 Identiti

Perbincangan tentang identiti adalah berdasarkan pandangan yang dinyatakan oleh Hall (1997) serta Curtin dan Gaither (2015), yang menjelaskan bahawa identiti bergantung kepada konstruk sosial. Konstruk sosial pula harus dilihat dari sudut kuasa sosial yang memberikan makna terhadap identiti tersebut. Dengan ini, Hall (1997) menjelaskan bahawa ia memberikan identifikasi kepada kuasa yang membentuk makna tertentu dan menghalang makna lain daripada menjadi dominan kepada pengguna atau masyarakat. Justeru, kajian mendapati pengarah-pengarah filem mengakui bahawa setiap pemaparan Islam dalam filem harus melihat kepada keadaan sekeliling serta realiti sosial filem tersebut diterbitkan. Hal ini turut disokong oleh Al Fatihah dan Normaliza (2014) dalam kajian mereka iaitu persoalan kritikan sosial yang merujuk kepada realiti sosial yang berlaku dalam masyarakat mempunyai pengaruh yang kuat terutamanya kepada seseorang pengarah dalam memaparkan watak dalam cerita. Oleh itu terdapat subtema yang diperoleh dalam kajian ini yang membentuk makna pemaparan dari aspek identiti, iaitu persoalan tentang Islam sederhana dan Melayu-Islam.

Kajian mendapati persoalan tentang Islam sederhana ini merupakan identiti yang diletakkan berdasarkan dasar dan ideologi sistem pemerintahan yang meletakkan persoalan nasionalisme dan budaya sebagai teras kepada struktur sosial dalam masyarakat di Malaysia. Hal ini disokong melalui kajian Mahyuddin (2011). Beliau melihat bahawa agak sukar untuk menerapkan pemaparan filem nasional yang sebenar dalam industri perfileman, lebih-lebih lagi dalam konteks melahirkan sebuah filem yang benar-benar dapat memaparkan identiti Islam di Malaysia. Selain itu, Mahyuddin (2011) mengemukakan pandangan bahawa dengan wujudnya gagasan daripada dasar kebudayaan kebangsaan yang meletakkan agama Islam sebagai komponen penting

dalam melahirkan segala bentuk kebudayaan pada peringkat nasional, maka sudah tentu artifak budaya seperti filem juga harus mementingkan nilai agama dan meletakkannya sebagai satu perkara yang penting.

Namun, dasar kebudayaan kebangsaan ini masih lagi perlu difahami dan diteliti, memandangkan dasar ini dilihat telah meletakkan pengukuhan hegemoni sistem dominan dalam masyarakat untuk diterima atau sebaliknya terutamanya dalam hal yang berkait rapat dengan komponen keagamaan tadi. Persoalan ini mengakibatkan sesuatu pemaparan filem dilihat disesuaikan mengikut budaya tertentu yang bukan hanya meletakkan agama sebagai satu-satunya pemaparan dalam filem. Justeru, pemaparan filem dari sudut watak dilihat meletakkan persoalan budaya Melayu dan Islam sebagai satu bentuk pemaparan yang dominan. Oleh itu, kajian mendapati pemaparan Islam ke atas wanita turut dibawa bersama pemaparan Melayu yang dilihat sebagai ideologi dominan dalam masyarakat.

Kajian juga mendapati perkara ini telah diterapkan daripada peringkat sosiopolitik dan menjadi pengaruh yang kuat dalam sebarang pemaparan dalam filem.

Pandangan ini disokong melalui kajian Gray (2015) yang menyifatkan bahawa dalam meletakkan Islam dalam filem-filem di Malaysia, latar sosial dan perkembangan perlulah dilihat iaitu dari segi pergelutan Islam yang bertembung dengan persoalan kemodenan dalam masyarakat Melayu. Hal ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Badrul dan Faridah (2012) yang menjelaskan bahawa bagi memahami pemaparan watak dalam filem, ia harus dilihat melalui satu bentuk kajian kritis dan merujuk kepada analisis kritis wacana. Pada asasnya, kajian yang dilakukan oleh mereka melihat kepada persoalan sinema sikap dalam kalangan penggiat industri filem di

Malaysia. Mereka mendapati identiti sesuatu pemaparan begitu terkesan daripada wacana perkembangan bangsa di Malaysia. Justeru, dengan melihat kepada landskap teori artikulasi di bawah aspek identiti, Leve (2012) berpandangan yang sesuatu identifikasi harus dilihat melalui perkembangan sejarah yang akan membentuk kapasiti terhadap sesuatu penerbitan makna. Woodward (1997) menyifatkan sebarang identiti yang terhasil daripada wacana tertentu akan memberikan kesan makna yang dominan kepada masyarakat.

Dengan merujuk kepada kajian Woodward (1997), kajian mendapati bahawa pengaruh daripada ideologi sistem politik pemerintah adalah begitu kuat dalam menonjolkan pemaparan yang bersifat sederhana dan beridentitikan Melayu-Islam. Hal ini terutamanya apabila melihat kepada sistem parti memerintah yang meletakkan ideologi nasional sebagai perkara yang dominan. Justeru, perkara ini memberikan kesan terhadap sistem sosial. Hasil daripada perkara tersebut juga, kajian mendapati pengarah-pengarah yang ditemu bual bersetuju dan terpengaruh dengan pemikiran nasional yang menonjolkan identiti Melayu. Kajian Badrul dan Faridah (2012) turut menekankan bahawa pengaruh ideologi daripada perkembangan sosiopolitik begitu mempengaruhi sesuatu pemaparan dalam filem. Hal ini berlaku terutamanya pada filem-filem era 1980-an sehingga awal 1990-an. Justeru, pemaparan watak dan cerita Melayu-Islam dilihat amat berkait rapat dengan sistem ideologi yang menguasai masyarakat pada era tersebut. Hal ini turut dilihat wujud dalam kajian yang dijalankan. Menurut pandangan Ghazali (2008), dalam usaha untuk memahami pemikiran pengarah filem Melayu abad ke-21, tumpuan harus diberikan kepada aspek pemikiran pengarah dalam menggarap setiap cerita melalui tema persoalan yang dikemukakan dalam karya mereka. Dalam keadaan ini, persoalan yang berkait rapat dengan jati diri

Melayu dilihat begitu penting untuk dinilai dalam keseluruhan proses penghasilan sesebuah filem.

Pemikiran Melayu begitu terikat dengan nilai budaya dan agama iaitu Islam. Hal ini menjadi satu bentuk ideologi dalam pemikiran Melayu ketika menterjemahkan sebarang pemikiran dalam karya-karya seni. Melalui pemikiran ini, ideologi pemikiran Melayu dilihat terus berkembang dan sentiasa sensitif dengan persoalan budaya serta agama dalam setiap aspek kerja yang melibatkan kesenian dan kesusasteraan. Kajian yang dijalankan oleh Shamsudin, Azhar, dan Ghazali (2015) mengaitkan kekuatan antara pemikiran Melayu yang terikat dengan persoalan tersirat dari sudut makna bangsa Melayu dan persoalan tersirat iaitu makna Islam dalam karya-karya tertentu terutamanya dalam sastra penulisan. Dalam kajian ini, makna Islam yang dilihat sebagai tersirat merupakan cerminan kepada pemaparan sederhana yang wujud di bawah pemaparan Melayu. Kesimpulannya, identiti pemaparan Islam terhadap watak wanita dilihat dalam konteks kesederhanaan memandangkan pengarah-pengarah filem terkesan dengan pemikiran ideologi dominan yang tidak menekankan persoalan nasional Melayu. Dalam keadaan lain pula, persoalan identiti Islam yang sederhana juga terpengaruh dengan persoalan kemodenan. Keadaan ini membuktikan pandangan Gray dalam kajian beliau bahawa watak Melayu dalam filem di Malaysia telah di'internasionalisme' kesan daripada pertembungan persoalan kemodenan dan peletakan agenda nasionalisme agama kepada sistem sosial dan politik yang memberikan kesan langsung terhadap pemaparan identiti masyarakat termasuk dalam soal pemaparan wanita itu sendiri.

5.4.4 Kawalan

Kajian ini menemui dua kawalan. Bagi kawalan pertama, kajian mendapati ia dilihat sebagai satu bentuk kawalan yang berlaku secara langsung. Melalui kawalan secara langsung, kajian menemui pengalaman pengarah-pengarah dalam mengikut aspirasi dan kehendak kerajaan, namun hal ini berlaku mengikut situasi dan keperluan-keperluan tertentu seperti mengawal penerbitan filem yang boleh menjejaskan imej kerajaan dan yang bertentangan dengan budaya dan agama terutamanya Islam. Keadaan ini berlaku berdasarkan ideologi dominan yang diterapkan dalam sistem pemerintah. Justeru, pada asasnya ideologi tertentu akan diletakkan pada setiap kawalan dan filem tidak terlepas daripada dijadikan alat untuk menyebarkan sesebuah ideologi. Hal ini dapat dibuktikan dengan melihat kepada teori ideologi yang dikembangkan oleh Althusser (1971) yang menyatakan sebarang kawalan dari segi ideologi tidak hanya berlaku dalam keadaan paksaan di bawah *repressive state apparatus*. Malah, beliau menyatakan bahawa *ideology state apparatus* juga merupakan salah satu cara pemerintah menanamkan sesebuah ideologi dengan meletakkannya ke atas institusi kerajaan termasuk industri perfileman. Hal ini turut dijelaskan lagi daripada kajian yang dijalankan oleh Karthigesu dan Tan Kim Bee (2008) yang mendapati filem sebagai salah satu media hiburan tidak dapat lari daripada menerima tekanan mahupun ideologi kuasa sosial atau *social power* daripada pihak yang dominan dalam sesebuah negara. Hal ini dapat dilihat dalam konteks Malaysia yakni ideologi yang mendasari sistem pemerintahan dilihat berpaksikan suatu nilai tertumpu seperti Rukun Negara.

Justeru, sebenarnya pemaparan yang wujud didapati sedikit sebanyak merupakan refleksi daripada ideologi dominan pemerintah. Seperti yang dinyatakan oleh Mahyuddin (2009), setiap pemaparan filem merupakan pemaparan daripada ideologi

dominan, maka pemaparan Islam yang ada melalui karya-karya yang dikaji dan pemahaman pengarah filem adalah hasil daripada pemikiran yang telah dikawal oleh sistem pemerintah. Kajian ini juga turut menerima pandangan daripada kajian yang dilakukan oleh Gaik Cheng (2006) yang menyatakan filem tidak berdiri sendiri dan akan sentiasa dikaitkan dengan konteks sosial walaupun ia dibentuk menjadi sesuatu yang bersifat fantasi. Hal ini mewujudkan konsistensi antara perkara yang berlaku di luar dunia filem yang diterjemahkan sebagai realiti dan diserapkan ke alam filem dalam bentuk fantasi.

Kawalan secara tidak langsung pula berlaku dari segi wujudnya trend-trend atau situasi tertentu yang lahir daripada sistem kawalan kerajaan yang diambil kesempatan oleh pengarah-pengarah filem untuk menerbitkan filem mengikut situasi tersebut. Dalam keadaan ini, kajian mendapati pada hakikatnya ia masih lagi terikat dengan ideologi yang berada di bawah sistem pemerintah. Mahyuddin (2009) memberikan pandangan bahawa ideologi kapitalisme yang dirujuk sebagai ideologi dominan telah membentuk industri perfileman di Malaysia. Justeru, sesuatu perkara yang dilihat dapat memberikan pulangan sama ada dalam bentuk pencapaian kutipan *box office* atau sebaliknya amat bergantung kepada sistem kapitalisme yang dibawa oleh ideologi dominan. Dengan itu, kajian mendapati pemaparan Islam yang dikawal mengikut pasaran semasa akan mengakibatkan pemaparan Islam ke atas wanita hanya diterbitkan mengikut faktor permintaan semata-mata.

Berdasarkan sistem kawalan secara tidak langsung ini juga, kajian mendapati bahawa pemaparan Islam dilihat dikawal di bawah faktor permintaan dan pemasaran. Hal ini

akhirnya menjadikan persoalan agama hanya sebagai satu kawalan di bawah sistem kapitalisme itu sendiri. Keadaan ini disokong melalui pandangan Thompson (1999) berkenaan ideologi budaya moden. Bagi beliau, pandangan mengenai persoalan keagamaan tidak lagi dijadikan intipati kepada masyarakat dibawah industri kapitalisme adalah berasas. Namun, dalam situasi kajian ini kita dapat melihat bahawa faktor keagamaan masih lagi bernilai. Walau bagaimanapun, ia bergantung kepada pasaran yang menentukan tahap keperluan kepada nilai keagamaan ini dalam setiap penerbitan sesebuah filem. Dengan itu, secara keseluruhan perbincangan ini dapat dijelaskan melalui pandangan artikulasi budaya oleh Leve (2012). Beliau merujuk kepada aspek kawalan dengan mengemukakan pandangan bahawa kawalan dalam pemaparan makna dapat dilihat dari dua aspek iaitu kawalan yang bersifat formal dari segi polisi kerajaan dan kawalan tidak formal. Hal ini menurut beliau berlaku pada tahap kawalan yang berada di bawah industri perfileman.

5.4.5 Pemaparan

Melalui tema pemaparan, kajian mendapati terdapat persamaan dari sudut pemahaman berdasarkan kajian pemikiran Melayu dan pengarah Melayu yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas. Kajian yang dilakukan oleh Zaiton dan Fuad (2011) mendapati pemikiran ialah satu produk yang telah diproses melalui proses fikiran dan pemikiran ini amat dipengaruhi oleh minda seseorang. Setiap saranan, idea, atau konsep yang dilahirkan oleh pemikiran membentuk kepercayaan dan ideologi yang juga merupakan falsafah hidup seseorang termasuk bangsa Melayu. Justeru, kajian mendapati pemahaman pengarah Melayu telah diterapkan dengan satu bentuk saranan, idea, atau konsep yang melahirkan kepercayaan dan ideologi tertentu terhadap pemaparan Islam dan juga watak wanita. Pemikiran yang membentuk kepercayaan dan ideologi ini pada

asasnya akan diterjemahkan dalam bentuk pemaparan tertentu. Kajian yang dilakukan oleh Rafedah dan Norkhadijah (2014) menerangkan keadaan ini dengan menyatakan pemikiran Melayu harus dinilai dari sudut sifat dan sikap Melayu itu sendiri. Bentuk pemikiran Melayu biasanya harus dilihat dari aspek jati diri Melayu terutamanya dalam ruang keistimewaan Melayu itu sendiri. Melayu selalu menterjemahkan pemikiran mereka dalam bentuk metafora. Penggunaan metafora ini membawa maksud bahawa setiap pemikiran akan diterjemahkan dalam bentuk sastra tertentu bagi menyampaikan mesej berkenaan perasaan dan emosi orang Melayu. Dalam konteks kajian ini pengkaji mendapati bahawa pemaparan berunsurkan Melayu tidak dapat lari daripada menjadi intipati pemaparan. Hal ini turut berlaku dalam konteks pemaparan wanita. Namun, kajian ini juga mendapati bahawa pemaparan Melayu tidak dapat dipisahkan dengan pemaparan yang mementingkan ciri-ciri kemodenan.

Pemaparan Melayu dan kemodenan ini harus dilihat memandangkan ia merupakan satu unsur yang bersifat semasa dan sampingan terhadap pemaparan Islam ke atas watak wanita. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Shamsudin, Azhar, dan Ghazali (2015) yang menyatakan bahawa terdapat kekuatan antara pemikiran Melayu yang terikat dengan persoalan tersirat dari sudut makna bangsa Melayu dan juga persoalan tersirat iaitu makna Islam dalam karya-karya tertentu terutamanya dalam sastra penulisan.

Kajian mereka mendapati bahawa ruang pemikiran dalam konteks seni dan kesusasteraan tidak dapat lari daripada mengungkapkan perihal masyarakat pada zaman tertentu. Perkara ini dilihat lahir daripada sejarah dan pengalaman seseorang pengkarya

yang akan membentuk satu pemaparan dan pemahaman kepada situasi sosial, kepercayaan, dan ideologi yang akan melambangkan kebudayaan bangsanya (Shamsudin et al., 2015). Kajian mereka juga mendapati bahawa bagi memahami bentuk sesuatu kesenian termasuk dalam bidang sastera, persoalan budaya-bangsa merupakan pelengkap yang tidak boleh diabaikan. Hal ini kerana pembentukan sesebuah makna dalam penulisan dan pemaparan itu dapat dilihat melalui persoalan budaya-bangsa.

Dalam ruang konsep ideologi, hal ini sekali lagi dapat diterangkan melalui pandangan Thompson (1999) yang mengungkapkan tentang ideologi budaya moden. Persoalan kemodenan merupakan perkara yang amat ditekankan dalam sistem sekularisme dan kapitalisme. Hal ini bagi memastikan persoalan keagamaan tidak akan dilihat sebagai perkara yang penting dalam masyarakat. Namun, perbezaannya ialah kajian ini mendapati pemaparan Islam tidak dilenyapkan secara terus, sebaliknya ia dilihat sebagai perkara sampingan dalam pemahaman pengarah-pengarah Melayu. Hal ini disokong dengan kajian oleh Shamsudin et al. (2015) melalui pemikiran tersurat dan tersirat yang mewakili persoalan bangsa dan agama Islam dalam pemikiran Melayu. Perkara ini menurut mereka merupakan intipati kepada falsafah yang selalu diterjemahkan oleh orang Melayu dalam kehidupan mereka. Ia turut mempengaruhi setiap tindakan dan kelakuan mereka dalam proses komunikasi. Namun, dalam kajian ini pemaparan Islam terhadap wanita dilihat jelas hanya disandarkan sebagai pemaparan sampingan dan sederhana.

Bagi memahami pemaparan Islam dan wanita dalam ruang pemikiran Melayu, pengkaji dapat mengaitkan dengan kajian yang dilakukan oleh Hani, Wan Amizah dan Mohd

Shahizan (2016) yang melihat beberapa aspek yang mempengaruhi pemaparan dalam filem. Kajian mereka meletakkan model konseptual hubung kait antara persoalan tradisi-agama-logik. Dalam kajian mereka, pemaparan watak Melayu biasanya berkisar kepada tiga perkara iaitu persoalan tradisi-agama-logik. Kajian mereka mendapati penggunaan agama dan wanita adalah dalam bentuk pemaparan logik terutamanya dalam memaparkan cerita genre seram. Dalam hal ini, pemaparan Islam didapati akan diletakkan ke atas watak wanita berdasarkan unsur logik yang akan disesuaikan mengikut genre yang diterbitkan. Perkara ini dilihat turut berlaku dalam pemaparan filem yang dikaji dan ini sekali lagi menjelaskan bahawa pemaparan Islam ke atas wanita hanya dilihat sekadar sampingan.

Selain itu, kajian turut mendapati arah aliran atau trend populariti merupakan faktor penentu kepada pemaparan Islam ke atas wanita. Hal ini dapat diterangkan dengan mengemukakan kajian oleh Juliana dan Mahyuddin (2009). Mereka mendapati setiap pemaparan yang diterbitkan oleh filem di Malaysia tidak dapat lari daripada memaparkan ideologi dominan kapitalis yang mendasari sistem yang memerintah. Dengan itu, sebarang proses pemaparan yang memerlukan trendd dan populariti merupakan satu bentuk ideologi dominan yang sedikit sebanyak diterima oleh pengarah filem dalam menentukan sebarang pemaparan Islam. Selain itu, kajian mendapati bahawa secara implisit, pengarah filem mengikut ideologi dominan ini sebagai satu budaya dalam menentukan sebarang pemaparan. Sebaliknya ideologi Islam yang dibawa oleh pemerintah hanya dilihat sebagai sesuatu yang bergantung kepada persoalan pemasaran.

Hasilnya, kajian mendapati bahawa pemaparan wanita masih lagi dibelenggu oleh pemaparan yang bersifat stereotaip. Dengan itu, pengkaji mendapati kajian Mahyuddin (2009) dapat menerangkan pemaparan Islam ke atas watak wanita. Beliau menyatakan bahawa filem dilihat bersandarkan kepada budaya, pemikiran, serta sistem sosial yang dominan di Malaysia iaitu sistem nasab bapa atau patriaki. Dengan itu, filem telah meletakkan wanita sebagai elemen yang tidak dapat menentang sistem patriaki dan wujudnya pertentangan jantina antara wanita dan lelaki dalam pemaparan.

Kesimpulannya, aspek pemaparan melalui teori artikulasi yang diasaskan oleh Du Gay dan Hall (1997) menjelaskan bahawa pemaparan merupakan makna yang diberikan berdasarkan idea yang wujud dalam ruang dan persekitaran tertentu. Dalam konteks kajian ini yang mengetengahkan pemaparan Islam pada watak wanita dalam ruang ideologi sistem pemerintah, telah jelas bahawa pemaparan Islam hanya dilakukan secara sampingan. Hal ini berikutan kajian mendapati bahawa ideologi dominan yang lebih utama seperti ideologi nasionalisme dan kemodenan adalah lebih diutamakan berbanding pemaparan Islam. Hal ini disebabkan oleh realiti sosial yang wujud dalam sistem pemerintah itu sendiri yang mementingkan persoalan nasionalisme dan kapitalisme dalam sistem pentadbiran. Secara tidak langsung, ini telah memberikan kesan terhadap industri perfileman negara.

5.5 Sumbangan dan Rumusan Kajian

Kebanyakan kajian yang berkait dengan pemaparan wanita banyak menumpukan dari perspektif Barat. Walaupun terdapat kajian pemaparan wanita yang menumpukan aspek lokal, tumpuan kajian-kajian tersebut hanya melihat kepada aspek teks dan makna sesuatu pemaparan. Kajian ini tidak hanya melihat pemaparan wanita dari aspek makna

pemaparan, malah ia turut disokong dengan kajian temu bual yang mendalam. Kajian terhadap pemaparan wanita pada telah banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain, namun kebanyakannya menggunakan pendekatan kritikan sosial terhadap teks filem. Sebaliknya, kajian ini telah menggabungkan dua bahagian kajian iaitu pada peringkat pertama, pengkaji menganalisis teks filem melalui beberapa karya yang telah dipilih. Pada peringkat seterusnya, kajian temu bual mendalam digunakan bagi memahami lebih lanjut pentafsiran makna yang diperoleh daripada kajian pertama. Dengan itu, kajian tidak hanya menggunakan pendekatan kritikan budaya, malah pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual mendalam turut digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Di samping itu, kajian ini mengemukakan beberapa sumbangan menarik tentang pemaparan wanita dalam industri perfileman.

Pertama, hasil kajian ini dapat menjelaskan serta mengukuhkan pemahaman terhadap persoalan berkaitan pengarah filem dan juga impak daripada sistem tempat sesebuah filem itu diterbitkan. Kajian telah menjelaskan persoalan ini dengan memberikan fokus terhadap pemaparan wanita dalam penerbitan filem. Dari segi pemaparan wanita mengikut aspek keagamaan iaitu Islam, kajian mendapati ia mengikut ideologi dominan sistem yang membentuk pemahaman terhadap Islam yang telah dibawa masuk ke penerbitan filem. Walaupun wujud pemahaman Islam sebagai ideologi dominan yang dibawa oleh pemerintah, ia hanya dilihat sebagai satu bentuk institusi yang beroperasi berasingan daripada sebarang aktiviti penerbitan filem. Akhirnya bentuk pemaparan Islam menjadi tidak begitu jelas terutamanya pada pemaparan wanita. Hal ini disebabkan oleh terlalu banyak makna pemaparan Islam yang hanya wujud pada tahap implisit dan sederhana. Jika wujud sebarang penerbitan sekalipun, ia adalah atas dasar komersial yang menjadi falsafah atau ideologi industri filem di Malaysia yang akhirnya

meletakkan sebarang pemaparan berasaskan Islam di bawah sistem genre tertentu atau diistilahkan sebagai konsep ‘patuh syariah’.

Justeru, kajian ini menemukan penjelasan konkrit berdasarkan data yang diperoleh serta perbincangan teoretikal yang menggunakan teori kritikan sosial neo-Marxisma yakni teori *ideology state apparatus* (ISA) yang sedikit sebanyak dapat menjelaskan bahawa ideologi berkenaan Islam merupakan satu bentuk *apparatus* yang telah diinstitusikan dan ini jelas wujud dalam amalan Islam di bawah sistem pemerintah. Namun, teori ini dilihat tidak dapat menjelaskan persoalan berkaitan Islam dalam penerbitan filem dengan jelas. Kekangan yang wujud daripada sistem kapitalis dalam industri perfileman di Malaysia telah mengakibatkan wujudnya bentuk pemaparan Islam yang sederhana. Pandangan daripada teori ideologi budaya moden diguna pakai bagi memahami amalan ideologi kapitalisme yang akhirnya merendahkan nilai keagamaan melalui pemikiran sekular. Hal ini mengakibatkan filem tidak dapat meletakkan pemaparan Islam mengikut amalan Islam sebenar berdasarkan ideologi dominan pemerintah yang turut menerima ideologi kapitalisme dalam sistem pentadbiran.

Kedua, filem Islam yang memaparkan wanita mengikut ideologi Islam hanya dapat diterbitkan dengan sempurna melalui sistem genre yang mengawal pemaparan wanita dari aspek Islam. Hal ini wujud dengan terbentuknya pandangan berkenaan konsep patuh syariah yang menjadi sebahagian daripada pemahaman yang dibincangkan di bawah industri budaya. Akhirnya, filem dan pemaparan wanita mengikut aspek Islam diseragamkan dan dikawal mengikut sistem yang telah dibentuk dalam industri perfileman di Malaysia.

Ketiga, kajian ini cuba membentuk satu konformiti atau pengesahan terhadap makna ideologi Islam di sebalik pemaparan wanita melalui penerbitan filem terutamanya di Malaysia. Melalui penggunaan teori *doxa* yang juga dapat difahami sebagai satu konsep yang cuba memahami norma sosial terhadap sesuatu fenomena, kita telah melihat pemahaman pengarah filem Malaysia terhadap amalan ideologi Islam dalam pengarah filem dengan begitu jelas dan sistematik. Berdasarkan data yang diperoleh, secara umumnya Islam yang dianggap sebagai amalan di bawah institusi pada hakikatnya tidak menjadi satu amalan yang semula jadi dalam pengarah filem. Sebaliknya, perkara yang disifatkan sebagai semula jadi dalam pengarah filem ialah tumpuan terhadap aspek komersial dan popular sesuai dengan ruang pemahaman terhadap medium filem itu sendiri yang dinilai dari aspek hiburan dan keuntungan semata-mata.

Implikasi terakhir dapat dibincangkan berdasarkan teori dan konsep ideologi itu tadi. Maka, kajian ini melihat setiap teori dan konsep berkaitan ideologi itu bergerak dalam teori artikulasi budaya. Dengan penggunaan teori artikulasi budaya yang diasaskan oleh Du Gay dan Hall (1997), proses pemaparan dan pemahaman Islam pada watak wanita dapat dilihat secara menyeluruh dan mendalam. Hal ini dilihat dari aspek yang wujud dalam teori tersebut iaitu produksi, konsumsi, identiti, kawalan, dan pemaparan. Kelima-lima aspek ini membantu menjelaskan dan mengaitkan konsep dan teori berkaitan ideologi. Justeru, teori artikulasi budaya ini dilihat telah menjadi rangka teori yang mencakupi perbincangan tentang pemahaman Islam terhadap wanita melalui teori dan konsep ideologi.

5.6 Cadangan Kajian

5.6.1 Fokus terhadap Persoalan Ideologi Kapitalisme

Kajian ini diharapkan dapat memberikan fokus terhadap persoalan ideologi kapitalisme melalui pandangan kritikan sosial di bawah pandangan klasikal Marxisme. Hal ini kerana ia amat membantu dalam menjelaskan perkara yang melibatkan industri perfileman di Malaysia. Dengan ini, ia dapat membuka ruang kepada perdebatan tentang tahap perkaitan sebarang pemaparan dengan persoalan keuntungan dan komersial yang dapat dijelaskan di bawah teori ekonomi politik terutamanya dari sudut ideologi kapitalisme.

Justeru, dalam soal ini, pandangan teori ekonomi politik Marxisme masih lagi dilihat relevan bagi melihat kajian berkaitan persoalan ideologi agama dalam pemaparan filem. Hal ini disebabkan oleh terdapat hubung kait yang begitu jelas antara industri perfileman dan amalan kapitalisme terutamanya dalam proses penentuan dan penerbitan sesebuah filem dan genre. Kajian terhadap genre dalam industri filem Malaysia juga dilihat penting dalam mengaitkan dengan perdebatan teori ekonomi politik Marxisme.

Hal ini terutamanya apabila dilihat kepada persoalan sistem genre yang bergerak di bawah ideologi kapitalisme. Genre biasanya hanya dilihat dalam konteks sistem dan pembinaannya dalam filem. Justeru, kajian yang melibatkan sistem genre dari segi teori kritikan sosial dapat menjelaskan persoalan cara ia berfungsi dalam realiti sosial industri di Malaysia. Dengan itu, sistem genre yang berada di bawah pandangan

ideologi kapitalisme dalam ruang perbincangan kapitalisme ini akan membolehkan pemahaman tentang pemaparan yang berkait rapat dengan persoalan agama dianalisis dengan lebih mendalam terutama berkaitan fungsi dan amalan sebenar sebarang wacana berkaitan dengan agama dan media.

Justeru, konsep hegemoni juga perlu ditekankan memandangkan wujudnya *consensus* tentang penerbitan filem melalui genre terhadap sebarang bentuk makna termasuk dalam persoalan agama dan media. Hal ini membuka ruang untuk menjalankan kajian kritikal terhadap fenomena berkaitan hegemoni dan juga pemaparan Islam di bawah ideologi kapitalisme. Maka, kajian melihat kepada institusi keagamaan sebagai satu lagi bentuk budaya yang dikonstruksi terutamanya dalam kajian media.

5.6.2 Melihat Pemaparan Wanita dari Sudut Pengarah Wanita

Kajian berkaitan pemaparan wanita ini juga dapat dilihat dari sudut pandangan pengarah-pengarah wanita yang mungkin akan membentuk data yang unik terutamanya apabila melihat kepada peranan dan pemikiran mereka terhadap penerbitan filem dan kaitannya dengan sistem pemerintahan dan ideologi agama. Hal ini bagi menentukan sama ada pandangan pengarah-pengarah wanita masih lagi berpaksikan ideologi dominan penerbitan filem di bawah sistem dominan yang sedia ada atau sebaliknya.

Selain itu, data tentang pemikiran dan pemahaman pengarah wanita dapat dibandingkan dengan data tentang pengarah lelaki terutamanya dari aspek pemahaman mereka tentang pemaparan dan peranan watak wanita dalam filem. Kajian perbandingan ini

dapat mengenal pasti pola pemikiran pengarah mengikut gender terutamanya berkenaan pemaparan wanita dalam filem serta perkaitannya dengan ideologi Islam.

5.6.3 Penekanan Terhadap Analisis Wacana Melalui Pendekatan Michel

Foucault

Cadangan kajian masa depan harus melihat terhadap analisis wacana yang dapat dijalankan dengan menggunakan pendekatan Michel Foucault yang mengasaskan gagasan pandangan tentang kekuasaan dan pengetahuan. Dengan menggunakan pandangan ini, ia dilihat mengarah kepada pendekatan pasca strukturalisme yang dapat membincangkan dan menerokai persoalan pemaparan Islam dalam filem dalam konteks yang lebih luas dan tidak hanya terikat kepada perdebatan kelas dominan seperti yang selalu diutarakan oleh pandangan ahli struktur dan klasikal Marxisme.

Justeru, dengan menggunakan pendekatan ini, dapat dilihat yang makna bukan terarah dan berakhir pada persoalan sistem ideologi pemerintah semata-mata. Malah, proses makna terhadap pemaparan wanita dan ideologi agama (Islam) dapat ditemukan pada makna-makna baharu yang lahir daripada wacana-wacana tertentu yang mungkin bukan hanya perlu difokuskan terhadap aspek sosiopolitik sistem pemerintah.

Dengan menggunakan kerangka wacana dan idea berkenaan kuasa dan pengetahuan atau *power and knowledge* daripada falsafah Michel Foucault ini, kajian tidak lagi hanya melihat persoalan makna daripada pemaparan (contoh dalam filem) pada aspek yang ditentukan dan dikaitkan dengan persoalan budaya dan institusi, tetapi persoalan

kuasa dan pengetahuan ini dilihat tidak terbatas pada kuasa pemerintah semata-mata. Malah, ia mencakupi pelbagai aspek sosial yang lain dan menunjukkan bahawa wujud kesan positif terhadap kuasa dan pengetahuan ketika memahami wacana pemaparan dalam filem.

Hal ini mewujudkan *discursive* dalam kajian dengan menggunakan pendekatan ini yakni pemaparan dan pengarah filem bukan hanya perlu dilihat dari aspek hubungan antara sistem dan kuasa kelas pemerintah tetapi juga dari aspek sosial yang lain yang lebih menumpukan kepada pengalaman peribadi, psikologi sekeliling, dan wacana yang lebih luas.

5.6.4 Kajian Pendekatan Kuantitatif

Berdasarkan data yang diperolehi daripada kajian ini, saranan seterusnya adalah untuk menjalankan kajian menggunakan kaedah kuantitatif bagi melihat secara jelas fenomena yang dikaji dari sudut ruang generalisasi. Pendekatan kuantitatif ini diharapkan dapat membantu dalam menjelaskan atau membuktikan teori atau konsep yang dibentuk atau dibina berdasarkan tema-tema bagi tujuan membuktikan kesahihan melalui data yang bersifat numerikal.

Selain itu, kaedah atau pendekatan kuantitatif ini juga akan membantu dalam usaha untuk memperoleh data populasi yang besar. Justeru, ia akan membuka ruang yang lebih luas dan jelas berkenaan fenomena kajian yang telah dijalankan. Dengan ini juga, data daripada kajian yang telah dijalankan yang hanya memberikan fokus kepada

kelompok populasi yang kecil dapat dikembangkan kepada populasi yang lebih besar. Hal ini akan membantu dalam dua keadaan iaitu pertama, dari sudut pengesahan teori yang diwujudkan berdasarkan tema-tema yang diperoleh dan kedua, memberikan gambaran secara deskriptif dan berbentuk statistik terhadap pola pemikiran dan pemahaman pengarah-pengarah filem terhadap fenomena yang telah dikaji melalui pendekatan kualitatif.


5.7 Kesimpulan Kajian

Secara keseluruhannya, pengkaji merumuskan bahawa pemahaman pemaparan Islam terhadap wanita harus difahami melalui proses pembentukan makna berdasarkan proses artikulasi budaya yang perlu dilihat mengikut lima aspek atau proses iaitu produksi, konsumsi, identiti, kawalan, dan pemaparan. Kelima-lima aspek ini dilihat turut membantu menjelaskan perihal setiap pemaparan yang wujud dalam filem termasuk pemaparan Islam dan wanita tidak dibentuk secara semula jadi. Justeru, hakikatnya setiap pemaparan mempunyai ideologi tertentu.

Dengan itu, pemaparan Islam dan wanita mempunyai makna yang terbina daripada satu bentuk kuasa yang mengawal pemaparan tersebut. Kuasa tersebut merupakan sistem yang memerintah yang membentuk norma dan kepercayaan yang menjadi ideologi dominan yang akan diterima masyarakat tanpa sebarang prejudis. Keadaan ini dilakukan melalui proses interpelasi yang mengukuhkan lagi hegemoni antara sistem yang mengawal makna dengan penerima makna iaitu antara penerbit dan penonton. Perkara ini berlaku dalam keadaan kawalan yang berlaku secara langsung atau tidak

langsung ke atas masyarakat yang menonton setiap pemaparan yang diterbitkan dan diarahkan oleh pengarah filem.

Selain itu, kajian tidak menolak pemikiran dan pemahaman pengarah filem terhadap sesuatu pembentukan makna yang lahir daripada proses pengalaman dan persekitaran sosial yang mereka peroleh. Berdasarkan hal itu, maka setiap perkara yang diperoleh akan dinilai sebagai satu bentuk ideologi yang tidak perlu dipersoalkan. Dengan itu, setiap pemaparan dalam filem dilihat sebagai satu bentuk yang lahir dari sudut pandangan dan falsafah mereka. Namun, disebabkan masih terdapat hubungan makna yang diterbitkan antara seseorang pengarah dan sistem yang mengawal aktiviti penerbitan makna tersebut, maka seseorang pengarah juga harus menerima sebahagian daripada ideologi tersebut sebagai ideologi dominan terhadap pemaparan watak dalam sesebuah filem.



UUM
Universiti Utara Malaysia

RUJUKAN

- Abrams, N., Bell, I., & Udris, J. (2001). *Studying film*. London: Arnold.
- Adlina, A.B. (2011). Pendekatan Islam Hadhari dan persepsi belia: Satu dapatan kajian. *Jurnal Hadhari*, 3 (21-40) Institut Islam Hadhari.
- Adlina, A. B. (2011). Perceptions of multi-ethnic university students toward the Islam Hadhari principle: *A survey in university putra Malaysia, in ethnic relations and nation building, the way forward*. In Maya Khemlani, James McLellan, Ngeow Yeok Meng, Lean Mei Li & Wendy Yee Mei Tien (Eds). Selangor: SIRD Publication.
- Adnan, H. (2011). *Mix methodology dalam penelitian komunikasi*. Yogyakarta: Aspiikom.
- Ahmad Fauzi, A. R. (2008). Islamist realignments and the rebranding of the muslim youth movements of Malaysia. *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 30 No. 2.
- Ahmad, Mohd Khairie (2008). Cultural Sensitivity in health promotion program: Islamic Persuasive communication. In *6th International Conference on Communication and Mass Media*, 19-22 May 2008, Athens, Greece.
- Al-Fatihah, MD. A. & Normaliza, A. R. (2014). Kritikan sosial dalam filem melayu zombi kampung pisang. *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 62-73.
- Althusser, L. (1971). *Ideology and ideological state apparatuses*. In L. Althusser (Ed.), *Lenin and Philosophy and other Essays*. New York: Monthly Review Press.
- Al Zahabi, J. (2006). Batas-batas aurat dan pergaulan serta hukum persolekan dalam Islam.
- Amir, H. D. (2013). *Pendidikan seks suatu perspektif sosial*. Perak: Penerbitan UPSI.
- Andersen, M.L. (2005). Thinking about women: A quarter century's view. *Gender & Society*, 19(4), 437-455.

- Aronson, M. (2010). *Nickelodeon City: Pittsburgh at the Movies, 1905-1929*. University of Pittsburgh Pre.
- Avery, R. K. & Eason D. (1991). *Critical perspective on media and society*. New York: Guilford Press.
- Aziz, D. (2010). *Wacana peradaban Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlina, A. & Jamaluddin, A. (2013). Mencabar ideologi maskulin: Wanita dan saka dalam filem seram di Malaysia. *Jurnal Komunikasi UKM, Jilid 29 (1)* 113-126.
- Azlina, A, Jamaluddin, A., & Sabariah, M.S. (2017). Susuk, wanita dan abjection dalam filem seram kontemporari melayu. *Jurnal Komunikasi UKM, Jilid 33 (3)* 70-88.
- Azmawati, A. A., Mahyudin, A., Mustafa, K. A., Wang, L.K. (2015). *Antologi esei komunikasi. Teori, isu dan amalan*. Pulau Pinang: Penerbitan USM.
- Babbie, E. (2007). *The practice of social research*. (9th ed.). Belmont: Wadsworth Publishing Company.
- Badrul, R. A. H. & Faridah, I. (2012). Membangun ‘sinema sikap’: Memproblematis hubungan kekuasaan melayu-tionghua dalam mukhsin. *Jurnal Komunikasi, 27(2)* 137-160.
- Baran J. S. & Davis K. D. (2012). *Mass communication theory, foundations, ferment and future*. (6th ed.). Australia: Wadsworth.
- Barker, C. (2012). *Cultural studies theory and practice*. (4th ed.). London: Sage Publication.
- Berg Bruce L. (2011). *Qualitative research methods for the social sciences*. (8th ed.). United States: Allyn and Bacon.

- Berger, Arthur Asa. (2013). *Media and communication research methods. An introduction to qualitative and quantitative approaches*. (3rd ed.). London: Sage Publications.
- Bordwell, D. & Thompson, K. (2016). *Film art an introduction*. (9th ed.). USA: McGrawHill.
- Casetti, F. (1999). *Theories of cinema 1945-1995*. Translated by Francesca Chiastic and Elizabeth Gard Bartolini-Salimbeni. United State: University of Texas Press.
- Cashin, A. J. (2003). A hermeneutic phenomenological study of the lived experience of parenting a child with autism. *PhD Thesis*. Sydney: University of Technology.
- Chessebro, J. W. & Borisof, D. J. (2007). What makes qualitative research qualitative? *Qualitative Research Reports in Communication*, 8(1), 3-14.
- Christiany, J. (2015). Gender dan seksualiti dalam konstruksi media massa, balai besar pengkajian dan pengembangan komunikasi dan informatika (BBPPKI). *Makasar Kementerian Komunikasi dan Informatika RI. Vol. 1(1)* 351-369.
- Clarke, V, and Braun, V. (2013). *Teaching thematic analysis: Over-coming challenges and developing strategies for effective learning*. The Psychologist publisher. United Kingdom: University of the West England.
- Conger, J. (1998). Qualitative research as the cornerstone methodology for understanding leadership. *Leadership Quarterly*, 9 (1): 107-121.
- Corbin, J & Strauss, A. (2015). *Basic of qualitative research*. (4th ed.). California: Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2015). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. SAGE Publications.
- Crossley, N. (2005). *Key concepts in critical social theory*. London: Sage Publications.

Curtin, P. A., & Gaither, T. K. (2015). Contested Notions of Issue Identity in International Public Relations: A Case Study. *Journal of Public Relations Research*, 18(1), 67-89. doi:10.1207/s1532754xjpr1801_4

Downe-Wamboldt B. (1992) Content analysis: Method, applications and issues. *Health Care for Women International* 13, 313– 321.

Du, G. P. (1997). *Doing cultural studies: The story of the Sony Walkman*. London: Sage, in association with the Open University.

Dyer, R. (2009). *Media studies: a reader*. (2nd ed.). London: Edinburgh University Press.

Eagleton, T. (1991). *Ideology: An introduction British library congress*. London: Routledge Publication.

Easthope, A. (2014). *Contemporary film theory*. London: Routledge Publication.

Elizatul, N. (2016). Representasi watak wanita dalam karya sastra melayu moden berdasarkan kerangka taklif. *Tesis Master tidak diterbitkan*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Eng, L.O. (2010). *Novel terpilih Shahnnon Ahmad: Satu kajian pendekatan gender*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ezah, A. F. & Che Ibrahim, S. (2015). Pemikiran melayu dalam cerita lipur lara. *Journal of Business and Social Development*, 3 (2), 63-79.

Fadlullah, J. (2007). *Islam di Asia Barat Moden Pergolakan dan Penjajahan*. Pulau Pinang: USM Publication.

- Fatimah M. S. & Nur Afifah V. A. (2016). Ruang masa dan sebab akibat dalam naratif filem animasi geng pengembaraan bermula. *Jurnal Melayu*, 15 (2), 238-249.
- Fatimi H., Zulkanain A. R., Arbaiyah M. N. & Mohd, R. (2016). 'Hak asasi manusia dan penglibatan wanita dalam politik di Malaysia'. *Jurnal Al-Tamaddun*, 11 (1), 17-33.
- Foo, T. T. (2004). Managing the content of Malaysian television drama: Producers, gatekeepers and the Barisan Nasional government. *Unpublished doctoral dissertation*. Ohio: Ohio University.
- Fowler Brigit (1999). Pierre Bourdieu's sociological theory of culture. *Jurnal Volume* 2.
- Gauntlett, D. (2008). *Media, gender and identity an introduction*. (2nd ed.). New York: Routledge Publication
- Ghazali, A. (2008). Pemikiran melayu dalam filem Malaysia abad ke-21. *Jurnal Melayu*. 3, 179-218.
- Ghazali, M. R. (2011). *Membangun pemikiran Islam dalam menghadapi cabaran zaman*. Negeri Sembilan: Penerbitan USIM.
- Gianetti, L. (2013). *Understanding movies*. (13th ed.). Boston: Pearson.
- Glesne, C. (2011). *Becoming qualitative researchers an introduction*. (4th ed.). Boston: Pearson.
- Goonasekara, A. (2003). *Cultural Rights in a Global World*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Gray, G. T. (2015). Being modern, malay, and muslim in the movies. *ASIAN Network Exchange Journal*, 22(2), 49-58.

Groenwald, T. (2004). A phenomenological research design illustrated. *International Journal of Qualitative Methods*. 3 (1) 1-27.

Gunter, B. (1995). *Television and gender representation*. England: John Libbley Publications.

Halim, A. (2007). Representasi perempuan dalam pers. *Jurnal Komunikasi Massa*, Vol. 1 Juli 2007 8 17.

Hall, S. (1997). *Representation: Cultural Representations and Signifying Practices*. SAGE.

Hamidi, S., Kalthum, H. & Nizar, M.Z. (2016) *Kesederhanaan Ke Arah Perpaduan Kaum Di Malaysia*. Johor Bharu: Penerbitan UTHM.

Hamed, M.A. & Rahman, S. (2006). *Media di Malaysia mendukung citra bangsa*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Hamsan, M. (2004). *Pengarahan dan sinematografi P. Ramlee dan Hussein Haniff*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Hani, S. Y., Wan Amizah, W. M. & Mohd Shahizan, A. (2016). Filem seram tempatan: Menelusuri perubahan kepercayaan masyarakat Melayu. *Jurnal Forum Komunikasi*, Vol. 11(2), 65-86.

Hariyadi (2013). Finding Islam in cinema: Islamic films and the identity of Indonesian muslim youths. *Journal Al-Jami'ah*. Vol. 51. No. 2 (444-473).

Haron, D. (2010). *Manusia dan Islam jilid dua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hayward, S. (2012). *Cinema studies key concepts*. (2nd ed.). London: Routledge Publication.

Hefner, N. J. (2007). Women and the veil post-Soeharto Indonesia. *The Journal of Asian Studies, Association for Asian Studies* Vol.66 No. 2.

- Higson, A. (2002). 'National identity and the media' in *The media: An introduction*. In Briggs Adam & Cobley Paul, Pearson (Ed). United Kingdom.
- Hizral, T. H. (2015). Cabaran industri filem melayu, pandangan penggiat industri dan penonton. *Tesis tidak diterbitkan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hocking John, E, Stacks Don, W. & McDermott Stevent, T. (2003). *Communication research*. (3rd ed.). United States: Adison.
- Holmberg Carl, B. (1998). *Sexualities and popular culture*. London: Sage Publications.
- Inglis, F. (1990). *Media theory: An introduction*. Oxford, UK: B. Blackwell.
- Izhar Ariff, M.K. Ezad, A. J. Zulfazdlee, A. H. Al-Adib, S. & Salmy, E. Y. (2012). Penentuan ciri negara Islam menurut pemikiran empat mazhab fiqah. *Jurnal Hadhari*, 4 (2), 89-106. Retrieved from <http://www.ukm.my/jhadhari/index.php/bm/isu-semasa>.
- Jackson, W. (2002). *Mehtods doing social research*. (3rd ed.). Canada: Prentice Hall.
- Jamaluddin, A., Hasrul, H. & Faridah, I. (2014). Malaysian film industry in transformation: Challengers and potential. *Malaysian Journal of Communication*, Vol. 30 (1) 37-51.
- Jan, S. (2008). The crescent rising over nusantara discourse of re-islamization in Thompson, J. B. (2013). *Media and Modernity: A Social Theory of the Media*. John Wiley & Sons. Malaysia and Indonesia. *Internationale's Asian Forum*, Vol. 39 No 3-4, International Quarterly for Asian Studies.
- Jasmi, K.A. (2012). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, Puteri Resort Melaka pada 28-29 Mac 2012.
- Juliana, A. W., & Mahyuddin, A. (2009). Filem box office dan ideologi: Satu kajian terhadap filem-filem terpilih di Malaysia. *Journal of Arts Discourse*, Jil./Vol. 8.

Karthigesu, R. & Tan Kim Bee, M. (2008). *Pengekalan nilai-nilai dominan masyarakat melalui estetika filem: Kajian dua buah filem*. In Azizah Hamzah & Abdul Manaf Saad (Ed). Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Kathleen, K. (2006). Transformation of the concept of ideology in the twentieth century.
American Political Science Review, Vol. 100. No. 4 (619-625).

Kennedy, X.J. Gioia, D. & Bauerlein, M. (2013). *Handbook of literary terms. Literature, language theory*. (3rd ed.). California: Pearson Publication.

Khatab, S. & Bouma, G. D. (2015). *Democracy in Islam*. London: Routledge Publication.

Khoo, C. G. (2011). *Reclaiming adat: Contemporary Malaysian film and literature*. Vancouver: UBC Press.

Kolker, R. P. (2015). *Film, form and culture*. (4th rev ed.). London: Routledge Publication.

Kristeva, J. (1983). *Strangers to Ourselves*. Columbia University Press.

L. Paul & W. Tim (2012). *Media studies. texts, production, context*. (2nd ed.). London: Routledge Publication.

Lapsley, R. & Westlake, M. (2013). *Film theory an introduction*. (2nd rev ed.). England: Manchester University Press.

Laurent, M. L. (2007). *Nilai-nilai melayu satu sudut pandangan orang luar*. Perak: Penerbitan UPSI.

Lee, J. C. (2012). *Policing Sexuality: Sex, Society, and the State*. Zed Books.

Lee, J. C. H. (2011). *Policing sexuality: sex, society, and the state*. Selangor: Strategic

- Leve, J. D. (2012). *Circuits of Culture: Media, Politics, and Indigenous Identity in the Andes*. University of Minnesota Press.
- Lim Kim Hui & Har Wai Mun (2007). *Globalisasi media dan budaya, antara hegemoni barat dengan kebangkitan asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lukman, H. (2013). Arus baru feminisme Islam Indonesia dalam film religi. *Jurnal Komunikasi Islam*. Vol. 3(2), 250-267.
- Mauzy, D. K. (2002). *Malaysian Politics Under Mahathir*.
doi:10.4324/9780203006221
- Milne, R. S., & Mauzy, D. K. (1991). *Malaysia: Tradition, Modernity, and Islam*. *Pacific Affairs*, 60(4), 708. doi:10.2307/2759227
- Meldina, A. (2015). Representasi kecantikan wanita dalam filem “200 pounds beauty” karya Kim Young Hwa. Samarinda: *Jurnal Universitas Mulawarman*. Vol. 3(4) 320-332.
- Mahyuddin, A. (2009). Desirable objects: women in P.Ramlee’s melodrama in *Communication and Media Studies in ASEAN Bridge to New Frontiers*. In Umi Khattab & Faridah Ibrahim (Eds). Bangi: Penerbitan UKM.
- Mahyuddin, A. (2011). Between desire and hope: Ethnic relations and the nation of bangsa Malaysia in gadoh. *Jurnal Kajian Malaysia*, Vol. 29 (1), 75-90.
- Marris, P. & Thornham, S. (2004). *Media studies a reader*. (2nd Ed.). USA: New York University Press.
- Mashitah, S. (2013). Islam dan transformasi sosial masyarakat melayu Malaysia: Suatu kajian eksploratori. *Proceeding of International Conference of Social Research ICSSR* (778-800). Penang.

- Maya Khemlani, D., McLellan, J., Ngeow Yeok Meng, Lean Mei Li & Wendy Mei Tien (2010). *Ethnic relations and nation building the way forward*. Selangor: SIRD Publication.
- Mayring, P. (2014). *Qualitative content analysis: Theoretical foundation, basic procedures and software solution*. Klagensfurt: Monograph Primary Publication.
- McQuail, D. (2013). *Mcquail's mass communication theory*. London: Sage Publications.
- Meriam Sharan, B. (1998). *Qualitative research and case study application in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publication.
- Mohd Nakhaei Ahmad. 2003. Masyarakat Islam Hadari. Kuala Lumpur: YADIM.
- Mohamad Daud, M. & Zabidah, Y. (2007). *Paskakolonialisme dalam pemikiran melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Azizudin, M.S. (2010). The politics of islam Hadhari and ethnic relations in Malaysia, in *Ethnic Relations and Nation Building, The Way Forward*. In Maya Khemlani, James McLellan, Ngeow Yeok Meng, Lean Mei Li & Wendy Yee Mei Tien (Eds). Selangor: SIRD Publication.
- Mohd Daly, D., Nursyamimi, H. & Md Rozalfari, J. (2015). Isu-isu penulisan skrip: Masalah yang memerlukan penyelesaian. *Journal of Management and Muamalah*. Vol. 5(2), 43-54.
- Mohd, I. & Mohamed, H. (2005). Islam dan demokrasi: Cabaran politik muslim di Malaysia dan Indonesia. *Journal of Southeast Asian Studies*. 10(1), 9-25.
- Mohd Izani, M. Z. (2014). From islamist to muslim democrat: The present phenomenon of muslim politics in Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*. Vol. 6(12), 37-45.
- Mohd Muzhafar, Ruzy & Raihanah. (2014). Imagining alternative modernity: Negotiating islamic-ness and malay-ness on popular tv fiction. *Asian Economic and Financial Review*, 4 (12), 1798-1811.

- Mohd, N.A. (2004). *Islam dari perspektif ketamadunan*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyyah.
- Mohd, Y.H. (2006). *Media and muslim society*. Malaysia: IIUM Publication.
- Monika, A.R., Siti Khadijah, R. & Nik Mohd Zaim, A.R. (2017). Pengaruh filem terhadap akidah muslim: Analisis unsur-unsur syirik dalam tiga filem seram. *Islamiyyat the International Journal of Islamic Studies*. Vol. 39 (2), 474-483.
- Muhaimin, S. (2012). *Mat indera: Petualang atau pejuang*. Kuala Lumpur: Jundi Publication.
- Murarrrie, W.K. (2009). Habitus and the practical logic of practice: An interpretation. *Journal of Sociology*, Vo. 38(2) 369-387.
- Mustafa, K. A. (2005). Politics and the media in Malaysia. *Philipine Journal of Third World Studies*, Vol. 20(1), 20-47.
- Naim, A. (2011). *Filem Islam: Satu pembicaraan*. Selangor: Uni-N Production.
- Nazri, M. & Ahmad, H. B. (2012). Islam dalam perlembagaan persekutuan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Bil. 20*, 115-129.
- Nelmes, J. (2012). *Introduction to film studies*. Oxon: Routledge Publication.
- Ngoh, S. S. & Harith, B. (2015). Pemaparan kepelbagaian budaya dan agama dalam filem muallaf arahan Yasmin Ahmad. *Jurnal Wacana Seni, Jil. 14*, 111-145.
- Noor Aida, M. & Nasihah, H. (2015). Citra wanita melayu dalam cerita animasi kanak-kanak upin dan ipin. *Journal of Education and Social Science*, 2(10), 137-149.
- Normazla, A. M. & Harison, M. S. (2011). Images of Malay Women in Shahnnon Ahad's Selected Works. *Journal of Ulum Islamiyyah*, 6(11). USIM.
- Nur Nafishah, A. (2015). Watak wirawati unggul dalam filem melayu: Kajian kes Tsu

Feh Sofiah (1986), Fenomena (1990), dan Perempuan Melayu Terakhir (1999). *Tesis Master tidak diterbitkan*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.

Nurrul Ezzati, M.Z., Che Su, M. & Noer Doddy, I. (2014). Visualizing islamic law and values in semerah padi (1956): P. ramlee as cinematographic auteur. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 155, 341 – 347.

Nurzihan, H. (2017). Globalizing the hijab: A Malaysian perspective. *Paper Presented at i-Come 2016*. Malaysia: Istana Hotel Kuala Lumpur.

Omar, L. (2009). *The cognitive origins of Bourdieu's Habitus*. USA: University of Arizona Publication.

Othman, L. (2009). *Penyelidikan kualitatif: pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim: Penerbitan UPSI.

Ott, B. L., & Mack, R. L. (2014). *Critical media studies: An introduction*. (3rd ed.). John Wiley & Sons.

Paramaditha, I. & Christiany, J. (2015). Gender dan seksualitas dalam konstruksi media massa. *Jurnal Simbolika*. Vol.1 (1), 6-14.

Paramaditha, I. & Lee, Y.L. (2014). Representasi kekuatan, kecerdasan, dan cita rasa perempuan: Analisis wacana pada film “Iron Lady”. *Jurnal Humaniora*. Vol. 5(1), 28-38.

Paramaditha, Intan. (2014). *The wild child's desire: Cinema, sexual politics, and the experimental nation in Post-Authoritarian Indonesia*.

Paramaditha, Intan. (2012). *Cinema, sexuality and censorship in post-suharto Indonesia* in Southeast Asian Independent Cinema: Essay, Document and Interviews edited by Tillman Baumgarrel. Hong Kong: HK University Press.

Patrick, P. (2000). *Genre, star and auteur-critical approaches to hollywood cinema*. (2nd ed.). New York: Routledge Publication.

Pickering, M. (2008). *Research method for cultural studies*. London: Edinburgh University Press.

Prince, S. (2007). *Movies and meaning*. (4th ed.). New York: Pearson.

Puri-Kim J., & Kim, H. S. (2005). Conceptualizing gender-sexuality-state-nation: An introduction. *Gender and Society, Vol. 19*, No. 2. London: Sage Publication.

Rahim, N. A., Halim, H. A., & Mamat, R. (2014). Learning via Television Cartoon. *Asian Social Science, 10(15)*. doi:10.5539/ass.v10n15p8

Rahman, M., Kamaruddin, S. Sunawari, L. & Faudzinaim, B. (2009). Penerimaan bukan islam terhadap proses islamisasi di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 2, 33-51.

Roger, L. J. (2001). Adolescent Sexuality and the Media. *Adolescents, Media, and the Law, 117-144*. doi:10.1093/acprof:oso/9780195320442.003.0005

Rosmawati, M. R. & Azimah, M. (2016). Analisis elemen patuh syariah dalam filem kasih the movie (2011) berdasarkan teori filem ar-risalah. *Jurnal Komunikasi, 32(1)*, 1-21.

Rosmawati, M. R. & Md Rozalfari, J. (2009). Cabaran penerapan dakwah di dalam filem melayu di Malaysia: Analisis kandungan filem semerah padi. *Pembentangan Kertas Kerja Seminar Kebangsaan dan Pemikiran Islam 2009 (MIST 09) USIM* 21-22 Julai 2009. Bangi, Selangor, Malaysia.

Rosmawati, M.R., Mohd Salleh, H., Mohd Nizam, O. & Muhamad Sham, S. A. (2011). Film as a medium of communication for da'wah: Analysis of religious in selected malay films. *Islamiyyat the International Journal of Islamic Studies, 33(3)*, 67-76.

- Rustam, A. S. (2011). *Social roots of the malay left: An analysis of the kesatuan melayu muda*. Selangor: SIRD Publication.
- Ruzy, S. (2006). Meniti duri dan ranjau: Pembikinan gender dan seksualiti dalam konteks dunia melayu. *Jurnal Sari* 24, 15-34.
- Saodah, W. Nor Faridah, A.M. & Rizalawati, I. (2014). Perception, attitude and impact change after watching faith-based films: A comparative study. *International Conference on Humanities and Social Sciences (ICHiSS 2014)*.
- Shamsul, A. B. (2007). *Budaya yang tercabar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul, A. B. & Ahmad, F. (2006). Making sense of malay sexuality: An exploration. *Jurnal Sari* (24) 59-72.
- Shamsudin, O., Azhar, M. S. & Ghazali, L. (2015). Pemikiran akal budi dan sosiobudaya melayu dalam pendidikan kesusasteraan melayu. *International Journal of Education and Training, Vol. 1* (2) 1-10.
- Simpson, P., Utterson, A., & Shepherdson, K. J. (2004). *Film theory: Critical concepts in media and cultural studies*. London: Routledge Publication.
- Snyder-Duch, J. & Bracken, C. C. (2002). Content analysis in mass communication: assessment and reporting of intercoder reliability. *Journal of Human Communication Research. Vol. 28*(4). 587-604.
- Sotirios, B. (2015). Female action hero vs male dominance: The female representation in mad max fury road. *Journal of Ankara. 55*(2) 205-218.
- Stam, R. (2000). *Film theory an introduction*. USA: Blackwell Publisher.
- Steinert, H. Translated by Sally-Ann, S. (2003). *Culture industry*. London: Blackwell Publication.

Storey J. (2014). *Cultural theory and popular culture an introduction* (6th ed.). England: Pearson Education.

Strinati, D. (2000). *An introduction to studying popular culture*. London: Routledge Publication.

Suhadan, A. & Salmah, J. (2016). Perhubungan gender dalam masyarakat tradisional berdasarkan hikayat pattani. *Journal of Business and Social Development*, Vol. 4 (2) 25-47.

Suria Hani A. Rahman, Mazni Buyong, Mohd Faizal Kasmani & Noor Adzrah Ramle. (2010). Religious theme in film. In Mazni Buyong, Nur Kareelawati Abd Karim, Sofia Hayati Yusoff & Suria Hani A. Rahman (Eds.). *Portrayal of Islam in the media*. Nilai, Selangor: USIM, pp. 182-190

Syed Ali, H. (2004). *Ethnic Relations in Malaysia: Harmony and Conflict*. Selangor: SIRD Publication

Taquiddin, A.N. (1999). *The social system in islam, hizb ut-tahrir*. (3rd ed.). London: Al-Khalifah Publication.

Thompson, J. B. (2013). *Media and Modernity: A Social Theory of the Media*. John Wiley & Sons.

Todorov, T. (1977). *The Fantastic: A Structural Approach to a Literary Genre*. Cornell University Press.

Turner, G. (2005). *Film as social practice* (4th ed.). London: Routledge Publication.

Vaismoradi M., Turunen H., and Teresa B., (2013). Content analysis and thematic analysis: Implications for conducting a qualitative descriptive study. *Journal Vol.15*, Nursing and Health Science.

Wan Amizah, W.M., Chang Peng, K. & Jamaluddin, A. (2009). Film censorship in

Malaysia: Sanctions of religious, cultural and moral values. *Malaysian Journal of Communication*, Vol. 25 (42-49).

Wan Mohd Nor, W. D. (2006). *Masyarakat islam hadhari: Satu tinjauan epistemologi dan kependidikan kearah penyatuan pemikiran bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Nik, W. Y. & Asma', H. S. (2006). *Satu kritikan terhadap Islam Hadhari*. Selangor: PASD Publication.

Wan, S., Dzul, H., & Rahman. (2013). Study on the Malaysian islamic visual art: the contemporary view. *International Journal of Education and Research*. Vol: 1, (hlm. 1-8).

Weiss, C. (2001). Pierre Affre, sculpteur toulousain du XVIIe siècle: aspects méconnus de sa vie. *Dix-septième siècle*, 211(2), 215. doi:10.3917/dss.012.0215

Yan Piaw, C. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan*. Malaysia: Mcgraw Hill.

Yilmaz, M. & Kirazolugu, O. (2014). The effect of dominant ideology on media: The Syria case. *The European Journal of Social & Behavioural Sciences*, 2. Retrieved from <http://www.futureacademy.org.uk>.

Zaitul Azma, Z. H & Ahmad Fuad, M. H. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 31, Volume 11(3), 31-51.

Zorin, A. (2001). Ideology, semiotics, and clifford geertz: Some Russian reflections. *Journal History and Theory*. USA: Wesleyan University.

LAMPIRAN

Lampiran 1

Draft Soalan TemuBual Mendalam.

1. Bagaimana Tuan melihat senario penerbitan filem yang berlatarkan cerita-cerita yang berkait rapat dengan Islam di Malaysia? Dari segi kekuatan filem tersebut menggambarkan tentang Malaysia sebagai sebuah negara Islam?
2. Boleh dikatakan setiap filem yang terhasil di Malaysia tidak dapat dipisahkan dari menggambarkan tentang identiti (budaya, agama, ideologi, gagasan dari pihak kerajaan) di Malaysia. Apa pandangan dan Pengalaman Tuan?
3. Apakah persoalan yang dinyatakan sebentar tadi mempunyai perkaitan yang rapat sebagai contoh, polisi dari pihak kerajaan dengan apa yang akan berlaku dalam aktiviti pengarah filem? ~~Merujuk kepada penerapan Islam oleh pihak kerajaan di Malaysia seperti Islam Hadhari.~~
4. ~~Bagaimana penerapan Islam ini diterima oleh tuan dalam aktiviti mengarah filem? Boleh tuan nyatakan berdasarkan filem yang pernah diarahkan?~~
- 5.a. Dalam mengarah beberapa filem maka sudah tentu tuan akan berhadapan dengan aktiviti memaparkan watak terutamanya watak wanita dalam cerita. Bagaimana tuan melihat isu watak dalam pengarah filem dengan suasana penerapan Islam oleh pihak kerajaan? 5.b. Pada pandangan tuan adakah perlu pengarah filem mengikut agenda pihak kerajaan?
6. Boleh tuan nyatakan pengalaman dalam memberi pandangan berkenaan soalan 5.b?
7. Apaka elemen-elemen yang cuba tuan ketengahkan dalam memaparkan watak wanita dalam soal penyesuaian dengan penerapan agenda Islam seperti Islam Hadhari dalam filem-filem yang pernah diarahkan? 7.b Boleh tuan kemukakan karya tuan yang dapat dijadikan contoh?
8. Pandangan tuan, adakah filem harus menyerapkan agenda Islam yang ditekankan oleh sistem pemeritahan negara sebagai contoh penerapan Islam Hadhari suatu masa dahulu atau filem bebas dari sebarang agenda tersebut.

Lampiran 2

Soalan Temu Bual Mendalam

1. Bagaimana Tuan melihat senario penerbitan filem yang berlatarkan cerita-cerita yang berkait rapat dengan Islam di Malaysia? Apakah aspek kekuatan filem tersebut dalam menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam?
2. Apakah pandangan tuan apabila kita bicarakan setiap filem yang terhasil di Malaysia tidak dapat dipisahkan dari menggambarkan tentang identiti (budaya, agama, ideologi, gagasan dari pihak kerajaan) di Malaysia.
3. Apakah persoalan yang dinyatakan sebentar tadi mempunyai perkaitan yang rapat sebagai contoh, polisi dari pihak kerajaan dengan apa yang akan berlaku dalam aktiviti pengarah filem?
4. Apakah aspek keislaman yang tuan rasakan relevan dengan karya filem tuan?
5. Dalam mengarah beberapa filem maka sudah tentu tuan akan berhadapan dengan aktiviti memaparkan watak terutamanya watak wanita dalam cerita. Bagaimana tuan melihat isu watak dalam pengarah filem dengan suasana penerapan Islam oleh pihak kerajaan?
 - 5.a. Pada pandangan tuan adakah perlu pengarah filem mengikut Ketetapan/garis panduan kementerian.
6. Boleh tuan nyatakan pengalaman dalam memberi pandangan berkenaan soalan 5.a?
7. Apakah elemen-elemen yang cuba tuan ketengahkan dalam memaparkan watak wanita dalam soal penyesuaian dengan penerapan agenda Islam seperti Islam Hadhari dalam filem-filem yang pernah diarahkan?
 - 7a Boleh tuan kemukakan karya tuan yang dapat dijadikan contoh?
8. Pandangan tuan, adakah filem harus menyerapkan agenda Islam yang ditekankan oleh sistem pemerintahan negara sebagai contoh penerapan Islam Hadhari suatu masa dahulu atau filem bebas dari sebarang agenda tersebut.

Lampiran 3

Soalan Tambahan (Pembetulan Viva)

1. Boleh tuan jelaskan proses permulaan produksi sesebuah cerita yang diarahkan? Bagaimana cerita dan watak digarapkan untuk membentuk sebuah filem yang dihasilkan oleh tuan?
 - 1a. Adakah terdapat sebarang campur tangan dari pihak-pihak tertentu ketika mengarah filem yang dihasilkan?
2. Bagaimana tuan membangunkan watak terutamanya watak wanita didalam sesebuah cerita?
 - 2a. Apakah cabaran yang wujud dalam membina watak yang berkait rapat dengan identiti agama Islam dalam filem tuan?
3. Apakah sebarang pembinaan watak dalam filem tuan berkait rapat dengan identiti bangsa dan agama tuan?
 - 3a. boleh jelaskan berserta contoh yang sesuai, identiti yang memberi kekuatan dalam cerita tuan bagi melambangkan persoalan bangsa dan agama dalam karya tuan?
4. Apakah terdapat kekangan atau kawalan dalam menentukan sebarang karya dan perwatakan dalam filem yang diterbitkan?
 - 4a. Adakah kekangan dan kawalan ini memberi kesan atau mempengaruhi sebarang pemaparan didalam karya yang dihasilkan?
5. Apakah pemaparan watak yang dihasilkan menepati suasana serta persekitaran sistem sosial masyarakat di Malaysia?
 - 5a. Bagaimanakah tuan melihat pemaparan karya tuan? Adakah mencerminkan persoalan identiti keagamaan atau bangsa? Boleh kemukakan contoh?